



جurnal
ماربawi

JURNAL MARBAWI

PENDIDIKAN ISLAM • PENGAJIAN ISLAM • BAHASA ARAB



JILID 1/2022
eISSN 2976-2936



INSTITUT PENDIDIKAN CIBUD
KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM

Diterbitkan oleh :
IPG Kampus Pendidikan Islam
Beg Berkunci No. 214, Pusat Mel Bandar Baru Bangi
43657 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan



مَرْبَawi

JURNAL MARBAWI

PENDIDIKAN ISLAM • PENGAJIAN ISLAM • BAHASA ARAB

MARBAWI

IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM JILID 1, 2022

**KECEMERLANGAN DALAM PENYELIDIKAN DAN
INOVASI BERIMPAK TINGGI**

Diterbitkan oleh



**Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi
IPG Kampus Pendidikan Islam,
Beg Berkunci No.214, Pusat Mel Bandar Baru Bangi,
43657 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.**

Marbawi
IPG Kampus Pendidikan Islam

Cetakan Pertama 2022

© Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi
Beg Berkunci No.214, Pusat Mel Bandar Baru Bangi 43657 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-89250352, <http://ipgkpi.moe.edu.my>

© Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian daripada jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki, atau disiarkan dalam apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam.

MARBAWI
Jilid 1, 2022 : IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi
Tema : Kecemerlangan dalam Penyelidikan dan Inovasi
Berimpak Tinggi
eISSN 2976-2936

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi
IPG Kampus Pendidikan Islam
Beg Berkunci No.214
Pusat Mel Bandar Baru Bangi 43657
Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan.

Dicetak di Malaysia oleh:

Giga Wise Network Sdn. Bhd.
74, Jalan Kapar 27/89
Megah Industrial Park Seksyen 7
40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
Senarai Kandungan	v
Pemberitahuan	vi
<i>Notification</i>	vii
Sidang Editor	xi
 Kerangka Taksonomi Kerohanian Fikir-Zikir : Satu Penelitian Awal <i>Noor Hisham Md Nawi, Ph.D.</i>	1
 Pengetahuan Spiritual Dan Pengaruhnya Terhadap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah <i>Ainon binti Wazir, Ph.D</i>	13
 Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Secara dalam Talian dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam KUIS <i>Dayang Syafienna binti Hasan, Kamarulnizam bin Sani, Ph.D</i>	25
 Tahap Taksonomi Pemikiran Kritis dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam <i>Aminurrashid bin Ahmad Dahari, Ph.D, Asmawati binti Suhid, Ph.D, Fathiyah binti Mohd Fakhrudin, Ph.D, Rozita@Roziah binti Said, Ph.D</i>	35
 Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam KUIS <i>Atikah binti Mohd Jusoh, Kamarulnizam bin Sani, Ph.D</i>	49
 Pelan Kecemerlangan Hafazan Al-Quran Individu Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia <i>Hajarul Bahti binti Zakaria, Ph.D, Norshidah binti Mohd Salleh, Ph.D, Mohd Huzairi bin Awang@Husain, Ph.D.</i>	61
 Kompetensi Pengamalan IHES Guru Berprestasi Cemerlang di SRAI JAIS <i>Kamarulnizam bin Sani, Ph.D,Zetty Nurzuliana binti Rashed,Ph.D, Norziah binti Othman,Ph.D, Hamdi bin Ishak, Ph.D.</i>	72
 Tahap Kefahaman Guru Pelatih KUIS Terhadap Konsep Kolaboratif, Pemikiran Kritis, dan Komunikasi Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 <i>Inas Tasnim binti Roslan, Kamarulnizam bin Sani, Ph.D</i>	82
 Analisis Hukum Solat <i>Ihda'</i> Dalam Kitab <i>Tarjuman Karangan</i> Kh. Abdul Hamid <i>Imamuddin, Abdul Karim bin Ali, Ph.D.</i>	93
 Karakter Al-Suyūṭīy Melalui Maqamatnya <i>Mohamad Faisal bin Kamis, Ph.D.</i>	112
 Pengintegrasian Ilmu Akidah Merentasi Kurikulum (AMK) oleh Guru-Guru Sains <i>Siti Zaleha binti Mat Kilau, Zetty Nurzuliana binti Rashed, Ph.D.</i>	127

Pemberitahuan

Jurnal MARBAWI merupakan salah sebuah jurnal Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Jurnal ini merupakan jurnal kedua yang diterbitkan di bawah kelolaan Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI). Jurnal ini menerbitkan artikel kertas konsep, penyelidikan dan perbincangan tentang isu-isu pendidikan dalam bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab dan diterbitkan secara tahunan. Pandangan yang terkandung dalam penerbitan ini tidak semestinya mencerminkan pendapat Sidang Editor. Dasar penyuntingan manuskrip adalah mengikut *Publication Manual of the American Psychological Association (APA)*. Oleh itu, manuskrip penulis perlu memenuhi panduan penulisan artikel APA sebagaimana berikut:

- Format dan gaya penulisan manuskrip yang telah disepakati, selaras dengan panduan Manual APA.
- Abstrak ditulis secara selaras dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mengikut susunan bahasa penulisan dalam manuskrip.
- Panjang abstrak tidak melebihi 150 patah perkataan dan sekurang-kurangnya tiga hingga lima kata kunci disenaraikan di bawah abstrak bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- Semua manuskrip ditaip pada kertas A4, langkau satu baris.
- Kandungan setiap manuskrip ditaip menggunakan Times New Roman, fon 10. Manakala jadual dan rajah menggunakan saiz 9.
- Manuskrip yang dihantar ke jurnal ini seharusnya tidak pernah diterbitkan dalam penerbitan lain atau dihantar untuk jurnal lain.
- Panjang manuskrip hendaklah antara 4000 hingga 5000 perkataan termasuk rujukan dan lampiran.
- Manuskrip dihantar dalam bentuk satu salinan bercetak (*hardcopy*) yang bermutu tinggi dan satu salinan *softcopy* dalam bentul emel kepada :

Sidang Editor,
 Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi,
 Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam,
 Beg Berkunci No.214, Pusat Mel Bandar Baru Bangi,
 43657 Bandar Baru Bangi, Selangor.
 Tel: 03-89250352 Fax: 03-89250781

Manuskrip yang diterima akan dihantar untuk penyemakan kepada editor yang dilantik berdasarkan kepada kepakaran masing-masing. Manuskrip yang tidak terpilih tidak akan dipulangkan kepada penulis. Penulis yang manuskripsnya dipilih untuk diterbitkan sebagai artikel akan dihubungi untuk membuat pembetulan berdasarkan saranan-saranan editor. Penulis hendaklah menghantar semula manuskrip yang telah diperbaiki kepada sidang editor dalam tempoh dua minggu. Penulis menghantar manuskrip kepada Ketua Editor setelah menyempurnakan penulisan dengan membuat pembetulan-pembetulan berdasarkan komentar editor. Manuskrip-manuskrip tersebut kemudianya melalui penilaian sepanjang tempoh dua minggu oleh pewasit/penilai yang dilantik, setelah itu dikembalikan kepada penulis untuk dibaiki berdasarkan teguran pewasit. Proses penerbitan dijalankan pada bulan November setelah kesemua proses *double review* dalam kalangan editor dan pewasit serta pembetulan selesai. Artikel yang gagal dikembalikan oleh penulis dengan pembetulan yang lengkap, tidak akan diterbitkan. Tiada sebarang bayaran kepada penyumbang artikel, editor dan pewasit tetapi kesemua pihak akan menerima sijil penghargaan dan berpeluang melayari laman web utama IPG KPI dengan carian enjin Koleksi Jurnal IPG KPI untuk akses kepada MARBAWI 2022.

Notification

The MARBAWI Journal is one of the Teacher Education Institute Islamic Education Campus journals. This journal is the second journal published under the management of the Department of Planning, Research and Innovation (JPPI). This journal publishes concept paper articles, research and discussion about educational issues in the field of Islamic Education and Arabic Language and is published annually. The views contained in this publication do not necessarily reflect the views of the Editorial Session. The manuscript editing policy is in accordance with the Publication Manual of the American Psychological Association (APA). Authors who wish to submit a manuscript must meet the following guidelines:

- *The format and style of the manuscript are in accordance with the APA Manual guidelines.*
- *The abstract is for harmony in Malay and English languages in order to write the manuscript. Each abstract should not exceed 150 words and at least three to five keywords listed under the abstract Malay and English.*
- *All manuscripts are typed on A4 paper, skipping one line. The contents of each manuscript are typed using Times New Roman, font 11, including tables and diagrams.*
- *Manuscripts sent to this journal should never have been published in other publications or sent to other journals.*
- *The length of the manuscript should be between 4000 and 5000 words including references and attachments.*
- *Manuscripts are sent in high-quality hardcopy and softcopy in email, to IPG Kampus Pendidikan Islam is an annual journal publication of Institute of Teacher Education, Islamic Education Campus. This journal publishes articles that are in the form of conceptual papers, book reviews, researchers and discussions on educational issues. The views in this publication are those of the authors and do not necessarily reflect that of the Editorial Board. The editorial policy of this journal follows the guidelines contained in the Publication Manual of the American Psychological Association (APA).*

Manuscripts pertaining to all aspects of teacher education are welcome. Contributors should adhere to the following guidelines:

- *The format and reporting style should be consistent with the Publication Manual of APA guidelines.*
- *Abstract should be written in both Malay and English languages in the order in which the manuscript is written. Each abstract should not exceed 150 words in length and at least five keywords are listed below each abstract.*
- *All manuscripts should be typed on A4-sized paper with single spacing. The content of each manuscript should be typed using Times New Roman, font 11, inclusive of tables and figures.*
- *Manuscripts submitted to this journal should not have been previously published in other publications or submitted to other journals.*
- *The length of each manuscript is between 4000 to 5000 words, including references and appendices.*
- *One clearly printed copy (hardcopy) and one softcopy (on CD) should be submitted to the Editorial Board at the following address:*

The Editorial Board

*Department of Planning, Research and Innovation
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
Beg Berkunci No.214, Pusat Mel Bandar Baru Bangi
43657 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Tel: 03-89250352 Fax: 03-89250781*

Manuscripts received will be sent for review. The Editorial Board will inform the authors of any required changes but manuscripts that are not considered for publication will not be sent back to their authors. Author whose manuscripts are selected for publication will be contacted to make corrections based on the editor's recommendations. The publication process will be carried out in November after all the double review processes among editors and referees and corrections were completed. Revised manuscripts must be returned to the Editorial Board within two weeks. Articles that failed to be returned by the author with complete corrections, will not be published. Contributors whose papers are accepted for publication, and editors will not be paid for copyright but they will receive a certificate of appreciation and able to access IPG Kampus Pendidikan Islam main website for MARBAWI 2022.

JURNAL MARBAWI
IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM

- | | |
|-----------|---|
| Penasihat | : <p>Dr Abdul Rahman bin Abdullah
 Pengarah
 Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Selangor.</p> <p>Dr. Norsita binti Ali
 Timbalan Pengarah
 Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Selangor.</p> |
|-----------|---|

SIDANG EDITOR

- | | |
|---------------------|--|
| Pengerusi | : <p>Dr Mohd Huzairi bin Awang@ Husain
 Ketua Jabatan
 Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi
 Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Selangor.</p> |
| Ketua Editor | : <p>Pn. Nur Aida binti Muhammad</p> |
| Pewasit | : <p>Prof. Madya Dr. Arifin bin Mamat (UIAM)
 Dr. Sri Andayani Mahdi Yusuf (Sekolah Tinggi Agama Islam Nusantara, Aceh)
 Dr. Fathiyah Mohd Fakhruddin (UPM)
 Dr. Norhisham bin Muhamad (UPSI)
 Dr. Haji Norakyairee Mohd Raus (USIM)
 Dr. Abu Zaki bin Ismail (KUIS)
 Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi binti Talib (Politeknik Nilai)
 Dr. Jefridin bin Pilus (IPGKPI)
 Dr. Paharuddin bin Arbain (IPGKPI)
 Dr. Engku Zarihan binti Engku Abdul Rahman (IPGKPI)
 Dr. Nor Kartina binti Tawang (IPGKPI)
 Dr. Farah Ilyani binti Zakaria (IPGKPI)</p> |
| Editor | : <p>Dr. Mohd. Nasri bin Abdullah (IPG Kampus Perempuan Melayu)
 Dr. Fatahiyah binti Elias (IPG Kampus Darul Aman)
 Dr. Bani Hidayat bin Mohd Shafie (IPGKPI)
 Dr. Aminur rashid bin Ahmad Dahari (IPGKPI)
 Dr. Irma Martiny binti Md Yasim (IPGKPI)
 Dr. Wan Sakiah binti Wan Ngah (IPGKPI)
 Pn. Akmar binti Aminuddin (IPGKPI)</p> |
| Pengurus Penerbitan | : <p>Pn. Nur Aida binti Muhammad</p> |
| Grafik & Teknikal | : <p>En. Mohd Yazari bin Subari</p> |
| Penerbit | : <p>Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi,
 IPG Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi, Selangor,
 Malaysia</p> |

Kerangka Taksonomi Kerohanian Fikir-Zikir : Satu Penelitian Awal

Noor Hisham bin Md Nawi, Ph.D
hisham@umk.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan

Abstrak

Ramai sarjana pendidikan Islam mengkritik Taksonomi Bloom atas kelemahannya tidak menyantuni domain kerohanian dan penekanannya yang berlebihan kepada aspek kognitif. Tujuan penulisan ini adalah untuk membina satu kerangka taksonomi kerohanian berasaskan gagasan pendidikan bersepadu. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan bersepadu kualitatif gabungan kaedah penyelidikan turath Islami dan kaedah deskriptif secara deduktif-induktif berteraskan pandangan alam Islam. Dapatan menunjukkan bahawa konsep pemikiran dan berfikir menurut pandangan alam Islam berbeza dengan Taksonomi Bloom kerana ia melibatkan peranan akal dan hati secara bersepadu. Berdasarkan kefahaman tersebut, sistem pendidikan Islam memerlukan taksonomi kerohanian yang menggabungkan konsep fikir-zikir secara bersepadu. Untuk membangunkan taksonomi tersebut, satu kerangka domain taksonomi kerohanian bagi pelajar muslim dibangunkan yang mengandungi enam konstruk dengan enam tahap beserta dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Kerangka ini hanyalah satu usaha awalan untuk mencapai matlamat yang lebih besar iaitu membantu pendidik melaksanakan gagasan pendidikan bersepadu yang berjaya mengharmonikan potensi intelektual dan kerohanian yang tepat berteraskan prinsip tauhid.

Kata kunci : Taksonomi, pemikiran bersepadu, domain kerohanian, fikir, zikir

Abstract

Many Islamic education scholars criticise Bloom's taxonomy for its weaknesses of not embracing the spiritual domain and its excessive emphasis on cognitive aspects. The purpose of this writing is to construct a framework of spiritual taxonomy based on the idea of integrated education. This study uses an integrated research approach that combines Islamic research methods and descriptive methods in/through a deductive-inductive means, based on the Islamic worldview. The findings show that the concept of thinking in Islam differs from those in Bloom's Taxonomy as it involves the role of the mind and heart in an integrated manner. Based on this understanding, the Islamic education system needs a spiritual taxonomy that incorporates the concept of "fikir-zikir" in its essence. In order to develop such a taxonomy, a framework of spiritual taxonomy for Muslim students was developed which contains six constructs with six levels along with its distinctive features. This framework is a preliminary effort to achieve the larger goal of helping educators implement the idea of integrated education that successfully harmonises intellectual and spiritual potential based on the principles of tauhid.

Keywords: *Taxonomy, integrative thinking, spiritual domain, thought, remembrance*

Sebahagian besar sistem pendidikan di seluruh dunia termasuk dunia Islam menggunakan Taksonomi Bloom meskipun banyak lagi taksonomi lain yang dibangunkan seperti Taksonomi Marzano, Taksonomi Solo, Taksonomi Dave dan lain-lain. Banyak bukti yang menunjukkan bahawa Taksonomi Bloom banyak membantu pendidik khususnya dalam aspek pengurusan

kurikulum dan mendapatkan penilaian dengan lebih tepat (Waterman, 2015). Ramai penyelidik bersetuju bahawa kategori taksonomi yang dibangunkan oleh Bloom sangat berguna sebagai satu rangka kerja untuk meneliti proses-proses pendidikan dan menganalisis peranannya. Walau bagaimanapun, Taksonomi Bloom sering dikritik dari pelbagai pihak sejak dari awal pembinaannya lagi. Meskipun Taksonomi Bloom telah melalui beberapa fasa semakan semula, ia masih dikritik oleh banyak pihak (Gueguen, 2016).

Dalam konteks epistemologi, penting bagi semua penuntut ilmu untuk mengetahui asal usul sesuatu ilmu. Siapakah yang memulakannya dan apakah keadaan yang menyebabkan lahirnya sesuatu ilmu. Pengetahuan tentang sejarah sesuatu ilmu akan membantu seseorang untuk memahami ilmu tersebut secara lebih mendalam dalam konteks yang tepat beserta dengan aliran faham yang melatarinya. Pembangun utama Taksonomi Bloom adalah Profesor Benjamin Samuel Bloom yang dianggap sebagai Bapa Reformasi Kurikulum Israel. Beliau adalah seorang psikologi dalam bidang pendidikan yang melakukan penelitian dan pengembangan mengenai kemampuan berfikir dalam proses pembelajaran. Beliau juga sebagai perunding dan aktivis antarabangsa dalam bidang pendidikan dan berjaya membuat perubahan besar dalam sistem pendidikan di India (Doughty, 2006). Latar belakang ini seharusnya menjadikan pengkaji muslim lebih objektif, berhati-hati tetapi tidak bias dan kritis.

Pernyataan Masalah

Taksonomi Bloom adalah umpama kitab suci dalam konteks pendidikan di Malaysia. Taksonomi Bloom digunakan di semua peringkat pendidikan dari yang paling rendah sehingga pusat pengajian tinggi. Taksonomi Bloom digunakan dalam penggubalan sesuatu kurikulum, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta aspek penilaian. Bahkan ia turut diaplikasikan secara meluas dalam pengajaran dan pendidikan Islam (Wan Ali Akbar et.al 2020). Secara sepintas lalu, taksonomi ini dilihat tidak bercanggah dengan pandangan alam Islam sehingga ia dimanfaatkan dalam tempoh masa yang lama tanpa sebarang semakan dan bantahan.

Di sebalik sambutan yang diterima secara meluas, Taksonomi Bloom telah dikritik oleh pelbagai pihak meskipun telah melalui beberapa semakan. Gueguen (2016) mengkritik Taksonomi Bloom tidak mempunyai pengelasan hierarki yang konsisten menyebabkan berlakunya pertindihan kategori dan struktur hierarki yang tidak harmoni. Brenda Sugrue (2002) turut mengkritik penggunaan Taksonomi Bloom yang tidak sesuai dengan sistem pendidikan terkini. Selain itu, ramai pengkaji yang mengkritik bahawa pandangan dan kefahaman yang berbeza tentang setiap aras menyebabkan penilaian yang berdasarkan aras kognitif taksonomi Bloom tidak dapat dibuktikan secara tepat (Marzano & Kendall, 2007; Pandora, 2014).

Di samping kritikan dari pakar pendidikan barat, para pemikir Muslim turut melihat Taksonomi Bloom mempunyai beberapa kelemahan dan tidak berupaya untuk memenuhi keperluan matlamat Pendidikan Islam yang meletakkan domain kerohanian sebagai satu komponen yang amat penting. Nursyahirah at el (2018) membahagikan kritikan terhadap Taksonomi Bloom kepada empat tema iaitu susunan hierarki, pengelasan struktur, kegunaan dan mencadangkan keperluan kepada taksonomi baharu. Manakala Suliswiyadi (2020) mengkritik Taksonomi Bloom dan mencadangkan taksonomi afektif yang baharu menurut perspektif al-Quran dengan memperkenalkan domain imani, Islami dan Ihsani. Noor Hisham (2020) turut mempersoalkan keupayaan Taksonomi Bloom untuk mencapai matlamat pendidikan Islam khusus objektif kerohanian yang menjadi matlamat utama kepada sebahagian besar kandungan pendidikan Islam. Kesemua isu-isu ini menjadikan Taksonomi Bloom tidak memadai dan memerlukan taksonomi pendidikan baharu yang lebih selari dengan ruh dan matlamat pendidikan Islam yang menyantuni aspek kognitif dan kerohanian secara bersepada dan seimbang.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah sebagaimana berikut:

1. Menganalisis konsep berfikir menurut perspektif Islam dan hubungannya dengan aspek kerohanian.
2. Membina kerangka taksonomi kerohanian berasaskan kerangka faham konsep pemikiran bersepadu.

Soalan Kajian

1. Apakah konsep berfikir menurut perspektif Islam dan hubungannya dengan aspek kerohanian?
2. Bagaimanakah bentuk kerangka taksonomi kerohanian berasaskan kerangka faham konsep pemikiran bersepadu?

Tinjauan Literatur

Taksonomi Pendidikan

Taksonomi berasal dari dua kata dalam bahasa Yunani, iaitu ‘*tassein*’ yang bermakna mengklasifikasi dan ‘*nomos*’ yang bererti aturan. Secara mudah taksonomi bermaksud hierarki klasifikasi berasaskan prinsip atau aturan tertentu. Taksonomi juga boleh difahami sebagai klasifikasi berhirarki dari sesuatu atau prinsip yang mendasari klasifikasi. Semua hal yang bergerak, sesuatu yang diam, tempat, kejadian termasuk kemampuan berfikir dapat di klasifikasikan menurut beberapa aturan atau skema taksonomi. Terma taksonomi banyak digunakan dalam bidang biologi yang merujuk kepada klasifikasi makhluk hidup yang teratur dan hierarki (Enghoff 2009). Dalam konteks Pendidikan, taksonomi banyak digunakan untuk mengklasifikasikan objektif pendidikan agar dapat merancang dan menilai objektif yang ditetapkan dalam program pengajian dengan lebih berkesan.

Taksonomi dalam pendidikan sering dikaitkan dengan tujuan dan objektif pendidikan, proses pengajaran dan pembelajaran serta aspek penilaian. Taksonomi tujuan pendidikan sangat penting untuk mencapai tujuan hasil pembelajaran yang terarah. Taksonomi tujuan pendidikan adalah sebuah kerangka acuan untuk mengelompokkan kompetensi yang diharapkan tercapai oleh pelajar sebagai kesan dari hasil sebuah pembelajaran. Taksonomi membantu para pendidik dapat mengetahui secara jelas dan pasti tentang tujuan dan bentuk pengajaran yang ingin dicapai sama ada bersifat kognitif, afektif atau psikomotor. Justeru, fungsi utama taksonomi adalah sebagai acuan untuk menganalisis tujuan pembelajaran, kesesuaian bahan ajar dengan tujuan yang ingin dicapai, kesesuaian tujuan dengan pentaksiran, serta kesesuaian bahan pengajaran dengan pentaksiran. Ragam perbezaan setiap tujuan yang ingin dicapai dalam kegiatan pembelajaran akan mempengaruhi model, metode dan pendekatan yang akan diterapkan. Oleh karena itu, taksonomi secara keseluruhan akan memberikan pelbagai warna dan irama dalam kegiatan di kelas (Waterman, 2015).

Terdapat pelbagai taksonomi dalam Pendidikan seperti Taksonomi Bloom, Taksonomi Marzano, Taksonomi Solo, Taksonomi Dave, Taksonomi Anderson dan lain-lain. Walau bagaimana pun, taksonomi yang paling berpengaruh dan paling banyak digunakan adalah Taksonomi Bloom. Taksonomi Bloom dibangunkan oleh Benjamin Samuel Bloom, seorang pakar dalam bidang psikologi pendidikan yang melakukan penyelidikan mengenai kemampuan berfikir dalam proses pembelajaran. Bagi Bloom (1964), taksonomi bermaksud satu set pengelasan yang disusun dan disesuaikan atas dasar yang konsisten. Taksonomi juga merupakan

sistem pengelasan objektif pendidikan yang didefinisikan dengan seberapa tepat yang mungkin serta disusun daripada konsep yang ringkas kepada yang kompleks. Susunan ini bertujuan untuk memudahkan guru untuk menentukan tahap penguasaan murid mereka.

Taksonomi Bloom

Bloom (1956) telah menyunting sebuah buku penting yang berjudul *Taxonomy of Educational Objectives Book 1 – Cognitive Domain* yang mencadangkan pengelasan objektif domain kognitif kepada enam komponen. Enam komponen ini adalah pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Enam komponen ini disusun berdasarkan hierarki daripada yang mudah kepada yang susah dan lebih dikenali sebagai Taksonomi Bloom. Taksonomi Bloom ini diaplikasikan secara meluas dalam dunia pendidikan di seluruh dunia. Di samping domain kognitif, taksonomi tersebut juga memberi perhatian kepada dia domain lain iaitu afektif dan psikomotor. Jika domain kognitif memberi penumpuan kepada aspek pemikiran yang melibatkan akal, domain afektif pula memfokuskan perasaan atau emosi, minat, sikap dan apresiasi serta nilai. Manakala domain psikomotor pula menekankan kemahiran otot dalam mengendalikan objek atau tindakan yang memerlukan koordinasi otot. Ahli psikologi berpendapat bahawa tidak ada satu objektif pendidikan pun yang mempunyai hanya satu jenis domain khusus. Jika kita menguji objektif kognitif, di dalamnya juga terdapat elemen afektif dan elemen psikomotor. Pembinaan ketiga-tiga domain ini hanya untuk memudahkan para pendidik memberikan penekanan terhadap domain yang paling dominan dalam sesuatu penilaian (Krathwohl, 2002)

Taksonomi Bloom telah disemak dan dikemaskini oleh Lorin Anderson bersama David Krathwohl untuk menambah baik taksonomi tersebut supaya sesuai dengan peredaran masa dan abad ke-21. Usaha ini telah berlangsung selama enam tahun dan akhirnya pada tahun 2001, mereka telah menerbitkan hasil penyelidikan yang mengutarkan perubahan dalam tiga kategori iaitu istilah, struktur dan penekanan (Forehand, 2004). Dengan perkembangan drastik dalam bidang pendidikan, taksonomi yang disemak semula menyediakan alat yang lebih sesuai untuk digunakan oleh guru-guru. Struktur yang baru memaparkan konsep yang menyeluruh dan jelas berkait dengan penyelarasian antara piawaian dan matlamat pendidikan, objektif, produk dan aktiviti (Krathwohl, 2002). Kekuatan terbesar taksonomi Bloom adalah kelebihannya dalam mengangkat isu yang sangat penting berkaitan dengan proses berfikir dan menempatkannya dalam sebuah struktur yang bermanfaat bagi para pendidik. Walau bagaimana pun, di samping sumbangannya yang besar, Taksonomi Bloom juga mempunyai beberapa kelemahan yang menjadi sasaran kritikan oleh banyak pihak. Taksonomi Bloom juga dikritik oleh ramai pakar Pendidikan Islam dari aspek ketidakcakupannya terhadap domain kerohanian.

Roh dan Kerohanian

Sistem pendidikan Islam tidak akan lengkap jika aspek kerohanian tidak diambil kira. Domain kerohanian sangat berkait rapat dengan perkembangan minda dan kognitif seseorang. Berdasarkan kefahaman tersebut, sub topik ini akan membincangkan tentang roh dan kerohanian serta hubungannya dengan kehidupan manusia. Perkataan roh atau al-ruh berasal dari bahasa Arab. Penggunaan perkataan al-ruh lebih banyak merujuk kepada nafas dan juga sesuatu yang menyebabkan hidup, bergerak, memperoleh manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan. Kalimah al-ruh mempunyai pelbagai makna. Al-ruh boleh diertikan dengan makna nyawa, malaikat Jibril, hembusan angin, Nabi Isa al-Masih, kalam Allah dan rahmat Allah. Di dalam Bahasa Melayu, al-ruh diungkapkan sebagai roh. Roh ialah bahagian dalam manusia yang mempunyai daya berfikir (berperasaan, berkemahuan), jiwa dan juga benda hidup tidak berjasad yang berfikiran dan berperasaan (malaikat, jin, syaitan dan lain-lain) dan kiasan kepada semangat dan jiwa. Dalam konteks al-ruh sebagai sesuatu yang menyebabkan jasad hidup, bergerak, memperolehi manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan, al-ruh

dibahagikan kepada roh insani dan roh hayawani (Abdul Samad al-Falimbani, 2010). Menurut Said Hawwa (2010), roh insani ditakrifkan dengan suatu unsur halus yang dapat mengetahui dan memperolehi ilmu, dimiliki oleh manusia, yang terdiri daripada roh hayawani yang membuatkan akal menjadi lemah daripada mengetahui hakikat roh tersebut. Roh hayawani ditakrifkan sebagai satu jisim yang halus, tempatnya ialah di ruang kosong hati, dan beredar ke seluruh badan melalui saluran-saluran darah.

Aspek jasad manusia berbentuk material diciptakan daripada tanah atau air mani, sedangkan roh bersifat non-material ialah ‘sesuatu’ yang didatangkan langsung daripada Allah SWT. Imam al-Ghazali (1988) mencatatkan unsur non-material atau kerohanian dalam diri manusia terangkum dalam istilah yang bukan hanya tertumpu kepada istilah roh, bahkan qalbu, nafs dan akal yang menjadi hakikat sejati diri mereka. Dalam penggunaan istilah oleh al-Ghazali itu - roh, nafs, qalb dan ‘aql - boleh ditukar ganti yang keempat-empatnya merujuk kepada apa diungkapkan imam besar berkenaan sebagai latifah rabbaniyyah ruhaniyyah yang bersifat ‘alimah mudrakah yang terdapat dalam diri manusia dan hakikat sejati mereka. Atas sebab kewujudan aspek kerohanian itu, manusia menerima kebertanggungjawaban (taklif) di dunia.

Justeru, non-material roh atau kerohanian itu ialah aspek amat penting dalam keseluruhan diri manusia dan inti sari diri serta ciri peribadi mereka. Ia bukan asing atau hanya ditampal, sebaliknya menjadi pusat hidup dan pusat segala kegiatan mereka. Oleh itu, perlulah difahami aspek material ataupun jasad manusia dijadikan tidak lebih sebagai alat tunggangan roh, iaitu jasad dijadikan untuk kepentingan roh, bukan sebaliknya. Menerusi aspek non-material, manusia sebagai makhluk Allah SWT terbaik sebenarnya sudah sedia mengakui-Nya sebagai Tuhan mereka Perakuan tersebut berlaku dalam alam al-arwah (roh) yang berada dalam ilmu Allah SWT dan tidak disedari manusia sebagai manusia yang hidup di alam nyata. Imam al-Junaid al-Baghdadi dalam Ahmad Syawqi Ibrahim (2005) menjelaskan bahawa kewujudan manusia terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama merujuk kewujudan bersifat suci dan mempunyai hubungan langsung dengan Tuhan tanpa dibatasi sebarang hijab sebelum kedatangan mereka ke alam dunia ini. Dalam keadaan itu, arwah atau nufus manusia secara tegas memperakui keesaan Tuhan apabila ditanyakan ‘alastu bi Rabbikum’. Selepas itu, tiba peringkat kedua yang merujuk kewujudan manusia di atas dunia fana. Peringkat ini disempurnakan bersama jasad, lalu manusia menjadi sibuk dengan urusan memenuhi pelbagai tuntutan dan kemauan jasad yang kesemuanya bersifat kebendaan. Dalam keadaan itu, manusia umumnya menjadi lalai kepada ‘perjanjian’ semasa di alam roh. Hidup dalam perangkap kelalaian dan manusia tidak lagi ingat kepada Tuhan. Pada ketika ini, aspek roh tersisih dan tidak diberi perhatian dalam agenda hidup sehari-hari.

Atas sebab kewujudan aspek non-material, manusia disediakan dalam diri potensi sama ada menjadi baik ataupun sebaliknya seperti dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Shams, ayat 7 hingga 10. Potensi kerohanian, iaitu al-nafs memiliki dwi-dimensi, iaitu boleh membawa ke arah kejahatan (fujur) dan takwa. Aspek fujur dan takwa sudah sedia tersemai di dasar diri manusia dalam bentuk potensi. Orang yang membersihkan dirinya dengan kerja ketakwaan akan beroleh kejayaan, manakala mereka yang mengotorinya dengan kejahatan (fujur) akan menempah kehampaan dan kekecewaan (Abdul Samad al-Falimbani, 2010). Penjelasan al-Quran ini menunjukkan roh maha penting dalam keseluruhan diri manusia, bukannya jasad atau aspek benda. Justeru, di sini jelas menunjukkan kesilapan kebanyakan manusia yang mengutamakan secara berlebihan terhadap jasad sehingga menjadikan mereka luar biasa sibuk dengan aspek keduniaan seperti kosmetik, fesyen dan sukan. Dalam suasana ini, roh diabaikan sehingga menimbulkan pelbagai bentuk krisis kerohanian seperti kerosakan akhlak, kehilangan ketenangan dan kedamaian hidup kerana mereka sebenarnya sedang melawan dan bertempur dengan tabii diri sendiri. Keadaan ini boleh diperhatikan dalam kehidupan sebahagian besar umat Islam. Mereka tidak memahami kedudukan dan peranan roh dalam keseluruhan kehidupan seperti terkandung dalam Islam. Di sinilah terletaknya kepentingan untuk memahami betapa

pentingnya peranan roh dan kerohanian serta hubungannya dengan proses pembelajaran, pendidikan dan kehidupan seseorang manusia.

Metodologi Kajian

Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan bersepada yang mengiktiraf semua sumber ilmu yang diiktiraf dalam tradisi Islam secara berhierarki dan menyepadukan sumber naqli dan aqli dengan menjadikan pedoman wahyu sebagai teras dan pemutus (Mohammad Rafiuddin, 1999). Secara lebih tepat, kaedah penyelidikan bersepada adalah suatu usaha mencari jawapan dan kebenaran kepada sesuatu persoalan dengan menggunakan kaedah yang sistematis, boleh dipercayai dan sah serta berdasarkan bukti-bukti yang sahih sama ada bersifat empirikal (pengalaman), rasional (hujah aqliyah) maupun hujah naqliyah yang berada dalam kerangka mematuhi tasawwur Islam atau pandangan alam Islam (Noor Hisham 2018). Dalam penulisan ini, kerangka pendidikan bersepada yang diaplikasikan ialah gabungan kaedah penyelidikan turath Islami dan kaedah deskriptif secara deduktif-induktif.

Untuk menjawab objektif pertama, kajian ini menggunakan kaedah kajian turath dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan serta pandangan cendekiawan muslim berkaitan dengan aspek pemikiran dan pendidikan serta hubungannya dengan aspek kerohanian. Dalam konteks ini, ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema aktiviti berfikir, pemikiran, hati dan penyucian jiwa dikumpulkan untuk difahami makna dan hubungan antara setiap satunya. Untuk menjawab objektif kedua pula, pengkaji meneliti karya Said Hawwa yang berjudul Pendidikan Spiritual. Penulisan ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan deskriptif secara deduktif-induktif untuk menghasilkan rumusan dan cadangan pembinaan kerangka taksonomi kerohanian yang berkesinambungan dengan objektif pertama. Kesemua data atau penulisan yang terkumpul dianalisis menggunakan kerangka rujukan pandangan alam Islam berpaksikan prinsip tauhid. Menurut Mohammad Rafiuddin (1999), hasil yang diperolehi dari kaedah penyelidikan bersepada seharusnya tidak bertentangan dengan pedoman wahyu, memberi manfaat dan tidak memudaratkan serta mendekatkan manusia kepada Tuhan.

Dapatan dan Perbincangan

Konsep Berfikir Menurut Perspektif Islam dan Hubungannya dengan Aspek Kerohanian

Islam mempunyai sistem berfikir dan pemikirannya yang tersendiri berdasarkan pedoman wahyu al-Quran dan Sunnah. Islam memiliki gaya pemikiran kritis dan kreatif yang dipandu oleh prinsip tauhid dan maqasid *syariyyah* yang komprehensif dan sistematis (Noor Hisham 2014). Islam menyeru manusia agar berfikir, merenung, memerhati dan melihat tanda-tanda kebesaran Allah melalui kejadian diri (al-Rum 30:8) dan alam yang terbentang luas (al-Ra'd 13:3). Tanda-tanda kebesaran Allah terbahagi kepada dua iaitu *ayat maqrubah* (al-Quran dan sunnah) dan *ayat manzurah* (alam sebagai kitab besar). Namun Islam milarang umatnya untuk memikirkan perkara-perkara yang berada di luar kemampuannya seperti memikirkan zat Allah. Islam juga mengiktiraf konsep hierarki dalam ilmu pengetahuan dan dalam proses berfikir. Ia selaras dengan konsep kejadian makhluk Tuhan yang dibekali dengan unsur spiritual yang bertingkat-tingkat dan bervariasi sesuai dengan tempat dan ontologinya (al-Attas 1986). Ini bermakna Islam mengiktiraf akal, kepelbagaiannya tingkatan dan peranannya yang sangat penting dalam kehidupan manusia.

Walau bagaimana pun, akal bukanlah satu-satunya institusi yang mempunyai daya kognisi atau berfikir. Menurut para sufi, qalbu atau hati juga mampu memperoleh pengetahuan (*al-makrifah*) melalui daya citarasa (*al-zawqiyah*). Bahkan pengetahuan *qalbiyah* jauh lebih luas daripada pengetahuan *aqliyah*. Qalbu berfungsi sebagai alat untuk menangkap hal ewhal kepercayaan (*al-i'tiqadiyah*), memperoleh hidayah, memikirkan dan merenung sesuatu. Daya

qalbu tidak terbatas pada pencapaian kesedaran malahan mampu mencapai tahap supra-kesedaran (kerohanian, keagamaan dan ketuhanan). Sifat rasional dapat ditangkap oleh daya akali manusia manakala sifat supra-rasional hanya dapat ditangkap oleh daya qalbu manusia. Ini menunjukkan bahawa akal bukanlah satu-satunya institusi yang terlibat secara langsung dalam kegiatan berfikir manusia. Hati juga berperanan penting dalam membentuk sistem berfikir dan aliran pemikiran manusia al-Najjar (2001).

Berasaskan kefahaman sebelumnya, proses berfikir dalam Islam seharusnya melibatkan kedua-dua aspek fakulti tersebut iaitu akal dan hati untuk mendapatkan kebenaran tentang sesuatu perkara secara tepat. Secara asasnya, akal dikaitkan dengan peranan berfikir dan aspek pemikiran. Aktiviti berfikir sangat berkait rapat dengan aktiviti mengajar Kitab (al-Quran) dan Hikmah (kebijaksanaan). Manakala hati pula sering dikaitkan dengan aspek penyucian dan pembersihan (dari syirik dan maksiat). Rumusan ini adalah berdasarkan kepada beberapa ayat al-Quran yang menggabungkan secara jelas aspek pemikiran dari aktiviti membaca dan mengajar dengan aspek penyucian hati dan jiwa seperti yang terdapat pada ayat dalam Surah al-Baqarah (2:129, 151), Ali-Imraan (3:164, 191) dan al-Jumu'ah (62:2). Di samping itu, terdapat dua ayat dalam Surah Muhammad (47:24) dan Surah Saad (38:29) yang menggunakan istilah “dabbbara” yang merujuk kepada aktiviti berfikir (memahami atau memerhatikan) yang juga merujuk kepada peranan *qalb* (hati) dan *lub* (akal).

Berdasarkan perbahasan sebelumnya, konsep pemikiran dan berfikir menurut pandangan alam Islam tidak sama dengan konsep berfikir menurut kerangka Taksonomi Bloom. Bloom hanya mengiktiraf peranan akal yang bersambungan dengan peranan otak untuk menghasilkan taksonomi domain kognitif. Manakala ulama dan cendekiawan Islam mengaitkan aspek pemikiran bukan sekadar fenomena dan fungsi akal bahkan juga melibatkan fungsi hati (Abdul Samad al-Falimbani, 2010). Bergantung kepada fungsi akal semata-mata tidak memadai untuk melaksanakan pendidikan Islam. Dari sisi yang lain, gabungan domain kognitif, psikomotor dan afektif yang dibangunkan Bloom juga tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dan matlamat pendidikan Islam. Bloom telah mengabaikan satu domain yang sangat penting bahan yang terpenting dalam sistem pendidikan umat Islam. Untuk melengkapkan kelompongan tersebut, domain kerohanian adalah satu keperluan yang tidak dinafikan dalam sistem pendidikan Islam.

Justeru, untuk melihat konsep berfikir dalam kerangka sistem pendidikan Islam, konsep kesepaduan berfikir perlu diaplikasikan. Untuk membezakan konsep berfikir yang melibatkan akal dan hati, dua istilah digunakan iaitu fikir (untuk kegiatan akal) dan zikir (untuk kegiatan hati). Menurut Mohd Zaidi (2014), kedua-duanya diperlukan untuk melengkapkan proses berfikir secara bersepada dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran atau aktiviti pendidikan menjadi lebih baik dan bermakna. Tempat fikir adalah pada akal dan tempat zikir adalah pada hati. Walau bagaimanapun, ramai umat Islam memahami konsep fikir dan zikir secara sempit, terpisah dan berkotak-kotak sehingga mengakibatkan salah faham sama ada dalam bentuk pelampauan atau pengabaian antara keduanya.

Keadaan yang terbaik dalam konteks fikir dan zikir adalah keseimbangan dan kesepaduan antara keduanya. Sesungguhnya manusia memerlukan fikir dan zikir. Kedua-duanya saling berkaitan, bersambungan dan melengkapi antara satu sama lain. Inilah yang dimaksudkan konsep pemikiran bersepada yang diperlukan dalam sistem Pendidikan Islam. Aktiviti berfikir berakhir dengan zikir (zikir dalam fikir) dan aktiviti fikir cetusan dari aktiviti zikir (fikir dalam zikir). Walau bagaimanapun, proses yang terbaik ialah aktiviti berfikir mesti dipimpin oleh zikir (proses pemikiran berpandukan shariat) dan aktiviti zikir disusuli dengan fikir (zikir dilaksanakan dengan penuh kefahaman dan disusuli dengan tindakan). Ini bermakna keterpisahan antara keduanya adalah kezaliman. Kehidupan Rasulullah SAW adalah contoh terbaik dalam mengaplikasikan keseimbangan dan kesepaduan antara fikir dan zikir.

Dengan ini dirumuskan bahawa domain taksonomi kognitif yang diperkenalkan Bloom meskipun baik tetapi tidak memadai untuk melaksanakan konsep pendidikan menurut perspektif Islam yang memerlukan proses PdP yang menggabungkan kekuatan pemikiran berasaskan akal dan hati atau fikir-zikir. Berdasarkan perbincangan sebelumnya, sistem pendidikan Islam memerlukan taksonomi alternatif yang berasaskan domain kerohanian yang mengambil kira kekuatan pemikiran bersepadu berasaskan akal dan hati atau konsep fikir-zikir.

Cadangan Pembangunan Kerangka Taksonomi Kerohanian Berasaskan Konsep Pemikiran Bersepadu

Pada asasnya para pendidik muslim perlu memiliki taksonomi pendidikan yang meliputi aspek kemahiran fizikal (psikomotor), kebolehan berfikir (kognitif), ketatasusilaan nilai (afektif) dan kekuatan sistem kepercayaan dan keperibadian diri (kerohanian). Tiga domain yang terakhir juga dikenali sebagai IQ, EQ dan SQ. Daripada ketiga-tiga aspek tersebut, SQ atau domain kerohanian adalah yang terpenting kerana di sinilah terletaknya sistem kepercayaan manusia yang terletak di dalamnya prinsip-prinsip kehidupan yang sangat diyakini dan akan mempengaruhi pelbagai pembuatan keputusan kehidupan di samping aspek kognitif dan afektif (Said Hawwa 2010). Aspek ini adalah satu keperluan manusia meskipun manusia mengabaikannya atau menekannya agar tidak muncul dalam pentas kehidupan.

Berdasarkan latar perbincangan sebelumnya, konsep Taksonomi Bloom tidak lagi memadai untuk mencapai matlamat pendidikan Islam iaitu melahirkan insan yang soleh dan muslih. Justeru, pembinaan taksonomi kerohanian adalah fundamental dan keperluan yang mendesak dalam sistem pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, pembinaan taksonomi kerohanian yang mantap dan boleh dipertanggungjawabkan adalah satu perkara yang rumit dan memerlukan penyelidikan yang rapi dalam tempoh yang panjang. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberi tumpuan kepada cadangan pembinaan kerangkanya sahaja sebagai tapak kepada pembangunan taksonomi kerohanian yang mantap dan berwibawa pada masa hadapan.

Cabarannya pertama dalam pembinaan taksonomi domain kerohanian ialah membangunkan makna dan pengertian kerohanian secara tuntas dalam konteks pendidikan serta mengenal pasti konstruk utama atau tema penting yang membentuk pengertian domain tersebut. Adalah diakui bahawa roh dan kerohanian adalah satu entiti yang abstrak, sangat sukar untuk diserap dan dikeji kerana ia bersifat metafizik. Untuk membina kerangka taksonomi kerohanian, pengkaji telah meneliti satu karya besar tentang pendidikan kerohanian iaitu Pendidikan Spiritual oleh Said Hawwa.

Berdasarkan karya tersebut pengkaji telah membentuk pengertian konsep domain kerohanian dalam konteks pendidikan moden peringkat menengah sebagaimana berikut :

Domain kerohanian adalah merujuk kepada hal ehwal atau unsur yang berteraskan kepercayaan (keimanan) kepada Allah dan ingatan kepadaNya dengan menjadikan ajaran Islam (al-din) sebagai asas kepada pembinaan sistem kehidupan. Berdasarkan nilai dan kepercayaan tersebut, seseorang pelajar itu memiliki tasawwur Islam yang benar, visi dan misi hidup (ubudiyah dan istikhlah) yang jelas, memiliki hati yang bersih / baik, mengamalkan ibadah wajib (rukun Islam) secara konsisten dan menunjukkan budi pekerti / keperibadian yang tinggi.

Berdasarkan pengertian tersebut, enam konstruk utama dikeluarkan untuk mewakili domain kerohanian bagi pelajar muslim peringkat menengah sebagaimana berikut :

1. Nilai kepercayaan kepada Allah dan ingatan kepadaNya

2. Kefahaman agama (*Tasawwur Islam*)
3. Pemilikan prinsip, visi dan misi kehidupan yang bersambungan dengan ajaran atau nilai agama (prinsip ubudiyyah dan istikhlas)
4. Keadaan hati / atau tahap nafsu (kebersihan hati dan pertarungan antara nilai baik dan jahat)
5. Pengamalan ibadah utama (solat) dan zikir
6. Tingkah Laku atau akhlak (kualiti peribadi)

Berdasarkan pengertian dan enam konstruk tersebut, pengkaji menyusun kerangka taksonomi kerohanian kepada 6 tahap sebagaimana jadual berikut :

Jadual 1
Kerangka Taksonomi Kerohanian Disusun Kepada 6 Tahap

No	Tahap	Huraian
1	Kelupaan	Sering lalai atau sangat sedikit mengingati Tuhan, kehidupan tidak berasaskan nilai agama, tidak menyempurnakan solat fardhu, menunjukkan akhlak yang rendah dan memiliki hati yang dipenuhi dengan nilai negatif. Umumnya mempunyai kefahaman Islam yang rendah
2	Ingatan terputus dan sempit	Ingatan kepada Tuhan terputus-putus dalam bentuk ibadah khusus yang sempit, nilai agama tidak menjadi keutamaan dalam kehidupan, tidak menuaikan solat fardhu dengan sempurna, menunjukkan akhlak yang sederhana dan memiliki hati yang lebih cenderung kepada kepada nilai negatif. Umumnya mempunyai kefahaman Islam yang berpetak-petak dan tidak menyeluruh.
3	Ingatan bersambung dan ritual	Ingatan kepada Tuhan adalah sederhana dan masih sempit (ibadah khusus sahaja), nilai agama dianggap penting dan ditunjukkan secara sederhana, menuaikan solat fardhu ain meskipun kurang sempurna, menunjukkan akhlak yang baik dengan tidak melakukan dosa besar dan memiliki hati yang berbolak balik antara kebaikan dan kejahanatan. Umumnya mempunyai kefahaman Islam yang baik tetapi belum menyeluruh.
4	Ingatan stabil dan meluas	Ingatan kepada Tuhan adalah stabil, meluas tetapi kurang mendalam, nilai agama dianggap penting dan ditunjukkan secara jelas, menuaikan solat fardhu secara konsisten, menunjukkan akhlak yang baik dengan menjauhi perkara yang haram, dan memiliki hati yang cenderung kepada kebaikan. Umumnya mempunyai kefahaman Islam yang baik dan menyeluruh.
5	Ingatan meluas dan mendalam secara konsisten	Ingatan kepada Tuhan adalah meluas dan mendalam secara konsisten, nilai agama secara jelas menjadi teras dalam kehidupan, menuaikan solat fardhu berjemaah secara konsisten dan diikuti dengan solat sunat serta wirid, menunjukkan akhlak yang baik dengan menjauhi perkara yang haram dan syubhab, dan memiliki hati yang bersih dan tidak terdorong untuk melakukan kejahanatan. Umumnya mempunyai kefahaman Islam yang baik dan menyeluruh.
6	Ingatan penghayatan	Seluruh kehidupan berhubung dengan Allah secara mantap (ihsan), nilai agama telah sebati dalam kehidupan, menuaikan solat fardhu berjemaah di masjid yang diikuti dengan solat sunat serta wirid secara konsisten, menunjukkan akhlak yang baik dengan menjauhi perkara yang haram dan syubhab serta sentiasa melakukan kebaikan dan islah, dan memiliki hati yang bersih, tulus dan sentiasa terdorong untuk melakukan kebaikan. Umumnya mempunyai kefahaman Islam yang cemerlang dan menjadikan nilai dan prinsip Islam sebagai asas sebarang pembuatan keputusan

Huraian tersebut adalah gambaran yang dianggap memadai dan sah untuk menggambarkan keadaan kerohanian seseorang pelajar berdasarkan tahap yang telah dinyatakan. Walau bagaimanapun, hakikat kerohanian seseorang pelajar adalah jauh lebih kompleks kerana ciri-ciri tersebut boleh bertindan-tindih atau bercampur aduk antara setiap konstruk dan keadaannya juga boleh berubah-ubah dengan cepat. Sebagai contoh, dalam keadaan sebenar, tahap pertama kelupaan yang digambarkan dalam huraian boleh berubah (fleksibel) secara terhad kerana enam konstruk yang membentuknya boleh bercampur aduk dalam pelbagai bentuk seperti tahap kelupaan pada Tuhan adalah tinggi meskipun mempunyai kefahaman agama yang baik atau lupa Tuhan tetapi mempunyai akhlak yang baik dengan manusia. Ini menjadikan keadaan dan hal ehwal kerohanian manusia lebih kompleks dari kegiatan pemikiran (domain kognitif) dan pemilihan sikap (domain afektif) dalam kehidupan.

Menurut Abu Muhammad Iqbal (2015), gejala luaran atau perbuatan manusia yang zahir boleh membantu sebagai indikator domain kerohanian tetapi ia tidak bersifat mutlak. Sebagai contoh yang ekstrem bagi tujuan kefahaman, manusia boleh kelihatan khusyuk berdoa kepada Tuhan (kerohanian tinggi) tetapi isi kandungan permohonannya mungkin bersifat sangat keduniawan (kerohanian rendah) atau seseorang individu yang kelihatan bekerja siang dan malam mengejar kekayaan (kerohanian rendah) tetapi menginfakkan seluruh keuntungannya untuk tujuan kebaikan (kerohanian tinggi). Bahkan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, mata pelajaran Pendidikan Islam yang sarat dengan nilai kerohanian sekalipun boleh berubah menjadi satu pengalaman pembelajaran yang berorientasikan pemikiran semata-mata. Meskipun keadaan ini mungkin dilihat bertentangan dengan semangat konsep taksonomi yang asal (pengklasifikasian yang sistematis dan tuntas), pemeringkatan pencapaian domen kerohanian dalam kalangan pelajar tetap berguna dan boleh membantu guru/ibubapa/ diri sendiri untuk merancang proses PdP dan pengisahan diri dengan lebih baik dan seterusnya membuat pembetulan atau penambahbaikan yang signifikan.

Tiga tema utama dalam kerangka tersebut iaitu 1) ‘nilai kepercayaan kepada Allah dan ingatan kepadaNya’, 2) ‘keadaan hati / atau tahap nafsu’ dan 3) ‘pemilikan prinsip, visi dan misi kehidupan’ adalah konstruk yang paling sulit untuk merancang, melaksana dan dinilai dalam pendidikan. Ketiga-tiganya boleh dipupuk menggunakan kaedah lisan secara berulang-ulang dalam setiap kesempatan dan diaplikasikan secara organik melalui pemodelan (*qudwah*), persekitaran yang kondusif (*biah solehah*) dan persahabatan yang baik (*suhbah solehah*). Hal ehwalnya boleh berubah-ubah dari satu keadaan kepada keadaan yang lain dan melibatkan pelbagai faktor luaran dan dalaman. Tema ‘pengamalan ibadah utama (solat)’ lebih jelas dan boleh dirancang mengikut kesesuaian konteks. Konstruk ini boleh diukur dengan mudah berbanding sebelumnya kerana bersifat amalan lahiriah dan ketekalannya dalam kehidupan seharian boleh disemak. Dalam konteks kehidupan pelajar, ibubapa dan sahabat yang amanah adalah sumber penilaian yang paling abs berbanding yang lain. Manakala tema ‘tingkahlaku atau akhlak (kualiti peribadi)’ adalah hasil keseluruhan dari sistem pendidikan dan gambaran umum keperibadian pelajar. Tema ini boleh dinilai berdasarkan pemerhatian dan muamalah berterusan dari sumber yang berbeza. Tema yang terakhir ‘kefahaman agama sangat berkait rapat dengan PdP mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah. Tema ini adalah gambaran keupayaan pelajar untuk melihat pelbagai komponen di dalam mata pelajaran tersebut (aqidah, syariah, akhlak, dakwah, sirah dan lain-lain) sebagai satu kesatuan yang memberi makna kepada Islam itu sendiri (*tasawwur Islam*).

Oleh kerana kerohanian adalah domain yang paling kompleks dalam diri manusia, penilaian dan pengukurannya adalah lebih sukar berbanding domain yang lain. Perbuatan atau pemikiran atau sikap yang dizahirkan seseorang belum dapat menggambarkan dengan tepat prestasi kerohanian meskipun ia boleh membantu. Justeru, tempoh masa penilaian domain kerohanian dicadangkan dalam bentuk berterusan sepanjang tempoh pengajian dengan semakan secara berkala mengikut kemampuan pihak pengurusan sekolah. Sumber dan kaedah penilaian

kerohanian adalah dicadangkan dalam bentuk gabungan penilaian atau pengakuan kendiri, pandangan dan penyaksian keluarga terdekat (ibubapa), pemerhatian guru yang paling rapat serta sahabat yang jujur. Penilaian dan pengukuran bagi domain kerohanian adalah bersifat untuk pembelajaran atau pengislahan diri; bukan untuk penggredan prestasi atau penghebahan pihak yang berkepentingan.

Kesimpulan

Kerangka taksonomi kerohanian ini belum lengkap dan memerlukan penelitian lanjut. Kerangka ini perlu dikembangkan lagi dalam bentuk matriks yang bersistematik melibatkan keenam-enam tema utama tersebut dan digabungkan dengan konsep pemikiran bersepada fikir-zikir. Domain kerohanian tidak seharusnya digunakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran secara sempit melibatkan mata pelajaran tertentu (keagamaan) sahaja (al-Syaibani 1991). Secara ideal, semua mata pelajaran sama ada yang bersifat naqli atau naqli seharusnya mengajak pelajar berfikir dan mengingati (zikir) Tuhan. Proses ini memerlukan taksonomi khusus iaitu taksonomi fikir-zikir yang akan membantu guru mengintegrasikan ilmu fardu ain dengan ilmu fardu kifayah.

Penulisan ini membuktikan bahawa Taksonomi Bloom yang diamalkan dalam sistem pendidikan umat Islam hari ini tidak memadai kerana ia mengabaikan satu aspek penting dalam diri manusia iaitu domain kerohanian. Kelemahan ini tidak bermaksud supaya pendidik Muslim terus membuang atau meninggalkan taksonomi tersebut tetapi berusaha mengatasinya dengan membina taksonomi rohani yang bukan hanya diperlukan oleh pelajar muslim bahkan manusia sejagat. Penulisan ini hanyalah inisiatif awalan untuk membina taksonomi bagi domain rohani yang boleh dipertanggungjawabkan.

Rujukan

- Al-Quran Al-Karim.
- Abu Muhammad Iqbal. (2015). *Pemikiran pendidikan Islam : Gagasan-gagasan besar para ilmuwan muslim*. Pustaka Pelajar.
- Ahmad Syawqi Ibrahim. (2005). *Al-syifa 'un nafsi wa asrar naum*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1986). *A commentary on the hujjat al-shiddiq of nur al-din al-raniri*. Kementerian Kebudayaan
- al-Ghazali (1988). *Ihya ulumuddin. Kitab ilmu*. Terj. Ismail Yakub. Jil.1. Victory Ajensi.
- Al-Najjar, Amir. (2001). *Ilmu jiwa dalam tasawwuf*. Terj. Drs. Hasan Abrori. Pustaka Azzam.
- al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi.(1991). *Falsafah pendidikan Islam*. Terj. Hasan Langgulung. Hizbi.
- Anderson, L.W, & Krathwohl, D.R. (2001). *A Taxonomy for learning, teaching, and assessing: a revision of bloom's taxonomy of educational objectives*. Longman
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of educational objectives - book 1 cognitive domain*. London: Longman Group Limited.
- Bloom, B. S., Krathwohl, D. R. & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of educational objectives - book 2 affective domain*. Longman Group Limited.
- Doughty, H. A. (2006). Blooming idiots: educational objectives, learning taxonomies and the pedagogy of Benjamin Bloom. *College Quarterly*, 9(4):1-23
- Enghoff, Henrik. (2009). "What is taxonomy", soil organisms, 81 (3). <http://id.wikipedia.org/wiki/Taksonomi>.
- Fatoni, H.A. (2020). *Integrasi zikir dan fikir; dasar pengembangan pendidikan Islam*. Forum Pemuda Aswaja.
- Forehand, M. (2004). *Bloom's taxonomy: from emerging perspectives on learning, teaching and technology*. <http://projects.coe.uga.edu> [1 September 2020].

- Gueguen, M. (2016). *A measure of middle school students' ability to think critically when exposed to historical thinking pedagogy*. Loyola University Chicago.
- Krathwohl, D. R. (2002). *A revision of Bloom's taxonomy. Theory into Practice*, 41(4), 212-218. Malaysia. pp. 26-27.
- Marzano, R. J., & Kendall, J. S. (2007). *The new taxonomy of educational objectives*. Corwin Press.
- Mohammad Rafiuddin. (1999). The meaning and purpose of Islamic research. Dlm. Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. Institute of Objective Studies.
- Mohd Zaidi Ismail. (2014). *Islam & higher-order thinking: an overview*.
- Noor Hisham Md Nawi. (2014). *sinergisme pemikiran islam kritis kreatif*. Universiti Malaysia Kelantan
- Noor Hisham Md Nawi. (2018). *Pengenalan kaedah penyelidikan Islam : Gagasan dan amalan*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nursyahirah Wahidah Masrom, Mahyuddin Hashim, Noorhayati Hashim, Fariza Puteh Bachok. (2018). Kedudukan taksonomi bloom menurut perspektif Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1 (1), 18-26.
- Pandora, D. B. (2014). *Teachers' beliefs and practices regarding homework: An examination of the cognitive domain. Embedded in third grade mathematics homework*. The University of Wisconsin-Milwaukee.
- Said Hawwa.(2010). *Pendidikan spiritual*. Terj, Abdul Munip. Mutiara Ilmu Seleka Sdn. Bhd.
- Suliswidayadi. (2020). Hierarki ranah pembelajaran afektif pendidikan agama islam dalam perspektif taksonomi qurani. *Jurnal Tarbiyatuna* 11 (1), 61-76.
- Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, (2010), *Sairus salikin (perjalanan orang yang salik kepada Allah) juz. 1- juz 4, Ahmad Fahmi Bin Zamzam (pentahqiq)*. Darussalam Yasin.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar & Ab. Halim Tamuri. (2020). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam. *Sains Insani*, 5(1), 14–21.
- Waterman, S. (2015). *Engaging At-Risk Youth Through Bloom's Taxonomy, Socratic Seminars, and Culturally Responsive Pedagogy*. Empire State College State University of New York.

Pengetahuan Spiritual Dan Pengaruhnya Terhadap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah

Ainon binti Wazir, Ph.D

ainonwazir@yahoo.com

Jabatan Kecemerlangan Akademik

IPG Kampus Pendidikan Islam, Selangor

Abstrak

Terdapat tujuh pengetahuan asas yang perlu dikuasai oleh para guru, iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengetahuan tentang pelajar dan ciri-ciri pelajar, pengetahuan tentang konteks pendidikan dan pengetahuan tentang matlamat pendidikan. Walau bagaimanapun, pengetahuan spiritual tidak dicadangkan dalam kerangka ini sedangkan pengetahuan itu juga boleh dianggap sebagai salah satu pengetahuan guru yang memainkan peranan yang signifikan dalam konteks kerangka pengetahuan guru bahasa Arab sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana pengetahuan spiritual mempengaruhi pemikiran guru-guru bahasa Arab sekolah rendah dalam melaksanakan tugas sebagai guru bahasa Arab di sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kajian kes dan peserta kajian ialah 6 orang guru bahasa Arab yang mengajar bahasa Arab di sekolah kebangsaan (SK) di negeri Selangor dan Putrajaya. Temu bual secara mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul data bagi menjawab persoalan kajian. Manakala analisis data yang digunakan adalah secara kualitatif dengan menggunakan perisian *Nvivo*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tiga bentuk pengetahuan spiritual guru bahasa Arab sekolah rendah, iaitu falsafah pengajaran sebagai ibadah dalam Islam, hubungan dengan murid berlandaskan kasih sayang dan persaudaraan serta guru sebagai *uswah hasanah* (contoh ikutan yang baik) memberi implikasi terhadap kualiti kerja guru bahasa Arab, interaksi sosial antara guru dan murid serta sahsiah guru bahasa Arab.

Kata kunci: Pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengetahuan spiritual, pengetahuan pedagogi guru, guru bahasa Arab, kerangka pengetahuan guru.

Abstract

Shulman (1986) proposed seven categories of knowledge that teachers should master, namely subject matter knowledge, general pedagogical knowledge, curriculum knowledge, knowledge of learners and their characteristics, knowledge of educational contexts and knowledge of educational ends and purposes. However, spiritual knowledge is left out in this framework whereas. Spiritual knowledge can be considered as one of teacher knowledge that plays a significant role in the context of the knowledge framework of primary school Arabic Language teachers. Hence, this case study aims to look into this aspect through the qualitative approach. The participants were six Arabic Language teachers who taught the Arabic Language in primary government schools (SK) in Selangor and Putrajaya. In-depth interviews, observations and document analysis were used to collect data in order to answer the research questions. While the data were analysed qualitatively using Nvivo software. The findings showed three forms of spiritual knowledge for the primary school Arabic Language teachers, namely the philosophy of teaching as a spiritual reverence in Islam, the relationship with students based on love and brotherhood as well as teachers being uswah hasanah (good examples) have implications for the quality of work of Arabic Language teachers, social interaction between teachers and pupils as well as the personality of Arabic teachers.

Keywords: Pedagogical content knowledge, spiritual knowledge, teachers' pedagogical knowledge, teacher of the Arabic language, the teacher's framework of knowledge

Pengetahuan guru mengikut pandangan Borg (2003) adalah dimensi kognitif dalam pengajaran yang tidak diperhatikan, iaitu apa yang guru tahu, percaya dan fikirkan. Dalam konteks ini, para guru ialah pembuat keputusan yang aktif berdasarkan beberapa perkara, antaranya ialah kepercayaan terhadap sesuatu (*beliefs*) yang kemudiannya telah diterjemahkan kepada kepercayaan beragama. White (2009; 2010) pula berpandangan bahawa kepercayaan beragama guru mempengaruhi bagaimana mereka tahu apa yang mereka tahu dan mengapa mereka melakukan apa yang mereka lakukan (*how teachers know what they know and why they do what they do*). Beliau menegaskan bahawa kepercayaan ini telah lama wujud dalam diri seseorang guru tetapi seringkali tidak dianggap sebagai satu pengetahuan yang boleh mempengaruhi pemikirannya sebagai guru sewaktu mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Manakala dari perspektif Islam, pandangan ini tidak asing lagi kerana mengikut al-Ghazali, keutamaan kompetensi guru ialah pada kompetensi moralnya (Syaiful Sagala, 2009; Kunandar, 2007). Ini bermakna bahawa pengetahuan spiritual perlu dianggap sebagai sebahagian daripada pengetahuan guru yang penting kerana kepercayaan, pemikiran dan pengetahuan secara bersepadan memainkan peranan dalam membantu guru membuat keputusan yang berkaitan dengan pengajarannya. Ini menunjukkan bahawa pemikiran dan tingkah laku guru bukan sahaja dipengaruhi oleh pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengetahuan tentang pelajar dan ciri-ciri pelajar, pengetahuan tentang konteks pendidikan dan pengetahuan tentang matlamat pendidikan, bahkan turut dipengaruhi oleh pengetahuan spiritual. Pengaruh ini bukan sahaja dari aspek kompetensi moral, tetapi juga kompetensi profesional guru seperti pemikiran dan keputusan yang dibuat dalam sesi pengajarannya di bilik darjah.

Pernyataan Masalah

Baurain (2012) mencadangkan bahawa pengetahuan spiritual ialah pengetahuan beragama yang merujuk kepada kepercayaan beragama yang dimiliki oleh guru. Pengetahuan ini dilihat boleh memberi kesan kepada aspek-aspek pengajaran guru seperti pengurusan kelas, hubungan dengan murid, keutamaan perkembangan profesional, dan pedagogi keseluruhan. Walau bagaimanapun, pengetahuan ini sering diabaikan dalam perbincangan mengenai kerangka pengetahuan guru. Di samping beberapa kajian lepas, kajian ini yang melibatkan enam orang guru Bahasa Arab di sekolah rendah sekitar Selangor dan Putrajaya juga mendapat bahawa pengetahuan spiritual merupakan satu elemen yang penting dalam pengetahuan guru. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengukuhkan kepentingan pengetahuan spiritual sebagai salah satu pengetahuan yang perlu dimasukkan dalam kerangka pengetahuan guru. Dengan cara itu, dapat dipastikan bahawa pengetahuan ini mempengaruhi pengetahuan pedagogi isi kandungan guru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka bentuk pengetahuan spiritual guru-guru bahasa Arab sekolah rendah, iaitu melihat bentuk pengetahuan spiritual dan bagaimakah pengetahuan spiritual mempengaruhi pemikiran guru-guru bahasa Arab sekolah rendah dalam melaksanakan tugas sebagai guru bahasa Arab di sekolah.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah bentuk pengetahuan spiritual yang mempengaruhi pemikiran guru-guru bahasa Arab sekolah rendah dalam melaksanakan tugas sebagai guru bahasa Arab di sekolah?
2. Bagaimanakah pengetahuan spiritual mempengaruhi pemikiran guru-guru bahasa Arab sekolah rendah dalam melaksanakan tugas sebagai guru bahasa Arab di sekolah?

Tinjauan Literatur

Sejak kebelakangan ini, pengkaji Barat secara khususnya melihat kepentingan penekanan kepada pendidikan moral dalam sistem pendidikan, dan masing-masing mula melihat pengaruh moral guru yang signifikan terhadap pelajar mereka (Colalillo, 2002; Sisk, 2008; Campbell, 2003; 2008; Dincer, 2009). Kesedaran ini wujud setelah sekian lama tidak banyak tumpuan yang diberikan kepada pengetahuan spiritual sebagai salah satu komponen pengetahuan guru. Oleh itu, isu pengaruh moral guru terhadap pelajar perlu diberi perhatian dan dikaji, malah komponen pengetahuan spiritual perlu dimasukkan ke dalam pengetahuan asas guru sebagai salah satu dimensi penting dalam profesionalisme keguruan.

Dalam konteks Malaysia, kajian Noriah dan Zuria (2003) ke atas pegawai awam di Malaysia dapat menjelaskan kepentingan pengetahuan spiritual dalam kerangka pengetahuan guru. Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa domain kerohanian dan kematangan merupakan aspek penting dalam meningkatkan kepintaran emosi seseorang. Antara aspek-aspek kerohanian yang dimaksudkan ialah keredaan, tanggungjawab sebagai hamba serta kemampuan seseorang dalam menghayati nilai-nilai agama. Keredaan bermaksud kemampuan seseorang menerima dengan rela panduan agama dalam kehidupan mereka. Manakala tanggungjawab pula memberi maksud sentiasa aktif bekerja untuk memenuhi tugas sebagai insan yang diamanahkan oleh Allah untuk mentadbir kehidupan ini. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 30:

﴿وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُسْدِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسْتَخِنُ بِهِمْدِكَ وَقَدْرُسْ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Terjemahan :

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

(Surah al-Baqarah 2:30)

Bagi membolehkan tanggungjawab dilaksanakan dengan baik, seseorang perlu menghayati nilai agama seperti sentiasa berfikir dan menilai dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara di samping memastikan tindakan yang dilakukannya tidak bertentangan dengan prinsip

agama yang mereka anuti. Oleh itu, guru yang memiliki tahap kerohanian yang tinggi dapat mendidik pelajar bukan sahaja dengan menggunakan penguasaan kognitif tetapi turut menggunakan penguasaan spiritualnya. Ini bermakna guru boleh mendidik kerohanian pelajar hingga akhirnya pelajar sendiri berjaya mengawal tingkah lakunya dan seterusnya dapat membantu mengurangkan masalah disiplin pelajar (Syed Najmuddin et al. 2010).

Dapatkan ini tidak jauh berbeza dengan kajian Rajappan et. al (2017), dimana pengetahuan beragama memberi kesan terhadap guru dalam aspek ketahanan dan penglibatan dalam fungsi organisasi sekolah. Begitu juga dengan dapatkan kajian Rezaei & Khalili (2018) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan beragama dan komitmen serta etika profesional guru di sekolah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelaslah bahawa selain daripada aspek pengajaran dan pembelajaran, keperibadian mulia yang merupakan manifestasi kepada pengetahuan spiritual juga menjadi aset penting kepada seseorang guru. Ini adalah kerana penguasaan aspek rohani yang positif dapat dijadikan contoh teladan dan juga mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar. Dalam konteks ini, Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2011) membahagikan sifat keperibadian ini kepada keperibadian dengan Allah, keperibadian terhadap diri sendiri dan juga keperibadian dengan pelajar.

Manakala dalam kerangka pengetahuan guru bahasa Arab, pengetahuan spiritual merupakan salah satu komponen penting yang perlu ada kerana ia menjadi pelengkap kepada komponen-komponen pengetahuan guru yang lain, iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan pedagogi khusus dan pengetahuan konteks. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka bentuk pengetahuan spiritual yang dimiliki oleh guru bahasa Arab sekolah rendah, serta ingin melihat pengaruh yang dibawa oleh pengetahuan spiritual terhadap pemikiran dan tindakan guru bahasa Arab sekolah rendah.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif secara kajian kes. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian kes kualitatif dilihat dapat memberikan dapatan yang lebih realistik dan bermakna. Amalan interaksi lisan di bilik darjah yang kompleks dan dinamis mungkin tidak dapat digambarkan dengan jelas dan menyeluruh melalui pendekatan kuantitatif. Interaksi lisan yang melibatkan perlakuan, juga berlaku dalam keadaan tertentu, dan dengan rasional tertentu, di mana ia tidak dapat dihuraikan melalui kajian kuantitatif (Jefridin 2011). Kajian kes kualitatif juga dilihat sebagai satu bentuk kajian yang cuba memperoleh data yang bukan sahaja dapat menghuraikan keadaan sebenar yang berlaku dalam bilik darjah, tetapi sekaligus mampu mengekalkan keadaan semula jadi konteks kajian (Smith, 1986). Pengekalan keadaan semula jadi bilik darjah dalam sesbuah kajian adalah penting kerana bilik darjah merupakan antara konteks sosial yang bersifat dinamik dan sentiasa berubah maka keaslian iklimnya perlu dikekalkan bagi mendapatkan data kajian yang tulen berdasarkan situasi dan persekitaran sebenar (Gudmundsdottir, 1997).

Peserta Kajian

Pemilihan peserta kajian merupakan salah satu aspek yang penting dalam kajian ini. Menurut Marohaini (1996), pemilihan peserta kajian yang dapat membekalkan data yang kaya adalah sangat penting. Justeru, sebelum pemilihan muktamad terhadap peserta kajian dibuat, banyak perbincangan, pemerhatian, penelitian dan temu bual perlu dilakukan. Dalam kajian ini, peserta kajian terdiri daripada enam orang guru bahasa Arab sekolah rendah yang mengajar di

sekolah kebangsaan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Empat orang daripada mereka ialah guru dengan pengalaman kurang daripada 5 tahun manakala dua orang guru merupakan guru yang memiliki lebih daripada 5 tahun pengalaman. Peserta kajian juga dipilih berdasarkan persetujuan dan kesanggupan mereka untuk menjadi peserta kajian serta terlibat dengan kajian ini sepenuhnya. Selain daripada bersetuju untuk diperhatikan semasa proses pengajaran, peserta kajian juga mestilah bersetuju dan bersedia untuk ditemu bual serta dirakam.

Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini. Ia bertujuan untuk memperoleh seberapa banyak data bagi mendapat gambaran menyeluruh dan sebenar tentang bentuk pengetahuan pedagogi spiritual dan pengaruhnya terhadap guru-guru Bahasa Arab sekolah rendah. Menurut Merriam (2001), tiga kaedah utama pengumpulan data yang biasa digunakan dalam kajian kes secara kualitatif ialah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Sehubungan itu, dalam kajian ini, ketiga-tiga kaedah tersebut digunakan bagi mendapatkan data sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Manakala proses penganalisisan data kualitatif bagi kajian kes pula terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat semasa dan selepas proses pengumpulan data (Strauss & Corbin 1990). Semasa data dikumpulkan, refleksi dilakukan terhadap data yang diperoleh (Cresswell 2005), manakala selepas proses pengumpulan data secara menyeluruh selesai dibuat, analisis secara intensif pula dilakukan. Kaedah penganalisisan data kajian ini melibatkan aktiviti-aktiviti seperti proses transkripsi berdasarkan data *verbatim*, saringan data, pembinaan tema, pengekodan tema dan paparan hasil. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian *Nvivo* untuk menguruskan data yang diperoleh. Data-data tersebut sangat banyak dan tidak tersusun, oleh itu data tersebut perlu disusun, disaring dan dibersihkan.

Dapatan Kajian

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian yang dikemukakan, iaitu; 1) Apakah bentuk pengetahuan spiritual yang mempengaruhi pemikiran guru-guru bahasa Arab sekolah rendah dalam melaksanakan tugas sebagai guru bahasa Arab di sekolah?; dan 2) Bagaimanakah pengetahuan spiritual mempengaruhi pemikiran guru-guru bahasa Arab sekolah rendah dalam melaksanakan tugas sebagai guru bahasa Arab di sekolah?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga bentuk pengetahuan spiritual guru bahasa Arab sekolah rendah, iaitu:

1. Falsafah Pengajaran Sebagai Ibadah Dalam Islam
2. Hubungan Dengan Murid Berlandaskan Kasih Sayang Dan Persaudaraan
3. Guru Sebagai *Uswah Hasanah* (Contoh Ikutan Yang Baik)

Falsafah Pengajaran Sebagai Ibadah Dalam Islam

Salah satu konsep yang ditekankan dalam ajaran Islam ialah konsep ibadah. Konsep ibadah dalam Islam menyebut bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan kerana Allah demi kemaslahatan manusia sejagat dikira sebagai ibadah. Firman Allah SWT:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةَ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ﴾

Terjemahan :

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(Surah Adz-Dzaariyaat 51:56)

Berdasarkan konsep di atas, jelaslah bahawa profesion sebagai guru juga dikira sebagai ibadah kepada Allah SWT. Oleh itu, apabila seseorang guru menganggap kerjayanya sebagai satu ibadah, maka guru tersebut melakukannya secara yang paling baik kerana berharap akan beroleh ganjaran yang lumayan daripada Allah SWT.

Menurut kamus *Lisan al-'Arab*, *al-ibadah* dari segi bahasa berasal daripada *al-tazallul* iaitu menghinakan diri dan *al-khudu'* iaitu tunduk atau rendah diri (Ibn Manzur, 1999). Setiap ketundukan dan kepatuhan yang diberikan secara mutlak dan mengatasi segala ketundukan dan kepatuhan maka ia dianggap sebagai ibadah. Oleh itu setiap ketaatan kepada Allah SWT yang dilakukan dengan penuh kepatuhan, ketundukan dan penghinaan diri maka ia dianggap sebagai ibadah. Antara ulama silam yang banyak membincangkan pengertian konsep ibadah secara khusus dan mendalam ialah Ibn Taymiyyah. Perkataan ibadah menurut Ibn Taymiyyah (1387H) merupakan satu nama yang mencakupi semua perkara yang disukai oleh Allah SWT. dan diredaya sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan, batin atau zahir.

Berdasarkan definisi ini, al-Ashqar (2001) menyatakan bahawa keseluruhan agama Islam atau *al-din* itu sendiri termasuk dalam konsep umum ibadah. Oleh itu, tidak ada satu pun bidang kehidupan manusia yang tidak boleh dimasukkan ke dalam kerangka konsep ibadah menurut Islam. Al-Qaradhawi (1993) dalam membincangkan kesyumulan konsep ibadah dalam Islam menyebutkan bahawa ia meliputi kehidupan seluruhnya dan tidak terbatas kepada syiar-syiar tertentu sahaja seperti sembahyang, zakat, puasa, haji dan sebagainya bahkan ia meliputi setiap aktiviti untuk kemajuan hidup dan yang memberi kebahagiaan kepada manusia. Oleh itu,ini bermakna semua aktiviti manusia yang tidak bercanggah dengan kehendak Allah SWT dan rasul-Nya yang dilakukan dengan penuh kesedaran, ketataan dan kecintaan kepada Allah SWT digolongkan dalam pengertian ibadah (Atikullah, 2013).

Sebagai rumusan, dapat disimpulkan bahawa kerja yang dilakukan oleh seseorang individu untuk mencari nafkah diri dan tanggungannya merupakan satu bentuk ibadah yang tinggi nilainya di sisi Islam malah dianggap sebagai salah satu bentuk jihad oleh Rasulullah s.a.w. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh al Baihaqi, dicatatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah membetulkan salah anggapan para sahabatnya terhadap hubungan antara pekerjaan mencari nafkah untuk diri dan tanggungan dengan jihad pada jalan Allah SWT (*fi sabillah*), iaitu dengan menyatakan bahawa seseorang yang bekerja kerana menyara kedua ibu bapanya yang sudah tua, maka dia berada pada jalan Allah SWT. Jika dia bekerja kerana menyara kehidupannya sendiri maka dia berada pada jalan Allah SWT, tetapi jika dia bekerja untuk riyak dan membangga diri maka dia berada pada jalan syaitan. Hadis ini menunjukkan bahawa pekerjaan yang dilakukan dengan ikhlas dan tidak bertentangan dengan syariat Islam itu merupakan ibadah menurut pandangan Islam.

Dalam konteks kajian ini pula, guru-guru bahasa Arab didapati memahami konsep ibadah dalam Islam dan menganggap kerja mereka sebagai guru merupakan sebahagian daripada ibadah. Mereka menyatakan bahawa guru perlulah melakukan tugas dan tanggung jawab keguruan dengan sebaik yang mungkin kerana ia merupakan ibadah. Mereka juga berpendapat bahawa tugas mereka sebagai guru tidak hanya terhad kepada menyampaikan isi pelajaran sahaja, tetapi perlu melaksanakan proses *ta'dib* (melatih dan membimbing) dan *tarbiah*

(mengasuh dan mendidik) kerana fokus utama di sebalik pengajaran bahasa Arab itu bukan sekadar apa yang tertulis di atas kertas tetapi menjangkau kepada pengukuhan iman, penghayatan ibadah serta pembinaan akhlak dan sahsiah terpuji demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Pandangan ini menyokong pandangan ulama Islam, al-Qaradhawi (1980) yang menjelaskan bahawa pendidikan dalam Islam ialah pendidikan yang menumpukan kepada segala aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan akal, hati, rohani, jasmani, akhlak dan perilaku.

Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa aspek pengetahuan ini mempengaruhi guru-guru bahasa Arab di mana mereka tidak menganggap tugas tambahan di luar masa sebagai satu beban, malah menerima sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sebagai guru bahasa Arab dan salah satu bentuk pengorbanan demi kebaikan masa depan murid dan agama Islam. Hal ini dapat dilihat melalui sikap guru-guru yang tidak pernah menolak sebarang kerja yang diamanahkan kepada mereka. Malah, kesediaan guru bahasa Arab memberi sumbangan secara sukarela dan penuh dedikasi ini mencerminkan personaliti guru bahasa Arab sebagai guru berkesan sebagaimana yang disebut oleh Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2011).

Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Nazirah dan Kamarul Azmi (2016) yang menunjukkan sifat komited yang ditunjukkan oleh guru-guru mendominasi sifat-sifat yang lain. Malah menurut Mohd Sani (2002), sikap bertanggungjawab adalah antara ciri dan kualiti peribadi guru yang berkualiti. Dengan adanya kepercayaan bahawa tugas guru di sekolah juga ialah ibadah yang dikira oleh Allah SWT, maka guru bahasa Arab dapat menjadi guru yang berkualiti dan mengaitkan kecemerlangan tugasnya dengan balasan pahala daripada Allah SWT. Ini seterusnya dapat memberi ketenangan jiwa kepada guru tersebut kerana tugas tambahan yang diterima olehnya dianggap sebagai amalan baik yang dikira oleh Allah SWT.

Hubungan dengan Murid Berasaskan Prinsip Kasih Sayang dan Persaudaraan

Selain daripada konsep kerja sebagai ibadah, ajaran Islam juga menerapkan kasih sayang dan persaudaraan sesama Islam dan sesama makhluk. Semua makhluk dilihat istimewa dan mempunyai kelebihan masing-masing. Tiada yang mendapat kedudukan istimewa di sisi Allah melainkan yang lebih banyak taqwanya. Berdasarkan prinsip ini, guru-guru bahasa Arab dilihat melayan murid-murid secara adil, lemah lembut tetapi tegas dan penuh kasih sayang. Semua murid diberi peluang yang seimbang untuk terlibat dalam aktiviti di bilik darjah kerana masing-masing mempunyai potensi untuk berjaya.

Begitu juga guru-guru bahasa Arab didapati melayan murid-murid dengan adil, lemah lembut tetapi tegas dan penuh kasih sayang. Mereka menganggap murid-murid seperti anak sendiri dan sering berusaha untuk mencari pendekatan yang lebih berhikmah bagi mengawal disiplin murid. Interaksi guru-murid yang diasaskan kepada kasih sayang dan persaudaraan Islam ini adalah konsisten dengan asas yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana yang dinyatakan oleh Ghulam Nabi Saqeb (1999). Beliau menyebut bahawa konsep pendidikan Islam yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW adalah berasaskan *psychology of love* atau pun kasih sayang antara guru dengan para pelajarnya. Beliau juga menyatakan bahawa Rasulullah SAW telah berjaya mendisiplinkan generasi muda dan dewasa dengan galakan dan kasih sayang, dan bukannya dengan marah dan memukul. Begitu juga dapatan ini selari dengan pendapat al-Ghazali (1992), di mana beliau mencadangkan bahawa salah satu sifat guru *murabbi* ialah sebagai pembimbing yang menyayangi pelajar serta memperlakukan mereka seperti anak sendiri. Dapatkan ini juga tidak berbeza dengan pandangan Ibnu Sahnun yang mengatakan bahawa pendidik hendaklah sentiasa prihatin dengan anak didik mereka serta sentiasa mengambil berat terhadap persekitaran yang berlaku di dalam dan luar kelas (Siti Salwa & Azlina, 2014).

Malah dapatan ini juga menyokong dapatan kajian Baurain (2012) yang menunjukkan

bahawa guru-guru didapati melayan murid-murid sebagai ciptaan Tuhan yang berharga dan istimewa. Dalam konteks ini, Mohd Azam Mahat (2009) telah menggariskan beberapa ciri keperibadian guru yang mampu menarik pelajar, iaitu seorang yang komited, mesra, adil dan bertimbang rasa, selalu memberi penghargaan dan sedia berkorban. Melalui penghayatan sebegini, guru bahasa Arab menjalankan hubungan dengan murid bukan hanya sekadar hubungan rasmi sebagai guru dan murid, tetapi menganggap murid-murid sebagai amanah dari Allah SWT yang perlu dilayan dengan baik berasaskan kasih sayang dan persaudaraan Islam. Dalam konteks ini, murid-murid, sekecil manapun mereka, perlu dilayan sebagai saudara Islam yang mempunyai hak dan tanggungjawab.

Guru Bahasa Arab sebagai Uswah Hasanah (Teladan yang Baik)

Teladan yang baik merupakan elemen yang amat penting, khususnya bagi seorang guru yang mempunyai pengaruh terhadap murid-muridnya. Oleh itu, antara seruan yang dianjurkan oleh Islam ialah tugas seorang guru itu tidak hanya terhad kepada mengajar sahaja, tetapi juga menjadi *uswatun hasanah* (teladan yang baik) kepada murid-muridnya. Guru-guru bahasa Arab bersetuju dengan prinsip ini dan menganggap seorang guru bahasa Arab hendaklah menunjukkan akhlak yang baik kerana setiap perlakuannya akan ditiru oleh murid-murid. Bahkan dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru-guru bahasa Arab mempunyai penampilan diri yang kemas, bersopan santun serta menunjukkan akhlak yang baik sesama guru, begitu juga dengan murid-murid. Peranan guru sebagai *uswah hasanah* memang tidak dapat dinafikan kerana menurut Abdul Raof (1993), pengaruh guru terhadap murid-muridnya sama juga dengan pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak mereka dan seorang guru yang berakhhlak mulia akan mudah mendidik pelajarnya supaya berkelakuan baik (Sofiah, Kamarul & Muhammad, 2016). Oleh itu, dengan adanya guru yang ikhlas di sekolah, akan dapat memperbaiki alam pembelajaran murid-murid. Malah, guru diakui mempunyai pengaruh yang amat besar terutamanya ke atas murid-murid sekolah rendah (Wan Mohd Zahid, 2003).


Kajian Zaharah (2001) pula mendapati pelajar-pelajar mempunyai persepsi terhadap guru-guru mereka seperti berikut : 1) Guru hendaklah memiliki sahsiah diri yang sempurna; 2) Guru tidak patut menampakkan walaupun satu keaiban yang ketara; 3) Guru hendaklah menjadi contoh terbaik pelajar; dan 4) Dari aspek-aspek akhlak dan sahsiah, pelajar menjadikan guru agama di sekolah sebagai suri teladan (*role model*) mereka.

Berdasarkan dapatan ini, dapatlah dikatakan bahawa guru memainkan peranan yang besar terhadap murid-murid mereka. Ibarat kata pepatah Melayu, ‘guru kencing berdiri, murid kencing berlari’ jelas menunjukkan bahawa guru menjadi teladan penting kepada murid-murid. Ini juga menepati apa yang disebut oleh al-Ghazali, iaitu bilakah bayang-bayang dapat menjadi lurus jika tongkatnya bengkok? Ungkapan ini memberi isyarat bahawa guru itu diumpamakan seperti tongkat dan pelajar itu ibarat bayang, maka gurulah yang menjadi teladan kepada pelajarnya, iaitu kualiti pelajar dipengaruhi oleh kualiti gurunya (Syabuddin Gade, 2018). Oleh itu, adalah sangat penting guru-guru bahasa Arab menyedari peranan dan tugas yang boleh dimainkan oleh mereka untuk membantu membentuk sahsiah dan akhlak murid yang mulia lagi terpuji. Guru bahasa Arab tidak boleh hanya menjalankan tugas-tugas mengajar sahaja, tanpa mengendahkan aspek kerohanian dan akhlak murid.

Secara umumnya, bentuk pengetahuan spiritual guru bahasa Arab sekolah rendah boleh digambarkan seperti rajah 1. Berdasarkan rajah tersebut, pengetahuan spiritual guru bahasa Arab sekolah rendah merangkumi tiga aspek utama, iaitu falsafah pengajaran sebagai ibadah dalam Islam, hubungan dengan murid berlandaskan kasih sayang dan persaudaraan serta guru sebagai *uswah hasanah* (teladan yang baik). Apabila seseorang guru menggabungkan ketiga-tiga aspek pengetahuan spiritual ini dengan pengetahuan-pengetahuan guru yang lain, tugas guru akan

menjadi lengkap, iaitu bukan sahaja sebagai insan yang membantu kecemerlangan hidup murid dalam aspek keduniaan, malah dalam aspek kehidupan di akhirat juga.

Rajah 1
Pengetahuan Spiritual Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah



Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa dapatan kajian ini memperkuuhkan kepentingan pengetahuan spiritual sebagai salah satu komponen dalam kerangka pengetahuan guru bahasa Arab sekolah rendah. Komponen pengetahuan spiritual ini dilihat mempunyai pengaruh terhadap pengetahuan pedagogi isi kandungan guru. Antara rumusan penting dapatan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Kerangka pengetahuan guru bahasa Arab sekolah rendah bukan sahaja dipengaruhi oleh pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan konteks sahaja, tetapi turut dipengaruhi oleh pengetahuan lain, iaitu pengetahuan yang dikenali sebagai pengetahuan spiritual. Dalam kajian ini, pengetahuan spiritual dilihat turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran dan tindakan guru bahasa Arab sekolah rendah. Saranan untuk menjadikan pengetahuan spiritual sebagai salah satu komponen dalam kerangka pengetahuan guru adalah selari dengan apa yang dinyatakan oleh Baurain (2012) dan Campbell (2003;2008).
2. Guru bahasa Arab sekolah rendah yang memiliki pengetahuan spiritual yang baik didapati menunjukkan sifat reda, bertanggungjawab dan tenang. Mereka memiliki kuasa spiritual dan dapat menguasai pelajar bagi mengawal tingkah laku mereka. Guru-guru bahasa Arab didapati tidak garang dan marah-marah, sebaliknya bijaksana dalam mengendalikan situasi murid. Ini mengukuhkan apa yang telah dinyatakan oleh Syed Najmuddin et al. (2010).
3. Guru bahasa Arab sekolah rendah memiliki kepercayaan bahawa tugas mengajar bahasa Arab merupakan sebahagian daripada ibadah sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Oleh itu, sesebuah pengajaran itu haruslah dilaksanakan sebaik yang mungkin bagi membolehkannya dinilai oleh Allah swt. Guru-guru bahasa Arab percaya bahawa pengajaran yang dilakukan dengan ikhlas akan diterima oleh Allah swt sebagai ibadah dan diberi ganjaran pahala. Kepercayaan ini selaras dengan apa yang disarankan oleh al-Ashqar (2001).

4. Kepercayaan spiritual yang dimiliki oleh guru-guru bahasa Arab mendorong guru-guru bahasa Arab untuk melihat murid-murid sebagai makhluk ciptaan Allah swt yang mempunyai potensi dan kelebihan tersendiri. Mereka juga memiliki hak tertentu yang perlu dipenuhi oleh guru-guru. Oleh itu, guru-guru bahasa Arab menyedari bahawa mereka mesti melayan murid-murid secara adil dan dengan penuh kasih sayang, serta berusaha untuk mencungkil potensi mereka tanpa sebarang prejUDis. Pendekatan ini selaras dengan apa yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1995).
5. Melalui kepercayaan bahawa guru merupakan contoh ikutan yang baik kepada murid-muridnya, guru bahasa Arab sekolah rendah amat menitik beratkan penampilan, sahsiah dan kualiti diri. Mereka sentiasa berusaha untuk menunjukkan contoh yang baik dan berusaha untuk menjadi tauladan dan inspirasi kepada murid-murid mereka. Melalui cara itu, guru-guru bahasa Arab berharap dapat mempengaruhi murid secara positif. Ini selaras dengan daptan kajian Hie Hie et al. (2018).

Kesimpulan

Kajian tentang pengaruh komponen pengetahuan spiritual terhadap pengetahuan pedagogi isi kandungan guru masih lagi baru dan perlu diteroka dengan lebih mendalam dalam kajian lanjutan. Walaupun kedudukan pengetahuan spiritual sebagai salah satu komponen penting dalam kerangka pengetahuan guru masih belum dapat ditentukan, namun daptan kajian ini telah menunjukkan dengan jelas bagaimana pengetahuan spiritual dapat mempengaruhi pemikiran seseorang guru bahasa Arab. Pemikiran ini seterusnya dapat memberi kesan kepada tindakan dan cara guru bahasa Arab menangani tugas sebagai guru bahasa Arab, sama ada dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, mahupun dalam aspek interaksi sosial bersama murid. Pengaruh pengetahuan spiritual ini dilihat penting kerana seseorang guru bahasa Arab sebagai seorang Muslim, bukan sahaja melihat ganjaran mereka sebagai guru melalui ganjaran dunia semata-mata, tetapi turut mengambil kira, bahkan lebih banyak memberi penekanan kepada ganjaran di akhirat. Melalui cara pemikiran sebegini, guru bahasa Arab sekolah rendah didapati menunjukkan ciri-ciri dan kualiti positif sebagai guru bahasa Arab yang baik. Oleh yang demikian, maka sewajarnya pengetahuan spiritual dimasukkan ke dalam kerangka pengetahuan guru bahasa Arab sekolah rendah sebagai salah satu komponen penting yang berinteraksi dengan komponen-komponen lain bagi menghasilkan guru bahasa Arab yang cemerlang.

Rujukan

- Abdul Raof Dalip. (1993). *Teknik pengajaran dan pembelajaran pengetahuan agama Islam di sekolah menengah dalam Pendidikan Islam Malaysia*. Penerbit UKM.
- Ashley, K.S. & Trisha, D.S. (2013). Motivation among public primary school teachers in Mauritius. *International Journal of Educational Management*, 27(4), 446-464.
- Al-Ashqar, 'Umar Sulayman. (2001). *al-Niyyat fi al-'ibadat*. Dar al-Nafa'is.
- Atikullah Hj. Abdullah. (2013). Konsep kerja sebagai ibadat menurut perspektif islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 6, 37-48. <http://www.journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/63/60>.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad ibn al-Husayn ibn Ali. (1355H). *Al-Sunan al-kubra*. Al-Ma'arif al-Nu'maniyyah.
- Baurain, B. (2012). Beliefs into practice: A religious inquiry into teacher knowledge. *Journal Of Language, Identity and Education*, 11, 312-332.
- Borg, S. (2003). Teacher cognition in language teaching: A review of research on what language teachers think, know, believe and do. *Language Teaching*, 36, 81-100.

- Campbell, E. (2003). *The ethical teacher*. Open University Press.
- Campbell, E. (2008). The ethics of teaching as a moral profession. *Curriculum Inquiry*, 38, 357-385.
- Cresswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating qualitative and quantitative research*. Edisi ke-2. Pearson
- Colalillo, K. I. (2002). Awakening creativity and spiritual intelligence: The soul work of holistic educators (Doctoral dissertation).
- Dzulkifli Abd Razak. (2017). *Revolusi industri ke-4: Mampukah menginsankan teknologi?* Dimuat turun pada Februari 2, 2020 daripada <https://www.majalahsains.com/revolusi-industri-ke-4mampukah-menginsankan-teknologi/>.
- Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wan Sakiah Wan Ngah & Naqibah Mansor. (2018). Pendidikan abad ke-21 dalam pengajaran bahasa arab di sekolah menengah di Malaysia: Amalan dan cabaran. *5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1992). *Ihya' 'ulumuddin (menghidupkan ilmu-ilmu agama)*. Terj. TK. H. Ismail Yakub. Pustaka Nasional.
- Ghulam Nabi Saqeb. (1999). The psychology of love in muslim education. *Muslim Education Quarterly*, 16(3), 38-55.
- Gudmundsdottir, S. (1997). Introduction to the theme issue of narrative perspective on research of teaching and teacher education. *Teaching and Teacher Education*, 13(1), 1-3.
- Hie Hie, Yong, Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Mohd Daud Awang & Adlina Ab Halim. (2018). Peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan kaum di sekolah. *Akademika*, 88(2), 95-108.
- Jefridin Pilus. (2011). Maklum balas guru terhadap respon pelajar semasa pengajaran Bahasa Arab Tinggi: Satu kajian kes. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran & pembelajaran*. Cetakan keempat. Penerbit UTM.
- Ker-Dincer, M. (2007). Educators' role as spiritually intelligent leaders in educational institutions. *Journal of Human Sciences*, 4(1), 1-22
- Kunandar. (2007). *Guru profesional implementasi ktsp dan sukses dalam sertifikasi guru*. PT. Raja Grafindo Persada
- Kurshid Ahmad. (1975). *Prinsip pendidikan Islam*. ABIM.
- Ibn Manzur. (1999). *Lisan al-'arab*. Dar Ihya' al-Turath.
- Marohaini Yusoff. (1996). Perlakuan dan proses mengarang pelajar Melayu dalam bilik darjah tingkatan empat: Satu kajian kes. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass Publisher.
- Mohd Azam Mahat. (2009). *Guru pendidik, pengajar atau pendakwah?*. Karisma Publications.
- Mohd Sani Ibrahim. (2002). *Etika perkhidmatan guru*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Sifat keperibadian guru pendidikan islam (gpi) terhadap rakan setugas dan pihak atasan di sekolah: Satu kajian kes. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 3(2): 85-91.
- Noriah Mohd Ishak & Zuria Mahmud. (2003). Kepintaran emosi di kalangan pekerja di Malaysia. *Prosiding IRPA-RMK-8 Kategori EAR*. 1: 184-187.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (1980). *Minhaj al-tarbiyah fi al-Islam*. Bulan Bintang.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (1993). *Ibadah dalam Islam*. Terj. Abu Asma Anshari. Pustaka Shuhada.
- Rezaei Kalantari M & Nadi Khalili R. (2018). The relationship between spirituality in workplace, organizational commitment and professional ethics among girl's senior high school teachers. *Iranian Journal Of Psychiatry And Behavioral Sciences*, 12(2), e62356.
- Smith, F. (1986). *Insult to intelligence: the bureaucratic invasion of our classroom*. Heinemann

- Smitha Rajappan, Rohini S. Nair, Kirupa Priyadarshini & V. Sivakumar. (2017). Exploring the effect of workplace spirituality on job embeddedness among higher secondary school teachers in ernakulam district. *Cogent Business & Management*, 4(1).
- Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Research*, 15(2), 4-14.
- Sisk, D. (2008). Engaging the spiritual intelligence of gifted students to build global awareness in the classroom. *Roeper Review*, 30(1), 24-30.
- Siti Salwa Sawari & Azlina Mustaffa. (2014). Guru bersahsiah mulia menurut pandang Ibnu Sahnun : Analisa buku Adab al Mualimin. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 1-10. <https://ojie.um.edu.my/article/view/5461/3236>.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika*, 86(2), 31-42.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research: grounded theory, procedures and techniques*. Sage Publication.
- Syabuddin Gade. (2018). Kompetensi guru menurut Imam al-Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 233-248.
- Syaiful Sagala. (2009). *Kemampuan profesional guru dan tenaga kependidikan*. Alfabeta.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Noriah Mohd Ishak & Syafrimen. (2010). *Guru dan kepintaran emosi: Implikasi ke atas kebolehan guru menangani masalah sosial pelajar*. <http://syafrimen.blogspot.com/2010/04/guru-dan-kepintaran-emosi.html>.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin. (2003). Peranan Pendidikan Islam dalam Falsafah Pendidikan Negara. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*, 15-30. Kuala Lumpur: IKIM.
- White, K. R. (2009). Connecting religion and teacher identity: The unexplored relationship between teachers and religion in public schools. *Teaching and Teacher Education*, 25, 857–866.
- White, K. R. (2010). Asking sacred questions: Understanding religion's impact on teacher belief and action. *Religion & Education*, 37(1), 40–59.
- Zaharah Hussin. (2005). Mendidik generasi berakhlak mulia: fokus peranan guru Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*, 28(1), 79-94.
<http://www.ukm.my/geografi/images/upload/8.pdf>.

Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Secara Dalam Talian Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam KUIS

Dayang Syafienna binti Hasan
 dayangsyafienna@gmail.com
 Kamarulnizam bin Sani, Ph.D
 kamarulnizam@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Bahan bantu mengajar (BBM) merupakan perkara yang penting untuk keberkesanan proses pengajaran dan pemudahcara (PdPc) dalam bilik darjah. Selain itu, penggunaan BBM dalam talian ini merupakan salah satu kaedah untuk melatih guru pelatih menjadikan pengajaran mereka lebih menarik dan memberi kesan yang mendalam kepada pelajar. Namun begitu, penggunaan BBM yang sudah ada masih kurang membantu guru dalam melancarkan proses PdPc. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan BBM secara dalam talian dari aspek amalan, jenis seperti Kahoot, Wordwall, Google Classroom dan Google meet serta kemahiran penggunaan BBM dalam talian dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam KUIS. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif berbentuk kuantitatif. Data diperolehi daripada instrument soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa amalan penggunaan BBM dalam talian dalam kalangan GPPI berada pada tahap yang tinggi. Bagi jenis-jenis BBM juga berada pada tahap yang tinggi dan kemahiran penyediaan BBM dalam talian juga memuaskan serta berada pada tahap yang tinggi. Terdapat beberapa cadangan dan penamaianan telah dikemukakan oleh pengkaji untuk membantu pengkaji-pengkaji yang lain. Diharapkan agar kajian ini dapat membantu meningkatkan lagi kualiti dan kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: Amalan penggunaan, bahan bantu mengajar dalam talian, guru pelatih, KUIS

Abstract

Teaching aids (BBM) are important for the effectiveness of the teaching and facilitating processes in the classroom. In addition, the use of these online teaching aids is one method to train trainee teachers to make their teaching more interesting and have a profound impact on students. However, the use of existing teaching aids also does not help teachers in launching the PdPc process. Hence, this study aims to identify the use of teaching aids online from the aspect of practice, such as Kahoot, Wordwall, Google Classroom and Google Meet, as well as the skills of using teaching aids online among KUIS Islamic Education trainee teachers. This study uses a descriptive method in the form of quantitative analysis. Data were obtained from questionnaire instruments and analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software. Overall, the results showed that the practice of online fuel consumption among Teachers Practicum of Islamic Education (TPIE) is at a high level. The type of teaching aids is also at a high level, as are the online teaching aids preparatory skills. There are a number of suggestions and improvements that have been put forward by the researcher to assist the researcher and other researchers. It is hoped that this study can help to further improve the quality and skills of the use of teaching aids in the teaching and learning process.

Keywords: *The practice, teaching aids online, trainee teacher, KUIS*

Guru berperanan sebagai sumber utama pengetahuan kepada pelajar telah berubah kepada guru sebagai pemudahcara dalam PdPc dan juga agen perubahan serta menjadi sumber maklumat kepada para pelajar. Di samping itu, guru hendaklah menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk membolehkan pengajaran menjadi lebih efisien, menarik dan menyeronokkan dengan penggunaan BBM yang pelbagai serta akan menambah kualiti penyampaian guru, (Hafiz Yunus, 2018).

Menurut kajian Siti Fatimah Ahmad dan Ab Halim Tamuri et. al., (2010), yang mengatakan bahawa terdapat segelintir guru Pendidikan Islam yang langsung tidak memanfaatkan dan menggunakan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran serta masih mengamalkan kaedah tradisional serta tidak menggunakan BBM. Selain itu, pengajarannya juga yang lebih berpusatkan kepada guru semata-mata seperti soal jawab, perbincangan, hafalan dan syarahan.

Hadirnya BBM ini merupakan salah satu kaedah yang mampu membantu para guru dalam proses PdPc mereka, (Hafiz Yunus, 2018). Namun, penggunaan BBM ini masih belum dilaksanakan secara maksimum dan masih belum lagi dapat digambarkan oleh para guru di negara kita, yang mana ini berkaitan dengan keinginan kerajaan untuk menjadikan profesion perguruan agar lebih menarik dan dapat memantapkan pengurusan prestasi serta pembangunan bertaraf dunia (RMK 10). Selain itu, dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK 9) juga ada menyatakan kerajaan akan melakukan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan.

Oleh demikian, pihak KUIS telah menyediakan satu program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia, yang mana pelajarnya akan menjalani satu latihan ilmiah di sekolah masing-masing. Dengan ini, pelbagai kaedah telah mereka lakukan ketika proses latihan mengajar itu dilakukan. Sebagai contoh, penggunaan BBM dalam PdPc. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan amalan penggunaan guru pelatih ini terhadap BBM secara dalam talian. Kajian ini akan dijalankan terhadap pelajar semester enam dan tujuh yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia dan dijalankan di Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Justeru, kajian ini dijalankan atas matlamat meneroka dan mendalami kelebihan dan kekuatan amalan penggunaan BBM secara dalam talian dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam fakulti pendidikan KUIS. Ini juga adalah agar dapat memberi manfaat kepada guru terhadap tahap dan bagaimana cara guru menggunakan bantu bantu mengajar dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan, (Faizah Ja'apar 2017). Melalui kajian ini, guru dapat tahu bagaimana hendak menggunakan BBM dengan sebaiknya agar dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran.

Penyataan Masalah

Terdapat beberapa permasalahan dalam penggunaan BBM secara dalam talian ini, antaranya menurut kajian (Norazmina Suhaimi, 2019) terdapat beberapa guru Pendidikan Islam yang tidak menggunakan teknik dan kaedah yang menarik dalam proses PdPc. Ini adalah kerana berdasarkan kepada pembelajaran abad ke-21 adalah melaksanakan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar berbanding guru. Di samping itu juga, akibat pelajar berasa mudah hilang tumpuan dan melakukan kerja sendiri semasa proses PdPc adalah kerana terdapat beberapa guru yang masih berminat dan masih menggunakan kaedah yang lama iaitu "*chalk and talk*" semasa proses PdPc dijalankan. (Faizah, 2017). Akan tetapi, pada masa kini pembelajaran berlaku kesemua secara dalam talian akan memaksa guru untuk mengembangkan lagi kaedah dan teknik pengajaran mereka. Justeru, pada kajian ini pula, terdapat jurang yang akan membezakannya, iaitu penggunaan BBM secara dalam talian seperti *Google Classroom*, *Google*

Meet, Kahoot, Wordwall dan sebagainya, berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Faizah (2017) yang mengatakan terdapat guru yang masih menggunakan kaedah yang lama iaitu '*Chalk and Talk*'.

Manakala, permasalahan seterusnya menurut kajian Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017), pengetahuan yang kurang dalam penyediaan BBM merupakan elemen yang menghalang kepada penggunaan BBM secara optimum dalam menarik minat pelajar, meningkatkan motivasi dan membentuk keupayaan berfikir pelajar. Oleh kerana itu, guru hendaklah lebih maju dan berkemahiran dalam penggunaan BBM yang berasaskan teknologi dan secara tidak langsung penggunaannya amat diperlukan bagi memastikan pengajaran tidak membosankan, (Alizah Lambri & Zamri Mahamod, 2019). Di samping itu, kemahiran penggunaan guru pelatih terhadap bahan bantu mengajar juga perlu dititik beratkan, agar kelak pengajaran dan pemudahcaraan mereka juga menghasilkan dampak yang berkesan terhadap kecemerlangan pelajar. Dengan itu, jurang yang terdapat dalam kajian ini pula adalah untuk mengkaji bagaimana amalan penggunaan BBM guru pelatih secara dalam talian. Perkara tersebut akan dikaji dari segi, adakah mereka lebih berpengetahuan dalam penggunaan BBM secara dalam talian seperti penggunaan aplikasi *Wordwall, Kahoot* dan sebagainya.

Walaupun terdapat kajian berkaitan amalan penggunaan BBM dalam kalangan guru pelatih, namun masih kurang lagi kajian berkaitan penggunaan BBM secara dalam talian yang akan menggunakan pelbagai aplikasi seperti *Google Classroom, Kahoot, zoom* dan lain-lain sebagai pengganti kepada alat penyediaan bahan bantu mengajar.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti jenis bahan bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian dalam kalangan guru pelatih di KUIS.
2. Mengenal pasti kemahiran guru pelatih di KUIS terhadap penyediaan bahan bantu mengajar secara atas talian.

Soalan Kajian

1. Apakah jenis bahan bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian dalam kalangan guru pelatih di KUIS?
2. Bagaimanakah kemahiran guru pelatih di KUIS terhadap penyediaan bahan bantu mengajar secara atas talian?

Tinjauan Literatur

Kajian lepas yang berkaitan BBM yang bertajuk Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penggunaan guru terhadap bahan bantu mengajar dalam P&P di empat buah Sekolah Menengah Daerah Pontian. Selain itu, kajian ini mengkaji dari aspek amalan, kemahiran dan sikap serta perbezaan berdasarkan jantina guru. Dapatkan kajian dalam kajian ini menunjukkan guru menggunakan BBM dari ketiga-tiga aspek berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai kesedaran bahawa penggunaan BBM dalam P&P sangat penting dalam menarik minat pelajar, di samping untuk meningkatkan tahap prestasi pelajar itu sendiri serta untuk mencapai objektif pengajaran guru. Kajian yang dijalankan oleh Faizah Ja'apar (2017) ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Ini adalah kerana kajian ini dilakukan untuk melihat tahap penggunaan guru Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah di daerah Pontian, manakala kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk melihat amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru pelatih sahaja. Dalam kajian ini, terdapat beberapa definisi bagi istilah-

istilah penting yang akan digunakan:

i) Amalan

Amalan ialah suatu kebiasaan manusia, dan amalan guru yang berkesan adalah ketika guru mempelbagaikan teknik pengajaran dan menyediakan BBM berkaitan tajuk yang hendak diajarkan, (Faizah Ja'apar, 2017). Oleh itu, dalam konteks kajian ini, amalan yang dimaksudkan adalah perbuatan kebiasaan yang dilakukan guru pelatih Pendidikan Islam dalam pengajaran secara dalam talian ke atas bahan pengajaran yang digunakan.

ii) Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan bantu mengajar ialah kelengkapan yang guru guna pakai dalam pengajaran, sama ada berbentuk bahan maujud, bahan elektronik dan bukan elektronik. Dalam kajian ini, BBM bermaksud bahan, media, alat dan aplikasi secara dalam talian yang guru pelatih Pendidikan Islam akan gunakan sewaktu PdPc dijalankan.

iii) Guru Pelatih Pendidikan Islam

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendefinisikan guru pelatih Pendidikan Islam sebagai seorang guru yang bertanggungjawab yang mengajar subjek Pendidikan Islam peringkat menengah rendah dalam menjayakan penggunaan BBM secara dalam talian semasa dalam PdPc.

Selain itu, jenis BBM secara dalam talian yang guru boleh gunakan seperti aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam internet. Sebagai contoh, *Google Classroom*, *Google Meet*, *Kahoot*, *Wordwall* dan lain-lain.

i) *Google Classroom* (GC)

Jenis bahan bantu mengajar dalam talian yang pengkaji ingin masukkan dalam kajian ialah *Google Classroom* yang merupakan salah satu BBM yang amat penting untuk guru aplikasikan ketika ingin mempelbagaikan kaedah PdPc. Menurut Muhammad Ajwad dan Harun (2021), salah satu contoh alternatif pendidikan maya di Malaysia adalah dengan penggunaan GC dalam pembelajaran. Ini adalah ekoran pendidik yang merubah perubahan dasar pendidikan menjadi lebih strategik. *Google Classroom* ialah satu platform yang terbaik untuk meningkatkan gerak kerja guru dalam PdPc dan mempunyai satu set ciri canggih yang menjadikannya sebagai alat bantu yang sesuai untuk digunakan.

ii) *Kahoot*

Kahoot! juga merupakan salah satu aplikasi yang digemari oleh pelajar ketika pembelajaran dalam talian ini, (Muhammad Saiful et,al, 2019). Menurut beliau dan rakan-rakan lagi aplikasi *Kahoot!* Ini merupakan sebuah permainan dalam talian secara percuma yang digunakan sebagai teknologi pendidikan. Selain itu, aplikasi ini juga adalah alat pembinaan kuiz yang berunsur pertandingan, yang membolehkan pelajar menjawab secara serentak dalam masa yang diperuntukkan serta secara dalam pemantauan guru.

iii) *Wordwall*

Wordwall juga termasuk sebagai media pembelajaran yang boleh guru gunakan sebagai bahan bantu mengajar. Menurut Hanifah (2018) dalam kajian Kustandi mengatakan bahawa media pembelajaran adalah salah satu alat yang akan membantu melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran, kerana media akan menjelaskan mesej yang akan disampaikan kepada pelajar serta supaya dapat mencapai objektif pembelajaran. Media juga dapat merangsang pemikiran pelajar, kesediaan mereka dalam pembelajaran sehingga dapat memberikan semangat untuk pembelajaran. (Alwi, 2017).

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih reka bentuk kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*). Pengkaji memilih reka bentuk ini kerana ia sangat sesuai digunakan, sangat mudah dan senang kepada penyelidikan kajian ini. Menurut *John W. Creswell* (2008), kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan untuk memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengumpul data yang diperoleh daripada peserta dan sebagainya. Manakala menurut *Mohd Majid Konting* (1998), kaedah tinjauan (*survey*) adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk mendapatkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Pensampelan

Pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan rawak mudah terhadap pelajar semester 6 dan 7 yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia, seramai 92 orang.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Data utama dalam kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang dijalankan ke atas pelajar semester 6 dan 7 Fakulti Pendidikan, KUIS. Penganalisan data akan dilakukan melalui perisian *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) bagi data yang telah diperoleh melalui borang soal selidik secara deskriptif menggunakan peratusan, sisihan piawai dan min. Pengkaji akan menggunakan perisian SPSS ini untuk menganalisis keputusan kajian secara deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan min berkaitan amalan penggunaan BBM guru pelatih Pendidikan Islam secara dalam talian. Kajian rintis ini dijalankan kepada 30 sampel yang terdiri daripada guru pelatih Tahun 3 semester 5 yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia, KUIS. Pengkaji memilih sampel tersebut kerana mereka juga bakal menjadi guru praktikal yang telah mengetahui tentang subjek pedagogi pendidikan.

Dapatan Kajian

Data yang dikumpul ini diperolehi dengan mengedarkan item soal selidik dan di analisis secara deskriptif melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) dengan merujuk taburan kekerapan, peratusan, sisihan piawaian dan nilai min bagi menjawab soalan kajian ini.

Maklumat Demografi Responden

Bahagian demografi responden ini menjelaskan dengan lebih terperinci dapatan analisis yang terdiri daripada jantina responden, umur responden, semester terkini responden dan CGPA terkini responden. Seramai 92 orang mahasiswa yang terdiri daripada semester 6 dan 7 yang mengambil program Pendidikan Islam dengan multimedia yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1

Maklumat Demografi Responden

Bil.	Latar Belakang	Item	Kekerapan	Peratusan
1.	Jantina	Lelaki	26	28.3%
		Perempuan	66	71.7%
2.	Umur	18 – 20 Tahun	-	-
		21 – 23 Tahun	69	75%

		24 Tahun Ke atas	23	25%
3.	Semester Terkini	Semester 6	51	55.4%
		Semester 7	41	44.6%
4.	CGPA Terkini	2.00 – 2.50	1	1.1%
		2.51 – 3.00	4	4.3%
		3.01 – 3.50	21	22.8%
		3.51 – 4.00	66	71.7%

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan demografi responden untuk kajian ini. Bagi item jantina, seramai 26 orang lelaki yang menjawab soal selidik ini dengan peratusan 28.3%. Manakala, bagi perempuan seramai 66 orang responden dengan peratusan 71.7% yang menjawab soal selidik ini. Ini bermakna lebih ramai perempuan yang menjawab soal selidik ini berbanding lelaki.

Seterusnya, seramai 69 orang responden yang berumur antara 21 – 23 tahun (75%) yang menjawab soal selidik ini. Manakala sebanyak 23 orang responden dengan peratusan 25% yang berumur antara 24 tahun ke atas. Maka peratusan keseluruhan menunjukkan bilangan responden yang berumur antara 21 – 23 tahun lebih tinggi berbanding responden yang berumur 24 tahun ke atas yang menjawab soal selidik ini.

Selain itu, seramai 51 orang responden (55.4%) yang terdiri daripada semester 6 dan seramai 41 orang responden (44.6%) adalah daripada semester 7. Oleh yang demikian, peratusan daripada responden yang paling tinggi menjawab soal selidik ini adalah daripada semester 6 iaitu sebanyak 55.4% berbanding semester 7.

Sementara itu, seramai 66 orang responden yang memiliki CGPA antara 3.51 – 4.00 dengan peratusan 71.7%, seramai 21 orang responden (22.8%) yang memiliki CGPA antara 3.01 – 3.50, 4 orang responden (4.3%) yang memiliki CGPA antara 2.51-3.00 dan hanya 1 orang sahaja yang memiliki CGPA antara 2.00 – 2.51 dengan peratusan 1.1%. Oleh itu, responden yang memiliki CGPA antara 3.51 – 4.00 adalah bilangan responden yang tertinggi berbanding yang lain.

Jenis Bahan Bantu Mengajar (BBM) Yang Digunakan Secara Dalam Talian Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam KUIS.

Jadual 2

Min dan Sisihan Piawaian

Item	Kekerapan dan Peratusan (%)					Min	S.P
	STS	TS	KS	S	SS		
1. Saya sering menggunakan <i>Google Classroom</i> ketika PdPc dijalankan.	- 0%	- 0%	1 1.1%	37 40.2%	54 58.7%	4.57	0.51
2. <i>Google Classroom</i> merupakan media yang sangat baik untuk interaksi sosial.	- 0%	- 0%	5 5.4%	38 41.3%	49 53.3%	4.47	0.60

3. Saya mendapati penggunaan <i>Kahoot!</i> dalam pembelajaran sangat berkesan.	- 0%	- 0%	8 8.7%	41 44.6%	43 46.7%	4.38	0.64
4. Pembelajaran melalui gamifikasi membuatkan minat saya terhadap pembelajaran lebih tinggi.	- 0%	- 0%	8 8.7%	30 32.6%	54 58.7%	4.50	0.65
5. Saya akan mengulangkaji mata pelajaran untuk mendapatkan skor yang tinggi dalam aktiviti <i>Kahoot</i> .	- 0%	1 1.1%	13 14.1%	38 41.3%	40 43.5%	4.27	0.74
6. Pembelajaran berdasarkan permainan seperti <i>Wordwall</i> membawa keseronokan semasa belajar.	- 0%	- 0%	6 6.5%	32 34.8%	54 58.7%	4.52	0.61
7. Latihan dan kuiz dapat dijalankan dengan mudah dengan menggunakan <i>Wordwall</i> .	- 0%	- 0%	8 8.7%	35 38.0%	49 53.3%	4.44	0.65
8. Perbincangan secara <i>online</i> dengan rakan sekumpulan lebih berkesan melalui penggunaan <i>google meet</i> .	1 1.1%	1 1.1%	13 14.1%	32 34.8%	45 48.9%	4.29	0.83
9. Saya menggunakan slaid <i>PowerPoint</i> dalam PdPc.	- 0%	- 0%	- 0%	30 32.6%	62 67.4%	4.67	0.47
10. Saya mengintegrasikan pelbagai penggunaan bahan multimedia (komputer, video <i>presenter</i> , LCD projector dll).	- 0%	1 1.1%	1 1.1%	33 35.9%	57 62%	4.58	0.57

Jadual 2 menunjukkan perincian skor min berkaitan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan secara dalam talian dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam KUIS. Item yang memperolehi skor min tertinggi dalam bahagian ini ialah 9 ($m= 4.67$, $sp= 0.4$), “Saya menggunakan slaid Powerpoint dalam PdPc”. Seramai 30 orang responden (32.6%) menjawab setuju dan seramai 62 orang (67.4%) yang menjawab sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Ini bermakna guru pelatih Pendidikan Islam KUIS kebanyakannya akan menggunakan slaid powerpoint untuk proses PdPc. Oleh kerana powerpoint pada masa sekarang sangat mudah dan senang digunakan untuk membuatkan proses PdPc berjalan dengan lancar.

Manakala, skor min yang rendah adalah bagi item 5 ($m= 4.27$, $sp= 0.7$), “Saya akan mengulang kaji mata pelajaran untuk mendapatkan skor yang tinggi dalam aktiviti Kahoot!”. Seramai 38 orang responden (41.3%) yang menjawab setuju dan 40 orang (43.5%) yang menjawab sangat setuju. Manakala seramai 13 orang (14%) yang menjawab kurang setuju dengan pernyataan tersebut dan hanya seorang yang menjawab tidak setuju. Pernyataan tersebut mendapat skor min yang rendah di antara item yang lain kerana berkemungkinan ramai guru pelatih yang tidak mengulangkaji mata pelajaran sebelum membuat aktiviti.

Oleh yang demikian, analisis dari item bahagian ini menunjukkan nilai skor min keseluruhan yang tinggi iaitu sebanyak 4.46. Ini bermakna guru pelatih Pendidikan Islam KUIS

sering menggunakan bahan bantu mengajar dalam talian seperti Google Classroom, Kahoot, Wordwall dan Google Meet. Namun, ada juga guru pelatih yang menggunakan slaid Powerpoint yang juga berunsurkan multimedia dalam pengajaran.

Kemahiran Guru Pelatih di KUIS Terhadap Penyediaan Bahan Bantu Mengajar Secara Dalam Talian.

Jadual 3
Min dan Sisihan Piawaian

Item	Kekerapan dan Peratusan (%)					Min	S.P
	STS	TS	KS	S	SS		
1. Saya mahir menggunakan BBM dalam talian seperti <i>Kahoot</i> , <i>Wordwall</i> , dan <i>Google Classroom</i> .	- 0%	3 3.3%	11 12%	44 47.8%	34 37%	4.18	0.76
2. Saya sentiasa melakukan pencarian maklumat ringkas berkaitan BBM yang hendak digunakan.	1 1.1%	- 0%	2 2.2%	40 43.5%	49 53.3%	4.47	0.65
3. Kemahiran menggunakan BBM amat penting dalam proses PdPc.	- 0%	- 0%	- 0%	39 42.4%	53 57.6%	4.57	0.49
4. Saya sentiasa mempelbagaikan penggunaan BBM dalam PdPc.	1 1.1%	- 0%	2 2.2%	43 46.7%	46 50%	4.44	0.65
5. Saya kreatif dalam memilih BBM yang hendak digunakan.	1 1.1%	1 1.1%	10 10.9%	42 45.7%	38 41.3%	4.25	0.77
6. Penggunaan BBM dalam talian seperti <i>Kahoot!</i> tidak memberi masalah kepada saya.	- 0%	- 0%	8 8.7%	47 51.1%	37 40.2%	4.31	0.62
7. Saya manfaatkan bahan yang sedia ada seperti buku teks dan lembaran kerja dengan berkesan.	- 0%	- 0%	2 2.2%	42 45.7%	48 52.2%	4.50	0.54
8. Pembelajaran dalam talian dengan penggunaan bahan bantu mengajar seperti <i>Kahoot!</i> lebih menarik berbanding pembelajaran tradisional.	- 0%	1 1.1%	4 4.3%	41 44.6%	46 50%	4.43	0.63
9. Saya mahir menggunakan sistem pengurusan pembelajaran seperti <i>Google Classroom</i> , <i>Meet</i> atau <i>Kahoot!</i> sebagai alat untuk pembelajaran dalam talian.	- 0%	- 0%	5 5.4%	35 38.0%	52 56.5%	4.51	0.60

Jadual 3 menunjukkan perincian skor min berkaitan kemahiran guru pelatih di Kuis terhadap penyediaan bahan bantu mengajar secara dalam talian. Item yang memperolehi skor min tertinggi dalam bahagian ini ialah 3 ($m= 4.57$, $sp= 0.4$), "Kemahiran menggunakan BBM amat penting dalam PdP". Seramai 39 orang responden (42%) yang menjawab setuju dan seramai 53 orang (57.6%) yang menjawab sangat setuju. Pernyataan tersebut menunjukkan guru

pelatih sangat bersetuju dengan penggunaan BBM dalam PdPc memerlukan kemahiran yang baik. Ini adalah kerana jika tidak mempunyai kemahiran dalam penggunaan BBM, berkemungkinan pengajaran akan terjejas dan mengakibatkan pelajar tidak memahami dengan isi pelajaran.

Manakala, item yang mendapat skor min yang rendah ialah 1 ($m=4.18$, $sp=0.7$). "Saya mahir menggunakan BBM dalam talian seperti *Kahoot*, *Wordwall*, dan *Google Classroom*". Seramai 44 orang responden (47.8%) yang menjawab setuju dan 34 orang (37%) yang menjawab sangat setuju. Selebihnya seramai 11 orang responden (12.0%) yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 3 orang responden (3.3%) yang tidak bersetuju. Ini bermakna, terdapat sebahagian lagi guru pelatih yang tidak berkemahiran dalam menggunakan BBM dalam talian seperti *Kahoot*, *Wordwall* dan *Google Classroom*. Justeru, nilai min keseluruhan bagi bahagian ini ialah sebanyak 4.40 yang menunjukkan interpretasi yang tinggi. Ini bermakna guru pelatih semester 6 dan 7 mempunyai kemahiran dalam mengendalikan bahan bantu mengajar dalam talian.

Perbincangan dan Cadangan

Terdapat beberapa jenis BBM yang digunakan oleh guru pelatih secara dalam talian yang mendapat skor nilai min tertinggi sebanyak 4.67 iaitu pada item Saya menggunakan slaid *powerpoint* dalam PdPc. Hal ini menunjukkan bahawa guru pelatih menggunakan slaid *powerpoint* dalam PdPc dan bukan sahaja BBM dalam talian seperti *Kahoot!* dan sebagainya. Kebanyakan guru pelatih bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana menggunakan *powerpoint* juga termasuk sebagai penggunaan media dalam pembelajaran. (Ngin Wei Haw, 2009). Oleh itu, seperti yang kita ketahui, penggunaan media dalam pembelajaran sangat membantu pengajaran guru dalam bilik darjah malahan memberikan keseronokan kepada pelajar serta suasana pembelajaran yang sihat. Selain itu, penggunaan slaid *powerpoint* juga sangat mudah digunakan dan sudah tentu guru pelatih sangat berkemahiran dalam menghasilkan slaid yang menarik perhatian pelajar. Di samping itu, penggunaan slaid *powerpoint* ini juga sangat popular di kalangan guru dalam bidang pendidikan.

Seterusnya, kemahiran guru dalam menyediakan bahan bantu mengajar sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menjadikan proses pengajaran berjalan dengan lancar dan baik. Perkara ini dapat dilihat pada item Kemahiran menggunakan BBM sangat penting dalam PdPc. Jikalau kita sebagai guru dan bakal guru tidak berkemahiran dalam menyediakan BBM, maka proses pengajaran kita juga menjadi tidak lancar dan pelajar akan sukar memahami pelajaran yang disampaikan. Begitu juga dengan pengendalian BBM dalam talian seperti *Wordwall*, *Kahoot* dan sebagainya, guru pelatih menunjukkan kemahiran yang lebih maju dan sangat berkemahiran dalam mengendalikan aplikasi dengan teknologi yang semakin maju.

Selain itu, pada item yang mendapat nilai min kedua tertinggi, Pembelajaran dalam talian dengan penggunaan BBM seperti *Kahoot* lebih menarik berbanding pembelajaran tradisional. Hal yang demikian kerana sudah terang lagi bersuluh, pembelajaran yang berasaskan teknologi ini akan lebih membawa keseronokan kepada pelajar berbanding dengan pembelajaran tradisional. Pembelajaran dengan kaedah yang lama dapat diatasi dengan penggunaan teknologi dan aplikasi-aplikasi seperti *Kahoot* sebagai BBM dalam bilik darjah dan isu kebosanan pelajar dalam kelas juga turut dapat diatasi. (Saiful Anuar, 2019).

Melalui hasil dapatan kajian ini, pengkaji telah mengetengahkan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh pengkaji-pengkaji lain yang perlu mereka terokai berkaitan dengan bahan bantu mengajar ini. Antara cadangan kajian lanjutan yang dikemukakan ialah kajian ini hanya melibatkan guru pelatih Pendidikan Islam. Oleh itu, diharapkan supaya kajian lanjutan dapat melibatkan guru Pendidikan Khas agar kita dapat melihat bagaimanakah amalan

penggunaan BBM dalam kalangan guru Pendidikan Khas. Hal ini kerana, terdapat dapatan kajian lepas yang mengatakan, PdPc Pendidikan Khas sangat istimewa berbanding PdPc yang biasa, kerana memerlukan masa yang lama untuk menyiapkan PdPc tersebut. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar penyelidik yang lain menggabungkan kedua-dua kaedah kajian iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hal ini kerana agar kajian lanjutan dapat memberikan dapatan kajian yang lebih berkesan serta lebih berkualiti.

Kesimpulan

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses PdPc ini adalah sangat sesuai dengan teknologi yang semakin canggih yang seiring dengan pendidikan masa kini serta yang akan membantu guru untuk memastikan kefahaman yang berkesan terhadap pelajar juga dapat menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran yang akan diajarkan dalam bilik darjah. Selain itu, BBM ini tidak terhad kepada buku teks sahaja, tetapi juga yang merangkumi bahan multimedia seperti aplikasi-aplikasi *Kahoot*, *Wordwall* dan sebagainya yang akan membuatkan BBM ini menjadi semakin menarik dan berkualiti. Oleh yang demikian, guru pelatih juga telah didedah dengan pelbagai kaedah dan strategi pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar, perlu di beri penekanan untuk membina bahan bantu mengajar yang akan digunakan kelak. Justeru, mereka perlu berkemahiran untuk mengenal pasti dan membuat keputusan untuk memilih BBM yang paling berkesan yang perlu diselaraskan dengan objektif pengajaran guru.

Rujukan

- Abd Samad, N., Wan Ahmad, W. M. R., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S., & Jaapar, F. (2019). Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian.
- Abdullah, M. F. N. L., & Tze Wei, L. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian kendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211–265.
- Abu Hassan, S. A., Zainol Abidin, S., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanannya pembelajaran dan pengajaran dalam talian (e- pembelajaran) terhadap pembelajaran pelajar di kolej komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 2(10), 1–14.
- Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, & Adnan Jusoh. (2021). The use of teaching aids (BBM) in the subject theme of "colonization in southeast asia in the 19th century. Perspektif: *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 1–13.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Pendidikan Bahasa Melayu – JPB*, 11(2180–4842), 59–70.
- Aisyah, S., & Sulaim, B. (2021). Atas Talian Dalam Kalangan Pelajar Semasa Pandemik Covid-19 Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Ajwad, M., Suhaimi, M., & Baharudin, H. (2021). Tahap Kemahiran Dan Penggunaan Guru-Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Maya Google Classroom Sepanjang Pandemik Covid-19. March.
- Ikhwan, M., Bin, S., & Khalil, M. (2020). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Islam Ikram Musleh Selangor, 2021.
- Norazmina M. Suhaimi. (2019). Thesis Bachelor; Penggunaan Youtube Sebagai Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam.
- Charles, M. L., & Ling, Y.-L. (2020). Peranan Bahan Bantu Mengajar Dan Persekutaran Maklum Balas Dalam Meningkatkan Kualiti Pembelajaran Pelajar. Conference: National Research Innovation Conference (Nricon 2020), October.

Tahap Taksonomi Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam

¹Aminurrashid bin Ahmad Dahari, Ph.D

rayyan7000@gmail.com

²Asmawati binti Suhid, Ph.D

asmawati@upm.edu.my

³Fathiyah binti Mohd Fakhrudin, Ph.D

fathi@upm.edu.my

⁴Rozita@Radhiah binti Said, Ph.D

radhiahrozita@upm.edu.my

¹IPG Kampus Pendidikan Islam

^{2,3,4}Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kemahiran berfikir secara kritis merupakan elemen yang perlu disepadukan bagi kecemerlangan Pendidikan Islam (PI). Natijah, pemikiran kritis meliputi amalan logik, meramal dengan tepat dan mengikut kronologi. Walaupun pemikiran kritis bukan diajar sebagai mata pelajaran, namun elemennya relevan dengan perkembangan perspektif pengajaran Islam. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap keupayaan pemikiran kritis dan aplikasi elemen pemikiran kritis berdasarkan pengajaran berdasarkan penyelesaian masalah dalam pembelajaran PI. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik dan temubual sebagai kaedah pengumpulan data. Seramai 73 orang guru pelatih PI yang terlibat dari Institut Pendidikan Guru Kampus pendidikan Islam (IPGKPI). Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan skor min. Dapatkan kajian menunjukkan tahap keupayaan pemikiran kritis yang diamalkan oleh guru pelatih mencatatkan tahap sederhana tinggi dengan nilai min (3.99.) Dapatkan ini juga menunjukkan purata keseluruhan setiap elemen pemikiran kritis yang diaplakisikan dalam penyelesaian masalah PI, iaitu kesemuanya berada pada tahap sederhana dengan kemahiran menyelesaikan masalah mencatatkan min paling tinggi (4.03) dan kemahiran membuat keputusan mencatatkan nilai min yang terendah (4.15). Justeru, guru pelatih PI wajar diberi pendedahan melaksanakan aktiviti penyelesaian masalah yang melibatkan pemikiran kritis secara autentik bagi membantu meningkatkan kualiti kemenjadian murid dalam Pendidikan Islam yang bermakna.

Kata kunci: Taksonomi, Elemen Pemikiran Kritis, pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti

Abstract

Critical thinking skills are elements that need to be integrated for excellence in Islamic Education (IE). As a result, critical thinking includes logical practice, predicting accurately and chronologically. Although critical thinking is not taught as a subject, its elements are relevant to the development of Islamic teaching perspectives. The purpose of this study is to identify the level of critical thinking ability and the application of critical thinking elements based on problem-solving-based teaching and learning in IE. This study is a survey study that uses questionnaires and interviews as data collection methods. A total of 73 IE teacher trainees from the Institute of Teacher Education Islamic Education Campus (IPGKPI) were involved in this study and the data were analysed descriptively using mean scores. The findings of the study show that the level of critical thinking ability practised by trainee teachers is moderately high with a mean value of 3.99. This finding also shows the overall average of each element of critical

thinking applied in IE problem-solving, which is all at a medium level with problem-solving skills recording the highest mean (4.03) and decision-making skills recording the lowest mean value (4.15). Therefore, IE trainee teachers should be given exposure to perform problem-solving activities that involve authentic thinking in order to help improve the quality of students' experiences in meaningful Islamic Education.

Keywords: Taxonomy, Elements of Critical Thinking, quality teaching and learning

Matlamat kecemerlangan insan selaras dengan matlamat Pendidikan Islam (PI), iaitu melahirkan insan berminda kelas pertama yang kritis, kreatif dan produktif menerusi pemupukan asas PI (DSKP PI, 2016). Penghayatan nilai wajar diletakkan pada landasan yang betul dalam kemenjadian murid agar pengajaran dan pembelajaran yang diterjemahkan mencapai aras penghayatan yang diingini (Mohamad Yusof Abdul Hamid, 2014). Selaras dengan keperluan abad ke-21, enam atribut utama, iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, identiti nasional, etika dan kerohanian telah disasarkan kepada setiap pelajar melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). KBAT merupakan agenda terbesar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia setelah objektif pengajaran Taksonomi Bloom (rujukan semula oleh Krathwohl, 2000) diperkenalkan. Bagi memupuk kemahiran abad ke-21, pendidik perlu menggunakan kaedah berpusatkan pelajar yang memberikan peluang kepada pelajar untuk berkolaboratif dan melibatkan diri dalam penyelesaian masalah secara autentik (Garrison, 2011).

Sejajar dengan itu, KBAT juga merupakan salah satu kemahiran yang diperlukan oleh pelajar sebagai persediaan alam pekerjaan. Selain daripada memiliki kemahiran asas seperti berkomunikasi dan memahami arahan dengan baik, kemahiran berfikir aras tinggi juga penting dalam memperoleh pekerjaan (Robinson, 2000), iaitu dapat bertindak secara logik dalam menyelesaikan sebarang masalah merupakan aset yang paling berharga (Malaysian Qualification Framework, 2002). Menurut Ruggeiro (2004), pemikiran berlaku berdasarkan dua peringkat, iaitu peringkat penghasilan dan peringkat penilaian. Peringkat penghasilan adalah berkaitan dengan penjanaan sesuatu idea penyelesaian dan berkait rapat dengan pemikiran kreatif. Peringkat kedua, iaitu peringkat penilaian yang berkait rapat dengan pemikiran kritis. Pada peringkat ini, minda akan mengkaji dan menilai idea penyelesaian yang berhasil daripada peringkat penghasilan (Ruggeiro, 2004). Idea-idea tersebut seterusnya akan dinilai secara kritis bagi tujuan memilih idea yang tepat.

Umumnya, kecenderungan pemikiran kritis merupakan sebuah hasil kemahiran yang lahir daripada proses pendidikan kerana pemikiran kritis merupakan pemikiran reflektif yang memfokuskan kepada penilaian dengan pelbagai alternatif (Ennis, 2002). Hal ini bermakna kecenderungan pemikiran kritis dapat digambarkan sebagai kecenderungan kemahiran sedia ada (Facione & Gianco, 2001). Bagi menyediakan peluang kepada pelajar untuk berfikir secara kritis, pelajar perlu berada dalam kedudukan pembelajaran secara aktif (Pawani, 2002) seperti pembelajaran berdasarkan masalah (problem-based learning), pembelajaran berdasarkan projek (*project-based learning*), pembelajaran berdasarkan penyiasatan (*inquiry-based learning*) dan pembelajaran berdasarkan kajian (*discovery learning*).

Pernyataan Masalah

Kemahiran pemikiran kritis perlu ditekankan dalam pembelajaran berdasarkan projek bagi PI kerana melalui pemikiran kritis, pelajar PI akan lebih bersedia menghadapi masalah yang lebih kompleks, malah akan menggalakkan pelajar PI untuk menganalisa semua metakognitif dengan lebih teliti. Selain itu, melalui kemahiran pemikiran kritis juga akan memangkin pelajar PI agar berupaya menghasilkan inovasi dalam projek dan seterusnya yakin untuk menyumbang

ciptaan dalam aplikasi kehidupan seharian (KPM, 2013).

Elemen pemikiran kritis haruslah diperlakukan dalam kandungan setiap bidang namun penerapan elemen pemikiran kritis merupakan sesuatu tugas yang sukar buat pendidik. Lantaran itu, kegagalan pelajar untuk berfikir aras tinggi adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti lemah dalam pemikiran kritis, lemah dalam penyelesaian masalah, lemah dalam kemahiran belajar dan lemah dalam membuat sesuatu keputusan (Noraishah, 2003). Terdapat beberapa kelemahan dan kecenderungan yang dikenalpasti iaitu:

Pemikiran Kritis

Walaupun kemahiran berfikir secara kritis telah diserapkan dalam semua kurikulum, namun kebolehan pelajar untuk mengemukakan penyelesaian yang relevan dilihat tidak mencapai tahap kecemerlangan yang sepaututnya (Noraishah, 2003). Hal ini berlaku disebabkan pembelajaran PI masih lagi tertumpu kepada kognitif aras rendah seperti mentakrif, menyenaraikan, menghafal, melabel dan memahami berbanding pembelajaran kognitif aras tinggi seperti mengaplikasi, menganalisis dan menilai (Mohd Ali, 2003).

Penyelesaian Masalah

Menurut Sabri Celik (2008), kemahiran penyelesaian masalah membolehkan pelajar menyelesaikan segala masalah yang dihadapi secara sistematis dan saintifik. Perkara ini merujuk kepada kemahiran mengkaji, menilai dan melaksanakan pendekatan yang relevan bagi menyelesaikan masalah. Namun begitu, kajian menunjukkan pelajar PI masih lagi lemah dalam aspek penyelesaian masalah dan penjanaan keputusan (Siti Zuliana, 2006).

Membuat Keputusan

Setiap kurikulum mementingkan kemahiran seseorang pelajar dalam membuat sebarang keputusan yang bijak di samping berkebolehan dalam menentukan perkara yang betul atau salah serta dapat mengemukakan cadangan yang relevan bagi memperbaiki sesuatu yang lemah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Namun begitu, kemahiran membuat keputusan ini masih lagi lemah dalam kalangan pelajar sedangkan, kemahiran membuat keputusan yang baik sebenarnya berkait rapat dengan kemahiran berfikir secara kritis (Siti Zuliana, 2006). Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti elemen kemahiran pemikiran kritis yang diperlukan dan dapat diaplikasikan semasa proses berkarya. Elemen yang dikaji ialah kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran belajar dan kemahiran membuat keputusan dalam aspek PI.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah seperti yang telah dinyatakan, kajian ini mengandungi objektif khusus seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap amalan dan tahap keupayaan pemikiran kritis dalam kalangan guru pelatih PI terhadap Pengajaran Pendidikan Islam.
2. Mengenal pasti tahap keperluan taksonomi elemen kemahiran pemikiran kritis terhadap Pengajaran Pendidikan Islam.

Soalan Kajian

Soalan kajian daripada kajian ini ialah :

1. Apakah tahap amalan pemikiran kritis yang diaplikasikan oleh guru pelatih Pendidikan Islam (PI) terhadap pembelajaran Pendidikan Islam?
2. Apakah tahap keupayaan pemikiran kritis dalam kalangan guru pelatih PI terhadap Pengajaran Pendidikan Islam?
3. Apakah tahap keperluan taksonomi pemikiran kritis terhadap guru pendidikan islam dalam pembelajaran berdasarkan penyelesaian masalah?

Tinjauan Literatur

Dalam kegigihan Malaysia menghadapi persaingan globalisasi yang pesat, KPM telah mengambil langkah drastik dengan tidak lagi tertumpu kepada kemahiran berfikir aras rendah seperti kemahiran menghafal, memahami dan mengetahui sahaja. Penumpuan kini telah ditingkatkan kepada kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang lebih mencabar, iaitu dengan menguasai kemahiran menaakul, mengaplikasi, menganalisa, menilai dan mencipta sebagai penggunaan minda secara meluas bagi menghadapi cabaran baharu. KBAT sedikit sebanyak dapat membantu pelajar dan masyarakat untuk menyuarakan cadangan, pandangan atau kritikan dalam mempengaruhi proses penyelesaian masalah kerana setiap pandangan yang dihasilkan lazimnya akan mempunyai fakta dan metakognitif yang relevan (Abd. Rahim, 1999).

Kemahiran Pemikiran Kritis

Kemahiran pemikiran kritis merupakan satu kemahiran yang perlu dipupuk dalam minda pelajar. Kemahiran ini amat bernali bagi merealisasikan hasrat negara dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti serta mampu melahirkan pelajar bertaraf dunia yang mempunyai kemahiran kritis abad ke-21. Menurut Mayers (1986), pelajar telah mencapai potensi mereka sepenuhnya sekiranya mereka dapat belajar untuk berfikir secara kritis kerana pemikiran kritis merupakan satu keperluan wajib dari segi ekonomi dan juga sosial.

Selain itu, Muhammad Rashid Rajuddin dan Yahya Buntat (2003), mentakrifkan ciri-ciri seseorang yang mempunyai kemahiran pemikiran kritis adalah individu yang tidak terbelakang dalam penggunaan teknologi secara berkesan. Hal ini jelas kerana pelajar yang belajar dalam persekitaran pembelajaran yang berdasarkan pengaplikasian teknologi adalah berkeupayaan mencari, memperoleh dan menganalisis maklumat (Zahner, 1992).

Sebagai kesimpulannya, Siti Norbaizura (2006) menyatakan pemikiran kritis dapat memainkan peranan penting dalam objektif pendidikan, hal ini bermakna perubahan dalam kurikulum wajar dilakukan.

Kemahiran Menyelesaikan Masalah


Kemahiran menyelesaikan masalah adalah keupayaan menggunakan minda untuk mencari langkah alternatif bagi mengatasi halangan yang ada dalam mencapai objektif seperti yang diharapkan. Kemahiran menyelesaikan masalah dengan bijak adalah penting untuk memajukan lagi kehidupan dengan ciptaan dan rekaan teknologi yang lebih canggih di samping menjadikan kehidupan menjadi lebih selesa.

Selain itu, penyelesaian masalah merupakan suatu proses yang menggunakan pengetahuan dan pengalaman lepas serta kefahaman dan teknik-teknik tertentu yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi. Elemen kritis yang diperlukan dalam kemahiran menyelesaikan

masalah adalah kebolehan menganalisis masalah dalam konteks yang kompleks atau kabur. Selain itu, kemahiran membuat penilaian yang berjustifikasi, berkebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menilai perbincangan dan berkebolehan mencari penyelesaian alternatif juga diperlukan (Hafisah, 2008).

Kemahiran menyelesaikan masalah juga penting kepada majikan kerana pekerja yang dapat menyelesaikan masalah dengan baik merupakan aset kepada syarikat (Ainon et. al, 2005). Oleh itu, kemahiran menyelesaikan masalah perlu dipupuk dalam kalangan pelajar PI agar mereka mudah memperoleh pekerjaan kelak. Berikut ialah kerangka teoritikal bagi kajian ini :

Rajah 1
Kerangka Teoritikal Kajian



Metodologi Kajian

Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif yang dilaksanakan secara tinjauan (survey) dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Responden diminta menjawab soal selidik berdasarkan pilihan jawapan mengikut Skala Likert. Menurut Bordan & Abbot (2002), skala likert sesuai digunakan untuk kajian yang berbentuk pengukuran sifat dan pandangan. Segala dapatan data yang telah diterima akan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan skor min seperti yang diinterpretasi dalam Jadual 1.

Jadual 1
Interpretasi Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

Instrumen Kajian

Data kajian kuantitatif dikumpul melalui soal selidik. Bahagian A dalam soal selidik adalah berkaitan maklumat profil responden sebanyak 4 item, iaitu item 1 hingga 4. Bahagian B pula adalah untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian satu hingga tiga yang terdiri

daripada 40 item. Bagi menjawab soalan kajian satu, sebanyak enam item telah dibina, iaitu item 5 hingga 10, manakala sebanyak sembilan item dibina bagi menjawab soalan kajian 2, iaitu item 11 hingga 19 dan soalan kajian 3, iaitu item 20 hingga item 28.

Responden

Responden kajian adalah terdiri daripada 73 orang guru pelatih yang mendaftar kursus major Pendidikan Islam (PI) di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI), Bandar Baru Bangi, Selangor. Responden dipilih secara persampelan bertujuan bagi menyelaraskan dapatan dengan objektif kajian.

Dapatan Kajian

Profil responden

Jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 73 responden, iaitu responden perempuan seramai 59 (81%) dan responden lelaki adalah seramai 14 (19%). Bagi taburan responden mengikut umur, majoriti responden terdiri daripada guru pelatih PI daripada kumpulan 22 tahun sebanyak 46 orang (63%) responden, 23 orang (32%) responden berumur 21 tahun, 3 orang (4%) responden berumur 23 tahun dan 1 orang (1%) responden berumur 24 tahun.

Konstruk 1 : Tahap Amalan Pemikiran Kritis Guru pelatih Pendidikan Islam terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

Berikut merupakan dapatan tahap amalan pemikiran kritis yang diaplikasikan oleh guru pelatih Pendidikan Islam terhadap pengajaran Pendidikan Islam.

Jadual 2

Tahap Amalan Pemikiran Kritis Guru pelatih Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
<i>Konstruk 1 Tahap Amalan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam terhadap Pengajaran Pendidikan Islam</i>								
9	Menggalakkan pelajar MENCIRIKAN idea terlebih dahulu.	0.0%	3.1%	24.9%	50.1%	21.8%	3.91	0.764
10	Menggalakkan pelajar MENGORGANISASI setiap proses karya	0.0%	2.2%	24.1%	52.7%	21.0%	3.92	0.732
11	Menggalakkan pelajar MENGANALISA segala keperluan berkarya.	0.0%	2.2%	23.2%	50.7%	23.8%	3.96	0.749
12	Menggalakkan pelajar membuat GENERALISASI idea	0.0%	3.6%	23.2%	45.7%	19.5%	3.80	0.785
13	Memberi kebebasan kepada pelajar dalam MENGAPLIKASI segala teori dan teknik.	0.0%	1.4%	13.2%	45.9%	39.5%	4.24	0.727
Purata		0.0%	2.5%	23.2%	48.96%	25.02%	3.97	0.75

Merujuk kepada konstruk 1, tahap amalan pemikiran kritis guru Pendidikan Islam terhadap pelajar adalah berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min keseluruhan = 3.97 dan sisihan piawai = 0.75. Dapatkan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam sebenarnya telah mengaplikasi elemen-elemen pemikiran kritis dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Hasil dapatkan menunjukkan item 13 iaitu “Memberi kebebasan kepada pelajar dalam MENGAPLIKASI segala teori dan teknik” mencatatkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.24.

Seterusnya, item 11 iaitu “Menggalakkan pelajar MENGANALISA segala keperluan berkarya” mencatatkan nilai min 3.96, diikuti oleh item 10 iaitu “Menggalakkan pelajar MENGORGANISASI setiap proses karya” mencatatkan nilai min 3.92. Manakala, item 9 iaitu “Menggalakkan pelajar MENCIRIKAN idea terlebih dahulu” mencatatkan nilai min 3.91 dan item 12 iaitu “Menggalakkan pelajar membuat GENERALISASI idea” mencatatkan nilai min terendah iaitu 3.80. Dengan keadaan sedemikian, dapatlah dirumuskan bahawa guru-guru bersetuju amalan mengaplikasi’ dapat melatih pelajar agar menggunakan segala pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dipelajari ke dalam situasi yang berlainan terutama bagi proses penyelesaian masalah pembelajaran.

Konstruk 2: Tahap Keupayaan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

Jadual 3

Tahap Keupayaan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
<i>Konstruk 2 Tahap Keupayaan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam</i>								
14	Menggalakkan pelajar MENGANALISA keperluan mempelajari tajuk terlebih dahulu.	0.0%	3.1%	24.9%	50.1%	21.8%	3.91	0.764
15	Menggalakkan pelajar MEMBANDING BEZA setiap fakta	0.0%	2.2%	24.1%	52.7%	21.0%	3.92	0.732
16	Menggalakkan pelajar MEMBUAT INFEREN kesimpulan isi kandungan.	0.0%	2.2%	23.2%	50.7%	23.8%	3.96	0.749
17	Menggalakkan pelajar MENILAI ibrah dan pengajaran	0.0%	3.6%	23.2%	45.7%	19.5%	3.80	0.785
18	Menggalakkan pelajar membuat penilaian KRITIS.	0.0%	1.4%	13.2%	45.9%	39.5%	4.24	0.727
Purata		0.0%	2.5%	23.2%	48.96%	25.02%	3.97	0.75

Berdasarkan Jadual 3, dapatkan bagi tahap keupayaan pemikiran kritis dalam kalangan

guru pelatih PI (IPGKPI) menunjukkan item 10, iaitu ‘Saya mampu membuat penilaian secara kritis’ mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 4.12. Kemudian diikuti item 9, ‘Saya mampu menggeneralisasi idea dengan baik dan item 6, ‘Saya mampu mencirikan segala idea terlebih dahulu sebelum bertindak mencatatkan nilai min kedua dan ketiga tertinggi iaitu 4.10 dan 4.07. Bagi item 7, ‘Saya mampu menghubungkaitkan bahagian-bahagian kecil kepada keseluruhan perkara’ mencapai nilai min keempat tertinggi 3.96 dan diikuti item 8, iaitu ‘Saya mampu membanding Item Frekuensi Peratus (%) beza setiap impak kepada idea yang dicadangkan’ mencatat nilai min 3.93.

Seterusnya item 5, ‘Saya mampu menganalisa setiap perkara dengan pantas menunjukkan nilai min paling rendah, iaitu 3.81. Berdasarkan dapatan tersebut, jelas menunjukkan tahap keupayaan pemikiran kritis dalam kalangan guru pelatih PI IPGKPI adalah berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.99 yang menunjukkan pemikiran kritis yang diamalkan oleh guru pelatih PI terdiri daripada amalan logik, meramal tepat dan mengorganisasi mengikut kronologi (Split Brain Theory, 1981).

Konstruk 3: Tahap Keperluan Taksonomi Pemikiran Kritis Guru Pelatih Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Berdasarkan Penyelesaian Masalah

Jadual 4

Tahap Keperluan Taksonomi Pemikiran Kritis Guru Pelatih Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Berdasarkan Penyelesaian Masalah

No	Item	Sangat Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
<i>Konstruk 3 Tahap Keperluan Taksonomi Pemikiran Kritis terhadap Guru Pendidikan Islam dalam pembelajaran berdasarkan penyelesaian masalah</i>								
19	Taksonomi Pemikiran Kritis memahirkkan pelajar MENGANALISA keperluan mempelajari tajuk terlebih dahulu.	0.0%	3.31%	14.9%	40.1%	23.8%	3.91	0.784
20	Taksonomi Pemikiran Kritis memahirkkan pelajar MEMBANDING BEZA setiap fakta	0.0%	2.7%	24.1%	52.7%	21.0%	3.92	0.772
21	Taksonomi Pemikiran Kritis memahirkkan pelajar MEMBUAT INFEREN rumusan isi kandungan.	0.0%	2.3%	23.2%	50.7%	23.8%	3.96	0.719
22	Taksonomi Pemikiran Kritis memahirkkan pelajar MENILAI ibrah dan hikmah pengajaran	0.0%	3.4%	23.2%	45.7%	19.5%	3.80	0.735
23	Taksonomi Pemikiran Kritis memahirkkan penilaian KRITIS.	0.0%	1.7%	13.2%	45.9%	39.5%	4.24	0.747
Purata		0.0%	2.5%	23.2%	48.96%	25.02%	3.97	0.72

Berdasarkan Jadual 4, dapatan aspek kemahiran pemikiran kritis bagi pembelajaran berasaskan projek menunjukkan item 15, iaitu ‘Saya mampu menggunakan teknologi dan ICT’ mencapai nilai min tertinggi 4.26. Kemudian, diikuti dengan item 14, iaitu ‘Saya mampu berfikir dengan teliti’ mencapai nilai min kedua tertinggi 4.23.

Berdasarkan jadual 4, dapatan aspek kemahiran menyelesaikan masalah bagi pembelajaran berasaskan projek menunjukkan item 21, iaitu ‘Saya mampu mendapatkan jalan penyelesaian’ mencapai nilai min tertinggi 4.37. Kemudian diikuti dengan item 27, ‘Saya mampu menyelesaikan masalah dengan pantas’ dan item 25, ‘Saya mampu menggunakan pelbagai teknik penyelesaian masalah’ mencatatkan nilai min kedua tertinggi 4.30 dan 4.29. Bagi item 26, iaitu ‘Saya mampu menilai masalah’ dan item 23, ‘Saya mampu menggunakan pengetahuan penyelesaian masalah’ menunjukkan nilai min ketiga dan keempat tertinggi dengan nilai 4.27 dan 4.23. Seterusnya item 20, iaitu ‘Saya mampu mengenal pasti masalah dalam situasi kabur’ mencatatkan nilai min 4.21.

Namun begitu, bagi item 22 ‘Saya mampu menganalisa masalah yang wujud’ dan item 24 ‘Saya mampu membentuk dan menvisualkan konsep penyelesaian’ menunjukkan nilai min kedua rendah 4.16 dan 4.15. Bagi nilai min yang terendah adalah item 28, ‘Saya mampu menyelesaikan masalah dengan berhati-hati, iaitu 4.12. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden dapat mengaplikasikan kemahiran menyelesaikan masalah dalam pembelajaran berasaskan projek bagi subjek PI.

Analisis Temu bual

Tema 1: Tahap Amalan Pemikiran Kritis Guru pelatih Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

Kajian ini diperkuuhkan dengan analisis data temu bual bertujuan untuk mengesahkan dapatan soalselidik yang telah dijalankan. Hasil temu bual dengan empat peserta kajian iaitu B, D, dan E mengesahkan bahawa tahap amalan pemikiran kritis Guru pelatih merupakan peringkat atas dalam membina profesionalisme keguruan.

“ ... walau pun belum benar2 masak....diorang ni perlu tampilkan diri..diasak lontaran isu dan cubaan ...yang kreatif tu...memang dah ...tahap kritis je yang masih kurang nampak...masa berpraktikum...”

PS1B(2)-I-8/2(9-12)

“ ... cara fikir yang jauh ...rata-rata2 pun makin lama semakin menarik cara mereka lontarkan isu....”

PS1D(2)-I-8/2(2-62)

“ ... nak jadikan satu-satu kerja tu konsisten ...beri ulasanmesti didorong daripada sebab musabab ...mengapa nak buat itu... buat ini....”

PS1E(3)-I-6/2(9-15)

Kecenderungan guru lebih tertumpu kepada daya kreativiti dan normalisasi sebagai guru. Persediaan ilmu dan pengalaman pdp yang diperolehi perlu penjanaan idea dan *reasoning* yang lebih kritikal. Inilah pengalaman asas yang penting yang menjadi perkara wajib dilakukan sebelum guru pelatih keluar ke medan praktikum. Sebagai contohnya peserta kajain G memberi jawapan berikut :

“ ... memang tuan (penyelidik) student ni banyak timbulkan persoalan...macam seolah-olah perspektif mereka nak berkembang dan banyak idea yang boleh.... di *apply* kan...pelatih yang akan keluar berpraktikum....”

PS1D(1)-I-8/2(9-12)

“ ... dalam mengaitkan tajuk dengan nilai-nilai dalam pendidikan Islam....”

PS1D(1)-I-8/2(9-12)

“ Pengkaji: Adakah strategi pengajaran yang menyebut nilai-nilai utama yang perlu dimatlamatkan dan dijelmakan dalam pengajaran....seperti ubudiyah, mahabbah rasul dan lain-lain...”

“ Peserta Kajian : a'a...ya betul la gitu la

PS1D(1)-I-8/2(9-12)

Tema 2: Keupayaan Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Guru Pelatih PI Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

Hal ini diperkuuhkan dengan analisis data temu bual. Hasil temu bual dengan empat peserta kajian iaitu B, D, E dan G mengesahkan bahawa tahap amalan pemikiran kritis Guru pelatih merupakan peringkat asas dalam membina profesionalisme keguruan.

“ ... nak merangka butir-butir soalan KBAT mestilah tahu isu dan pilihan alternatif yang banyak... walau pun belum benar2 masak....diorang ni perlu tampilkan diri ...kreatif tu...memang dah ...tahap kritis je yang masih kurang...”

PS1B(2)-I-8/2(9-12)

Pengkaji:... kebanyakan guru pelatih perlu memiliki sikap cenderung kepada berhati-hati menerima maklumat dan info....mungkin langkah bertabayun ini boleh menjadi perisai yang baik....

Peserta Kajian : saya setuju....”

PS1B(2)-I-8/2(9-12)

Keupayaan yang ketara dalam pemikiran kritis kalangan guru pelatih adalah membandingbeza berbanding menganalisa atau mencerakinkan isi penting sesuatu tajuk. Kesediaan guru lebih tertumpu kepada daya kreativiti dan normalisasi sebagai guru. Pemahaman konseptual isi pengetahuan Pendidikan Islam seperti konsep syahadah dan akidah sewajar dapat disampaikan dengan mudah kiranya guru memiliki asas pengetahuan yang mendalam dan bermakna. Apa yang penting seharusnya perlu diperjelaskan dalam bahasa yang mudah dan praktikal. Sebagai contohnya partisipan G memberi jawapan berikut :

“ ... dah memang ramai yang masih tak merasai falsafah pendidikan Islam dalam situasi pdp dan senarionya. Guru bukan semata-mata menyampaikan ilmu tetapi mengasuh, mentarbiyah dan menerapkan nilai teras agama dalam jiwa seseorang murid...”

PS1G(1)-I-8/2(9-12)

“ Pengkaji: ... dah memang ramai yang masih tak merasai keberadaan falsafah pendidikan Islam dalam situasi pdp dan senarionya. Guru bukan semata-mata menyampaikan ilmu tetapi mengasuh, mentarbiyah dan menerapkan nilai teras agama dalam jiwa seseorang murid

Peserta Kajian :macam itu lah..maksudnya.”

PS1G(1)-I-8/2(9-12)

Tema 3 : Tahap Keperluan Taksonomi Pemikiran Kritis terhadap Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Berdasarkan Penyelesaian Masalah

Hal ini diperkuuhkan dengan analisis data temu bual. Hasil temu bual dengan empat peserta kajian iaitu E dan G mengesahkan bahawa tahap amalan pemikiran kritis Guru pelatih merupakan peringkat asas dalam membina profesionalisme keguruan.

“ ... memang susah nak buat analoginak beri contoh bandingbeza pun perlu contoh dan tentulah pelatih tu kena *outsource*... banyak pengalaman dan luasnya pembacaan”

PS1G(2)-I-8/2(9-12)

Keperluan taksonomi pemikiran Kritis guru lebih tertumpu kepada aras penyoalan inkuiiri yang pelbagai bagi mencari makna dan nilai yang bersepada dalam sesuatu ilmu pengajian Islam. Inilah pengalaman asas yang penting yang menjadi perkara wajib dilakukan sebelum guru pelatih keluar ke medan praktikum. Sebagai contohnya peserta kajian G, J dan L memberi maklum balas berikut :

“ ... memang *deep* kalau nak gabung semua idea menjadi solusi ...”

PS1G(1)-I-8/2(9-12)

“ ... manalah nak tahu mana yang betul2 dah faham kalau tanya soalan tertutup adi solusi ...”

PS1J(1)-I-8/2(9-12)

“ ... melalui gambar dan cetusan kata-kata pun memadai ...yg pastinya jika ingin menarik motivasi dan minat murid...”

PS1L(1)-I-8/2(9-12)

Berdasarkan kepada analisis purata keseluruhan seperti dalam Jadual 6, menunjukkan bahawa tahap keperluan Taksonomi Pemikiran Kritis dalam pembelajaran Pendidikan Islam adalah berada pada tahap sederhana tinggi dengan purata nilai min keseluruhan = 3.79 dan sisihan piawai = 0.73. Manakala, jika dilihat kepada nilai peratus tahap kekerapan elemen pemikiran kritis dalam pembelajaran Pendidikan Islam, dapatan analisis menunjukkan majoriti responden yakin bahawa Taksonomi Pemikiran Kritis mampu meningkatkan tahap kreativiti seseorang kepada aras yang lebih tinggi dengan dapatan responden setuju sebanyak 48.85%, sementelah responden yang menyatakan sangat setuju adalah sebanyak 16.37%.

Namun, dapatan juga menunjukkan terdapat responden yang tidak pasti akan keperluan Taksonomi Pemikiran Kritis iaitu sebanyak 32.26%. Dengan itu, jelas bahawa guru-guru Pendidikan Islam bersetuju bahawa kecerdasan analitikal yang merujuk kepada keupayaan menganalisis, membanding dan membezakan, menghakimi, menginterpretasi dan menilai merupakan elemen yang perlu dipraktikkan dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, guru-guru Pendidikan Islam juga menyokong dan sedar akan keperluan elemen pemikiran kritis berupaya meningkatkan tahap kemahiran berfikir pelajar dan guru Pendidikan Islam itu sendiri

Perbincangan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa tahap amalan pemikiran kritis dalam kalangan guru pelatih PI IPGKBA adalah sederhana tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.99.

Berdasarkan dapatan ini, jelas bahawa pembelajaran berdasarkan projek mampu diuruskan dengan baik, sekiranya kaedah pembelajaran mampu menyediakan tugas pembelajaran yang lebih bersifat integrasi dengan menghubungkan pengetahuan dan cara berfikir individu (Lynda Wee, 2014). Justeru, kemahiran pemikiran kritis diperlukan agar seseorang itu mahir dalam menyelesaikan masalah dan sekiranya berjaya mencipta penyelesaian, seseorang itu akan menikmati banyak habuan daripada kejayaan tersebut (Ainon et. al, 2005). Antara strategi yang berkesan bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran pemikiran kritis adalah dengan memberi masalah yang rumit dan mencabar untuk mereka mencari kaedah penyelesaian yang baharu dan bertepatan (Rajendran, 2000).

Dapatan juga menunjukkan kemahiran belajar perlu dikuasai oleh setiap pelajar untuk membolehkannya merumus maklumat secara kendiri dan seterusnya, menuju ke arah pembelajaran seumur hidup. Hal ini demikian kerana, kebanyakan pekerja yang dipilih harus mempunyai tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri (Hafisah, 2008). Sehubungan dengan itu, kemahiran pemikiran kritis perlu merangkumi asas pemikiran kritis dengan memberi peluang kepada seseorang untuk memanipulasi maklumat dan idea. Ini merupakan dimensi personaliti seseorang semasa menggunakan pemikiran (Ahmad Firdaus, 2015). Secara keseluruhannya, kemahiran pemikiran kritis diperlukan agar seseorang itu tidak membentuk keputusan atau penyelesaian yang salah (Siti Zuliana , 2006).

Berdasarkan situasi sekarang, dapatan ini juga diharapkan dapat membantu guru pelatih PI untuk mengatasi kelemahan mereka dalam pembelajaran berdasarkan penyelesaian masalah dalam semua subjek. Ini adalah kerana aspek kemahiran insaniah terutamanya kemahiran komunikasi pelbagai aras perlu diperkasakan. Manakala kemahiran menangani solusi telah menjadi satu kemestian kepada pelajar sesuai dengan keperluan pendidikan semasa. Dengan adanya kemahiran pemikiran kritis, guru pelatih PI dapat menyediakan aktiviti PI yang menjurus dan melatih pemikiran pelajar untuk lebih kritis dalam pembelajaran berdasarkan projek seperti penjanaan idea, pemilihan peralatan dan teknik hingga kepada persempahan karya.

Selain itu, guru pelatih PI mampu melihat isu daripada pelbagai dimensi dan menyelesaikan masalah secara holistik di samping berupaya melonjakkan kemahiran keusahawanan pada karya pelajar. Berdasarkan kemahiran pemikiran kritis juga akan memangkin guru pelatih PI mempunyai sifat inkuiri dan berupaya menghasilkan inovasi dalam pengajaran dan seterusnya, dapat menyumbang ciptaan dalam aplikasi kehidupan seharian (KPM, 2013) kerana melalui pemikiran kritis yang tinggi, bukan sahaja domain kognitif terlibat tetapi kuasa metakognitif yang membolehkan kita memahami dan mentafsir konsep itu.

Berdasarkan perbincangan, kajian boleh dipanjangkan kepada skop elemen pemikiran kritis yang lebih luas dan kajian kepada pelajar dari universiti pengajian tinggi yang lain. Penyelidik juga berharap agar segala dapatan dapat memberi manfaat kepada mana-mana pihak yang berkenaan seperti KPM, organisasi pendidikan awam atau swasta, universiti dan majikan industri.

Kesimpulan

Bagi mencapai matlamat pembelajaran yang berkesan, ciri-ciri pembelajaran yang bersifat komunikasi, kritis, kolaborasi dan kreatif perlu dilestarikan dengan aktiviti yang memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara terbuka. Secara tidak langsung akan menjadi salah satu bentuk latihan ke arah pemantapan kualiti guru seperti yang ditekankan dalam Standard Guru Malaysia (SGM) kerana guru dalam alaf baharu seharusnya professional dan profesionalismenya ialah kunci kepada peningkatan kualiti.

Rujukan

- Ahmad Firdaus. (2015). Hubungan Di Antara Kemahiran Generik dengan Pencapaian Pelajar Pendidikan Teknik Kejuruteraan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Ainon et.al. (2005). *Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK)*. Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Ardiana Aziz, Saedah Siraj, Ghazali Darusalam & Che Aleha Ladin (2019). Aplikasi pemikiran kritis semasa pembelajaran berasaskan projek pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih. *JMS*, 2(1), 352 – 379.
- Basri Hassan. (2008). *Tahap penguasaan kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah pelajar-pelajar sains dan hubungannya dengan pencapaian pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Bloom, B. S. (ed.). (1956). *Taxonomy of educational objectives handbook I*: McKay.
- Davidoff, C. et. al, (1976). *Interpersonal skill in organization*. Mc Graw Hill.
- Ennis, R. H., & Perry, S. P. (1999). *Evaluating critical thinking*. Pacific Grove: Midwest.
- Facione, T., Gianco, S. (2001). Problem-based learning: A novel approach to teaching safety, health and environmental courses. *Journal of SH&E Research*. 3(2).
- Fisher, L. (1995). *Creative problem solving: Thinking skill for a changing world*. Mc Graw Hill.
- Garrison, C. N. (2011). Developing Employability Skills. School Improvement Research Series. NWREL.
- Guilfort, D. (1976). *An invitation to social construction*. Sage.
- Green, F. (2001). Market value of generic skills. Research Paper 8. United Kingdom : University of Kent.
- Hafisah Mohd. Yunos. (2008). *Kemahiran berfikir kritis dan kreatif: satu tinjauan terhadap guru-guru sekolah menengah teknik di negeri Johor*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia:
- Hasliza Hassan. (2002). Ciri-ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini. Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Awam. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarudin Abu Hassan. (2009). *Pencapaian pelajar berdasarkan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM) berbanding kaedah kuliah bagi matapelajaran pengurusan dan organisasi tapak di kalangan pelajar kejuruteraan awam*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif*: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kirby, Gary, R. & Goodpaster, Jeffery, R. (2002). *Thinking*. Prentice Hall.
- Krulik S. and Rudnick J. A (1993). *Reasoning And Problem Solving. A Handbook for Elementary School Teachers* : Allyn & Bacon
- Linley Cornish. (2007). *Creative teaching, effective learning in higher education. research in international education and sustainability school of education* : University of New England Armidale. Tidak Diterbitkan.
- Lynda Wee. (2014). *Jump Start authentic problem based learning* : Prentice Hall.
- Mohamad Yusof Abdul Hamid. (2014). *Meningkatkan daya berfikir* : PTS Publication and Distribution Sdn Bhd.
- Mohd Sani Noordin. (2009). Tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis di kalangan pelajar merentas jantina. *Buletin Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor* 15(1).
- Muhammad Awang Kasiran. (1990). *Penguasaan aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam mata pelajaran sains KBSM daerah Kuala Langat*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Pawani Vijayaratnam. (2002). *Developing students' higher-order thinking skills (HOTS) through the process genre approach*. INTI International University College, Malaysia.

- N.S. Rajendran. (2000). Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir. Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan 2000. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan, dari 3 hingga 4 Oktober.
- N.S. Rajendran. (2001). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan GuruMengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Seminar Projek KBKK: Ruggeiro, H. A. (2004). *Human problem solving*. Englewood Cliffs : Prentice Hall.
- Robinson, T. (2000). The Five Most Important Entry-Level Employability In Entry Level
- Sabri Celik. (2008). Fundamental skill levels of the students in vocational and technical education (higher education) institutions. *World Applied Sciences Journal* 3 (2), 336-342, 2008. IDOSI Publications.
- Siti Zuliana Hj Abdul Hamid. (2006). Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) di Kalangan Pelajar Tingkatan Lima dalam Mata Pelajaran Kimia Tingkatan Empat Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Smith, S. (1997). *Solve that problem: readymade tools for continuous improvement*. London Kogen Page Limited.
- Selva Ranee Subramaniam. (2007). Penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran kimia secara kontekstual. *Jurnal Pendidikan* 2007, 27(1).
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). *Analisis data dalam penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilen, W. W. (1995). A rationale for developing students' critical thinking through questioning. *Jurnal Pendidikan Guru*, 10,33-44.
- Zahner, J.E., R.A., Dick, W. & Gill, B. (1992). Evaluating instructional software : A simplified model. *Educational Technology, Research and Development*, 40 (3), 55-62.

Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam KUIS

Atikah binti Mohd Jusoh
 atikahjusoh427@gmail.com
 Kamarulnizam bin Sani, Ph.D
 kamarulnizam@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan mengenalpasti tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia semester 6 dan 7. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi mengetahui kefahaman, kemahiran dan pengetahuan ilmu tajwid pada diri guru pelatih. Kajian ini juga menjelaskan tentang pengetahuan berkaitan hukum nun mati dan *tanwin* serta contoh-contoh bagi setiap hukum tersebut agar dapat membantu lagi tahap penguasaan guru pelatih kelak. Seterusnya, kajian ini juga untuk mengkaji tahap kefahaman guru pelatih terhadap hukum tersebut dalam pembacaan al-Quran. Kajian ini berbentuk kuantitatif dimana sejumlah satu ratus dua borang soal selidik telah diedarkan melalui *google form* yang terdiri daripada guru pelatih semester 6 dan 7 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia, KUIS. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penguasaan kebanyakan guru pelatih bersetuju dan memahami hukum nun mati dan tanwin. Hasil daripada penemuan, implikasi yang berbeza muncul serta idea daripada pengkaji untuk menangani implikasi ini. Akhir sekali, ia turut memberi kesan kepada pihak universiti dan ibu bapa dalam mendidik pelajar atau guru pelatih dalam membaca al-Quran secara bertajwid.

Kata kunci : Tahap penguasaan, ilmu tajwid, guru pelatih, pendidikan Islam, KUIS

Abstract

This study aims to know and identify the level of mastery of tajwid among trainee teachers of the Bachelor of Islamic Education with Multimedia, semester 6 and 7. In this regard, this study was also conducted to determine the understanding, skills, and knowledge of trainee teachers. This study also explains the knowledge related to the law of "nun mati" and "tanwin" as well as examples of each law in order to help further the level of mastery of trainee teachers later. Next, this study is also to examine the level of understanding of trainee teachers of the law in the recitation of the Qur'an and has been detailed in chapter 4. This study is quantitative in which a total of 102 questionnaires were distributed through Google Form to trainee teachers in semester 6 and 7 of the Bachelor of Islamic Education with Multimedia, KUIS. The results of the study found that the level of mastery of most trainee teachers agreed with and understood the laws of "nun mati" and "tanwin". In addition, the implications of the study show a positive effect related to the mastery of tajwid knowledge among trainee teachers of Islamic Education, KUIS. Finally, it also affects the university and parents with regards to teaching students or future teachers to read the Quran with tajwid.

Keywords : Level of mastery, tajwid knowledge, islamic education, trainee teachers, KUIS

Al-Quran adalah kalam Allah SWT iaitu wahu terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai penutup agama *samawi*. Selain itu, Allah SWT juga memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk membaca al-Quran dengan bertajwid dan bertartil. Menurut (Hadi et al., 2017) ilmu tajwid adalah pelajaran atau bahan yang dirancang untuk membantu pelajar

meningkatkan kemahiran membaca al-Quran. Sebilangan besar ahli *qira'at* percaya bahawa ilmu tajwid adalah salah satu cabang ilmu yang paling penting untuk difahami kerana diajarkan dalam tajwid bagaimana mengucapkan huruf yang berdiri sendiri, huruf yang dihubungkan dengan huruf lain, cara melatih lidah untuk mengeluarkan huruf dari *makharijul*, cara mengucapkan bunyi panjang dan pendek, bagaimana menghilangkan huruf dengan menggabungkannya dengan huruf yang mengikuti (*idgham*), berat dan ringan, mendesis atau tidak, mempelajari tanda-tanda wakaf (berhenti) dalam bacaan, dan sebagainya. Selain itu, mempelajari ilmu tajwid hukumnya adalah fardhu kifayah di mana jika di tempat seseorang itu ada yang mengusai ilmu ini maka yang lainnya terlepas daripada dosa dan jika tidak ada seorang pun kuasai ilmu ini maka seluruh kaum muslimin tersebut berdosa. (Baharudin et al., 2020).

Penyataan Masalah

Seseorang perlu mempelajari ilmu al-Quran supaya tidak terjerumus melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT. Dengan itu, sebelum seseorang itu mendalami al-Quran, mereka wajib untuk menguasai ilmu tajwid kerana jika terdapat kesalahan dalam bacaan dikira berdosa terutama bacaan dalam solat dan jika bacaan tidak betul, solat tersebut dikira tidak sah. Dalam kajian (Masyuri, 2019) menyatakan bahawa hasil kajian yang dijalankan terhadap pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKL) adalah berada pada tahap sederhana. Ini kerana, penguasaan ilmu tajwid tidak dititikberatkan dalam kalangan pelajar itu sendiri.

Isu-isu berdasarkan kajian lepas, mendapati bahawa terdapat beberapa orang guru pelatih yang mutu bacaan al-Quran dalam kalangan mereka masih tidak menepati hukum tajwid. Mutu bacaan al-Quran amat berkait rapat dengan penguasaan hukum tajwid dalam al-Quran. (Zahiah dan Mustapha, 2019). Sehubungan dengan itu, pengkaji menjalankan kajian untuk mendapatkan data terperinci bagi mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan bakal guru pelatih pendidikan Islam KUIS. Seperti yang sedia maklum, tilawah al-Quran menjadi subjek wajib dalam silibus pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Sebagai orang guru yang akan mengajar subjek ini, guru perlulah mahir dalam ilmu tajwid supaya kesalahan dalam bacaan pelajar tersebut dapat diperbaiki.

Masalah seterusnya adalah pemahaman terhadap penguasaan ilmu tajwid dalam pembacaan al-Quran. Menurut (Zabedah, 2014) tinjauan penyelidik di sebuah sekolah di Pulau Pinang juga mendapati guru pendidikan Islam mengaku mengajar tajwid secara hafalan selepas tamat sukan pelajaran dan sebelum peperiksaan bermula. Hafalan ini adalah untuk memastikan pelajar dapat menjawab soalan pemahaman dalam peperiksaan. Ini menunjukkan pelajar telah menghafaz hukum tajwid tanpa kefahaman dan bacaan. Selain itu, sering timbul masalah dalam memahami tajwid dan kemahiran membaca al-Quran. Pelbagai usaha dan langkah yang sedia ada dan sesuai boleh diambil untuk mengurangkan lagi masalah ini.

Objektif Kajian

1. Mengkaji tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih.
3. Menganalisis tahap pengetahuan hukum nun mati dan *tanwin* dalam kalangan guru pelatih.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih?
2. Sejauh manakah tahap kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih?
3. Apakah tahap pengetahuan hukum nun mati dan *tanwin* dalam kalangan guru pelatih?

Tinjauan Literatur

Kerangka teori kajian ini dibentuk berdasarkan gabungan Teori Kefahaman Taksonomi Bloom, Benjamin (Bloom, 1956; Wahidah Masrom et al., 2018), (Teori Wan Bakar, 1990; Kamarul, 2013) dan (Teori al-Syatibi; al-Qardhawi 2004).

Taksonomi Bloom diciptakan pada tahun 1956 sebagai tindak balas kepada keperluan sistem klasifikasi dalam pendidikan. Sistem ini direka bentuk untuk membantu para pendidik membincangkan isu kurikulum dan penilaian dengan lebih tepat. Walau bagaimanapun, jurang masa terlalu besar untuk memerlukan perubahan dalam penyusunan semula pengajaran yang menepati gaya pembelajaran abad ke-21 (Amer, 2006; Beetham dan Sharpe, 2013). Berdasarkan teori taksonomi Bloom, tahap pemahaman adalah lebih tinggi sedikit daripada tahap pengetahuan. Tahap kefahaman mengukur kebolehan pelajar menggunakan maklumat yang diperoleh sebelum ini untuk menyelesaikan masalah baru. Di samping itu, berdasarkan sesuatu istilah atau maksud perlu diringkaskan agar pelajar itu sedar maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah baru. Perkara tersebut merupakan ciri penting dalam penaksiran pada aras kefahaman. Kefahaman juga dapat digambarkan dengan tiga operasi yang berbeza iaitu menterjemah, menginterpretasi dan mengekstrapolasi. (Vincent Pant dan Denis Lajium, 2010). Dalam konteks ilmu tajwid Hashim et.al. (2013) menjelaskan memahami hukum tajwid dalam al-Quran adalah aras kefahaman yang paling tinggi untuk seseorang individu. Oleh itu, penggunaan tajwid juga tidak dianggap praktikal tetapi mesti dimulai dengan kefahaman seterusnya barulah diamalkan dalam kehidupan.

Teori kajian yang seterusnya adalah Teori Wan Bakar (1990). Menurut (Kamarul, 2013), minat untuk belajar membaca al-Quran, serta kemampuan untuk menerapkan kaedah pembelajaran yang teratur dan pembelajaran yang lebih tersusun, haruslah didorong. Guru mesti merancang pelbagai cara untuk menolong murid membaca al-Quran dengan betul, lancar, dan bertajwid. Cara membaca mengikut hukum tajwid adalah salah satu yang dapat digunakan dalam teori Wan Bakar (1990). Tahap awal membaca al-Quran tidak perlu memasukkan definisi untuk setiap hukum tajwid. Pada tahap paling asas, pelajar mesti menguasai al-Quran berdasarkan hukum tajwid dan isi bacaan setiap ayat. Contohnya bacaan dengung, bacaan terang, bacaan *qalqalah* dan sebagainya. Pendekatan kedua adalah pendekatan pemahaman. Pada tahap ini, pemahaman merujuk kepada pemahaman menyeluruh setiap ayat atau surah yang akan dibaca. Tujuannya adalah selain meningkatkan kemampuan membaca, pengetahuan agama dapat dititikberatkan bergantung pada ayat-ayat yang dibaca oleh setiap pelajar.

Kerangka teori kajian yang terakhir adalah teori al-Syatibi. Berdasarkan teori ini, al-Qardhawi (2014) menekankan pendekatan *talaqqi musyafahah*, sebagaimana disebutkan. Kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah pertama dan tertua untuk mempelajari bacaan al-Quran dan masih digunakan hingga kini. Kaedah ini digunakan oleh Jibril a.s kepada Rasulullah s.a.w. iaitu secara bersemuka antara guru dan pelajar. Ketika permulaan al-Quran diturunkan kepada Rasulullah s.a.w di Gua Hira, seperti yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari cukup jelas. Jibril a.s pertama kali membaca ayat-ayat suci al-Quran yang didengar oleh Rasulullah s.a.w dan kemudian Rasulullah s.a.w meniru bacaan Jibril a.s sambil diperhatikan. Selepas itu, Rasulullah s.a.w menghafal ayat tersebut dan membacakannya kepada para sahabat. Para sahabat kemudian meniru bacaan Rasulullah s.a.w. yang kemudian ditulis dan kemudian dibacakan dan diingat.

Dalam kajian ini, kaedah *talaqqi musyafahah* digunakan kerana kaedah ini terbukti berkesan untuk menyampaikan sebutan secara tepat dan juga dianggap satu-satunya cara yang boleh digunakan untuk mempelajari al-Quran dan memperbetulkan tajwid. Selain itu, kaedah *talaqqi musyafahah* ini memberi faedah yang besar terutamanya kepada guru dan pelajar demi memantapkan lagi teknik pengajaran manakala pelajar dapat menimba ilmu dengan jelas, telus dan sempurna mengikut kehendak Allah SWT. Kaedah *talaqqi musyafahah* jika diamalkan

dengan betul dengan mengikut prinsip-prinsip yang digariskan, ia akan memberi impak yang positif kepada guru dan pelajar. (Norhisham et al, 2019). Akhir sekali, kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sangat disarankan dalam pembelajaran al-Quran tidak kira di sekolah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Berdasarkan kajian lepas, kebanyakan penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif kerana mudah dan sesuai untuk mengumpulkan serta mengukur pandangan dan tindak balas responden terhadap sesuatu isu dan tajuk, pengetahuan, penguasaan, kefahaman terhadap sikap dan tingkah laku responden. Pemilihan pendekatan kuantitatif ini adalah berdasarkan pensampelan dalam melibatkan guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia. Data yang diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada guru pelatih secara atas talian dengan menggunakan platform *Google Forms*.

Pensampelan

Kajian ini hanya melibatkan guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Mulimedia di Fakulti Pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Oleh itu, penyelidik memilih guru pelatih semester enam dan tujuh untuk dijadikan sampel sebagai responden dalam kajian ini. Jumlah keseluruhan populasi guru pelatih yang telah dikenal pasti adalah seramai 102 orang. Berikut adalah jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970):

Jadual 1

Jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi
65	56	130	97	230
70	59	140	103	240
75	63	150	108	250
80	66	160	113	260
85	70	170	118	270
90	73	180	123	280
95	76	190	127	290
100	80	200	132	300
110	86	210	136	320
120	92	220	140	340

Sumber: Krejcie dan Morgan (1970)

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) telah menjelaskan bilangan saiz sampel berdasarkan populasi kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih populasi berjumlah seramai 102 orang iaitu yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana jana Pendidikan Islam dengan Multimedia semester 6 dan 7, maka sampel kajian adalah seramai 86 orang. Teknik pensampelan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah teknik pensampelan rawak mudah. Menurut Merrigan dan Huston (2004), terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan dalam pemilihan teknik pensampelan rawak mudah. Antaranya ialah mengenal pasti populasi dan menentukan bilangan ahli populasi serta menentukan saiz sampel. Rasional kajian ini dalam pemilihan populasi dan teknik pensampelan adalah merupakan teknik yang mudah dan terbaik.

Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Berdasarkan kajian ini, penyelidik akan memastikan pelaksanaan penyelidikan ini dapat di laksanakan secara tersusun. Selain itu, setelah penyelidik selesai membuat perbincangan dan pemilihan tajuk yang telah dipersetujui oleh pensyarah pembimbing, proses utama penyelidik adalah bermula dengan menentukan skop kajian yang merangkumi tajuk kajian. Di samping itu, perbincangan bersama pensyarah pembimbing telah dilakukan dengan membuat rujukan berdasarkan kajian-kajian lepas. Dalam melaksanakan kajian ini dengan sempurna, penyelidik diberi masa yang sesuai oleh pihak universiti untuk mengkaji dan menyelidik kajian ini. Kajian ini juga dilaksanakan untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia semester 6 dan 7, KUIS sahaja sebagai responden. Selain itu juga, penyelidik hanya menggunakan data primer iaitu kaedah soal selidik dimana soal selidik tersebut akan dijawab oleh pelajar.

Penyelidik memilih untuk menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS) 26* untuk menghasilkan data-data yang diperolehi daripada soalan-soalan yang telah diedarkan kepada responden. Data ini di analisis menggunakan statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Penggunaan perisian ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan kerana ia akan menghasilkan data yang tepat bagi keputusan soal selidik

Jadual 2

Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad (2006)

Kajian rintis

Pelaksanaan kajian rintis ini adalah melibatkan 30 guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia semester 6 dan 7, Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Menurut Wolf (1997) pemilihan 30 hingga 50 orang diperlukan bagi mendapatkan keputusan kajian rintis yang baik.

Dapatan Kajian

Tahap Kefahaman Ilmu Tajwid dalam kalangan Guru Pelatih

Jadual 3

Min Dan Sisihan Piawai Kefahaman Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Guru Pelatih

Item	Kekerapan & Peratusan (N=102)					Min	SP	Intepretasi
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya memahami bahawa:								
1. Maksud ilmu tajwid adalah mencantikkan dan mengelokkan.	0 0%	0 0%	2 2%	34 33.3%	66 64.7%	4.63	0.53	Tinggi
2. Huruf <i>hijaiyah</i> mempunyai 29 huruf.	5 4.9%	1 1%	1 1%	31 30.4%	64 62.7%	4.44	0.96	Tinggi

3.	Hukum mempelajari ilmu tajwid adalah Fardhu Kifayah.	4 3.9%	6 5.9%	4 3.9%	27 26.5%	61 59.8%	4.31	1.06	Tinggi
4.	Mengetahui adab-adab membaca dan mendengar al-Quran seperti menghadap kiblat, berwuduk dan ikhlas.	0 0%	0 0%	2 2%	27 26.5%	73 71.6%	4.69	0.51	Tinggi
5.	Ilmu tajwid adalah hukum-hukum dalam bacaan al-Quran.	0 0%	0 0%	1 1%	25 24.5%	76 74.5%	4.73	0.47	Tinggi
6.	Kadar kelajuan bacaan terdapat tiga bahagian iaitu <i>Tahqiq</i> (perlahan), <i>Tadwir</i> (sederhana) dan <i>Hadr</i> (laju).	0 0%	1 1%	5 4.9%	33 32.4%	63 61.8%	4.54	0.64	Tinggi
7.	Hukum nun mati dan <i>tanwin</i> terdapat empat bahagian iaitu <i>Izhar</i> , <i>Idgham</i> , <i>Iqlab</i> dan <i>Ikhfa</i> .	1 1%	1 1%	4 3.9%	30 29.4%	66 64.7%	4.55	0.71	Tinggi
8.	Hukum mengamalkan ilmu tajwid dalam bacaan al-Quran adalah Fardhu Ain.	1 1%	0 0%	4 3.9%	28 27.5%	69 67.6%	4.60	0.66	Tinggi
9.	Kesalahan nyata membawa kepada kerosakan makna dan huruf bacaan.	0 0%	0 0%	1 1%	26 25.5%	75 73.5%	4.71	0.47	Tinggi
10.	Kesalahan tersembunyi hanya dapat disedari oleh mereka yang mahir dalam ilmu tajwid.	0 0%	0 0%	2 2%	27 26.5%	73 71.6%	4.69	0.51	Tinggi
Jumlah min				4.59		Tinggi			

Berdasarkan aspek perincian skor min kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih yang paling tinggi adalah di perolehi daripada item A5 (min=4.73) “*Ilmu tajwid adalah hukum-hukum dalam bacaan al-Quran*”, item kedua tertinggi adalah dari item A9 (min=4.71) “*Kesalahan nyata membawa kepada kerosakan makna dan huruf bacaan*”. Seterusnya, item A10 (min=4.69) “*Kesalahan tersembunyi hanya dapat disedari oleh mereka yang mahir dalam ilmu tajwid*” dan item A4 (min=4.69) “*Mengetahui adab-adab membaca dan mendengar al-Quran seperti menghadap kiblat, berwuduk dan ikhlas*”, item A1 (min=4.63) “*Maksud ilmu tajwid adalah mencantikkan dan mengelokkan*”, item A8 (min=4.60) “*Hukum mengamalkan ilmu tajwid dalam bacaan al-Quran adalah Fardhu Ain*”, item A7 (min=4.55) “*Hukum nun mati dan tanwin terdapat empat bahagian iaitu Izhar, Idgham, Iqlab dan Ikhfa*.”, item A6 (min=4.54) “*Kadar kelajuan bacaan terdapat tiga bahagian iaitu Tahqiq (perlahan), Tadwir (sederhana) dan Hadr (laju)*.”, item A2 (min=4.44) “*Huruf hijaiyah mempunyai 29 huruf*” dan item A3 (min=4.31) “*Hukum mempelajari ilmu tajwid adalah Fardhu Kifayah*”. Untuk permulaan, pengkaji telah menyenaraikan beberapa skor min yang tertinggi diikuti kedua tertinggi dan seterusnya dengan mengikuti peratusan dan kekerapan daptatan kajian yang telah dilaksanakan.

Tahap Kemahiran Ilmu Tajwid dalam kalangan Guru Pelatih

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai Setiap Item Tahap Kemahiran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Guru Pelatih

Item	Kekerapan & Peratusan (N=102)					Min	SP	Interpretasi
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya memahami bahawa:								
1. Saya sedar bahawa hukum-hukum tajwid lebih mudah difahami apabila selalu membaca al-Quran.	0 0%	1 1%	1 1%	25 24.5%	75 73.5%	4.71	0.53	Tinggi
2. Saya sedar bahawa mempelajari ilmu tajwid amat penting kerana al-Quran adalah salah satu kewajipan sebagai umat Islam.	0 0%	0 0%	0 0%	16 15.7%	86 84.3%	4.83	0.37	Tinggi
3. Saya dapat menyebut setiap makhraj huruf al-Quran dengan betul dan jelas.	0 0%	0 0%	12 11.8%	40 39.2%	50 49%	4.37	0.68	Tinggi
4. Saya dapat membaca al-Quran secara bertajwid dan <i>al-tartil</i> (bacaan tenang dan tidak tergopoh-gapah) dengan baik	0 0%	1 1%	3 2.9%	47 46.1%	51 50%	4.45	0.61	Tinggi
5. Saya dapat membaca al-Quran secara bertajwid dan <i>al-hadr</i> (bacaan cepat tetapi berjaga-jaga) dengan baik.	1 1%	0 0%	12 11.8%	40 39.2%	49 48%	4.32	0.76	Tinggi
6. Saya mempunyai kemahiran <i>fashohah</i> (jelas dan terang) yang baik dalam bacaan al-Quran.	1 1%	2 2%	8 7.8%	53 52%	38 37.3%	4.23	0.76	Tinggi
7. Saya lancar menyebut kalimah dan ayat-ayat al-Quran.	0 0%	0 0%	7 6.9%	41 40.2%	54 52.9%	4.45	0.62	Tinggi
8. Saya dapat membaca al-Quran mengikut <i>lajhah arab fusha</i> ’ (bahasa rasmi arab)	1 1%	1 1%	19 18.6%	44 43.1%	37 36.3%	4.13	0.82	Tinggi
9. Saya mempunyai kemahiran <i>qira'at</i> , bacaan <i>tadwir</i> dan <i>tartil</i> di dalam al-Quran.	4 3.9%	5 4.9%	31 30.4%	36 35.3%	26 25.5%	3.73	1.02	Sederhana Tinggi
Jumlah min						4.36		Tinggi

Dapatkan kajian mendapati bahawa, item B2 (min=4.83) “Saya sedar bahawa mempelajari ilmu tajwid amat penting kerana al-Quran adalah salah satu kewajipan sebagai umat Islam”. Seterusnya, item B1 (min=4.71) “Saya sedar bahawa hukum-hukum tajwid lebih

mudah difahami apabila selalu membaca al-Quran". Selain itu juga, item B4 (min=4.45) "Saya dapat membaca al-Quran secara bertajwid dan al-Tartil (bacaan tenang dan tidak tergopoh-gapah) dengan baik". Item B7 (min=4.45) "Saya lancar menyebut kalimah dan ayat-ayat al-Quran". Diikuti Item B3 (min=4.37) "Saya dapat menyebut setiap makhraj huruf al-Quran dengan betul dan jelas". Item B5 (min=4.32) "Saya dapat membaca al-Quran secara bertajwid dan al-Hadr (bacaan cepat tetapi berjaga-jaga) dengan baik". Item B6 (min=4.23) "Saya mempunyai kemahiran Fashohah (jelas dan terang) yang baik dalam bacaan al-Quran". Item B8 (min=4.13) "Saya dapat membaca al-Quran mengikut lajhah Arab fusha' (bahasa rasmi arab)" dan terakhir adalah item B9 (min=3.73) "Saya mempunyai kemahiran qira'at, bacaan tadwir dan tartil di dalam al-Quran."

Tahap Pengetahuan Hukum Nun Mati dan Tanwin Dalam Kalangan Guru Pelatih

Jadual 5

Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengetahuan Hukum Nun Mati Dan Tanwin Dalam Kalangan Guru Pelatih

Item	Kekerapan & Peratusan (N=102)					Min	SP	Interpretasi
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya memahami bahawa:								
1. Ilmu tajwid merupakan subjek yang mudah difahami	0 0%	0 0%	7 7.1%	34 34.3%	58 58.6%	4.50	0.62	Tinggi
2. Saya mempelajari hukum tajwid iaitu hukum nun mati dan tanwin.	0 0%	0 0%	0 0%	30 30.3%	69 69.7%	4.68	0.47	Tinggi
3. Saya mengetahui cara bacaan hukum nun mati dan tanwin.	0 0%	0 0%	1 1%	28 28.3%	70 70.7%	4.68	0.49	Tinggi
4. Saya mengenal semua huruf nun mati dan tanwin.	0 0%	0 0%	3 3%	26 26.3%	70 70.7%	4.65	0.56	Tinggi
5. Saya mengetahui setiap harakat bacaan dalam hukum nun mati dan tanwin.	0 0%	0 0%	6 6.1%	43 43.4%	50 50.5%	4.43	0.60	Tinggi
6. مَنْ حَكِيمٌ: Hukum bagi perkataan bergaris ialah Izhar.	1 1%	0 0%	4 4%	21 21.2%	73 73.7%	4.65	0.65	Tinggi
7. مَنْ رَبِّكَ: Hukum bagi perkataan bergaris ialah Idgham Bila Ghunnah	1 1%	0 0%	3 3%	17 17.2%	78 78.8%	4.72	0.62	Tinggi
8. وَمَنْ مَعَكَ: Hukum bagi perkataan bergaris ialah Idgham Ma'al Ghunnah	0 0%	0 0%	4 4%	18 18.2%	77 77.8%	4.74	0.53	Tinggi
9. أَنْ يُورِكَ: Hukum bagi perkataan bergaris ialah Iqlab.	0 0%	1 1%	3 3%	16 16.2%	79 79.8	4.74	0.56	Tinggi
10. إِنْ تَكُنْ مَحْلَكَ: Hukum bagi perkataan bergaris ialah Ikhfa'	0 0%	1 1%	3 3%	21 21.2%	74 74.7%	4.69	0.58	Tinggi
Jumlah min					4.65			Tinggi

Daripada aspek perincian skor min tahap pengetahuan nun mati dan tanwin dalam kalangan guru pelatih min yang tertinggi diperolehi ialah daripada item C8 (min=4.74) “وَمِنْ مَعَكَ: *Hukum bagi perkataan bergaris ialah Idgham Ma'al Ghunnah*”. Seterusnya, item C9 (min=4.74) مِنْ رَبِّكَ لَنْ يُؤْرِكَ: *Hukum bagi perkataan bergaris ialah Iqlab*”. item C (min=4.72) مِنْ رَبِّكَ كَذَّلِكَ: *Hukum bagi perkataan bergaris ialah Idgham Bila Ghunnah*”, item C10 (min=4.69) كَذَّلِكَ: *Hukum bagi perkataan bergaris ialah Ikhfa’*”, item C2 (min=4.68) “*Saya mempelajari hukum tajwid iaitu hukum nun mati dan tanwin*”. Seterusnya, item C3 (min=4.68) “*Saya mengetahui cara bacaan hukum nun mati dan tanwin*”, item C4 (min=4.65) “*Saya mengenal semua huruf nun mati dan tanwin*”, item C6 (min=4.65) : مِنْ حَكَمِي *Hukum bagi perkataan bergaris ialah Izhar*”, item C1 (min=4.50) “*Ilmu tajwid merupakan subjek yang mudah difahami*” dan terakhir C5 (min=4.43) “*Saya mengetahui setiap harakat bacaan dalam hukum nun mati dan tanwin*”.

Perbincangan dan Cadangan

Tahap Kefahaman Ilmu Tajwid dalam kalangan Guru Pelatih

Dapatkan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa kebanyakkan guru pelatih semester 6 dan 7 Pendidikan Islam KUIS mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap ilmu tajwid. Hampir kesemua konstruk item kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih mempunyai nilai min yang tinggi dan ini memberi gambaran bahawa guru pelatih mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap ilmu tajwid.

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi dari jadual 4.3, tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih berada pada tahap yang tinggi dengan skor min adalah 4.74 dalam subkonstruk item D8 iaitu ilmu tajwid adalah hukum-hakam dalam bacaan al-Quran. Pemahaman terhadap ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih adalah agak tinggi, menurut dapatan kajian pengkaji. Apabila tahap kefahaman ilmu tajwid kategori masih berada dalam golongan yang dapat memahami penggunaan ilmu tajwid, responden pengkaji dapat menguasai ilmu tajwid dengan baik.

Seiring dengan kajian yang dijalankan oleh (Zainora Daud, 2017) terhadap 30 pelajar tafhib swasta di bawah Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran (PITAS) Negeri Selangor, yang bertujuan untuk mengenal pasti latarbelakang pelajar serta mengkaji sukanan pelajaran ilmu tajwid yang dipelajari dan menganalisis tahap kefahaman responden dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid. Dapatkan kajian mendedahkan bahawa analisis semua item kefahaman pembelajaran ilmu tajwid menghasilkan tafsiran min aras tinggi iaitu (min = 4.19, sp = 0.70). Kesimpulannya, pemahaman guru pelatih terhadap ilmu tajwid dalam bacaan al-Quran masih baik walaupun perlu ditonjolkan dari semasa ke semasa.

Tahap Kemahiran Ilmu Tajwid dalam kalangan Guru Pelatih

Tajwid al-Quran ialah satu bidang ilmu yang berkaitan dengan cara membaca ayat-ayat al-Quran, termasuk sebutan huruf, kadar bacaan panjang dan pendek, dengung, dan lain-lain tajuk berdasarkan kajian (Sharipah Zainah, 2002). Matlamat untuk mendapatkan ilmu ini adalah untuk menghasilkan bacaan al-Quran yang betul dari segi sebutan huruf, waqaf, dan *ibtida'* (Abdullah Badi, 1986). Umat Islam tidak boleh bersikap tidak peduli untuk mendapatkan kemahiran ilmu tajwid supaya mereka boleh membaca al-Quran tanpa membuta tuli (Abdullah Qari, 1991).

Merujuk kepada dapatan kajian mengenai kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan guru

pelatih, didapati bahawa min tertinggi berkaitan guru pelatih adalah menjaga hukum hukum tajwid ketika membaca al-Quran. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa guru pelatih masih memahami tentang konsep perlunya hukum tajwid dalam menjaga bacaan al-Quran. Secara keseluruhannya, tahap kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih berada pada tahap tinggi. Akan tetapi, kajian ini tidak selari dengan kajian Azmil Hashim dan Jahidah Saili (2015) bahawa kemahiran pelajar terhadap hukum tajwid berada pada tahap sederhana tinggi.

Tahap Pengetahuan Hukum Nun Mati Dan Tanwin Dalam Kalangan Guru Pelatih

Dapatkan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa tahap pengetahuan hukum nun mati dan tanwin dalam kalangan guru pelatih berada pada tahap tinggi. Hampir kesemua konstruk item bahawa tahap pengetahuan hukum nun mati dan *tanwin* dalam kalangan guru pelatih mempunyai nilai min yang tinggi dan ini memberi gambaran bahawa guru pelatih mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang hukum nun mati dan *tanwin*. Berdasarkan hasil daptan kajian yang diperolehi dari jadual 4.5, pengetahuan hukum nun mati dan *tanwin* dalam kalangan guru pelatih berada pada tahap yang tinggi dengan skor min adalah 4.74 dalam subkonstruk item B5 iaitu “وَمِنْ مَعَكَ Hukum bagi perkataan bergaris ialah *Idgham Ma'al Ghunnah*”. Dengan itu, majoriti pengetahuan guru pelatih terhadap hukum tajwid dapat dijawab dengan baik. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih sudah bersedia untuk menghadapi sesi pengajaran dan pembelajaran semasa di sekolah nanti.

Akan tetapi, kajian berdasarkan kajian kualitatif (Ahmad@Muhammad et al., 2019) tidak selari dengan pengkaji. Kajian menunjukkan 58% mahasiswa dan mahasiswi telah melakukan kesilapan sama dalam hukum tajwid *Idqam Bil Ghunnah* dengan tidak mendengungkan bacaan pada 1 kalimah yang terdapat pada ayat tersebut. Antara sebab mereka tidak membaca al-Quran dalam tajwid yang betul kerana mereka lupa hukum tajwid yang diajarkan kepada mereka, mereka lupa subjek yang berkaitan dengan al-Quran dan tajwid, dan mereka masih tidak boleh mengamalkan tajwid walaupun memahami hukumnya. Isu ini diburukkan lagi dengan sikap malas dan kurang minat terhadap ilmu tajwid.

Kesimpulannya, tahap pengetahuan hukum nun mati dan *tanwin* dalam kalangan guru pelatih berapa pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana, kebanyakan guru pelatih ini sudah mempelajari sejak di bangku sekolah bahkan di peringkat universiti (KUIS) mereka dapat belajar semasa mereka berada pada semester 2. Jadi, majoriti guru pelatih telah mengamalkan serta dapat menguasai ilmu tajwid dengan sangat baik.

Implikasi Kajian

Implikasi kepada Pelajar/Guru Pelatih

Dapatkan kajian ini mencadangkan agar pelajar/guru pelatih Pendidikan Islam KUIS harus peka dan mengambil peluang terhadap penggunaan ilmu tajwid dalam bacaan al-Quran yang merangkumi aspek kefahaman, kemahiran dan pengetahuan, walaupun ia berbeza mengikut pelajar/guru pelatih. Untuk memaksimumkan kefahaman, kemahiran, dan pengetahuan tentang ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih, perhatian sepenuhnya sangat diperlukan. Penguasaan pelajar/guru pelatih terhadap ilmu tajwid al-Quran adalah kritikal sebagai langkah awal untuk mengubah sikap tidak baik mereka terhadap pembelajaran ilmu tajwid, kerana tajwid adalah salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan semasa membaca kalam Allah. Sikap tidak mengambil cakna perlu diubah kerana ia akan menjadi penghalang kepada pelajar yang ingin meluaskan kefahaman tentang tajwid dan membaca al-Quran tanpa melakukan sebarang kesilapan (Tumer-Bisset, 2004). Tambahan pula, pertumbuhan sikap negatif terhadap kefahaman yang semakin meningkat tentang tajwid al-Quran berisiko melemahkan motivasi pelajar untuk

mengamalkan tajwid dalam al-Quran dan menyebabkan al-Quran mudah dibaca tanpa membezakan hukum-hukum yang terkandung dalam setiap ayat-ayat al-Quran.

Implikasi kepada Guru

Peranan tenaga pengajar khususnya guru al-Quran dalam usaha mendidik pelajar supaya mahir membaca al-Quran adalah satu perkara yang mulia. Sebagai cadangan penambahbaikan, guru-guru al-Quran seharusnya lebih kreatif dalam menggalakkan anak-anak muda untuk terus mahir membaca al-Quran dengan memanfaatkan media terkini yang boleh menjadikan kursus al-Quran lebih seronok dan mengujakan. Ini kerana keupayaan kanak-kanak menguasai al-Quran dipengaruhi oleh cara dan apa yang diajar oleh guru.

Implikasi kepada Institusi Pendidikan

Kajian yang turut dilakukan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ini akan membantu universiti dalam menentukan jumlah penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam KUIS yang menggunakan tajwid dalam tilawah al-Quran. Seterusnya pihak universiti boleh menentukan keberkesanannya tajwid dalam bacaan al-Quran dan boleh menangani isu bacaan al-Quran tanpa menggunakan hukum tajwid dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti membaca al-Quran 5 minit sebelum bermula sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang baik adalah kajian yang sentiasa ada pemberian setiap masa. Pemberian disini bermaksud pembetulan yang boleh dilakukan oleh pengkaji agar kajian akan datang dapat dijalankan dengan lebih baik. Ekoran daripada itu, cadangan tertentu untuk kajian akan datang dibuat agar dapat menyumbang kepada ilmu tajwid. Tambah pembolehubah kajian, gunakan pendekatan pengumpulan data alternatif, dan laksanakan kajian melihat kepelbagaiannya bidang adalah beberapa cadangan yang boleh diberikan untuk masa hadapan. Penguasaan pembelajaran ilmu tajwid merupakan satu-satunya pembolehubah dalam kajian ini. Ini mengakibatkan kefahaman ilmu tajwid yang terhad. Bagi meluaskan lagi kesimpulan kajian, kajian akan datang hendaklah merangkumi pembolehubah seperti perkaitan antara kaedah pembelajaran dan pengajaran, gaya keibubapaan, dan sebagainya.

Selain itu, kajian sebegini adalah bertujuan untuk dilaksanakan secara berkala, dan juga dicadangkan dijalankan bagi menilai penguasaan ilmu tajwid dalam pelbagai aspek. Penguasaan mempelajari ilmu tajwid hanya dilihat dalam empat bidang dalam kajian ini iaitu jantina, umur, semester, dan CGPA menunjukkan penguasaan ilmu tajwid adalah terhad. Hasilnya, kajian telah dimasukkan ke dalam kajian akan datang bagi melihat banyak elemen seperti kursus yang diambil, etnik, gaya keibubapaan dan sebagainya bagi melihat penguasaan pelajar dalam mempelajari ilmu tajwid bergantung kepada aspek tersebut. Di samping itu, kajian ini mencadangkan untuk dijalankan kepada pelajar pendidikan khas. Antara cadangan pengkaji adalah pelajar yang cacat penglihatan. Ini kerana seiring dengan peredaran masa, pelajar ini juga perlu mendalami ilmu tajwid. Banyak perkara yang boleh pengkaji akan datang membuat kajian tentang tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan orang cacat penglihatan termasuklah kaedah pengajaran dan penbelajaran serta inisiatif dalam penguasaan ilmu tajwid.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cadangan untuk kajian akan datang. Cadangan sedemikian sekurang-kurangnya boleh menjadi panduan kepada pengkaji dalam kajian akan datang. Natijahnya, apabila pengkaji memahami apa yang diperlukan dalam kajian pada masa hadapan serta seiring dengan era pembangunan pendidikan negara, kajian dapat disiapkan dengan berkesan.

Kesimpulan

Dapatan mendedahkan pengkaji hasil dapatan kajian secara mendalam dengan membandingkan kajian lepas yang berkait rapat dengan matlamat kajian. Hasil perbandingan dengan kajian lepas menunjukkan bahawa kesimpulan setiap kajian adalah berbeza-beza, yang boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor daripada kajian lepas. Sementara itu, pengkaji boleh mengetahui lebih lanjut tentang penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam KUIS secara umumnya. Hasil daripada penemuan, implikasi yang berbeza muncul serta idea daripada pengkaji untuk menangani implikasi ini. Antaranya ialah tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih, tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih, dan tahap pengetahuan hukum nun mati dan tanwin dalam kalangan guru pelatih. Setiap dapatan yang diperolehi dibincangkan mengikut persoalan kajian responden. Selain itu, analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan setiap struktur kajian secara terperinci bagi tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan guru pelatih dan tahap pengetahuan hukum nun mati dan tanwin dalam kalangan guru pelatih.

Rujukan

- Daud, Z., Saad, S., & Hussin, H. (2018). Tahap keberkesanan ilmu tajwid analisis terhadap sekolah tahlif swasta di Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 24-35.
- Hassan, A., & Abdullah, B. (2021). Penguasaan hukum nun mati atau tanwin dalam kalangan orang cacat penglihatan. *International Journal Of Al-Quran And Knowledge (IJQK)* 1.
- Kasnin, N. Z., & Jaafar, S. R. S. (2017). Proses asimilasi nasal dalam hukum tajwid dengan bahasa melayu dan inggeris. *e-BANGI*, 12(3), 1-16.
- Mohd Nawi, M. Z., & Mohamed Noor, M. A. (2021). Meningkatkan kemahiran mengingat lima hukum asas tajwid dalam tilawah al-Quran. *Journal Of Humanities and Social Sciences*, 3(1), 23–32. <Https://Doi.Org/10.36079/Lamintang.Jhass-0301.200>
- Muhammad, A., Abdullah, A. H. B., Suratman, A. S. B., Jasmi, K. A. B., & Mustari, M. I. B. (2007). Tahap profesionalisme guru-guru pelatih pendidikan Islam dalam latihan praktikum. *Pusat Pengajaran Islam Dan Pembangunan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia. Vot*, 75215.
- Nawi, M. Z. M., & Noor, M. A. M. (2021). Meningkatkan kemahiran mengingat lima hukum asas tajwid dalam tilawah al-Quran. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(1), 23-32.
- Rahman Abd Ghani, A., Jemali, M., Noor Daud, M., & Munir Ismail, A. (N.D.). Perlaksanaan kurikulum tajwid di sekolah-sekolah pondok negeri perak the implementation of tajwid curriculum in Perak cottage schools. *Jurnal Perspektif* 8 (2), 54–69.
- Suhaimi, M. (2019). Penguasaan pembelajaran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar universiti malaysia sabah kampus antarabangsa Labuan (UMSKAL).
- Sabilan, S., Ismail, H., Lip, S. M., Fuad Ishak, M., Nga’ishah Mohni, S., Kebangsaan, S., Semenyih, U., & Lalang, J. S. (2017). An evaluation on context and input of reciting tilawah al-quran performance based on colour method towards tajwid recitation fluency among standard five students of sekolah kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Terengganu. *Malaysian Online Journal Of Education*, 1(2).
- Safie Saliban. (2018). Penilaian terhadap aspek proses dan produk berkaitan tahap penguasaan hukum tajwid alif lam qamariah dan alif lam syamsiyah di sekolah kebangsaan rembang panas, Negeri Sembilan. 2–3.
- Zainora Daud, S. S. (2017). Sekolah tahlif swasta di Selangor: Satu kajian rintis terhadap penguasaan ilmu tajwid. *Jurnal Pengajaran Islam*, 141–151.

Pelan Kecemerlangan Hafazan Al-Quran Individu Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia

¹Hajarul Bahti binti Zakaria, Ph.D
hajarul@ipgkik.edu.my

²Norshidah binti Mohd Salleh, Ph.D
nshidah@ukm.edu.my

³Mohd Huzaire bin Awang@Husain, Ph.D
huzaire.sahabatinsani@gmail.com

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

²Universiti Kebangsaan Malaysia

³Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Artikel ini mencadangkan pelan kecemerlangan hafazan al-Quran bagi individu kurang upaya penglihatan (IKP) di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kaedah kajian kes tunggal, melibatkan empat orang peserta kajian yang telah menamatkan hafazan 30 Juzuk al-Quran. Temu bual separa struktur digunakan untuk mengumpul data. Dapatkan mencadangkan pelan kecemerlangan hafazan untuk meningkatkan kualiti hafazan IKP iaitu pelan kecemerlangan diri IKP, kaedah hafazan IKP, pelan kecemerlangan guru hafazan IKP, persekitaran hafazan IKP, dan penyediaan khidmat sokongan hafazan al-Quran IKP. Implikasi kajian ini adalah pelaksanaan Program Tahfiz IKP, sistem hafazan IKP, memperkasa institusi tahfiz IKP, memperkasa latihan perguruan tahfiz IKP, penempatan pelajar tahfiz IKP, dan peluang melanjutkan pelajaran IKP dalam bidang hafazan al-Quran.

Kata kunci: Pelan kecemerlangan, hafazan al-Quran, individu kurang upaya penglihatan

Abstract

This article is a study to propose an excellence plan for Quran memorization among visually impaired individuals (IKP) in Malaysia. This study uses the qualitative approach of a single case study method involving four participants in the IKP study who have successfully completed the memorization of the 30 Juzuk al-Quran. The main data collection method of this study is a semi-structured interview. The main findings of the study found that there are several memorization excellence plans proposed to improve the quality of memorization among IKPs, namely IKP self-excellence plans, IKP memorization methods, IKP memorization teacher excellence plans, IKP memorization environments, and the provision of IKP al-Quran memorization support services. The implications of this study are the implementation of the IKP Tahfiz Program, the IKP memorization system, the empowerment of the IKP tahfiz institution, the empowerment of the training of IKP tahfiz teachers, the placement of IKP tahfiz students, and the opportunity to continue IKP studies in the field of Quran memorization. The study's findings are expected to be a guide to producing more huffaz among IKP in Malaysia.

Keywords: Excellence plan, Quran memorisation, visually impaired individuals

Kurang upaya penglihatan merujuk kepada kegagalan mata untuk berfungsi dan mereka yang tidak mempunyai daya penglihatan. Manakala dari perspektif pendidikan khas, IKP belajar melalui kaedah tektual, auditori dan pengalaman estetik tanpa memerlukan daya penglihatan

(Victor et al., 2018). Individu kurang upaya penglihatan (IKP) adalah individu yang mengalami penglihatan terhad walaupun menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata, kanta sentuh atau alat-alat optik yang lain.

IKP sering menghadapi pelbagai halangan ketika mengikuti pembelajaran, sama ada halangan persekitaran ataupun diri sendiri (Raja Nur Fakhriah & Aizan Sofia, 2018). Mereka memerlukan kemudahan-kemudahan yang khusus dan spesifik serta khidmat sokongan daripada masyarakat sekeliling bagi meningkatkan kualiti hidup (Roslinda et al., 2013). Kesan kurang upaya penglihatan kepada IKP membataskan pengalaman dan peluang pembelajaran mereka, kerana kekangan menerima maklumat secara langsung dari persekitaran dan sukar untuk memperoleh maklumat secara visual (Sacks & Silberman, 2010). Walau bagaimanapun, kekangan ini dapat diatasi bergantung kepada cara mereka memperoleh pengetahuan daripada pengajaran dan pembelajaran (Mayara et al., 2019). Proses menyesuaikan amalan pengajaran dan juga bahan-bahan pembelajaran daripada guru juga adalah penting untuk membantu mereka memperolehi pembelajaran dengan lebih berkesan (Aydin, Levent & Mustafa, 2020).

IKP di Malaysia berpeluang mengikuti sistem pendidikan yang sama dengan individu tipikal, bermula dari peringkat rendah sehingga ke institusi pengajian tinggi (Nur Khairul Nisha & Haris, 2017). Kerajaan menyediakan pelbagai program untuk mereka, seperti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Program pendidikan khas yang dilaksanakan bagi murid berkeperluan khas (MBK) di negara ini adalah sebahagian daripada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Selain program tersebut, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga memberi tumpuan kepada Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Pendidikan aliran Tahfiz antara aliran yang diberi perhatian dalam sistem pendidikan masa kini (Norlizah et al., 2017). Hafazan al-Quran adalah amalan kerohanian yang memperkasa aspek mental, jiwa dan intelektual. Proses hafazan al-Quran ini mengadunkan antara ilmu al-Quran dan akademik secara bersepadu bagi melahirkan pelajar yang holistik dan berkualiti serta mampu menghadapi cabaran dunia masa kini. Selaras dengan DPTN, IKP juga terlibat sama memasuki aliran tahfiz dalam pendidikan negara.

Sebilangan kecil dari IKP telah berjaya menamatkan pengajian dalam aliran tahfiz apabila memasuki program Sijil setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga Diploma yang ditawarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), seterusnya menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi awam dalam bidang Pengajian Islam. Hal ini mendorong pengkaji untuk meneroka pelan kecemerlangan hafazan IKP berdasarkan kejayaan yang diperolehi dan juga cabaran yang dihadapi oleh mereka. Jika IKP diberi galakan, bimbingan dan laluan pendidikan sewajarnya, disediakan peluang untuk meningkatkan diri sendiri, maka mereka juga akan dapat membina keupayaan keilmuan dan kemahiran seterusnya memberi sumbangan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Pernyataan Masalah

Tinjauan literatur mendapati kanak-kanak kurang upaya penglihatan mempunyai kemampuan kognitif seperti kanak-kanak tipikal, tetapi perkembangan kognitif mereka mengalami sedikit kelewatan disebabkan kekangan penglihatan yang dialami (Frederickson & Cline, 2009). Selain daripada kekangan kurang upaya penglihatan, terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan seseorang individu kurang menguasai sesuatu kemahiran, seperti amalan pembelajaran yang diamalkan oleh mereka (Azmil et al., 2014), sikap individu sendiri (Abdul Hakim et al., 2015) dan juga faktor persekitaran yang mempengaruhi pencapaian mereka (Norhasni et al., 2015). Walaupun menghadapi pelbagai kekangan, tetapi masih terdapat dalam kalangan IKP yang mampu menunjukkan kekuatan diri dengan mencapai kejayaan yang setara dalam akademik seperti individu tipikal. Ini termasuk kejayaan mereka dalam menghafaz 30 juzuk al-Quran dengan baik, seterusnya berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian

tinggi selepas (Siti Nor Azimah et al., 2016).

Menjadi penghafaz al-Qur'an bukanlah suatu perkara yang mudah. Pendidikan tahniz masih terasing dan tidak ditawarkan secara meluas kepada IKP di Malaysia. Pendidikan tahniz memerlukan sokongan serta penglibatan ibu bapa, sekolah dan guru yang boleh membantu IKP menghadapi pengajaran dan pembelajaran hafazan dengan baik (Norlizah et.al., (2017). Individu tipikal yang menghafaz al-Qur'an mudah untuk membaca ayat-ayat al-Qur'an, perbezaan yang wujud di antara individu tipikal dengan IKP ialah individu tipikal membaca ayat-ayat hafazan menggunakan al-Quran biasa, manakala IKP membaca ayat-ayat hafazan menggunakan al-Quran Braille. Mereka sangat memerlukan bantuan dan khidmat sokongan daripada persekitaran yang memberangsangkan. Tanpa persekitaran yang membantu, IKP agak sukar untuk menjalani kehidupan dan pembelajaran secara sempurna dengan kekangan yang ada (Florian & Chelsea, 2018).

Kecemerlangan yang diraih IKP bergantung kepada banyak faktor. Antaranya ialah kecerdasan individu, tahap kehilangan penglihatan, dan umur semasa didiagnosis mengalami masalah penglihatan. Kajian-kajian juga menunjukkan faktor keluarga seperti tahap sosio ekonomi (Sumyea et al., 2019), persekitaran keluarga (Wei, Hong & Ying, 2020) dan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak (Mohd Fazli et al., 2013) yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan khususnya kanak-kanak kurang upaya penglihatan dalam bidang akademik. Selain itu, faktor khidmat sokongan yang diterima juga membantu kejayaan seseorang (Stacy. et al., 2015).

Berdasarkan kajian lepas, menunjukkan pelbagai faktor memainkan peranan penting dalam kejayaan seseorang individu (Mohd Fazli et al. 2013; Stacy, 2015; Azmil et al. 2014; Abdul Hakim et al. 2015; Norhasni et al. 2015; Siti Nor Azimah et al., 2016; Norlizah et.al., (2017; Florian & Chelsea, 2018; Sumyea et al., 2019; Wei, Hong & Ying, 2020). Walaupun terdapat pelbagai kekangan, IKP masih mampu dan berjaya menghafaz 30 juzuk al-Qur'an dengan baik. Terdapat pelbagai faktor mereka mencapai kejayaan dalam menghafaz al-Quran. Pada masa yang sama, IKP juga menghadapi pelbagai cabaran sepanjang menghafaz. Sehubungan dengan itu, pengkaji cuba meneroka pelan kecemerlangan hafazan al-Quran IKP berdasarkan faktor kejayaan dan juga cabaran yang dihadapi. Diharap kajian ini dapat memberikan satu garis panduan pelan membina kecemerlangan hafazan al-Quran untuk IKP pada masa hadapan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

Menghasilkan pelan kecemerlangan hafazan al-Quran untuk individu kurang upaya penglihatan di Malaysia.

Soalan Kajian

Bagaimanakah pelan kecemerlangan hafazan individu kurang upaya penglihatan ?

Tinjauan Literatur

IKP merupakan individu yang memerlukan pendidikan khas dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya. Mereka memerlukan pendidikan dan perkhidmatan yang khusus kerana keperluan mereka berbeza dengan individu tipikal (Hallahan & Kauffman, 2009). Mereka adalah individu yang tidak mempunyai persepsi visual disebabkan deria penglihatan yang kurang atau tidak berfungsi. Banyak faktor yang menyebabkan seseorang individu itu mengalami kurang

upaya penglihatan antaranya adalah keturunan, kemalangan, jangkitan kuman dan penyakit-penyakit yang dialami (Victor et.al. 2018). Kurang upaya penglihatan yang dihadapi oleh seseorang individu adalah tidak sama tahap dan kefungsianya. Ada yang langsung tidak boleh melihat, manakala ada yang masih boleh melihat sebahagian, tetapi dengan kemampuan penglihatan yang agak terbatas berbanding individu tipikal (Florian & Chelsea, 2018).

Kajian terhadap kaedah pengajaran guru murid kurang upaya penglihatan oleh Mohd Rahmat (2002) serta Hajarul Bahti dan Mohd Huzairi (2010) mendapatkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) serta kaedah pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian murid. Kajian dalam konteks penguasaan Tilawah al-Qur'an murid kurang upaya penglihatan, tidak ramai murid yang menguasai bacaan al-Qur'an. (Khadijah & Norshidah, 2010) mendapatkan hanya 42% sahaja murid yang mencapai tahap sederhana fasih dalam membaca al-Qur'an. Norakyaree (2019) pula mendapatkan bahawa guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memastikan pengajaran al-Quran dapat disampaikan dengan berkesan dan sesuai dengan kekuatan dan kelainan upaya belajar murid kurang upaya penglihatan. Walau bagaimanapun terdapat permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam proses pengajaran al-Quran, antaranya kurang kemahiran mengajar al-Quran Braille disebabkan kurang latihan dan panduan atau modul khusus pengajaran al-Quran menggunakan al-Qur'an Braille, kekangan masa, komitmen ibu bapa dan isu yang melibatkan kemampuan murid kurang upaya penglihatan itu sendiri.

Penggunaan teknologi maklumat yang lebih banyak terutamanya yang mempunyai kualiti audio yang baik didapati sangat membantu dalam pembelajaran dan hafazan al-Quran kepada IKP. Ini dapat dilihat daripada kajian Nurutthoileh et.al., (2018) dan juga Nur Atiqah et. al., (2018). Selain daripada itu, menurut Melvin dan Shahlan (2020), bimbingan dan galakan yang berterusan daripada ibubapa dan mereka yang berada di sekeliling dapat membantu pelajar mencapai kejayaan. Semakin kuat dorongan dan sokongan ibu bapa, semakin meningkat prestasi akademik pelajar dan sebaliknya. Hal ini bukan hanya berlaku kepada individu tipikal, malah juga melibatkan IKP. Dengan kekangan penglihatan yang ada pada mereka, IKP sangat memerlukan khidmat sokongan daripada persekitaran sosial untuk meningkatkan kualiti hidup mereka (Roslinda et al., 2013). Semua literatur yang dinyatakan menunjukkan bahawa kejayaan akademik IKP adalah bergantung kepada pelbagai faktor. Antara faktor yang banyak menyumbang kepada kejayaan ialah peranan sokongan ibu bapa, sikap positif pelajar sendiri, dan kemudahan teknologi. Semua faktor pendorong ini perlu digarap agar menjadi penyumbang kepada kecemerlangan hafazan al-Quran IKP di Malaysia.

Metodologi Kajian

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes untuk menghasilkan pelan kecemerlangan hafazan al-Quran dalam kalangan IKP. Kajian kes dilihat sesuai untuk kajian ini kerana ia melibatkan penyiasatan atau penerokaan secara empirik dan mendalam tentang sesuatu fenomena dalam konteks kehidupan sebenar, iaitu meneroka konteks kejayaan dan cabaran IKP menghafaz al-Quran. Kajian kes ini menggunakan sumber yang pelbagai berkaitan responden kajian sebagai bukti dalam sistem tertutup (Yin, 2018), iaitu IKP, ibu bapa dan juga guru. Ini bertujuan mengenal pasti makna dan pemahaman sesuatu keadaan atau subjek (Merriam & Tisdell, 2015).

Peserta Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada IKP yang telah menamatkan hafazan al-Quran sebanyak 30 juzuk. Pemilihan peserta bagi kajian ini dilakukan menerusi kaedah persampelan

bermatlamat atau *purposive sampling*. Pemilihan kaedah persampelan bermatlamat ini dipilih kerana ia sesuai digunakan apabila kes-kes adalah unik dan dapat memberi banyak maklumat (Robson & McCartan, 2016). Kaedah persampelan bermatlamat ini dipilih dengan melihat kepada objektif kajian iaitu untuk mengahsilkan pelan kecemerlangan hafazan al-Quran IKP. Dengan sebab itu, maka matlamat sampel yang dipilih dalam kajian ini adalah sampel yang telah selesai menghafaz al-Quran bagi meneroka kejayaan dan juga cabaran yang dihadapi oleh mereka sewaktu menghafaz al-Quran dalam merangka pelan kecemerlangan hafazan IKP. Jika peserta kajian belum menamatkan hafazan 30 juzuk, kemungkinan mereka belum melalui sepenuhnya cabaran menghafaz al-Qur'an di samping kemungkinan ada faktor penyebab kejayaan menghafaz yang masih belum ditemui kerana masih belum menamatkan hafazan. Selain daripada itu, peserta kajian juga adalah individu yang mengalami kurang upaya penglihatan memandangkan kajian ini ingin meneroka pelan kecemerlangan hafazan al-Quran IKP. Kaedah ini dilihat paling sesuai dengan kehendak objektif kajian disebabkan bilangan IKP yang telah berjaya menamatkan hafazan al-Qur'an adalah tidak ramai.

Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Kajian ini menggunakan protokol temu bual sahaja sebagai instrumen kajian untuk mengumpulkan data daripada peserta kajian. Temu bual yang dijalankan adalah temu bual mendalam terhadap peserta kajian. Temu bual adalah satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang penyelidik menyolo untuk mendapatkan jawapan-jawapan atau respon yang dihajati daripada peserta kajian (Merriam & Tisdell, 2015). Kaedah temu bual ini membolehkan penyelidik mengakses persepsi peserta kajian, makna dan pemahaman yang dibina oleh peserta kajian (Creswell & Poth, 2018). Penyelidik juga boleh mendapat maklumat lebih terperinci tentang aspek yang dikaji melalui temu bual, terutamanya isu berkaitan dengan perasaan, pendapat ataupun fakta dengan lebih mendalam yang lazimnya tidak mampu diperoleh melalui tadbiran kaedah tinjauan, ujian atau kaedah yang menggunakan pendekatan kuantitatif (Ghaziah et al., 2010).

Proses pengumpulan dan penganalisisan data adalah dua perkara yang dilaksanakan serentak dalam kajian kualitatif. Penganalisisan data adalah satu proses untuk mengemas, menstruktur, dan memberi makna kepada data-data yang telah dikumpul (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2015). Walau bagaimanapun, kaedah yang lebih baik ialah dengan mengumpul semua data terlebih dahulu, kemudian baru mula menganalisisnya secara mendalam. Ini adalah bagi mengelakkan pengkaji menetapkan makna yang sama kepada data-data temu bual yang dikumpul terkemudian daripada data awal (Creswell & Poth, 2017). Pengkaji melakukan proses penganalisisan data yang diperolehi menggunakan beberapa tatacara iaitu i) reduksi data, ii) paparan hasil dan iii) membuat kesimpulan berdasarkan saranan oleh Neuman (2013) dan Merriam dan Tisdell (2015). Proses reduksi data melibat beberapa perkara berikut iaitu, membuat transkripsi rakaman temu bual, menyediakan kategori, mensintesis kategori, membuat semakan dan menjelaskan tema. . .

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini mendapat terdapat empat pelan umum pelan kecemerlangan hafazan IKP yang boleh dilaksanakan dalam meningkatkan kualiti hafazan al-Quran IKP iaitu i) pelaksanaan program tahliz IKP ii) sistem hafazan IKP iii) memperkasa institusi Tahfiz IKP dan iv) memperkasa latihan perguruan Tahfiz IKP.

a. Pelaksanaan Program Tahfiz IKP

Program Tahfiz khusus untuk IKP yang dilaksanakan secara formal hanya terdapat satu sahaja di seluruh Malaysia, iaitu yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Program ini juga membuka peluang kepada IKP untuk mengambil Diploma Tahfiz wa al-Qiraat di cawangan-cawangan Darul Quran negeri-negeri. Walau bagaimanapun, program ini ditawarkan bersama-sama dengan individu tipikal. Mereka perlu mengambil program sijil al-Quran selama enam bulan, kemudian menyambung program sijil bahasa Arab pula selama 6 bulan, kemudian baharu meneruskan pengajian ke peringkat Diploma Tahfiz selama 3 tahun.

Hasil daripada kajian ini, pengkaji mencadangkan agar diwujudkan satu program Tahfiz yang khusus untuk IKP di peringkat pengajian tinggi. Program ini adalah laluan khusus yang diambil oleh mereka yang telah mengikuti bidang pengajian Islam di peringkat sekolah menengah lagi. Dalam masa yang sama, peringkat sekolah menengah juga perlu membuka ruang dan peluang kepada IKP untuk memasuki bidang aliran agama serta hafazan al-Quran bagi memberi pendedahan dan pengalaman awal kepada mereka untuk melibatkan diri dengan hafazan al-Quran dan juga pengajian Islam. Yang mana sekarang ini, sistem pendidikan di Malaysia belum lagi membuka peluang aliran agama kepada golongan ini di peringkat sekolah menengah disebabkan kekurangan guru-guru yang berkemahiran untuk mengajar mereka. Pelaksanaan perkara ini akan lebih memudahkan mereka untuk meneruskan pengajian dalam bidang hafazan apabila masuk ke peringkat institusi pengajian tinggi nanti.

b. Sistem hafazan untuk IKP

Sistem hafazan untuk IKP juga perlu dipertingkatkan dengan mengambil kira keperluan-keperluan yang bersesuaian dengan kekangan mereka. Kaedah-kaedah yang sesuai digunakan oleh IKP perlu digunakan sepenuhnya seperti kaedah pengulangan (*tikrar*), kaedah menggunakan audio dan kaedah *Tashil*, manakala kaedah-kaedah yang menjadi cabaran kepada mereka seperti kaedah *Talaqqi* dan *Mushafahah*, kaedah *Tasmi'*, kaedah *Tafham* dan kaedah *Jama'iy* masih boleh digunakan, tetapi perlu dilakukan penambahbaikan agar sesuai digunakan oleh IKP untuk menghafaz al-Quran.

c. Memperkasa institusi Tahfiz IKP

Institusi tahfiz untuk IKP perlu diperkasa lagi dengan menyediakan tenaga-tenaga mahir yang lebih berkualiti, peralatan dan kemudahan yang lengkap dan mencukupi serta sesuai bagi digunakan oleh IKP sebagai bahan sumber yang membantu mereka untuk menghafaz dengan lebih mudah, serta penyediaan infrastruktur dan prasarana yang lebih lengkap dan terkini, selaras dengan pelbagai perkembangan kemudahan baharu yang muncul dalam dunia hari ini. Dalam masa yang sama, pengurusan institusi tahfiz juga perlu ditambah baik dengan menyediakan staf sokongan yang berkemahiran untuk mengendalikan mereka dan juga mempunyai pengetahuan tentang IKP. Dengan keadaan ini, maka akan lebih mudah mereka memberikan khidmat sokongan yang terbaik kepada IKP.

d. Memperkasa latihan perguruan Tahfiz IKP

Seterusnya perkara yang juga penting hasil dapatan kajian ini, dicadangkan agar guru-guru yang terlibat mengajar IKP menghafaz al-Quran perlu diberi latihan perguruan yang formal dan menyeluruh. Mereka ini perlu mendapat pendedahan secara lebih mendalam tentang keadaan dan situasi IKP. Ini kerana, kebanyakannya pensyarah yang mengajar IKP pada masa kini tidak ada satu pendidikan perguruan yang khusus untuk mengajar IKP, ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri apabila mengajar IKP dan kekurangan kemahiran khusus. Mereka hanya mengenali kekangan penglihatan yang dihadapi oleh pelajar mereka melalui pengalaman semata-mata. Ini menyebabkan berlaku sedikit masalah penyesuaian kaedah dan teknik apabila mereka mengajar golongan IKP menghafaz al-Quran, sehingga menyebabkan kesukaran untuk IKP menguasai hafazan, disebabkan kaedah dan teknik yang digunakan mungkin membebankan dan kurang bersesuaian dengan pelajar.

Para guru perlu diberi pendedahan bagaimana untuk menangani dan mengajar mereka menggunakan pedagogi yang bersesuaian. Pihak kerajaan disarankan membuka program khusus diploma pendidikan tahlif IKP kepada guru yang mengajar golongan ini, agar mereka dapat memberikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pemerkasaan ini juga perlu melibatkan peluang kemasukan bakal guru ke institut pendidikan guru yang menawarkan pengajaran tahlif kepada golongan IKP. Institusi latihan guru perlu memberikan latihan pedagogi yang sesuai kepada individu yang bakal mengajar golongan IKP ini.

Pelan Kecemerlangan Hafazan IKP dalam Polisi

Dapatan kajian ini mendapat dua amalan dalam pelaksanaan polisi di Malaysia yang boleh ditambahbaik iaitu i) Penempatan pelajar Tahfiz IKP dan ii) Peluang melanjutkan pelajaran.

a. *Penempatan pelajar Tahfiz IKP*

Polisi pendidikan kebangsaan di Malaysia tidak membuka tawaran pendidikan aliran agama kepada MBK kurang upaya penglihatan di peringkat sekolah menengah. Dengan sebab itu, mereka masuk ke program Diploma Tahfiz wa al-Qira'at tanpa sebarang asas, dan ini menjadikan sedikit sukar untuk mereka mengikuti sukatan hafazan yang sama dengan pelajar tipikal. Kesannya, mereka juga terpaksa mengambil masa yang lebih panjang untuk masuk ke program hafazan, iaitu perlu mengikuti program persijilan asas al-Quran dahulu selama enam bulan, kemudian diteruskan dengan program persijilan Bahasa Arab pula selama enam bulan. Perkara ini menyebabkan mereka agak lambat untuk memasuki program Diploma secara terus, disebabkan tiada asas yang kukuh dalam pengajian Islam.

Hasil dapatan kajian ini mencadangkan agar wujudnya penawaran memasuki aliran agama kepada IKP ini di peringkat sekolah menengah lagi. Apabila keadaan ini berlaku, laluan untuk masuk ke program hafazan di peringkat pengajian tinggi akan lebih mudah, dan mereka boleh masuk pada tempoh yang setara dengan rakan-rakan tipikal yang lain. Ini akan mempercepatkan mereka menamatkan pengajian.

Apabila wujudnya penawaran memasuki aliran agama di peringkat menengah lagi, maka kesannya juga pihak kerajaan perlu menyediakan latihan perguruan yang mencukupi kepada guru-guru yang mengajar IKP di peringkat menengah dalam aliran agama ini. Keperluan peperiksaan awam, buku teks, serta keperluan dan kemudahan lain juga perlu disediakan, perjawatan-perjawatan khusus yang melibatkan pengurusan untuk mereka perlu dibentuk dan diwujudkan bagi memberi peluang dan ruang untuk mereka yang berminat memasuki aliran agama sejak di peringkat menengah lagi.

b. *Peluang melanjutkan pelajaran*

Sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi agak kurang membuka peluang kepada IKP untuk masuk ke dalam program hafazan dan juga program pengajian Islam. Apabila penawaran memasuki aliran agama diwujudkan bermula di peringkat menengah lagi, maka peluang untuk memasuki institut pengajian tinggi dalam bidang hafazan ini akan lebih terbuka dalam kalangan IKP. Dalam masa yang sama, tidak banyak universiti yang menawarkan kursus hafazan untuk golongan ini. Hasil kajian ini menyarankan agar lebih banyak universiti awam menawarkan program hafazan untuk IKP dan juga program pengajian Islam. Ini akan meramaikan lagi ilmuwan Islam yang terdiri daripada individu kurang upaya penglihatan sendiri. Apabila hal ini berlaku, pengembangan ilmu-ilmu Islam, khususnya hafazan al-Quran akan turut berkembang dalam kalangan IKP.

Pihak kerajaan juga perlu menawarkan bantuan kewangan kepada IKP yang berminat untuk mengikuti program hafazan al-Quran di peringkat pengajian tinggi ini. Keperluan kewangan yang mencukupi akan membantu dan melancarkan proses pembelajaran mereka, yang mana IKP memerlukan kos pembelajaran yang lebih tinggi berbanding individu tipikal kerana peralatan dan juga keperluan khusus yang diperlukan agak mahal dan perlu disediakan bagi memudahkan urusan pembelajaran mereka.

Cadangan

Dokumen rasmi DPTN telah menggariskan 5 teras dalam strategi pelaksanaan DPTN iaitu, memantapkan undang-undang dan penguasaan, mewujudkan model institusi tahniz, mewujudkan kurikulum Pendidikan Tahniz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana, memperkasakan tadbir urus institusi tahniz dan mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahniz (JAKIM, 2021). Berdasarkan dokumen rasmi tersebut, dapatan kajian ini telah menghasilkan beberapa cadangan pelan pembangunan kecemerlangan hafazan IKP yang boleh diaplikasikan dalam sistem persekolahan pelajar kurang upaya penglihatan. Dapatkan ini secara tidak langsung membuka minda guru, pentadbir dan kaunselor sekolah tentang pelaksanaan program yang dijalankan. Penghasilan pelan pembangunan kecemerlangan tahniz IKP ini boleh dijadikan penanda aras dan panduan untuk melaksanakan program hafazan al-Quran kepada IKP secara teori dan secara praktis.

Pelan kecemerlangan hafazan untuk IKP ini dikembangkan lagi dalam beberapa konteks yang lebih kecil pada peringkat pembelajaran individu dan juga institusi iaitu i) pelan kecemerlangan diri IKP, ii) pelan kaedah hafazan IKP, iii) pelan kecemerlangan guru hafazan IKP, iv) pelan kecemerlangan persekitaran hafazan IKP, dan v) pelan kecemerlangan khidmat sokongan terhadap IKP yang menghafaz al-Quran.

Pelan kecemerlangan ini perlu dimulakan terhadap diri IKP itu sendiri. Mereka perlu dibentuk dengan sikap yang positif dan minat yang mendalam perlu ditanam sejak kecil melalui program-program dan pendedahan awal tentang hafazan al-Quran. Penggunaan kaedah-kaedah hafazan yang sesuai perlu didedahkan kepada mereka dalam proses menghafaz al-Quran, agar dapat membantu memudahkan mereka menghafaz dengan lebih baik. Di samping itu, para guru perlu diberikan kaedah dan teknik yang sesuai untuk membimbing dan melatih IKP menghafaz al-Quran. Dalam masa yang sama, pelan kecemerlangan persekitaran yang melibatkan pelbagai pihak seperti rakan-rakan dan juga institusi pengajian perlu diberi pendedahan agar menyantuni dan membantu IKP dalam proses meneruskan hafazan mereka. Akhir sekali pelan kecemerlangan khidmat sokongan yang melibatkan penyediaan sumber-sumber dan bahan bantu yang sesuai kepada golongan ini diperkasakan dalam usaha untuk melahirkan huffaz al-Quran dalam kalangan individu kurang upaya penglihatan.

Segala kelemahan yang dikenal pasti dalam kajian ini dari aspek kualiti personel khususnya dalam aspek kemampuan hafazan, percaya kepada kemampuan diri dan keyakinan diri dan juga kemahiran asas perlu ditambah baik. Implikasi dapatan kajian ini dapat membantu menentukan aspek penting dalam melaksanakan program hafazan IKP. Dapatkan ini memperlihatkan bagaimana pelbagai faktor dilihat mempengaruhi kejayaan hafazan mereka iaitu faktor diri sendiri, kaedah hafazan, guru, ibu bapa, rakan, persekitaran dan juga khidmat sokongan. Ini kerana program hafazan al-Quran IKP bukan program utama yang menjadi pilihan tetapi program yang agak asing dalam kalangan IKP. IKP dilihat mempunyai kemahiran yang tinggi dalam hafazan al-Quran, tetapi kurang mendapat pendedahan awal dari individu sekeliling yang menjadikan tidak ramai IKP berminat untuk menceburι bidang hafazan al-Quran.

Oleh yang demikian, dalam merangka pelan kecemerlangan hafazan IKP, unsur paling penting adalah pembinaan aspek kualiti personal ialah yang melibatkan aspek penanaman minat,

keyakinan diri, percaya kepada kemampuan diri dan kemampuan sosial. Mereka juga perlu ditekankan tentang kemahiran mengawal emosi dan menguruskan perasaan. Di samping itu, perlu memahami semangat instrinsik dalam diri dan kemampuan mengadaptasi persekitaran khususnya dalam budaya belajar bersama individu tipikal. Manakala unsur yang penting juga adalah melibatkan komitmen dan kebertanggungjawaban. IKP memerlukan bimbingan secara mendalam tentang bagaimana untuk menggunakan kemahiran diri secara bersesuaian dalam konteks pembelajaran hafazan al-Quran.

Selain daripada itu, IKP juga disarankan untuk mencari alternatif bagi meningkatkan kemahiran kaedah hafazan yang pelbagai dan bersesuaian dengan keupayaan masing-masing. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan IKP mempunyai beberapa kekuatan untuk menghafaz apabila menggunakan kaedah yang tepat, dan akan mengalami sedikit kesukaran untuk menghafaz, apabila kaedah yang digunakan tidak bersesuaian. Kaedah tersebut masih boleh digunakan, tetapi perlu kepada penambahbaikan.

Unsur lain yang dilihat penting dalam faktor kejayaan IKP menghafaz al-Quran ialah berpuncanya daripada bimbingan guru yang berterusan, memberi pendedahan awal, pembinaan keyakinan yang mantap serta penggunaan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan keadaan IKP. Selain daripada itu, unsur ibu bapa yang sentiasa memberikan sokongan moral perlu diberi penekanan kepada semua ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya penglihatan dan ingin menghafaz al-Quran. Pembinaan peribadi ibu bapa yang positif dan sentiasa membantu anak-anak mereka perlu diwujudkan dalam pelan kecemerlangan ibu bapa IKP.

Unsur yang dilihat penting juga dalam program hafazan IKP ialah pembinaan rakan-rakan, persekitaran dan khidmat sokongan yang membantu untuk mengukuhkan program hafazan yang dilaksanakan. Dapatkan terbukti menunjukkan IKP berjaya disebabkan sokongan padu daripada pihak-pihak ini. Oleh itu, program pembinaan rakan yang positif, pewujudan persekitaran yang kondusif dan penyediaan khidmat sokongan yang menepati keperluan menjadi rangka pelan kecemerlangan hafazan IKP dalam kajian ini.

Ini kerana dapatan kajian ini menggabungkan faktor-faktor yang berdasarkan kejayaan IKP menghafaz al-Quran dari institusi yang terbaik bersandarkan Teori Pembelajaran al-Qabis, Ibnu Khaldun, Teori perkembangan Kognitif Vygotsky, Kognitif Bandura dan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Kesemua teori ini merupakan amalan terbaik dalam pembinaan kecemerlangan IKP untuk menghafaz al-Qur'an. Oleh yang demikian, penghasilan pelan kecemerlangan hafazan IKP ini boleh dijadikan panduan dalam membina kecemerlangan IKP dan juga meningkatkan kualiti serta memajukan program hafazan al-Quran mereka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kajian ini memberi panduan tentang pelan kecemerlangan hafazan IKP. Oleh itu, tindakan penambahbaikan dalam program hafazan IKP serta tindakan penyesuaian bantuan, bimbingan, pengajaran dan sebagainya dapat membantu meningkatkan potensi dan keberkesanannya IKP dalam menghafaz al-Quran. Dapatkan kajian ini diharap dapat membuka minda pembuat dasar memandang kepada masa hadapan IKP, demi pembangunan modal insan seluruhnya selaras dengan anjakan kesepuluh dalam PPPM (2013-2025): Memaksimumkan Keberhasilan Murid bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012). Di samping itu, hasil kajian ini menunjukkan peri pentingnya untuk latihan pedagogi dimasukkan dalam kurikulum pendidikan guru, khususnya kepada guru yang akan mengajar program hafazan al-Quran untuk IKP, supaya semua guru sedar akan matlamat akhir pelajar, bukan sekadar mengajar untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar yang membolehkan pelajar mendapat sijil atau lulus dalam peperiksaan, tetapi turut menitikberatkan penerapan kemahiran dan juga pembinaan diri, keyakinan serta semangat dan

motivasi pelajar agar bersemangat untuk menamatkan hafazan al-Quran, seterusnya beramal sebagai *hamlah al-Qur'an* dan lahir sebagai IKP yang *muqarrabun* kepada Allah s.w.t..

Rujukan

- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran Bahasa Arab, Bil 10. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 104-121.
- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal al-Turath* 2(2), 54-59.
- Aydin Kızılaslan ,S. Levent Zorluoglu & Mustafa Sözbilir. (2020). A hands-on classroom activity to teach science concepts for students with visual impairment. *Journal Science Activities*.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tafsir dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73-82.
- Colin Robson, Kieran McCartan. (2016). *Real world research* (4th Ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Florian C. Feucht & Chelsea R. Holmgren. (2018). Developing tactile maps for students with visual impairments: A case study for customizing accommodations. *Journal of Visual Impairment & Blindness, March-April*.
- Frederickson, N. & Cline, T. (2009). *Special education needs, inclusion and diversity: A textbook*. Edisi ke-2. Open University Press.
- Hajarul Bahti Zakaria & Mohd Huzairi Awang. (2010). Isu dan cabaran guru dalam pendidikan al-quran pelajar bermasalah penglihatan. *Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarabangsa kali ke-4*. Bandung: UPI & UPSI.
- Hallahan, D. & Kauffman, J. (2009). *Exceptional children*. Edisi ke-11. Needham Height, MA: Allyn & Bacon.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Dasar pendidikan tafsir negara*. Firdaus Press
- John W. Creswell & Cheryl N. Poth. (2018). *Qualitative inquiry and research design choosing among five approaches* (4th. Ed.). SAGE Publications.
- Khadijah Abdul Razak & Norshidah Mohamad Salleh. (2010). *Pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan Kanak-kanak Bermasalah Penglihatan*. In J. S. Dharta Ranu Wijaya, *Praktik-praktik Terbaik Pendidikan untuk Semua: Isu-isu Pendidikan Khusus di Indonesia dan Malaysia*. Rizqi Press.
- Mayara Caroline, Gabrielle, Monika, Karina. (2019). School experience of the children and adolescent with visual impairment: Family experiences. *Rev. Bas Inferm* (72) Suppl.3, 132-138.
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran. (2013). Hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38 (2), 1-9.
- Mohd Rahmat, A. N. (2002). *Pelaksanaan pembelajaran al-quran dengan menggunakan tulisan braille terhadap pelajar-pelajar cacat penglihatan di sekolah kebangsaan pendidikan khas Princess Elizabeth*. UTM.
- Neuman, W. L. (2013). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. New Pearson Education.
- Norakyairee, M. R. (2019). *Amalan Pengajaran al-Quran dalam kalangan Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Penglihatan) di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Lukman Abd Mutualib & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2017). Minat murid yang mengikuti aliran tafsir dan bentuk sokongan yang diterima . *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* 1(2), 67-78.

- Nur Atiqah Abdul Aziz & Noornajihan Jaafar. (2018). Penguasaan pembelajaran al-Quran berbantuan aplikasi multimedia interaktif SMART IQRA': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas ALMA, Pulau Pinang. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 24-36.
- Nur Khairul Nisha Roslan & Haris Abd. Wahab. (2017). Pencapaian akademik pelajar kurang upaya penglihatan yang mengikuti program pendidikan khas. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1), 45-64.
- Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri & Aizan Sofia Amin. (2018). Isu dan cabaran pelajar kurang upaya penglihatan di institusi pengajian tinggi . *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3), 131-145.
- Sacks, S.Z., & Silberman, R.K. (2010). Modifying and designing Instruction: Social skills. In & H. Koenig A.J., *Foundations of Education. Volume II: Instructional Strategies for Teaching Children and Youths with Visual Impairments*. (2nd eds.). (pp. 616-652). AFB Press.
- Sharan B. Merriam, Elizabeth J. Tisdell. (2015). *Qualitative research a guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Siti Nor Azimah Sabaruddin, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Mohd Ridhuwan Remly, Zulkifli Mohd Yusof, Shafiza Safie. (2016, November 22-24). Cabaran Pengajian Golongan Hafiz al-Quran di kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia. *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, 183-193.
- Stacy. M, Kelly, Paul. M & Karen. E, Wolffle . (2015). The Recreation and leisure pursuits of employed adults with visual impairments in Nigeria: Part 1. *Journal of Visual Impairment*, 19-30.
- Sumyea Helal, Jiuyong Li, Lin Liu, Esmaeil Ebrahimie, Shane Dawson & Duncan J. Murray. (2019). Identifying key factors of student academic performance by subgroup discovery. *International Journal of Data Science and Analytics* 7, 227–245.
- Victor Feizal Knight, Nurhafizah Muhd Khairi, Rokiah Omar, Azura Ramlee, Muhammad Mohd Isa. (2018). Characteristics of visually impaired children aged below 4 years int two public tertiary hospitals in Selangor, Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine 2018, Special Volume (1)*, 18-25.
- Wei Wei, Yan Li Hong, Ying Su. (2020). Predicting the growth patterns in early mathematics achievement from cognitive and environmental factors among Chinese kindergarten children. *Learning and Individual Differences*, 79, April.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications : Design and Methods* (6th Ed.). Sage Publications Inc.

Kompetensi Pengamalan IHES Guru Berprestasi Cemerlang di SRAI JAIS

¹Kamarulnizam bin Sani, Ph.D

kamarulnizam@kuis.edu.my

²Zetty Nurzuliana binti Rashed, Ph.D

zetty@kuis.edu.my

³ Norziah binti Othman, Ph.D

norziah@kuis.edu.my

⁴ Hamdi bin Ishak, Ph.D

hamdi@ukm.edu.my

¹²³Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,

⁴Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Integrated Holistic Education System (IHES) dalam Pendidikan Islam JAIS mensasarkan kemenjadian pelajar secara seimbang dan holistik. Justeru, kajian dijalankan untuk meneroka kompetensi pengamalan IHES dalam kalangan enam guru berprestasi cemerlang (GBC) yang pernah dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang (APC). Lapan orang rakan sejawat GBC, dua puluh pelajar dan empat guru besar menyumbang kepada data sokongan. Kajian kes ini melibatkan data berbentuk kualitatif diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian terhadap pengajaran. Data ini dianalisis dengan teknik perbandingan berterusan menggunakan perisian Nvivo10 bagi mengeluarkan tema berkaitan kompetensi. Kajian menemui beberapa faktor kompetensi pengamalan IHES dalam kalangan GBC iaitu penerapan dalil dari wahyu, berakhlik mulia, akidah, ikhlas dan holistik. Hasil kajian ini berupaya memberikan input berguna kepada JAIS dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan guru yang cemerlang daripada pelbagai aspek demi membentuk insan seimbang dan menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kata kunci: Kompetensi, pengamalan IHES, guru berprestasi cemerlang, SRAI.

Abstract

Integrated Holistic Education System (IHES) in JAIS Islamic Education aims for a balanced and holistic development of students. Therefore, a study was conducted to explore the competence of practising IHES among six Excellent Performance Teachers (GBC) who were awarded the Excellent Service Award (APC). Eight GBC colleagues, twenty pupils and four head teachers contributed to the supporting data. This case study involved qualitative data obtained through semi-structured interviews, and observation of teaching. These data were analysed with a constant comparison technique using Nvivo10 software to extract themes related to competence. The study found several factors of competence in the practice of IHES among GBC, namely the application of propositions based on revelations, noble character, belief, sincerity and holism. The results of this study will provide useful input to JAIS and the Malaysian Ministry of Education in producing excellent teachers from various aspects in order to nurture balanced individuals and to comply with the National Education Philosophy.

Keywords: Competence, IHES Practice, Excellent Performance Teacher, SRAI.

Kajian kompetensi pengamalan IHES Guru Berprestasi Cemerlang (GBC) di SRAI JAIS diperlukan bagi meneroka kompetensi guru terhadap amalan IHES dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah. Kompetensi seseorang guru bergantung kepada pengetahuan, kemahiran dan sifat keperibadian guru itu sendiri (Hay McBer, 2007; Djamas 2005; Ab Rahim & Mustafa, 2021). Islam menyarankan umatnya agar berusaha bersungguh-sungguh sehingga berjaya membentuk kecemerlangan dalam diri (Kamarul Azmi Jasmi, 2010).

Integrated Holistic Education System (IHES) merupakan model pengintegrasian ilmu bagi membentuk insan yang holistik (*syumul*) (Zetty Nurzuliana & Ab Halim, 2017). Sistem ini melibatkan satu pengintegrasian berlandaskan ilmu wahyu dan proses tarbiah agar melahirkan insan kamil, seimbang dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah SWT (Tajul Ariffin & Nor'aini, 2002; Rohana, 2017). Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) ini merupakan satu inovasi sistem pendidikan JAIS sedia ada yang menyumbang kepada pembentukan pelajar di peringkat rendah mahupun menengah.

Penyataan Masalah

Pengamalan IHES dikenalpasti antara strategi dalam pendidikan Islam yang berupaya meningkatkan tahap kualiti guru demi kemenjadian pelajar secara holistik di sekolah-sekolah JAIS. Walaubagaimana pun, kajian oleh Zetty Nurzuliana et al, (2018) telah mengenalpasti lima masalah utama yang menjelaskan pengamalan IHES seperti tempoh masa yang tidak mencukupi, kehendak kurikulum Pendidikan Islam yang meliputi sukanan pelajaran yang padat, penekanan yang berlebihan terhadap aspek akademik dan peperiksaan, kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan guru Pendidikan Islam serta bebanan tugas yang melampau.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka kompetensi pengamalan IHES dalam kalangan guru berprestasi cemerlang (GBC) di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) JAIS.


Soalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah ‘bagaimanakah kompetensi pengamalan IHES dalam kalangan guru berprestasi cemerlang (GBC) di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) JAIS?’

Tinjauan Literatur

Model *Integrated Holistic Education System* (IHES) merupakan pengamalan sistem pendidikan berintegrasi dan menyeluruh yang diamalkan di seluruh sekolah di bawah pentadbiran Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan JAIS negeri Selangor. Sistem ini mengintegrasikan kurikulum secara seimbang dan holistik demi membangunkan potensi insan termasuk guru, pelajar, kakitangan dan ibubapa. Justifikasinya, pencapaian kualiti sistem ini adalah menyeluruh dan bukan setakat kecemerlangan akademik sahaja malah menyentuh semua aspek kecemerlangan dalam kehidupan seorang insan (BPI, JAIS, 2018). Oleh itu, pengamalan setiap guru terhadap sistem IHES ini menjadi satu mekanisme dalam menentukan tahap kualiti dan keberkesaan pendidikan di JAIS. Namun begitu, bagi membuat hubungkait secara holistik terhadap tiga asas kompetensi iaitu pengetahuan, kemahiran dan sifat keperibadian, pengkaji meletakkan model IHES JAIS (2015) dalam meneroka tahap pengamalan guru berprestasi cemerlang. Domain ini dilihat terhadap pengamalan dalam mengintegrasikan pendidikan dengan al-Quran dan membina kemenjadian pelajar secara holistik.

Rajah 2.4
Model IHES



Sumber: BPI, JAIS (2019)

Kajian Asmaul Husnah (2017) memfokuskan tentang konsep pendidikan holistik melalui sejarah dengan jenis biografi ini bertujuan mengetahui pengertian dan implementasi pendidikan holistik dalam sistem pendidikan di Indonesia. Hasil penelitian kajian ini menemukan kenyataan bahawa pendidikan holistik merupakan sebuah konsep pendidikan yang kukuh dan menyeluruh. Pendidikan holistik ini berteraskan nilai Islam sebagai *ruh* dan mata pelajaran sebagai *wadah* dalam mengembangkan potensi seseorang pelajar.

Kajian oleh Rahimah (2018) berkaitan Amalan Kurikulum Bersepadu bagi Sekolah Islam di Malaysia menganalisis pengamalan kurikulum bersepadu mendapati bahawa pengamalan kurikulum bersepadu adalah berasaskan empat aspek iaitu falsafah, kandungan kurikulum, kaedah penyepaduan, kaedah pengajaran dan kaedah penilaian. Hasil kajian mendapati bahawa matlamat dan falsafah adalah selari dengan prinsip dan teori Islam. Aktiviti dan proses penyepaduan secara pendekatan holistik berjaya dilaksanakan, tetapi daripada segi praktikal perlu dipertingkatkan pemahamannya.

Kajian pengintegrasian yang dilakukan di luar negara (Helena, 2018) mengenal pasti kesan implikasi sistem pendidikan pengintegrasian terhadap pendidikan Islam di Selatan Thailand. Kajian secara kualitatif ini berfokuskan kepada pelaksanaan pendidikan secara dualistik dalam penyatuan pendidikan antara aliran agama dan aliran akademik di *Rongrian Thamvitya Multini Muang Yala*, Selatan Thailand. Pemerhatian dijalankan terhadap pengintegrasian pendidikan Islam dan akademik telah memberikan kesan seperti; masa aktiviti pembelajaran pendidikan agama menjadi singkat di sekolah, pendidikan agama kurang diberi perhatian daripada pihak pemerintah, program pendidikan Islam disingkatkan, persepsi terhadap pendidikan agama dianggap biasa dan pendidikan Islam kurang popular daripada pendidikan akademik.

Persamaan yang dapat dilihat terhadap kajian kompetensi GBC SRAI adalah daripada sudut pelaksanaan pendidikan integrasi antara pendidikan Islam dan akademik. Walau bagaimanapun, kajian ini mencadangkan perbincangan dengan lebih teliti terhadap kurikulum yang dilaksanakan, penambahbaikan bahan pendidikan agama dan mengembangkan media pembelajaran agama. Oleh itu, perbezaan yang dapat dilihat adalah satu kajian perlu dijalankan bagi menghasilkan kerangka konseptual pendidikan integrasi terhadap guru. Matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah antaranya meningkatkan standard profesionalisme guru berdasarkan kepada Standard Guru Malaysia (SGM) berdasarkan kualiti sumber manusia meliputi peranan dan kompetensi guru (Neill, 2007). Namun begitu, kompetensi guru dalam melaksanakan tugas di sekolah perlu dikenalpasti (Zaiha, 2014). Oleh itu kajian ini dilakukan bagi meneroka kompetensi guru berprestasi cemerlang (GBC) dalam pengamalan IHES di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) JAIS.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian kualitatif secara kajian kes dalam kajian ini bertujuan meneroka kompetensi kemahiran daripada aspek pengajaran dan pemudahcaraan melibatkan temu bual dengan enam orang GBC yang mengajar di SRAI di negeri Selangor. GBC dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu guru yang pernah menerima anugerah perkhidmatan cemerlang (APC), khusus yang mengajar mata pelajaran pendidikan Islam, memiliki Gred DG29 hingga DG34, berstatus tetap atau kontrak dengan pengalaman mengajar melebihi lima tahun. Tinjauan dibuat menggunakan protokol temu bual semi berstruktur dan disahkan oleh pakar dengan tahap kesahan Cohen Kappa yang memuaskan iaitu 0.80. Pemerhatian dalam kelas juga dilakukan bagi menyokong data temubual di samping temubual bersama guru besar, rakan-rakan serta pelajar yang mewakili setiap GBC SRAI. Triangulasi ini dilakukan untuk mengukuhkan lagi dapatan bagi kompetensi pengetahuan GBC dan kemahiran mereka ketika melaksanakan PdPc dalam bilik darjah. Data kualitatif hasil temubual dan pemerhatian ini dianalisis dengan teknik perbandingan berterusan menggunakan perisian Nvivo10 bagi mengeluarkan tema berkaitan kompetensi pengamalan IHES dalam kalangan GBC SRAI ini.

Dapatkan Kajian

Persoalan kajian membincangkan tentang kompetensi pengamalan IHES peserta kajian iaitu Ustazah Syazanah (GBC1), Ustaz Zakwan (GBC2), Ustaz Amin (GBC3), Ustazah Adibah (GBC4), Ustaz Adib (GBC5) dan Ustaz Iman (GBC6). Pengkaji menggunakan nama samaran atau pun *pseudonym* (Merriam 2001) untuk keenam-enam orang guru berprestasi cemerlang bagi merahsiakan identiti sebenar peserta kajian daripada pengetahuan umum di samping memudahkan proses mengenal pasti nama asal (Zanaton Iksan, 2016).

Dua soalan disediakan bertujuan menjawab persoalan kajian ini, iaitu i) Boleh ustaz/ustazah terangkan apakah ciri-ciri IHES dalam pendidikan? dan ii) Bagaimanakah ustaz/ustazah mempraktikkan IHES dalam PdPc. Tema bagi kompetensi pengamalan IHES GBC SRAI di negeri Selangor dirumuskan dalam jadual matrik perbandingan (Jadual 1) untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 1

Rumusan Tema dan Sub Tema Bagi Kategori Kompetensi Pengamalan IHES GBC SRAI Negeri Selangor.

Kategori	Tema	Sub Tema
Kompetensi pengamalan IHES GBC SRAI di negeri Selangor	Dalil daripada wahyu	Al-Quran dan Sunnah Firman Allah

Akhhlak mulia	Kemahiran berkomunikasi Nilai murni Gabungan guru dan pelajar Menjauhi sikap negatif
Akidah	Dipelihara dengan baik Jauhi kesesatan
Ikhlas beramal	Konsisten dan bertambah baik Nilai tambah dalam pengajaran
Holistik	Rajin Syumul, semua sudut dan berterusan

Sumber: Temu bual GBC sebagai data utama, manakala guru besar, rakan sejawat dan kumpulan pelajar sebagai data sokongan.

Berdasarkan Jadual 1, setelah dianalisis secara pengekodan membuka, pengekodan sisi dan pengekodan memilih, sebanyak 5 tema utama wujud berkaitan kompetensi pengamalan IHES GBC SRAI iaitu dalil daripada wahyu, akhlak mulia, akidah, ikhlas beramal dan holistik. Jadual ini menunjukkan dua tema yang paling menyerlah dalam kajian ini iaitu tema dalil daripada wahyu dan akhlak mulia. Kesemua peserta kajian memberikan pandangan yang berbeza mengikut kompetensi pengamalan IHES GBC SRAI.

a. Dalil daripada Wahyu

Jadual 2

Petikan Temu Bual Kompetensi Pengamalan IHES Dalil daripada Wahyu.

No.	Peserta	Petikan temu bual
1.	TB/Adibah/KIH:1713	...kalau ada benda yang boleh kita kaitkan dengan al-Quran dan al-Sunnah itu adalah lebih baik. Sebab ianya diumpamakan seperti bukti.
2.	TB/Iman/KIH:854	...macam set induksi pelajaran tu dan setiap isi pelajaran tu memang saya akan terapkan IHESlah. Saya masukkan tentang firman Allah semua.
3.	TB/Syazanah/KIH:765	Nilai-nilai murni yang perlu kita terapkan pada budak yang memang berlandaskan kepada al-Quran. Walaupun memang ada setengah tu kita berlandaskan kepada dalil yang kita nak pegang.
4.	TB/Zakwan/KIH: 652	Hadis, al-Quran semua dalam bahasa Arab. Jadi itulah dalilnya yang lebih umum.

Berdasarkan Jadual 2, dalil daripada wahyu merupakan tema yang paling dominan dalam kajian ini. GBC menerapkan dalil daripada wahyu dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah. Menurut ustazah Adibah dalil daripada wahyu merupakan perkaitan isi kandungan diajar dengan al-Quran dan al-Sunnah. Dalil daripada wahyu ini merupakan pembuktian isi kandungan bagi menambahkan keyakinan terhadap ilmu yang dipelajari.

Ustaz Iman juga berpandangan yang sama dan beliau sentiasa memulakan sesi induksi dengan dalil daripada wahyu yang merupakan salah satu aspek pengamalan IHES. Ustazah Syazanah pula berpandangan bahawa dalil daripada wahyu mempunyai hubung kait dengan nilai murni yang merupakan sifat murni yang dinyatakan dan terkandung dalam al-Quran. Ustaz Zakwan pula mengaitkan pelajaran bahasa Arab yang diajar dengan bahasa al-Quran. Dalil daripada wahyu menurut beliau dapat memudahkan guru menjadikannya sebagai panduan dalam mengajar.

Rakan sejawat dan guru besar GBC turut menyokong tema dalil daripada wahyu dan penggabungjalinan IHES dalam kalangan GBC.

...penggabungjalinan IHES dalam mata pelajaran walaupun mata pelajaran akademik dikaitkan jugak dengan ilmu al-Quran.

(RS2GBC1:233)

“Kalau Akhlak memang dah ada dalil lah. So saya tambah-tambah lah dalam kisah-kisah nabi tu kan”.

(RS7GBC5:94).

“Bila kita ikut apa yang al-Quran dan sunnah, ada nyatakan dalam alquran dan sunnah, itu sudah...dah IHES lah maksud saya.”

(GB3GBC4:125)

b. Akhlak Mulia

Jadual 3

Petikan Temu Bual Kompetensi Pengamalan IHES Akhlak Mulia.

No.	Peserta	Petikan temu bual
1.	TB/Adibah/KIH:1729	..apakah adab-adabnya yang perlu diperlakukan. Itulah dia kemahiran berkomunikasi dan juga interaksi. Maknanya menggunakan gaya bahasa, susunan bahasa yang baik.
2.	TB/Amin/KIH:507	IHES ni setiap apa yang kita apa dalam pengajaranlah, kehidupan dalam kita pengajaran mesti selitkan mesti ada nilai-nilai murni yang kita mesti terapkan.
3.	TB/Zakwan/KIH:621	...mengajar dengan berakhlek mulia. Dia satu gabungan yang kena ada dalam diri seorang guru dan juga secara wajib kepada pelajarlah. Kalau ada ilmu tapi tak ada akhlak tak guna jugakkannya.
	TB/Zakwan/KIH:633	...kita tunjukkan akhlak yang baiklah. Maknanya bukan negatif macam ni kita, mengherdik ke, itu kita seboleh-bolehnya jauhkanlah.

Berdasarkan Jadual 3, GBC SRAI memiliki kompetensi pengamalan IHES dengan menekankan nilai akhlak mulia dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah. Tema akhlak mulia ini diamalkan oleh ustazah Adibah, ustaz Amin, dan ustaz Zakwan. Menurut ustazah Adibah, akhlak mulia yang diterapkan merupakan kemahiran adab berkomunikasi dan berinteraksi antara pelajar, guru dan masyarakat terutama sekali daripada segi gaya dan susunan bahasa.

Hasil dapatan melalui pemerhatian pengajaran ustazah Adibah menunjukkan beliau menerapkan akhlak mulia semasa di dalam PdPc. Pemerhatian pengajaran dijalankan ketika ustazah Adibah ingin memulakan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ustazah Adibah memberikan salam dan meminta pelajar agar duduk di tempat masing-masing. Pelajar-pelajar menjawab salam kemudian duduk. Ustazah Adibah bertanyakan khabar dan bertanyakan ada dua tempat pelajar yang kosong. Pelajar memaklumkan dua pelajar tersebut menghadiri taklimat. Ustazah Adibah meminta pelajar-pelajar membaca doa bersama-sama. Selesai membaca doa cikgu ustazah Adibah menulis hari, tajuk pelajaran dan tarikh di papan putih. Ustazah Adibah memberikan penerangan serba ringkas tajuk yang dipelajari pada PdPc lepas iaitu tajuk ‘Tanggungjawab’. Kemudian ustazah Adibah memaklumkan menyambung kembali tajuk yang sama pada hari tersebut. (PGBC4:12).

Pengamalan IHES dengan menekankan akhlak mulia turut diamalkan oleh ustaz Amin. Menurut ustaz Amin, sewaktu mengajar beliau menerapkan IHES secara pengamatan nilai murni dengan berpandukan hadis. Dapatkan ini mempunyai hubung kait dengan hasil temu bual bersama ustaz Zakwan. Menurut ustaz Zakwan, penekanan akhlak mulia terhadap pelajar perlu dilaksanakan secara ilmu dan adab. Guru menerapkan akhlak mulia dengan tidak mengamalkan pembelajaran secara emosi dan dalam keadaan tenang.

Seterusnya pengkaji bertanyakan pendapat pelajar berkaitan GBC dan mendapati GBC yang dinilai sungguh memuaskan hati pelajar.

“Dia (ustaz) mengajar dengan tegas terbaiklah...dan dia selalu bagi nasihat...baca ayat al-Quran.”

(MGBC2: 109)

Kenyataan ini mendapat sokongan daripada rakan sejawat dan guru besar GBC menyatakan penekanan GBC terhadap nilai murni kepada pelajar sewaktu pembelajaran sepanjang masa. Peluang ini dapat digunakan oleh GBC SRAI dengan melaksanakan sesi bimbingan dan teguran.

“IHES tu kita tekankan nilai-nilai daripada agama kita tu lah. Haa itu saja pada...pada nilai-nilai murni pada nilai-nilai baik untuk pelajar-pelajar.”

(RS4GBC5:92)

“Jadi bila mereka ni sentiasa mendapat teguran, sentiasa dibimbing, sentiasa bersama dengan guru, itu kita nampak jiwa mereka tu agak lain dah nampak mudah untuk menerima teguran.”

(GB1GBC1:78)

c. Akidah

Jadual 4

Petikan Temu Bual Kompetensi Pengamalan IHES Akidah

No.	Peserta	Petikan temu bual
1.	TB/Adibah/KIH: 1669	...Apa pun kita mesti relate kan dengan akidah kita sebagai orang Islam. Akidah merupakan perkara yang perlu dipelihara, dijaga dengan sebaiknya.
2.	TB/Adib/KIH: 634	Jika kita melakukan sesuatu tanpa ada akidah, pastinya akan menyesatkan kita.

Merujuk Jadual 4, tema akidah diamalkan oleh GBC dengan penerapan ilmu Tauhid yang merupakan ilmu asas dalam mengesakan dan memohon keredaan Allah SWT iaitu peneguhan hati dalam menjaga akidah dapat menjauhkan diri daripada kesesatan hidup. Penerapan ini dilakukan ketika pembelajaran sedang dijalankan. Peneguhan akidah ini wajib dipelihara dan dijaga kerana kesan buruknya akan melibatkan kepercayaan dan kepatuhan agama terjejas.

Berdasarkan hasil temu bual pelajar ustaz Adib menunjukkan tema akidah diserapkan terhadap pelajar dalam mengharapkan pertolongan Allah SWT apabila menghadapi masalah. Kenyataan ini dibuktikan melalui hasil temu bual bersama pelajar ustaz Adib:

“Kena hadapi masalah...sebab kita ada Allah.”

(MGBC5:134)

Hasil daptan melalui pemerhatian pengajaran GBC ketika di dalam bilik darjah menunjukkan GBC meyakini segala masalah dapat diatasi dengan pergantungan harap kepada Allah SWT. Sewaktu sesi penutup PdPc, GBC memberikan nasihat ringkas iaitu apabila berhadapan dengan masalah dalam hidup jangan sesekali merasa risau kerana hanya Allah SWT yang menjadi tempat kita menyelesaikan masalah dengan cara membaca al-Quran.

“Dengan membaca al-Quran hati pasti akan jadi tenang.”

(PGBC5:66)

d. **Ikhlas beramal**

Jadual 5

Petikan Temu Bual Kompetensi Pengamalan IHES Ikhlas Beramal.

No.	Peserta	Petikan temu bual
1.	TB/Adibah/KIH:1724	...kita mintak pelajar tu lakukan dengan konsistenlah dan baik bertambah baik. Maknanya nilai keikhlasan tu ada kat situ. (TB/Adibah/KIH: 1724).
	TB/Adibah/KIH:1783	Jadi kat situ kita boleh ada nilai tambah dalam pengajaran kita tu selain daripada sudut amanah kita boleh selitkan sifat keikhlasan kat situ.
2.	TB/Amin/KIH: 514	...yang saya cakap rajin tu kan, pelajar yang rajin. Siapa sayang ibu ayah dia akan rajin buat latihan. Rajin tu rajinkan. Orang Islam tu rajin. Siapa orang Islam mesti rajin.

Berdasarkan Jadual 5, GBC SRAI memiliki kompetensi pengamalan IHES dengan ikhlas beramal dalam menekankan nilai murni. Menurut ustazah Adibah, beliau menekankan segala amalan yang dilakukan oleh pelajar sama ada berbentuk akhlak atau ibadah perlu ikhlas dan konsisten. Kesan ini menunjukkan kualiti keikhlasan dapat dibina. Keikhlasan merupakan melakukan sesuatu tanpa berkira seperti konsep sedekah, kerohanian yang membentuk jiwa dan kemajuan. Kenyataan ini juga disokong oleh ustaz Amin. Penerapan ikhlas beramal yang diamalkan oleh ustaz Amin adalah konsep nilai kasih sayang kepada ibu bapa merupakan ciri-ciri orang Islam yang rajin.

e. **Holistik**

Jadual 6

Petikan Temu Bual Kompetensi Pengamalan IHES Holistik

No.	Peserta	Petikan temu bual
1.	TB/Adibah/KIH: 1666	Ok IHES, its stand for the Integrated Holistic of Education System kan. Maknanya dalam pendidikan itu dia membentuk holistik, syumul. Kalau dalam bahasa Arab dia syumullah.
2.	TB/Syazanah/KIH: 790	Dia semualah. Semua sudut kita kena ada IHES. Sebab tu cakap bila pendidikan Islam tu visi kita macam tu kan. Jadi kita kita terap benda tu kat mana-manalah.

Berdasarkan Jadual 6, penerapan IHES dalam pembelajaran merupakan pendidikan yang membentuk pelajar secara holistik. Kenyataan ini turut disokong oleh ustazah Adibah dan

ustazah Syazanah yang menyatakan holistik ini adalah secara keseluruhan dalam pelbagai sudut. Penerapan holistik perlu diterapkan tetapi cabaran pelajar adalah bergantung ketika berada di rumah masing-masing.

Hasil temu bual yang dijalankan terhadap guru besar mengesahkan kenyataan di atas.

“Kalau IHES ye...sebenarnya IHES ni dia bagi saya lah dia pendidikan berterusan lah...ye. Dia tak tersekut hanya di dalam kelas.”

(GB2GBC2: 129)

Perbincangan dan Cadangan

GBC berpendapat bahawa kehidupan di dunia ini memerlukan satu manual bagi menuju kesejahteraan di dunia dan akhirat. Antaranya adalah dengan mementingkan aspek sesuatu bukti yang nyata khususnya memetik dari dalil al-Quran bagi memudahkan proses keyakinan diri terhadap ketauhidan Allah SWT. Dalil dari al-Quran ini mempunyai perkaitan dengan pengamalan IHES dalam menerapkan nilai murni pelajar ketika PdPc di dalam mahupun di luar sekolah.

Asas dalil dari al-Quran dengan penghayatan menerapkan nilai murni ini memudahkan GBC dalam mengamalkan akhlak mulia sejajar sebagai *Qudwah Hasanah* (suri teladan). Pelbagai adab dapat dilihat dalam diri GBC khususnya dalam melahirkan pemikiran yang positif atau pun sifat *mahmudah* yang terpuji. Menurut Ab Rahim dan Mustafa (2021) melalui adab ini ia dapat membezakan tahap keimanan seseorang manusia. Manakala adab yang paling ketara adalah penggunaan lengkok bahasa GBC ketika mengajar. Cara berkomunikasi yang terpuji dapat menjalinkan hubungan yang rapat antara guru dan pelajar dan ini memudahkan lagi proses PdPc.

Manakala pemantapan akidah yang diamalkan oleh GBC ketika PdPc merupakan elemen yang penting dalam IHES bagi memelihara akhlak dengan sebaiknya. Memulakan PdPc dengan permulaan set induksi antaranya membaca doa bersama-sama, bersyahadah serta berselawat ke atas nabi Muhammad SAW merupakan amalan dalam meningkatkan dan memelihara akidah GBC dan pelajar. Abdul Razif Zaini, Noor Shamsinar Zakaria, Mohd Rofian Ismail, Mohd Redzauddin Ghazali dan Hasmadi Hamdan. (2020) menyatakan bahawa kesan pemantapan akidah dalam kalangan guru dan pelajar dapat memelihara iman serta pemikiran daripada terjerumus ke arah kesesatan.

Pemantapan akidah yang bertauhidkan Allah SWT merupakan nilai tambah terhadap GBC dalam menuju keikhlasan beramal. Sifat ikhlas ketika mengajar dapat mewujudkan satu lagi sifat yang terpuji dalam diri GBC iaitu sifat amanah dalam melaksanakan tugas. Hal demikian adalah kerana dengan keikhlasan beramal GBC dapat melaksanakan sesuatu tugas secara konsisten dan berkualiti. Kedua-dua sifat ini dapat menjadikan sesuatu hasil kerja yang berkualiti dan cemerlang.

Kompetensi pengamalan GBC SRAI terhadap Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) adalah selari dengan dapatan kajian Zetty Nurzuliana (2017) yang menyatakan penerapan IHES dalam kalangan guru dan pelajar bukan semata-mata berfokus kepada peperiksaan. Sistem ini membangunkan potensi pelajar yang bersepada, seimbang dan menyeluruh. Kesimpulannya, penerapan ini dapat direalisasikan melalui pengamalan lima aspek yang utama iaitu penghayatan imu, pembentukan akhlak mulia, kecekapan dan kemahiran, pencapaian akademik dan akhir sekali aplikasi dalam kehidupan.

Kesimpulan

Kompetensi pengamalan IHES GBC SRAI menampilkan aktiviti yang dominan dan menyerlah ketika pelaksanaan PdPc secara menyeluruh. Implikasi terhadap amalan dapat dikenalpasti dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara kontekstual iaitu sesuai dengan fenomena semasa seperti pengamalan ilmu agama dan akademik secara seimbang (Amir Mohd Nason & Mohd Shukri Hanapi, 2019). Walaupun subjek pendidikan Islam sememangnya memiliki kandungan pembelajaran yang abstrak, namun GBC SRAI berjaya menyampaikan dan memberikan kefahaman kepada pelajar secara kreatif dan inovatif. Bukti penemuan kajian ini juga menunjukkan bahawa GBC SRAI mampu mengamalkan komunikasi dua hala dan kolaboratif selari dengan matlamat pembelajaran yang bersesuaian dengan abad ke-21.

Bahagian Pendidikan Islam JAIS dapat mengenalpasti keperluan GBC SRAI dengan persediaan kursus, bengkel seminar atau pemantauan berkala terhadap GBC SRAI dengan memberikan pelbagai pendedahan strategi pengajaran demi peningkatan kompetensi guru. Hasil kajian ini juga mampu memberikan input kepada pihak Bahagian Pendidikan Islam (BPI), JAIS dalam membina instrumen kompetensi bagi meningkatkan kualiti pendidikan GBC.

Rujukan

- Ab Rahim @ Ahmad, A., & Mustafa, J. (2021). Pengaruh sistem pembelajaran sepanjang hayat terhadap kompetensi guru di sekolah. *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 50-73.
- Abdul Razif Zaini, Noor Shamsinar Zakaria, Mohd Rofian Ismail, Mohd Redzauddin Ghazali dan Hasmadi Hamdan. (2020). Kompetensi guru bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7,1.
- Amir Mohd Nason & Mohd Shukri Hanapi. (2019). Penerapan pendekatan pendidikan berdasarkan qalbu dalam pembelajaran abad ke-21: Cabaran dan harapan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 20 (Special Issue) Sept. 2019: 33-48.
- Asmaul Husnah. (2017). Konsep pendidikan holistik menurut pemikiran Muchlas Samani dan implentasinya pada sistem pendidikan di Indonesia. *Adabiyah Jurnal Pendidikan Islam*. 2(1), 55-72.
- Helena Agustin. (2018). Integrasi Sistem Pendidikan Dualistik di Thailand Selatan dan Implikasinya Terhadap Penerapan Pendidikan Agama. Diperolehi daripada: <http://repository.iainpurwokerto.ac.id/4521/>. [2 Jun 2021].
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education: revised and expanded from case study research in education*. Josey-Bass Publishers.
- Rahimah Embong, Normila Noruddin, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah Dan Hanif Md Lateh @ Junid. (2018). Amalan kurikulum bersepadu bagi Sekolah Islam di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 2289-6325.
- Rohana Hamzah & Zuraina Ali. (2017). *Kecerdasan spiritual*. Penerbit Universti Malaysia Pahang.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'aini. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: pendekatan bersepadu*. As-Syabab Media.
- Zanaton Iksan. (2016). Kualiti ilmu berdasarkan kesahan dan kebolehpercayaan data dalam penyebaran Islam: Perbincangan berdasarkan kajian kualitatif. *Jurnal Hadhari*. 8(1),13-30.
- Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). Amalan pengintegrasian ilmu sains dan al-quran dalam pengajaran pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains negeri Selangor. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zetty Nurzuliana Rashed & Ab. Halim Tamuri. (2017). Pendekatan IHES melalui kurikulum pendidikan Islam membentuk kemenjadian generasi al-quran. *Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan* (ISPEN2017). 12 October 2017. Dewan Senat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Tahap Kefahaman Guru Pelatih Kuis Terhadap Konsep Kolaborasi Pemikiran, Kritis dan Komunikasi Dalam Pembelajaran Abad Ke-21

Inas Tasnim binti Roslan
 inastasnimroslan@gmail.com
 Kamarulnizam bin Sani, Ph.D
 kamarulnizam@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) adalah satu proses pembelajaran berpusatkan murid yang memberi penekanan kepada beberapa elemen seperti komunikasi, pemikiran kritis dan kolaboratif. Penerapan elemen-elemen ini telah memberi perubahan yang besar kepada taraf pendidikan negara. Justeru itu, kemahiran bakal guru dalam merancang dan mengaplikasikan konsep pembelajaran abad ke-21 adalah sangat penting. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap kefahtaman guru pelatih terhadap konsep pembelajaran abad ke-21 dalam pengajaran. Seramai 92 orang guru pelatih semester 6 dan 7 program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia KUIS telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Kaedah kuantitatif yang berbentuk tinjauan melalui edaran soal selidik telah dipilih sebagai reka bentuk kajian. Dapatkan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Version 20.0 (SPSS Ver.20.0)*”. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahtaman guru pelatih KUIS terhadap konsep PAK21 berada di tahap yang tinggi. Diharapkan kajian ini dapat membantu para guru pelatih untuk lebih bersedia bagi menghadapi sesi pengajaran dan pemudahcaraan di sekolah kelak.

Kata Kunci: Tahap pemahaman, guru pelatih, pemikiran kritis, KUIS, PAK21

Abstract

21st century learning is a student-centred learning process that focuses on several elements such as communication, critical thinking and collaboration. The application of these elements has led to a major change in the standard of education in the country. Therefore, it is crucial that trainee teachers have the knowledge and abilities to implement 21st century learning principles. This study aims to gauge how much trainee teachers comprehend the idea of 21st-century learning in the classroom. The sample for this study consisted of 92 trainee teachers from semesters 6 and 7 of the Bachelor of Islamic Education with Multimedia at KUIS. A quantitative method in the form of a survey through the distribution of questionnaires was chosen as the study design. The findings of the study were analysed using "Statistical Package for the Social Version 20.0 (SPSS Ver.20.0)". Overall, the findings of the study indicate that KUIS trainee teachers have a high level of understanding of the concept of PAK21. It is hoped that this study can help trainee teachers be more prepared to teach in schools.

Keywords: *Level of understanding, trainee teachers, critical thinking, KUIS, PAK21*

Pembelajaran abad ke-21 merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan murid yang berteraskan dan menekankan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Elemen-elemen ini disebut sebagai standard asas PAK21 iaitu merangkumi komunikasi, kreativiti, kritis,

kolaboratif, nilai murni dan etika. Kesemua standard ini sangat penting untuk diterapkan kepada murid bagi memastikan proses kemenjadian murid yang memerlukan murid untuk berpengetahuan dan berkemahiran berjaya direalisasikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Menurut Izlin Zuraini (2002), pengetahuan yang perlu dimiliki oleh guru iaitu pengetahuan pedagogi, isi kandungan, pengetahuan am dan pengetahuan ikhtisas perguruan. Guru pelatih seharusnya memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk dan mencorakkan hala tuju pendidikan negara sekaligus menjadi *role model* kepada pelajar. Oleh itu, guru pelatih mestilah mempunyai kualiti dan kriteria yang terbaik. Guru pelatih yang bakal menjadi guru di sekolah haruslah memahami konsep asas pembelajaran abad ke-21 supaya dapat bersedia dengan kandungan kurikulum dan pedagogi pembelajaran dan pengajaran untuk mempraktikkan PAK21 ketika sesi pengajaran di sekolah kelak. Kajian ini memfokuskan kepada sejauh mana tahap kefahaman guru pelatih terhadap konsep pembelajaran abad ke-21(PAK21).

Pernyataan Masalah

Pengaplikasian PAK21 yang berpusatkan murid memberi penekanan kepada empat elemen utama PAK21 iaitu kolaboratif, pemikiran kritis, komunikasi dan kreativiti (Norhailmi, 2016). Meskipun PAK21 berpusatkan murid, para guru tetap memainkan peranan penting di dalam kelas kerana mereka menjadi ejen pelaksana dan pemudah cara yang perlu mempersiapkan diri untuk memastikan pembelajaran tersebut dapat berjalan dengan jayanya (Sabri , 2020). Tahap kefahaman dan kesediaan guru pelatih dalam memahami konsep pembelajaran abad ke-21 ini akan dapat membantu mereka untuk mengaplikasikan sistem pembelajaran abad ke-21 dengan baik sekaligus dapat melahirkan para guru pelatih yang kompeten dan cekap untuk mengatasi cabaran pendidikan dari masa ke masa.

Menurut kajian oleh Nur Adibah Liyana dan Hafizhah (2021) mendapati bahawa antara masalah yang ketara yang telah dikenal pasti semasa penyelidikannya ialah guru tidak memahami konsep dan pelaksanaan dalam mengamalkan elemen pengajaran kreatif di dalam pengajaran mereka. Bagi menghadapi cabaran pembelajaran pada alaf baru ini, guru pelatih hendaklah menjadi seorang yang lebih cakna dalam semua aspek pendidikan seperti kurikulum bidang, pedagogi pengajaran dan pentaksiran bagi melahirkan pelajar yang berwawasan dan dinamik. Hal ini perlu di titik berat oleh semua guru pelatih yang masih menuntut dalam bidang pendidikan (An Nur Syahira, 2021) supaya guru pelatih lebih bersedia dan berkeyakinan tinggi ketika sesi praktikum akan datang.

Berdasarkan kenyataan yang telah dikemukakan oleh para pengkaji pada kajian-kajian yang lepas, kesediaan guru pelatih terhadap pembelajaran abad ke-21 menjadi faktor penting dalam pelaksanaan PAK21. Namun begitu, kajian pada kali ini memfokuskan isu berkaitan tahap pemahaman guru pelatih Fakulti Pendidikan KUIS terhadap konsep asas pembelajaran abad ke-21 bagi memastikan guru pelatih mempunyai pengetahuan tentang apa itu PAK21 sekaligus membantu mereka untuk lebih yakin ketika sesi praktikum kelak.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif utama iaitu:

1. Mengenal pasti tahap pemahaman guru pelatih terhadap konsep pemikiran kritis pembelajaran abad ke21.
2. Mengenal pasti tahap pemahaman guru pelatih terhadap konsep kolaboratif pembelajaran abad ke21.

Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, maka persoalan yang perlu dijawab adalah:

1. Sejauh mana tahap pemahaman guru pelatih terhadap konsep pemikiran kritis pembelajaran abad ke21?
2. Sejauh mana tahap pemahaman guru pelatih terhadap konsep kolaboratif abad ke-21?

Tinjauan Literatur

Bagi mengupas permasalahan ini dengan lebih lanjut, pengkaji telah mengkaji beberapa kajian lepas yang telah dibuat. Berpandukan beberapa kajian literatur terdahulu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa sub topik yang menjadi permasalahan utama.

Pembelajaran Abad Ke-21

Pembelajaran abad ke- 21 (PAK21) ialah satu proses pembelajaran yang berpusatkan murid yang berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta nilai aplikasi nilai murni dan etika (KPM, 2018). Kelima-lima elemen yang terdapat dalam sistem pembelajaran abad ke-21 ini juga diperkenalkan sebagai lima standard asas PAK21 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam buku Panduan Pengaplikasian Pembelajaran Abad Ke-21. Konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21) ini telah menjadi salah satu elemen penting di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang telah diperluaskan ke semua sekolah dalam tempoh 10 tahun akan datang. *Berita Harian*. (9 Januari,2018)

Konsep Pemikiran Kritis Pembelajaran Abad ke-21

Konsep pemikiran kritis mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia ialah berlaku penerokaan pemikiran untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Pemikiran kritis pembelajaran abad ke-21 boleh dianggap sebagai pemikiran kritis yang berkesan apabila (Zabry Ismail, 2018 dan Ng Lee Ching et.al, 2020) :

- i. Murid dilihat memiliki maklumat mengenai pelbagai perkara dan bidang.
- ii. Murid mempunyai sikap ingin tahu apabila murid mampu untuk meneroka sesuatu bidang ilmu melalui cara pembacaan, penyoalan dan melakukan aktiviti secara hands-on untuk mendapatkan maklumat.
- iii. Murid mampu untuk membuat keputusan yang berasas berdasarkan maklumat yang diperolehnya dan mampu mempertahankan keputusan dengan memberi bukti yang berasas dan rasional.
- iv. Murid berfikiran terbuka dan bersedia untuk menerima pandangan orang lain dan merendah diri.

Konsep Kolaboratif Pembelajaran Abad ke-21

Kolaboratif pembelajaran abad ke-21 ialah apabila berlaku kerjasama dan muafakat antara guru dengan murid dan murid dengan murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid berlaku (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pembelajaran bermakna akan tercapai melalui pembelajaran secara kolaboratif

(Daud et.al, 2018) berdasarkan prinsip perkongsian idea bersama murid kerana aspek kolaboratif berkait rapat dengan komunikasi yang membolehkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain bagi menghasilkan idea yang kreatif dan kritis (Khuzaimah et.al, 2019).

Justeru itu, kajian ini ingin memperlihatkan sejauhmanakah barisan guru pelatih dari Fakulti Pendidikan KUIS memahami konsep PAK21 dan kebolehan mereka untuk mengaplikasikan teori berdasarkan pemahaman mereka terhadap konsep-konsep ini.

Metodologi Kajian

Pendekatan kajian yang diguna pakai dalam penyelidikan ini adalah kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif adalah kaedah yang dirasakan bersesuaian dan mudah dilakukan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji dengan lebih praktikal. Pengagihan soalan kepada responden-responden kajian dilakukan secara rawak melalui edaran soalan di aplikasi sosial media yang dipilih.

Selain itu, tujuan pemilihan kaedah kuantitatif ialah kerana ia memudahkan pengkaji untuk mengumpul maklumat sekaligus mewakili sampel dan populasi kajian yang telah dipilih. Seterusnya, data dalam kajian ini akan dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *SPSS* 2.0. Pendekatan ini dipilih oleh pengkaji bagi mengelakkan berlakunya sebarang ralat dalam pengumpulan dan penganalisisan data kelak.

Pensampelan

Populasi yang dipilih bagi kajian ini adalah tergolong daripada para guru pelatih yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia di Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Jumlah sampel yang telah dikenal pasti adalah 135 orang (Krejcie & Morgan, 1970). Sampel kajian dijalankan keatas guru pelatih semester 6 dan 7 sahaja kerana mereka bakal berdepan dengan sesi praktikum di sekolah tidak lama lagi. Teknik persampelan yang digunakan bagi kajian ini adalah persampelan secara rawak dimana setiap orang dalam jumlah populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) adalah teknik persampelan yang asas dan mudah untuk dikendalikan melalui agihan borang melalui *Google Form*.

Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Pengkaji menggunakan statistik deskriptif bagi menganalisis data yang diperolehi. Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science (SPSS)* dengan menggunakan peratusan, sisihan piawai dan min. Statistik deskriptif yang digunakan bertujuan untuk menunjukkan nilai min dalam bentuk peratusan, tahap kekerapan item bagi mengenal pasti tahap pemahaman guru pelatih terhadap konsep pemikiran kritis dan kolaboratif pembelajaran abad ke-21. Pengkaji menggunakan interpretasi min yang dinyatakan di dalam jadual 1.

Jadual 1

Jadual Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.0 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Nunally (1973)

Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini adalah melalui instrumen soal selidik. Item soal selidik telah dibuat kesahan melalui 2 orang pakar rujuk yang berkelayakan. Item soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu: bahagian A yang mengandungi demografi responden seperti umur, jantina dan sebagainya. Bahagian B, C dan D pula merupakan bahagian yang digunakan untuk mengenal pasti tahap kefahaman responden kepada konsep yang akan dibincangkan. Skala yang digunakan bagi mengukur tahap pemahaman responden terhadap objektif dan persoalan kajian dibina berdasarkan Skala Likert (1932). Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dilakukan untuk mendapatkan tahap kesahan yang boleh dipercayai. Nilai ketekalan kesahan diukur menggunakan nilai Cronbach Alpha (1946).

Jadual 2

Jadual Nilai Cronbach Alpha

Julat Kebolehpercayaan Alpha	Kekuatan Instrumen
< 0.6	Lemah
0.6 < 0.7	Sederhana
0.7 < 0.8	Baik
0.8 < 0.9	Sangat Baik
0.9	Terbaik

Sumber: Cronbach Alpha (1946)

Hasil analisis rintis yang dilakukan menunjukkan kekuatan instrumen adalah terbaik dengan jumlah nilai Cronbach Alpha 0.96.

Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian ini akan membincangkan tahap pemahaman guru pelatih kuis terhadap konsep pemikiran kritis dan kolaboratif pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih semester 6 dan 7 di Fakulti Pendidikan KUIS. Analisis ini akan dibincangkan dalam bentuk statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisisian piawai bagi menjelaskan profil responden kajian dan persoalan kajian.

Maklumat Demografi Responden

Sampel kajian yang dikenalpasti menurut Krejcie & Morgan (1970) adalah seramai 92 orang dari fakulti Pendidikan dalam kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia

Jadual 3

Maklumat Demografi Responden

Bil	Latar Belakang	Item	Kekerapan	Peratusan
1	Jantina	Lelaki	32	34.8%
		Perempuan	60	65.2%
2	Umur	19-21 Tahun	2	2.2%
		22-24 Tahun	76	82.6%
		25 Tahun keatas	14	15.2%
3	Semester	Semester 6	55	59.8%
		Semester 7	37	40.2%

Merujuk jadual 3 diatas, seramai 32 orang (34.8%) adalah dari kalangan mahasiswa lelaki manakala 60 orang (65.2%) lagi adalah mahasiswa perempuan. Seterusnya, seramai 2 orang (2.2%) peserta kajian berumur 19-21 tahun, 76 orang (82.6%) adalah berumur 22-24 tahun dan seramai 14 orang (15.2%) pula berumur 25 tahun ke atas. Akhir sekali, analisa terakhir

menunjukkan seramai 55 orang (59.8%) daripada peserta kajian merupakan mahasiswa semester 6 dan seramai 37 orang (40.2 %) yang lainnya adalah pelajar semester 7.

Tahap Pemahaman Guru Pelatih Terhadap Konsep Pemikiran Kritis Abad ke-21.

Bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian, satu analisis deskriptif telah dijalankan menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai.

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai Setiap Item

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan %					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	KS	S	SS		
C1	Konsep pemikiran kritis adalah merujuk kepada murid berupaya untuk menilai dan menganalisis sesuatu masalah dan membuat pertimbangan yang wajar berdasarkan bukti dan pemikiran.	- 0%	- 0%	- 0%	27 29.3%	65 70.7%	4.71	0.46
C2	Saya merancang setiap soalan yang akan diajukan kepada murid.	- 0%	- 0%	2 2.2%	28 30.4%	62 67.4%	4.65	0.52
C3	Saya mengemukakan soalan aras tinggi ketika sesi pdpc di dalam kelas.	- 0%	1 1.1%	8 8.7%	30 32.6%	53 57.6%	4.47	0.70
C4	Saya mengajukan soalan yang mampu meneroka pandangan murid ketika pdpc.	- 0%	- 0%	4 4.3%	28 30.4%	60 65.2%	4.61	0.57
C5	Saya mengemukakan soalan yang menentukan sebab dan penjelasanya.	- 0%	- 0%	1 1.1%	29 31.5%	62 67.4%	4.66	0.50
C6	Saya merancang soalan yang menguji implikasi dan akibatnya.	- 0%	- 0%	3 3.3%	31 33.7%	58 63.0%	4.60	0.56
C7	Saya menimbulkan pelbagai persoalan berkaitan tugas ke dalam diri murid.	- 0%	1 1.1%	8 8.7%	29 31.5%	54 58.7%	4.48	0.70
C8	Saya membimbing murid untuk menilai suatu persoalan secara logik dan rasional.	- 0%	- 0%	2 2.2%	27 29.3%	63 68.5%	4.66	0.52

C9	Saya membimbing murid untuk mempertahankan pendapat mereka berdasarkan bukti yang diperoleh jika berlaku perselisihan pendapat.	-	-	2 0%	29 2.2%	61 31.5%	4.64 66.3%	0.53
C10	Saya membimbing murid untuk menghormati pandangan orang lain.	-	-	- 0%	20 0%	72 21.7%	4.78 78.3%	0.41

Jumlah min konstruk tahap pemahaman guru pelatih KUIS terhadap konsep pemikiran kritis pembelajaran abad ke-21 = **4.62**

Jadual 4 menunjukkan perincian min dan sisihan piawai bagi konstruk bahagian C iaitu tahap pemahaman guru pelatih KUIS terhadap konsep pemikiran kritis pembelajaran abad ke-21. Item yang memperolehi min tertinggi dalam bahagian C adalah item C10 ($m=4.78$, $sp=0.41$), “Saya membimbing murid untuk menghormati pandangan orang lain.” Hasil dapatan kajian mendapati seramai 72 orang responden memilih sangat setuju manakala seramai 20 orang responden memilih setuju bagi item C10. Hal ini menunjukkan guru pelatih bersetuju bahawa sikap menghormati pandangan satu sama lain adalah satu sikap yang perlu diterapkan di dalam diri murid ketika mengamalkan konsep pemikiran kritis dalam pendidikan abad ke-21.

Item yang mendapat skor terendah adalah C3 ($m=4.47$, $sp=0.70$), “Saya mengemukakan soalan aras tinggi ketika sesi pdpc di dalam kelas.” Hasil dapatan kajian mendapati seramai 53 orang memilih sangat setuju dan 30 orang memilih setuju. Terdapat 8 orang responden yang memilih kurang setuju dan seorang responden memilih tidak setuju bagi pernyataan item C3. Hasil dapatan bagi item C3 memaparkan bahawa guru pelatih KUIS berbeza pendapat mengenai tahap keberkesaan soalan aras tinggi untuk penerapan konsep pemikiran kritis pada pembelajaran abad ke-21. Namun begitu, majoriti memilih sangat setuju mengenai keberkesanannya.

Tahap Pemahaman Guru Pelatih Terhadap Konsep Kolaboratif Abad Ke-21

Bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian di atas, 10 item soalan telah digunakan oleh pengkaji bagi mengetahui sejauh mana tahap pemahaman guru pelatih KUIS terhadap konsep kolaboratif pembelajaran abad ke-21.

Jadual 5

Min Dan Sisihan Piawai Setiap Item

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan %					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	KS	S	SS		
D1	Konsep kolaboratif adalah merujuk kepada kerjasama untuk menyelesaikan suatu masalah yang membolehkan pertukaran idea antara guru-murid dan murid-murid.	- 0%	- 0%	- 0%	29 31.5%	63 68.5%	4.68	0.47
D2	Kolaboratif dapat meningkatkan kemahiran sosial murid daripada pasif ke aktif.	- 0%	- 0%	3 3.3%	30 32.6%	59 64.1%	4.61	0.55

D3	Saya menyediakan soalan berbentuk penyelesaian masalah kepada murid.	- 0%	- 0%	- 0%	29 31.5%	63 68.5%	4.68	0.47
D4	Saya menggalakkan pdpc secara berkumpulan di dalam kelas.	- 0%	- 0%	1 1.1%	31 33.7%	60 65.2%	4.64	0.50
D5	Saya menggalakkan aktiviti lakonan dan simulasi ketika sesi pdpc.	- 0%	- 0%	6 6.5%	26 28.3%	60 65.2%	4.59	0.61
D6	Saya membimbing murid untuk memberi sumbangan idea di dalam kumpulan berdasarkan kekuatan mereka.	- 0%	- 0%	1 1.1%	27 29.3%	64 69.6%	4.68	0.49
D7	Saya menggunakan peta <i>i-think</i> untuk menjana idea murid.	- 0%	- 0%	3 3.3%	23 25.0%	66 71.7%	4.68	0.53
D8	Saya membuat keputusan bersama-sama murid semasa sesi perbincangan di dalam kelas.	- 0%	- 0%	1 1.1%	29 31.5%	62 67.4%	4.66	0.50
D9	Saya menjalankan aktiviti pdpc yang bercorak inkuiiri penemuan.	- 0%	1 1.1	5 5.4%	27 29.3%	59 64.1%	4.57	0.65
D10	Saya menyediakan tugas untuk murid selesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.	- 0%	- 0%	1 1.1%	26 28.3%	65 70.7%	4.70	0.49

Jumlah min konstruk tahap pemahaman guru pelatih KUIS terhadap kolaboratif pembelajaran abad ke-21 = **4.64**

Jadual 5 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi setiap item yang terdapat di bahagian D iaitu tahap pemahaman guru pelatih KUIS terhadap konsep kolaboratif pembelajaran abad ke-21. Item D10 merupakan item yang memperolehi skor min tertinggi ($m=4.70$, $sp=0.49$), "Saya menyediakan tugas untuk murid selesaikan dalam tempoh yang ditetapkan." Hasil dapatan kajian memaparkan seramai 65 orang responden sangat bersetuju, 26 orang responden memilih setuju dan seorang responden kurang bersetuju dengan item D10. Di samping itu, jumlah frekuensi menunjukkan rata-rata guru pelatih KUIS memahami kepentingan tempoh masa dalam pembahagian tugas dapat memupuk sikap kolaboratif dalam diri murid.

Seterusnya, item yang mendapat skor min terendah pada konstruk bahagian D ialah item D9. Jumlah min terkumpul adalah ($m=4.57$, $sp=0.65$), "Saya menjalankan aktiviti pdpc yang bercorak inkuiiri penemuan.". Seramai 59 orang responden telah memilih sangat setuju, 27 orang responden memilih setuju. Di samping itu, seramai 5 orang memilih kurang setuju dan seorang memilih tidak setuju. Hasil dapatan ini menunjukkan rata-rata guru pelatih KUIS memahami konsep kolaboratif pembelajaran abad ke-21 dan aplikasinya dalam aktiviti bercorak inkuiiri penemuan walaupun terdapat segelintir guru pelatih tidak menyetujui aktiviti tersebut.

Perbincangan dan Cadangan

Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya mendapatkan jumlah min konstruk item soal selidik berada di tahap tinggi dengan jumlah min pada konstruk C; tahap pemahaman guru pelatih terhadap konsep pemikiran kritis PAK21 = 4.62 dan jumlah min bagi konstruk terakhir iaitu konstruk D; tahap pemahaman guru pelatih terhadap konsep kolaboratif PAK21 = 4.64.

Tahap Pemahaman Guru Pelatih Terhadap Konsep Pemikiran Kritis Pembelajaran Abad ke-21

Hasil dapatan mendapati rata-rata guru pelatih KUIS memahami konsep pemikiran kritis yang ingin diterapkan di dalam pembelajaran abad ke-21. Guru pelatih juga dilihat dapat mengaitkan teori yang dipelajari dengan pengaplikasiannya di dalam tempoh pembelajaran dan pemudahcaraan. Namun begitu, Guru pelatih KUIS dilihat kurang bersetuju dengan keberkesanan penggunaan soalan aras tinggi dalam meningkatkan kemahiran pemikiran kritis pembelajaran abad ke-21. Jika diteliti dengan lebih mendalam, terdapat segelintir murid di sekolah kurang bermotivasi apabila diajukan soalan aras tinggi di dalam kelas. Menerusi kajian Benlahcene et al (2020) mendapati murid menjadi rendah motivasi dan tidak minat dengan soalan aras tinggi kerana tidak mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan masalah. Hal ini akan menyebabkan aktiviti pembelajaran menjadi terbantut. Oleh itu, guru pelatih mestilah memilih teknik dan kaedah yang bersesuaian dapat digunakan ketika sesi pembelajaran dan pemudahcaraan supaya ia membantu murid yang kurang berkemahiran dalam penyelesaian masalah dapat mengatasi masalah tersebut.

Walaupun begitu, jika dilihat dalam aspek kesediaan guru, adakah guru pelatih KUIS bersedia untuk melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran? Hal ini kerana, jumlah skor min yang diperolehi bagi konstruk ini lebih rendah berbanding dua konstruk yang lainnya. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nur Hawa Hanis (2018) mendapati bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi adalah berada pada tahap yang sederhana. Kekurangan guru dalam menguasai kemahiran soalan aras tinggi akan menyebabkan proses pembelajaran menjadi terbantut dan tidak dapat dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, meskipun terdapat beberapa kekurangan namun catatan min skor bagi konstruk tahap pemahaman guru pelatih KUIS terhadap konsep kolaboratif abad ke-21 berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

Tahap Pemahaman Guru Pelatih Terhadap Konsep Kolaboratif Pembelajaran Abad ke-21

Nilai interpretasi skor min menunjukkan rata-rata guru pelatih KUIS telah memahami konsep pemikiran kritis pendidikan abad ke-21 yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan. Dapatan kajian mendapati rata-rata guru pelatih bersetuju tugasan kumpulan yang diberi kadar masa membantu untuk mewujudkan konsep kolaboratif sesama murid. Hal ini menunjukkan guru pelatih memahami bahawa kerjasama sesama ahli kumpulan untuk menyiapkan tugasan dapat meningkatkan perasaan saling kebergantungan dan akauntabiliti di dalam diri murid. Johnson & Johnson (1990) berpendapat bahawa semua pelajar harus mempunyai mempunyai dua sikap tersebut bagi memastikan amalan kolaboratif dalam diri dapat diwujudkan.

Namun begitu, guru pelatih KUIS dilihat kurang berminat dengan aktiviti pdpc yang bercorak inkuiri kerana skor min yang direkod pada bahagian tersebut dilihat lebih rendah berbanding skor min pada item soalan yang lain. Hal ini mungkin disebabkan oleh guru pelatih kurang mahir dalam cara pengaplikasian teknik inkuiri penemuan yang sebenar. Menurut kajian Thangavelo Marimuthu et.al (n.d), terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh kalangan guru pelatih dalam melaksanakan teknik inkuiri penemuan di dalam kelas. Antaranya adalah inkuiri penemuan sukar dilaksanakan didalam kelas kerana murid tidak berminat, kaedah inkuiri memerlukan banyak bahan bantu mengajar dan sebagainya. Perkara tersebut mungkin menjadi antara punca item D9 memperoleh skor min terendah.

Oleh itu, guru pelatih hendaklah memahirkan diri mereka dengan kebolehan teknik penyoalan yang dapat merangsang minat murid untuk terlibat dalam aktiviti inkuiiri ini dan bersedia sepenuhnya dengan persediaan pengajaran mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Implikasi Kajian

Dapatkan kajian ini dilihat dapat memberi impak positif kepada beberapa pihak. Antaranya ialah kepada guru kerana ia dapat mewujudkan guru yang lebih berkemahiran dan kompetan. Selain itu, ia juga memberi kesan yang sangat baik kepada pembangunan jati diri murid kerana kemahiran guru membentuk pembangunan kendiri mereka dalam pendidikan.

Hal ini amat penting kerana ia dapat memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan Pendidikan negara. Dengan adanya kajian ini, pengkaji berharap pihak institusi pendidikan guru di negara samada swasta mahupun kerajaan dapat menyediakan modul pendidikan guru yang terbaik bagi memastikan bakal-bakal guru boleh mencapai standard pendidikan yang diinginkan.

Kajian ini adalah usaha pengkaji untuk meninjau sejauh manakah guru pelatih KUIS memahami konsep komunikasi, pemikiran kritis dan kolaboratif pendidikan abad ke-21. Oleh itu, terdapat banyak aspek lain yang boleh diberi perhatian oleh pengkaji seterusnya bagi mendapatkan kajian yang lebih sempurna. Berikut adalah cadangan kajian lanjut yang boleh dilakukan oleh pengkaji akan datang.

Dapatkan kajian ini memperlihatkan bahawa terdapat sedikit kekurangan terhadap penguasaan KBAT dalam kalangan guru pelatih KUIS. Hal ini berkaitan dengan jumlah catatan min yang kurang memberangsangkan apabila soalan berkaitan penggunaan soalan aras tinggi dikemukakan. Maka dicadangkan agar kajian akan datang dapat menyentuh isu soalan aras tinggi dengan lebih mendalam supaya guru pelatih dapat lebih bersedia untuk mengendalikan soalan aras tinggi di dalam pengajaran dan pembelajaran kelak.

Kesimpulan

Profesjon perguruan merupakan tugas yang sangat mencabar dan memerlukan pengorbanan yang tinggi. Oleh itu, guru pelatih perlulah mengorbankan masa untuk memahami setiap konsep dalam pendidikan, ilmu bidang dalam pendidikan terutamanya pedagogi dalam pendidikan bagi menangani sebarang kekangan dan isu-isu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai penutup, hasil dari perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan guru pelatih KUIS terhadap konsep komunikasi, pemikiran kritis dan kolaboratif pembelajaran abad ke-21 berada pada tahap yang baik. Selain itu, guru pelatih juga dilihat bersedia untuk mengamalkan pembelajaran abad ke-21 ketika proses pembelajaran dan pembelajaran. Namun terdapat sedikit kekurangan yang telah dikenal pasti ke atas guru pelatih apabila melibatkan penggunaan soalan aras tinggi dalam kelas. Justeru itu, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh diberi penekanan pada masa akan datang.

Rujukan

- Abdul Jalil A., Abdul Ghani Kanesan, A., Isrihan, M. (2019). Amalan pengupayaan dan autonomi guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(1), 49-58.
- An Nur Syahira Binti Katman. (2021). *Tahap kesediaan guru pelatih kuis terhadap pelaksanaan pengajaran pendidikan islam abad ke-21*. Dimuat turun pada 22 Julai 2021 daripada KUIS Library Database.

- Azieyana Aziz, Christina Andin. (2018). Penggunaan strategi pembelajaran koperatif untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 1-9.
- Ciri-Ciri Guru abad ke-21. (2020). Dimuat turun pada 24 Ogos 2021 daripada PDFCOFFEE Website: <https://pdfcoffee.com/ciri-guru-abad-21-pdf-free.html>
- Farah Syarmila Saiful Bahry. (2021). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif Berasaskan Abad ke-21: Satu Tinjauan di Sekolah Daerah Gua Musang, Kelantan*. Dimuat turun pada 30 Julai daripada KUIS Library Database.
- Jessica Dora Henry, Zamri Mahamod. (2021). Penerapan amalan kreativiti, pemikiran kritis kolaborasi dan komunikasi (4C) pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru bahasa melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 239-248.
- Mohd Zailani Ismail, Mohamad Khairi Hj. Othman. (n.d). *Amalan pedagogi abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih program ijazah sarjana muda perguruan (pismp) pendidikan islam di institut pendidikan guru Malaysia*. Dimuat turun pada 12 September 2021 daripada Academia Database.
- Muhammad Ayisy Baharudin, Mohd Ashraf Ibrahim. (2019). Kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah IPG zon selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2, 32-42.
- Muhammad Sabri Sahrir, Nurulhuda Osman dan Ilyani Syiham Muhammad. (2020). Aplikasi “konsep 4c” pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelajar sarjana mod pengajian pendidikan bahasa arab cuti sekolah UIAM. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 2.
- Noorazura Abdul Rahman. (2017). *Pembelajaran Abad Ke-21 di Semua Sekolah*. Dimuat turun pada 9 Julai 2021 daripada BH Online.
- Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah Zulkifli. (2021). Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(1), 40-54.
- S. Howard Nicholls, Audrey Nicholls. (2019). *An approach to the achievement of educational objectives* (1st ed.). London: Routledge.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018). Aplikasi “konsep 4c” pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih pengajian agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal*, 1, 45-65.
- Zakry Bin Ismail. (2018). *Panduan Pengaplikasian Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)* (2018 ed). Sarawak: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Solat *Ihda'* dalam Kitab *Tarjuman* Karangan Kh. Abdul Hamid: Analisis Hukum

Imamuddin
 email86resmi@gmail.com
 Abdul Karim bin Ali, Ph.D
 abdkarim@um.edu.my

Jabatan Syariah Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Abstrak

Kajian ini membahaskan pandangan KH. Abdul Hamid terhadap hukum solat Ihda' (hadiah) dalam kitab Tarjuman (sekitar tahun 1800-1900 M). Kitab ini adalah kitab asas tauhid dan fiqh. Walau bagaimanapun, ia lebih banyak membincangkan hukum-hakam fiqh mulai daripada bab taharah, solat, puasa, zakat, warisan, muamalah, haji, pernikahan bahkan hukum halal-haram secara umum. Sebahagian masyarakat masih mengamalkan solat Ihda'. Dengan solat ini, diharapkan dapat mengirim pahala kepada mayyit dan meringankan beban azab dalam kubur. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti pandangan KH. Abdul Hamid terhadap solat Ihda'. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini menggunakan metode kualitatif iaitu kajian kepustakaan. Kajian ini mendapati bahawa pengamalan solat Ihda' berlandaskan kepada hadith yang tidak dapat dijadikan hujah sebab hadith tersebut mawdu' (palsu). Bahkan ia merupakan salah satu amalan kaum Syiah.

Kata Kunci: Solat sunat, *ihda'* (hadiah), pandangan hukum, KH. Abdul Hamid, tarjuman.

Abstract

This study discusses the views of KH. Abdul Hamid on the Ihda' (Hadiah) prayer in the kitab of Tarjuman (1800-1900 BC). The Kitab of Tarjuman is essentially the kitab of tawhid (oneness of God) and fiqh (Islamic jurisprudence). However, it extensively discusses the subject of fiqh, starting from the chapter of taharah (ablution), prayer, fasting, inheritance, pilgrimage, marriage, and the general discourse. The Ihda' prayer, which is still practised in some areas of society, is thought to recompense the deceased and lessen the severity of punishment in the hereafter. The objective of this study is to identify the viewpoint of KH. Abdul Hamid on the Ihda' prayer. The researcher employs the qualitative method of library research to achieve this goal. This study found that the practice of Ihda' prayer is based on a hadith that cannot be used as an argument because the hadith is mawdu' (false). In fact, it is one of the practices of the Syiah community.

Keywords: Sunah prayer, *ihda'* (hadiah), legal view, KH. Abdul Hamid, tarjuman.

Tersebarnya agama Islam di Indonesia pada abad ke 14 M. (HAMKA, 2002), ianya juga tersebar ke daerah-daerah lain di pelbagai pulau di persekitaran Jawa antaranya pulau Madura. Penyebaran itu berlaku dari satu generasi ke satu generasi, sehingga melahirkan generasi ulama di Madura seperti Shaykhona Kholil (1925 M.) (Mokh. Syaiful Bakhri, 2006) di kabupaten (Kamus Bahasa Indonesia, 2008) Bangkalan dan Kiai Haji (KH.) Abdul Hamid (Kamus Bahasa Indonesia, 2008) di kabupaten Pamekasan di daerah Banyuanyar Desa Poto'an Daya. KH. Abdul Hamid adalah salah seorang ulama yang mewarisi kepimpinan pondok pesantren Banyuanyar yang diasaskan pada tahun 1788 M. (Imamuddin, 2016). Bukan hanya mendidik dan mengajar

para santri (pelajar pondok) (Kamus Bahasa Indonesia, 2008) tapi beliau juga berjaya menulis karyanya yang sekarang dikumpulkan menjadi sebuah kitab yang disebut dengan *Tarjuman*.

Kitab *Tarjuman* merupakan kitab asas agama Islam yang mengandungi pengajaran tauhid, fiqh, dan yang lainnya meskipun perkara fiqh yang lebih dominan diperincangkan. Kemungkinan usia kitab ini sudah mencapai 150 tahun atau pun lebih. Selain masyarakat awam, kitab ini banyak digunakan dan diamalkan dalam kalangan santri pondok pesantren Banyuanyar dan juga di pondok-pondok pesantren yang masih ada ikatan keturunan zuriyat Kiai Ithbat serta keluarga besarnya. Daripada banyak perkara yang diterangkan dalam kitab *Tarjuman*, kajian ini berkeinginan untuk membincangkan hukum solat *Ihda'* disebabkan solat ini masih menjadi amalan sebahagian masyarakat ketika ada orang yang baru sahaja meninggal dunia.

Seterusnya melalui perbahasan hukum solat *Ihda'*, kajian ini berhasrat untuk memberikan sumbangan terhadap keilmuan Islam sehingga boleh mencapai matlamat utama kajian ini. Kajian ini memiliki beberapa kepentingan seperti berikut:

1. Mengemukakan sirah kehidupan salah seorang tokoh ulama klasik daripada pulau Madura yang menjadi salah satu rujukan masyarakat terutama di kabupaten Pamekasan.
2. Memberikan penjelasan tentang kitab *Tarjuman* dengan menghuraikannya secara am.
3. Memberikan kefahaman kepada umat Islam mengenai hukum solat *Ihda'* yang dijelaskan dalam kitab *Tarjuman* sama ada ia sesuai dengan pandangan syarak atau pun tidak.

Pernyataan Masalah

Sebahagian masyarakat masih mempercayai bahawa pada hari pertama kematian seseorang, ia perlu dibantu dengan mengirimkan pahala kepadanya dengan cara melaksanakan solat yang biasa dikenal dengan solat *Ihda'*. Ia bertujuan supaya si mati diringankan segala siksaan kubur. Amalan ini dikerjakan dengan cara tertentu, waktu tertentu, dengan jumlah tertentu dan sebagainya seperti yang diterangkan dalam kitab karangan KH. Abdul Hamid. Namun, riwayat solat ini masih dipertikai oleh kalangan ulama disebabkan riwayatnya yang bermasalah. Oleh itu, kajian ini hanya membahaskan perselisihan ulama dengan membandingkan antara satu pandangan dengan pandangan yang lain. Oleh yang demikian, perlu kepada penjelasan adakah riwayat solat ini bersesuaian dengan ajaran Islam yang sebenar.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan sirah kehidupan KH. Abdul Hamid.
2. Menghuraikan kandungan kitab *Tarjuman* dari aspek metodologi penulisan.
3. Menganalisis pandangan KH. Abdul Hamid terhadap hukum solat *Ihda'* dalam kitab *Tarjuman*.

Soalan Kajian

Antara persoalan kajian ini adalah sebagai berikut:

1. Siapakah KH. Abdul Hamid?
2. Apakah huraian kandungan kitab *Tarjuman* dari aspek metodologi penulisan?
3. Bagaimana pandangan KH. Abdul Hamid terhadap hukum solat *Ihda'* dalam kitab *Tarjuman*?

Tinjauan Literatur

Ada beberapa dokumen bertulis yang membincangkan tentang KH. Abdul Hamid dan kitab *Tarjuman* serta kajian tentang perbahasan yang berhubungkait dengan hukum *Ihda'*. Antara dokumen bertulis tersebut ada yang berbentuk tesis, buku, majalah dan sebagainya, sepertimana berikut:

Disertasi ijazah sarjana syariah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang membincangkan sejarah kehidupan KH. Abdul Hamid serta sejarah kitab *Tarjuman* (Imamuddin, 2016). Perbincangan ini cukup jelas berbanding kajian-kajian lain yang hanya mengulas secara ringkas mengenai sirah kehidupan KH. Abdul Hamid. Oleh yang demikian, disertasi ini memberi ulasan yang mendalam mengenai sejarah kitab *Tarjuman*.

Seterusnya sejarah kehidupan KH. Abdul Hamid juga diceritakan dalam disertasi master oleh Zainudin Syarif, yang sudah dicetak menjadi sebuah buku dengan tajuk *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern* pada tahun 2007 oleh percetakan Sunan Kalijaga Press Yogyakarta (Zainudin Syarif, 2007).

Dijelaskan dalam kitab *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais* riwayat solat *Ihda'* (al-Safuri, t.th) yang juga dinukil oleh kitab *Perukunan Sembahyang Besar* karya Hj. Abd. al-Rasyid Banjar. Meskipun dalam kitab ini solat *Ihda'* disebut dengan solat *Hidayah* (Abd. al-Rasyid Banjar, 1937).

Kitab *Nihayat al-Zayn* yang ditulis oleh Shaykh Nawawi al-Bantani (guru kepada KH. Abdul Hamid), juga menjelaskan riwayat hadith berkenaan dengan solat *Ihda'* meskipun dengan sebutan lain iaitu solat *Rak'atayn li al-Urs fi al-Qabr* yang bermakna solat dua rakaat untuk kebahagiaan di dalam kubur (Nawawi al-Jawi, 2002).

Abd. Rahman *Mukhlis* dalam bukunya *170 Solat-solat Sunat* (Mukhlis, 2002), Kamaruddin Mahmood dalam bukunya *Himpunan Solat-solat Sunat* (Mahmood, 1984), Abu Muhammad Nur Saiful Rahman dalam bukunya *Himpunan 75 Solat-solat Sunat* (Saiful Rahman, 1996), Abu Bakar Ya'kub dalam bukunya *Jenis-jenis Sembahyang Sunat* (Ya'kub, 1996), juga ada menjelaskan pengamalan solat *Ihda'* atau pun dengan sebutan lain solat *Hadiyah*.

Berdasarkan beberapa *kajian* lepas di atas, kajian ini mendapat tidak terdapat satu pun kajian tentang solat *Ihda'* yang melibatkan kitab *Tarjuman* karya KH. Abdul Hamid. Oleh itu, kajian ini akan membahaskan secara mendalam sehingga dapat mengenal pasti pandangan KH. Abdul Hamid dan membuat perbandingan dengan pandangan ulama-ulama lain.

Metodologi Kajian

Skop kajian ini hanya membincangkan hukum solat *Ihda'* yang merupakan salah satu kenyataan yang dijelaskan dalam kitab *Tarjuman* oleh KH. Abdul Hamid. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data daripada data sekunder yang bersumberkan daripada dokumen-dokumen bertulis dan data primer dengan mengadakan temu bual dengan responden yang terpilih seperti temubual dengan ahli waris KH. Abdul Hamid dan alumni pondok pesantren Banyuanyar serta masyarakat di Madura sehingga diketahui selok belok sejarah kehidupan KH. Abdul Hamid secara mendalam. Bagi penganalisisan data, kajian ini menggunakan metode komparatif iaitu membandingkan semua pandangan fuqaha tentang hukum solat *Ihda'* dan seterusnya mencari mana-mana pandangan yang lebih kuat atau rajih di antara semua pandangan sehingga mendapat pandangan mana yang menepati kehendak syarak.

Dapatan Kajian

a. Sejarah Hidup dan Keturunan KH. Abdul Hamid

Rajah 1

Gambar KH. Abdul Hamid



Sekitar tahun 1810 M., KH. Abdul Hamid kecil dilahirkan di Banyuanyar. Seorang anak lelaki kepada Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq. Kiai Ithbat adalah pengasas pondok pesantren Banyuanyar dengan tujuan untuk mewujudkan cita-cita ayahnya iaitu Kiai Ishaq. Pondok pesantren Banyuanyar bermula sekitar tahun 1788 M. dan berusia sekitar 227 tahun sehingga kini.

Seiring dengan waktu, akhirnya Kiai Ithbat berjaya mengajar anaknya (KH. Abdul Hamid) sehingga melanjutkan pelajaran ke kota Mekah. Antara gurunya adalah Shaykh Nawawi al-Bantani (Zainuddin Syarif, 2018). Pada tahun 1868 M., Kiai Ithbat wafat dan seterusnya kepimpinan pondok pesantren diganti oleh KH. Abdul Hamid. Pada tahun 1933 M., KH. Abdul Hamid meninggal dunia di Mekah (Zainudin Syarif, 2007) ketika menunaikan ibadah haji (Imamuddin, 2016) dan dikuburkan di bahagian barat perkuburan al-Ma'la (Muhammad Ali Hisyam, 2003). Nasab keluarga KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq ini masih ada hubungannya dengan Sunan Giri (HAMKA, 2002) yang berada di Gresik Jawa Timur. Ini adalah kerana, Kiai Ishaq adalah anak lelaki kepada Kiai Hasan, manakala Kiai Hasan adalah anak lelaki kepada Kiai Abdurrahman (Zainudin Syarif, 2007) dan seterusnya Kiai Abdurrahman adalah menantu kepada Sunan Giri Gresik Jawa Timur (Wiyonggo seto, 2016). Manakala Sunan Giri adalah salah seorang daripada Sembilan Sunan yang masyhur dengan sebutan *Wali Songo*. Oleh itu, jika dilihat daripada sisi nasab keturunan KH. Abdul Hamid, sememangnya beliau mempunyai nasab yang tinggi dan luhur. Beliau masih keturunan seorang pejuang agama Islam di Pulau Jawa pada masa awal datangnya Islam ke Jawa. Tidak keterlaluan jika dikatakan, bahawa memang telah mengalir dalam diri beliau darah seorang alim besar iaitu Sunan Giri.

KH. Muhammad Syamsul Arifin (temubual, 2011) berkata bahawa KH. Abdul Hamid terkenal dengan sifat-sifat yang terpuji, antaranya beliau sering menangis jika mendapati kesilapan dalam perkara agama, walaupun kesilapan tersebut sangat kecil dan tidak sampai berimpak kepada dosa. Pernah sekali beliau tidak sengaja melakukan kesilapan dengan memulakan kaki kiri ketika hendak memasuki masjid. Beliau dengan segera mundur ke belakang, kemudian menangis kerana merasa tidak beradab memasuki rumah Allah (masjid) memulakan dengan kaki kiri. Pernah juga beliau menangis ketika memotong daun yang masih ada di dahannya kerana telah menyakiti makhluk hidup. Padahal syari'ah tidak memberikan hukuman terhadap perbuatan tersebut. Pernah juga beliau dijumpai menangis ketika melihat orang merokok. Beliau tidak mlarang langsung orang yang merokok tadi, tapi beliau berkata kepada si perokok bahawa sebaiknya membaca istighfar daripada merokok, kerana hal itu lebih afdal baginya. Beliau juga berpesan kepada si perokok: "Bagaimana kalau api rokok itu mengenai kain pelikat (sarung) kemudian berlubang, maka solatnya tidak sah sebab auratnya tidak tertutup?". Lalu si perokok menjadi malu dan berhenti dengan membuang rokoknya. Ini

menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tegas ketika melihat suatu kesalahan, walaupun kesalahan itu kelihatan kecil. Namun, penuh dengan hikmah ketika beliau menegur seseorang. Selari dengan apa yang diperintahkan Allah dan Rasul-Nya (Surah al-Nahl: 125). Sememangnya beliau menyarankan supaya seseorang jangan selalu merokok kerana merokok tidak membuat orang lapar menjadi kenyang, tidak menghilangkan dahaga, membazir harta tanpa faedah, merokok dapat melalaikan seseorang daripada berzikir mengingat Allah. Bahkan beliau mengatakan bahawa merokok adalah bid'ah (Abdul Hamid, 1980).

Ustaz Muzammil Imron (temubual, 2011) berkata bahawa KH. Abdul Hamid juga terkenal dengan istiqamahnya dalam solat berjemaah. Pernah beliau terkena penyakit lumpuh separuh badannya. Tapi, beliau tetap mengimamkan anak-anak muridnya. Beliau juga sering berpuasa sunat meskipun tidak diketahui secara pasti berapa lama beliau berpuasa. Ada yang mengatakan bahawa beliau berpuasa selama 15 tahun. Beliau membahagikan puasanya ini pada tiga doa dan harapan. Tahun pertama puasa beliau bertujuan untuk mendoakan ahli keluarga serta keturunannya. Kemudian tahun kedua beliau berpuasa untuk mendoakan anak-anak muridnya. Pada tahun ketiga beliau berpuasa untuk mendoakan semua jiran yang bermukim di persekitaran pondok pesantren. Ada pula yang mengatakan beliau berpuasa selama 20 tahun, ada juga yang mengatakan sampai 25 tahun.


Isteri beliau merupakan orang yang sangat taat dan solehah. Mereka berdua berjanji tidak akan tidur bersama atau berhubungan suami-isteri, kecuali setelah dapat mengkhatamkan satu al-Quran. Kiai Muhri (temubual, 2011) berkata bahawa KH. Abdul Hamid dengan isterinya terkenal dengan kezuhudannya. Pernah suatu ketika isterinya menjumpai sesuatu yang pelik ketika membasuh beras untuk dimasak. Serta merta sang isteri terkejut, kerana tak disangka beras tersebut berubah menjadi emas. Seketika itu dia mendatangi beliau seraya menangis dan bertanya: "Adakah kamu berdoa tidak ikhlas kepada Allah?". Sebab yang diminta dan dipohon kepada Allah bukan banyak harta, tapi memohon kekuatan dalam agama (bermakna, berdoa untuk akhirat bukan untuk dunia). Disangkanya KH. Abdul Hamid berdoa atau beribadah untuk mencari habuan dunia sahaja. Dengan sikap suami yang bijaksana, beliau menyuruh isterinya kembali ke tempat semula di mana dia membasuh beras. Ternyata emas tadi berubah menjadi beras semula. Itulah antara sifat-sifat terpuji beliau yang ditemui daripada beberapa sumber.

b. Huraian Am Kitab Tarjuman

Latar Belakang Pengkajian Kitab Tarjuman

Rajah 2

Muka Depan Kitab Tarjuman



Pada mulanya kitab ini berbentuk tulisan-tulisan kertas atau boleh disebut dengan risalah-risalah kecil, kemudian dikumpulkan dan dijadikan satu kitab yang dinamakan kitab *Tarjuman*. Sekitar tahun 1974 M. (Abdul Hamid, 1980), selesailah penulisan ulang kitab *Tarjuman* pada masa kepimpinan KH. Abdul Hamid Baqir bin KH. Abdul Majid cucu kepada KH. Abdul Hamid. Hal ini dibuat disebabkan banyak permintaan daripada santri sama ada yang masih belajar atau yang sudah lulus dari pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar (Abdul Hamid, 1980) serta masyarakat supaya karya KH. Abdul Hamid mudah untuk dipelajari dan menjadi khazanah keilmuan yang terjaga.

Adapun proses penulisan kitab *Tarjuman* bermula dengan pengumpulan risalah-risalah kecil yang tersebar di beberapa tempat yang berbeza sehingga memerlukan waktu satu bulan. KH. Ahmad Faqih daripada desa Toronan Kowel Pamekasan juga membantu pengumpulan risalah-risalah tersebut sekaligus menulis ulang untuk dijadikan satu kitab. Kemudian Hj. Nawawi bin Hj. Ahmad Nur daripada Karang Sokon Sumenep membiayai percetakan kitab *Tarjuman* (Abdul Hamid, 1980).

KH. Tahir Zain (temubual, 2011) berkata bahawa kitab *Tarjuman* ditulis khas sebagai asas agama bagi orang awam. Mungkin daripada segi isi, kitab *Tarjuman* bukanlah kitab yang sangat istimewa. Kandungannya hanya sesuatu yang biasa. Namun, ianya mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap perubahan keislaman orang Madura pada masa itu khususnya masyarakat Pamekasan Madura dan sekitarnya. Dengan adanya kitab *Tarjuman* yang berbahasa Madura, mudah difahami oleh masyarakat awam yang susah belajar agama dengan menggunakan kitab yang berbahasa Arab.

Metode Penulisan Kitab Tarjuman

Para ilmuwan belum bersepakat mengenai awal kemunculan tulisan huruf Arab pegon (tulisan Jawi) (Kamus Dewan, 2007). Ada yang mengatakan di persekitaran tahun 1200 M./1300 M. bersamaan dengan masuknya Islam ke Nusantara yang merubah kepercayaan Animisme, Hindu dan Budha. Ada juga yang mengatakan pada tahun 1400 M. oleh Raden Rahmat atau Sunan Ampel Surabaya. Ada pula yang berpendapat bahawa pemilik tulisan pegon adalah Syarif Hidayullah atau Sunan Gunung Jati Cirebon Jawa Barat. Tulisan huruf pegon mempunyai pengaruh besar terhadap dunia pendidikan di kebanyakan pondok pesantren di Jawa (Ibnu Fikri, 2014) dan Madura sehingga kitab *Tarjuman* juga ditulis dengan menggunakan huruf pegon.

Meskipun penulisan kitab *Tarjuman* ditulis dengan huruf Jawi, namun ianya mempunyai ciri-ciri khas yang berbeza dengan kitab lainnya. Antaranya tulisan Jawi di kitab ini dilengkapi dengan barisnya (*harakat*), sehingga mudah untuk dibaca semua orang terutamanya orang awam. Kitab ini ditulis tanpa menggunakan pasal (*faslun*) atau pemisah antara permasalahan-permasalahan yang dibahas. Maka orang yang membacanya akan mengalami kesulitan untuk mencari permasalahan yang dinginkan. Penulisan kitab ini tidak menggunakan tanda-tanda penulisan secara tepat seperti titik atau koma. Oleh itu, pembacanya harus pandai dan teliti.

Kitab ini ditulis tanpa ada dalil atau rujukan kecuali ada sebahagian kecil perbahasan yang memiliki rujukan seperti perbincangan tentang rajah pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar, yang dikatakan ada dalam kitab *al-Jawahir*.

Dalam permasalahan tauhid, kitab *Tarjuman* mengikuti aqidah Imam Asy‘ari. Hal itu nampak jelas ketika beliau mengatakan bahawa ada lima puluh *aqa‘id* yang wajib kita ketahui iaitu *wujud*, *qidam*, *baqa’* dan seterusnya. Dalam bidang fiqh, *Tarjuman* mengikuti mazhab Imam Syafi‘i. Seterusnya dalam bidang tajwid, *Tarjuman* mengikuti riwayat Imam Hafs daripada Imam ‘Asim (Imamuddin, 2016).

Perbincangan

a. Solat sunat Ihda'

Teks Tarjuman dan Terjemahan

Rajah 3

Salah Satu Teks dalam Kitab Terjuman

فَوْلِيْ بُنْجِيْ أُوْ شَاهِيْ سَبَنْ ۚ مَا لَمْ تُوْجَلُونَ سَمَادِيْتَ نَهْ
 حَىْ بَنْدَمْ مِيْتَ كِينِكُوْ صَدَأْ قَاهِيْ مِنْ كَالَّا بَنْ اخْلَاصْ فَتْوَيْتَ حَكَلَ
 سَرَتَ ادْعَاءَهُ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى بِمَا كَبَحَنَ صَدَأَهُ كِينِكُوْ مُوْجَانَهُ
 جَفَرِ يَشَاكِيَهُ جَهِيْتَ كِينِكُوْ سَرَتَ صَدَأَهِيْ تَهَلِيلُ ذَكَرُ
 لَوْنَ سَمَفَاتَ فَتْوَيْتَ فُولُوْيَابُوْهُ اتُوْرَاتِيْ ذِيَا كَجِيْ كَابِعُ
 فَتْبُوْسَهُ دُوْسَانِ مِيْتَ بِكِينِكُوْ جَهِيْتَ اللَّهُ تَعَالَى .
 صَدَأَقَاهِيْ سُورَةُ اخْلَاصْ لَوْنَ سَمَفَاتَ سَتُوْسَ
 ايَّيُّوْ بَنْ صَدَأَقَاهِيْ سَكُوكَهُ سَكُوكَهُ بَنْ تَسِيْجَ سَكُوكَهُ
 سَبَنْ ۚ اِخْرَهَ عَمَلَهُ فَسِ ادْعَاءَهُ جَهِيْتَ اللَّهُ تَعَالَى اَكْتَبَهُ بِيْعَ
 سَبَوْهُ - فَوْلِيْ أُوْ تَمَا صَلَاهُ اهْدَاءَهُ بِتِكُوكُ وَنِيَهَ صَلَاهُ (هُدَاءَ).
 اَصْلَى سُنَّتَهُ لِاهْدَاءِ ثَوَابِهِ الِىْ فَلَانْ ... الْيَتِ رَكْعَتِهِ دَنْوَيْتَ حَكَلَ

Terjemahan: Lebih utama pula pada setiap malam pertama penguburan (pengkebumian) jenazah diberikan (pahala untuknya dengan cara) sedekah yang ikhlas kerana Allah Ta'ala, serta berdoa kepada Allah Ta'ala semoga pahala sedekah itu (betul-betul) disampaikan kepada si mati, juga disedekahkan (dibacakan untuknya) tahlil zikir sebanyaknya 70.000 kali atau lebih apabila sempat (mampu) dengan niat untuk menebus dosa si mati kepada Allah Ta'ala.

Disedekahkan (dibacakan) surah al-Ikhlas 100.000 kali apabila mampu, begitu juga selawat semampunya, *tasbih* semampunya, setiap kali setelah selesai membaca semua itu, maka berdoa kepada Allah Ta'ala supaya disampaikan pahalanya kepada si mati sebagaimana yang telah disebutkan.

Juga yang utama (iaitu mengerjakan) solat *Ihda'* (untuk si *mayyit*). Inilah niat solat sunat *Ihda'*:

Rajah 4

Teks yang terkandung cara Solat *Ihda'*

اَصْلَى سُنَّتَهُ لِاهْدَاءِ ثَوَابِهِ إِلَى فَلَانْ الْمِيْتِ رَكْعَتِهِ لَهُ تَعَالَى

١٦٨

يَسِعُ بَكْبَاجَةَ سَحَارِيَّةَ فَاتِحَةَ آيَةِ الْكُرْبَابِيَّةِ بَنَ سُورَةَ الْهَكَامِ -
 الْتَّكَاثُرِ - بَنَ سُورَةَ (خَلَقَ مَسَبِّسَ خَلَقَ وَيَنْعَ مَارِجَةَ
 أَوْنَى سَلَامَ فَمَنْ مَا كَبَّهَ دُعَاءَ يَدِيكُو -
 الْلَّهُمَّ إِنِّي صَلَيْتُ هَذِهِ الصَّلَاةَ وَتَعْلَمُ مَا أَرِيدُ .
 الْلَّهُمَّ ابْعَثْ شَوَّاْبَهَا لِقَبْرِ فَلَانِ بْنِ فَلَانِ كَمَّةَ
 تَكْتَنَ هِيَ اللَّهُ سَأَوْغَبُوكُو تَهُ كَوَهُهُ أَمْنُونَ اصْلَاهَ كَوَهُهُ دَفَّيْكَاهَ
 صَلَاهَةَ بَنَ عَوْنَيْغَهَ ابْجُونَنَ تَوَانَ جَهَ بَرْكَتَهَ يَهِيَ كَكَرْفَ كَوَهَهَ
 هِيَ آنَهُ مَوْجَاهَ مَدَافَاعَهَ ابْجُونَنَ تَوَانَ دَهَ بَكْنَجَرَهَ صَلَاهَةَ جَهَ
 قَبَرَهَ آنَوَهَ بَهَوَانَ لَآكَشَهَ آنَوَهَ سَهَيِّ سَبَبُوتَ بَهَانَ مَيْتَهَ
 بَنَ آمْبُونَ مَيْتَهَ تَوَنَ عَيَ تَمَقُّ .

(Bacaan ayat) yang dibaca selepas al-Fatihah (adalah) ayat Kursi, surat al-Takathur dan surah al-Ikhlas 11 kali, selepas mengucapkan salam (solat), maka doa ini dibaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي صَلَيْتُ هَذِهِ الصَّلَاةَ وَتَعْلَمُ مَا أَرِيدُ، اللَّهُمَّ ابْعَثْ شَوَّابَهَا إِلَى قَبْرِ فَلَانِ بْنِ فَلَانِ

Terjemahan: Ya Allah sesungguhnya aku telah mengerjakan solat (sunat ini) dan Engkau mengetahui apa yang aku harapkan, ya Allah semoga Engkau menyampaikan ganjaran solat ini kepada kubur si fulan anak lelakinya fulanah (sambil menyebutkan nama si mati dan ibu si mati jika ada/diketahui).

b. Definisi Ihda'

Secara bahasa: *Ihda'* berasal daripada kata “*ahda – yuhdi*” yang (أَهْدَى - يُهْدِي) bermaksud memberi hadiah. Oleh itu, solat ini dinamakan dengan solat *Ihda'* kerana pahala solat ini akan dihadiahkan kepada orang yang telah meninggal dunia. Di dalam kitab dan buku-buku solat sunat yang lain, solat *Ihda'* ini akan dijumpai dengan nama yang agak berbeza sedikit iaitu solat *Hadiyah*. Tapi, maksud dan matlamatnya adalah sama dengan solat *Ihda'*. Ini disebabkan, kata hadiah dan *ihda'* dalam bahasa Arab berasal daripada kata yang sama iaitu *hada* (هَدَى).

c. Sumber Solat Ihda'

Dalam kitab *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais* (al-Safuri, t.t), dijelaskan sebuah riwayat hadith berkenaan dengan solat *Ihda'*. Pengarang kitab ini menukil hadith tersebut daripada kitab *al-Mukhtar wa Matali'u al-Anwar* sepertimana berikut:

الثَّالِثُهُ : رَأَيْتُ فِي كِتَابِ الْمُخْتَارِ وَ مَطَالِعِ الْأَئْنَوْرِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ وَ سَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : لَا يَأْتِي عَلَى
 الْمَيْتِ أَشَدُ مِنَ الْلَّيْلَةِ الْأُولَى فَأَرَمْمَوْا مَوْتَاهُمْ بِالصَّدَقَةِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَلَيُصَلِّ رَكْعَتَيْنِ يَغْرِي فِيهِمَا فَاتِحَةَ
 الْكِتَابِ وَ آيَةَ الْكُرْبَابِيَّ وَ الْلَّهُمَّ التَّكَاثُرُ وَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ إِحْدَى عَشْرَةَ مَرَّةً وَ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي صَلَيْتُ
 هَذِهِ الصَّلَاةَ وَ تَعْلَمُ مَا أَرِيدُ اللَّهُمَّ ابْعَثْ شَوَّابَهَا إِلَى قَبْرِ فَلَانِ بْنِ فَلَانِ، فَيَعْتَقُ اللَّهُ مِنْ سَاعَتِهِ إِلَى
 قَبْرِهِ أَلْفَ مَلَكٍ مَعَ كُلِّ مَلَكٍ نُورٍ وَ هَدِيَّةٍ يُؤَنَّسُونَهُ فِي قَبْرِهِ إِلَى أَنْ يَنْقَعَ فِي الصُّورِ وَ يُعْطَى اللَّهُ
 الْمُصَلِّي بِعَدَدِ مَا طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ حَسَنَاتٍ وَ يَرْفَعُ اللَّهُ لَهُ أَرْبَعِينَ أَلْفَ دَرَجَةً وَ أَرْبَعِينَ أَلْفَ

حجّةٍ وَعُمْرَةٍ وَيَبْنِي اللَّهُ لَهُ الْأَلْفَ مَدِينَةً فِي الْجَنَّةِ وَيُعْطِي تَوَابَ الْأَلْفِ شَهِيدٍ وَيَكْسِي الْأَلْفَ حُلَّةً ،
قَالَ مُؤْلِفُ الْكِتَابِ الْمَذُكُورُ وَهَذِهِ فَائِدَةٌ عَظِيمَةٌ يَتَبَغُّ لِكُلِّ مُسْلِمٍ أَنْ يُصْلِّيَ كُلَّ آنِيَةً لِأَمْوَاتِ
الْمُسْلِمِينَ.

Terjemahan: Faedah ketiga (daripada hal kematian): (pengarang kitab *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*) berkata; saya mendapati hadith daripada nabi Muhammad saw bahwasanya beliau bersabda: tiada malam yang lebih dahsyat (menakutkan) ke atas mayat daripada malam pertama (di dalam kubur), maka kasihilah orang-orang yang telah mati diantara kamu dengan disedekahkan untuknya (pahala sedekah tersebut untuk si mati). Namun apabila tidak mampu, maka solatlah dua rakaat pada setiap rakaatnya membaca al-Fatihah, ayat Kursi, al-Takathur, dan al-Ikhlas 11 kali. Kemudian selepas solat berdoa: Ya Allah sesungguhnya aku telah mengerjakan solat (sunat ini) dan Engkau lebih mengetahui apa yang aku inginkan, ya Allah semoga Engkau menyampaikan pahala solat ini kepada kubur fulan anak lelakinya fulan (*ayahnya*). Maka Allah akan mengutus 1000 malaikat pada saat itu kepada kuburan mayat tersebut dengan membawa cahaya dan hadiah untuk membuatnya bahagia sehingga sangkakala ditiup pada hari kiamat, Allah akan memberi orang yang solat itu kebaikan yang sangat banyak sebanyak matahari terbit, mengangkat darjatnya setinggi 40 ribu darjat dan sebanyak 40 ribu haji dan umrah, akan dibina untuknya 1000 kota di dalam surga, diberi pahala 1000 orang mati syahid, dan memakaikannya 1000 perhiasan. Seterusnya Pengarang kitab *al-Mukhtar wa Matali'u al-Anwar*: Ini adalah fadilat yang besar, maka semestinya setiap orang muslim mengerjakannya pada setiap malam untuk dihadiahkan kepada orang-orang muslim yang sudah meninggal dunia.

Hadith yang sama juga dijumpai dalam kitab *Hashiyat al-'Allamah al-Mihi al-Shibayni'* 'ala Sharh al-Sittin Mas'alatan li al-Ramli. Kitab ini menukilkan hadith daripada kitab *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais* (al-Shibayni, t.t).

Pengarang kitab *Nihayat al-Zayn* juga menulis hadith yang sama dengan menambah riwayat hadith yang lain, bahwasanya orang yang mengerjakan solat ini akan mendapatkan pahala yang besar dan tidak akan mati kecuali melihat tempat tinggalnya di dalam surga. Hanya sahaja dalam kitab *Nihayat al-Zayn* solat *Ihda'* tidak disebut dengan sebutan solat *Ihda'* atau *Hadiyah*. Tapi disebut dengan solat *Rak'atayn li al-Una fi al-Qabr* yang bermakna solat dua rakaat untuk kebahagiaan di dalam kubur. Pemberian nama ini mungkin kerana diambil daripada lafadz "yuannisunnahu" (يُوئِسْنُونَهُ) dalam hadith tersebut (Nawawi al-Jawi, 2002).

Seterusnya kitab *Perukunan Sembahyang Besar* karya Hj. Abd. al-Rasyid Banjar menerangkan sebuah riwayat hadith tentang solat *Ihda'* ini. Riwayat hadith yang sama dengan riwayat hadith yang ada di dalam *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*. Hanya sahaja di dalam kitab *Perukunan Sembahyang Besar* disebut dengan solat *Hidayah* bukan disebut dengan solat *Ihda'*. Selain daripada itu, dalam kitab ini penulisan niat solatnya pun ada sedikit kekeliruan iaitu seperti berikut (Abd. al-Rasyid Banjar, 1937):

أَصْلَى سُنَّةَ الْهُدَى رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى اللَّهُ أَكْبَرُ

Terjemahan: Sahaja aku solat sunat *Hidayah* dua rakaat kerana Allah Ta'ala, Allahu Akbar.

Kajian ini berpendapat, mungkin pengarang kitab ini tidak sengaja menulis niat dengan lafaz atau kalimat yang keliru. Mungkin beliau mahu menulis **الْهَبِيَّةُ**, tapi tertulis kalimat **الْهَبِيَّةُ**. Hal seperti ini sudah biasa terjadi dalam dunia penulisan sama ada kitab, buku, surat khabar dan lain-lain. Selain itu kemungkinan yang menulis bukan pengarang kitab ini secara langsung. Oleh itu, kemungkinan akan dijumpai kesalahan dalam penulisannya.

Seterusnya pengkaji menjumpai riwayat kisah di dalam *kitab Sharh al-Sudur bi Sharh Hal al-Mawta wa al-Qubur* yang mana kisah ini juga ada di dalam kitab *Misbah al-Zalam wa Bahjat al-Anam fi Sharh Nayl al-Maram min Ahadith Khayr al-Anam* yang diteruskan dengan satu riwayat hadith solat *Ihda'* ini. Berikut riwayat-riwayat tersebut:

وَأَخْرَجَ أَبْنَى الْمَحَاجِرِ فِي تَارِيْخِهِ عَنْ مَالِكَ بْنِ دِينَارٍ قَالَ دَخَلَتِ الْمَقْبَرَةَ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ فَإِذَا أَنَا يَبْرُرُ
مُشْرِقَ فِيهَا فَقُلْتُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ تَرَى أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ عَفَرَ لِأَهْلِ الْمَقَابِرِ فَإِذَا أَنَا يَبْرُرُ
يَسْتَهِنُّفُ مِنَ الْبَعْدِ وَهُوَ يَقُولُ يَا مَالِكَ بْنَ دِينَارٍ هَذِهِ هَدْيَةُ الْمُؤْمِنِينَ إِلَى إِحْوَانِهِمْ مِنْ أَهْلِ الْمَقَابِرِ
قُلْتُ بِالَّذِي أَنْطَقَكَ إِلَّا أَخْبَرْتَنِي مَا هُوَ قَالَ رَجُلٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ قَامَ فِي هَذِهِ الْلَّيْلَةَ فَأَسْبَغَ الْوُضُوءَ
وَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ وَقَرَأَ فِيهَا فَاتِحةَ الْكِتَابِ وَ{ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ } وَ{ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ }
وَقَالَ اللَّهُمَّ إِنِّي قَدْ وَهَبْتُ تَوَاهِمَا لِأَهْلِ الْمَقَابِرِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فَادْخُلْنِي الصَّيَّابَةَ وَالثُّورَ
وَالسُّسْحَةَ وَالسُّرُورَ فِي الْمَسْرُوقِ وَالْمَعْرِبِ.
قَالَ مَالِكٌ فَلَمْ أَزِلْ أَقْرُؤُهَا فِي كُلِّ لَيْلَةَ جُمُعَةٍ، فَرَأَيْتُ التَّنِّي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَنَامِي
يَقُولُ لِي يَا مَالِكَ بْنَ دِينَارٍ قَدْ عَفَرَ اللَّهُ لَكَ بَعْدَ التُّورِ الَّذِي أَهْدَيْتَهُ إِلَيَّ أَمْتَيَ وَلَكَ تَوَابُ
ذَلِكَ ثُمَّ قَالَ لِي وَبَنِي اللَّهُ لَكَ يَبْتَأِنُ فِي الْجَنَّةِ فِي قَصْرٍ يُقَالُ لَهُ الْمُبَيْتُ قُلْتُ وَمَا الْمُبَيْتُ قَالَ
الْمُطْلُ عَلَى أَهْلِ الْجَنَّةِ.
وَفِي الْحَدِيثِ : لَا يَأْتِي عَلَى الْمَيِّتِ سَاعَةً أَشَدُّ مِنْ أَوَّلِ لَيْلَةَ فَارَحَوْا مَيِّتَكُمْ بِشَيْءٍ مِنَ الصَّدَقَةِ
فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا فَصُلُّوا رَكْعَتَيْنِ وَاقْرَأُوا فِيهَا فَاتِحةَ الْكِتَابِ وَآيَةَ الْكُرْبَيْهِ وَالْهَامَ الْتَّكَاثُرَ وَقُلْ
هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ إِخْدَى عَشْرَةَ مَرَّةً ، وَفِي رِوَايَةِ عَشَرَ مَرَّاتٍ ، وَقُولُوا : اللَّهُمَّ إِنَّا صَلَّيْنَا وَأَنَّ
أَعْلَمُ بِمَا أَرْدَنَا بِدِيلَكَ فَاجْعُلْ تَوَاهِمَا إِلَى ذَلِكَ الْمَيِّتِ ، فَيَبْتَعُتُ اللَّهُ مِنْ سَاعَتِهِ إِلَى قَبْرِهِ الْأَقْ
مَلَكٍ مَعَ كُلِّ مَلَكٍ نُورٍ وَهَدْيَةً يُؤْسِسُونَهُ فِي قَبْرِهِ إِلَى أَنْ يُنْتَهَ فِي الصُّورِ وَيُعْطَى اللَّهُ الْمُصْلِي
بَعْدَ مَا طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ حَسَنَاتٍ وَرِزْقُ اللَّهِ لَهُ أَرْبَعِينَ أَلْفَ دَرَجَةً وَأَرْبَعِينَ أَلْفَ حَجَّةً
وَعُمْرَةً وَيَبْنِي اللَّهُ لَهُ أَلْفَ مَدِينَةً فِي الْجَنَّةِ وَيُعْطَى تَوَابَ أَلْفَ شَهِيدٍ وَيُكْسِي أَلْفَ حُلَّةً.

Terjemahan:

Ibn al-Najjar mengeluarkan sebuah riwayat dalam (kitab) sejarah beliau daripada Malik bin Dinar, dia berkata: Saya keluar pergi ke perkuburan pada malam Jumaat, tiba-tiba (saya terkejut) ada cahaya yang terang yang menyinari perkuburan tersebut. kemudian saya mengucapkan “*la Ilaha illa Allah*” sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jalla telah memberikan keampunan kepada ahli kubur ini. Tiba-tiba ada bisikan yang berbisik kepada saya: Wahai Malik bin Dinar, cahaya ini adalah hadiah orang-orang mukmin kepada saudara-saudara mereka ahli kubur (di sini). Maka saya bertanya kepada bisikan tersebut: Demi Allah yang membuatmu dapat berbicara,

sesungguhnya apa yang ada di sebalik semua ini? Kemudian bisikan itu menjawab: Pada malam Jumaat ini ada seorang lelaki yang bangun dia berwuduk dengan sempurna dan solat sunat dua rakaat pada setiap rakaatnya dia membaca surah al-Fatihah, surah al-Kafirun, dan surah al-Ikhlas. Setelah itu dia berdoa: Ya Allah, sesungguhnya saya telah memberikan pahala solat sunat ini kepada ahli kubur orang-orang mukmin, maka Allah memberikan ke atas kami sinar, cahaya, kelapangan, dan kebahagiaan sama ada di arah timur dan barat.

Malik bin Dinar berkata: Saya sentiasa membaca (mungkin: melakukan) solat tersebut setiap malam Jumaat. Sehinggahalah saya bermimpi Rasulullah saw sambil berkata: Wahai Malik bin Dinar, Allah telah mengampuni sebanyak cahaya yang telah engkau hadiahkan kepada ummatku dan kamu berhak dengan pahala itu. Kemudian Rasulullah saw berkata lagi kepada saya: sesungguhnya Allah akan membuatkan satu rumah untukmu di dalam syurga di dalam sebuah istana yang bernama “*Munif*”. Seterusnya saya bertanya kepada beliau saw: Apa itu “*Munif*”? Baginda menjawab: ianya adalah (tempat) tempaan bagi ahli surga (al-Suyuti, t.t).

Dalam sebuah riwayat hadith dikatakan bahawasanya: Tidak datang sesuatu yang lebih dahsyat (menakutkan) ke atas orang mati daripada malam pertama (di dalam kubur), maka kasihilah orang yang mati itu dengan disedekahkan untuknya (pahala sedekah tersebut). Namun apabila tidak mampu, maka solatlah dua rakaat pada setiap rakaatnya membaca al-Fatihah, ayat Kursi, al-Takathur dan al-Ikhlas 11 kali atau di dalam riwayat lain 10 kali. Kemudian selepas solat berdoalah; Ya Allah sesungguhnya kami telah mengerjakan solat (sunat ini) dan Engkau lebih mengetahui apa yang kami inginkan, ya Allah semoga Engkau menyampaikan pahala solat ini kepada orang mati itu. Maka Allah akan mengutus 1000 malaikat pada saat itu ke kuburan orang mati tersebut dengan membawa cahaya dan hadiah untuk membuatnya bahagia sehingga sangkakala ditiup pada hari kiamat dan Allah akan memberi orang yang solat itu kebaikan yang sangat banyak, sebanyak matahari terbit, mengangkat darjatnya setinggi 40 ribu darjat sebanyak 40 ribu haji dan umrah, akan dibina untuknya 1000 kota di dalam syurga, diberi pahala 1000 orang mati syahid, dan memakaikannya 1000 perhiasan (al-Jurdani, 1992).

Didapati juga dalam sebahagian kitab-kitab ulama Syiah tentang solat *Ihda'*. Solat *Ihda'* dalam kalangan mereka disebut dengan solat *al-Wahshah* atau solat *Laylat al-Dafn*. Berikut kenyataan al-Sistani (aljazeera, 2014) di dalam kitabnya yang merupakan salah satu ulama Syiah:

صَلَاةُ الْوَحْشَةِ أَوْ صَلَاةُ لَيْلَةِ الدَّفْنِ : وَ وَقَتُّ أَدَاءِهَا الْأَوَّلُ مِنَ الدَّفْنِ فِي أَبْيَهِ سَاعَةٍ
شِئْتُ ، وَ هِيَ رَكْعَتَانِ تَقْرَأُ فِي الْأَوَّلِ بَعْدَ الْحَمْدِ آيَةَ الْكُرْسِيِّ... إِلَى قَوْلِهِ تَعَالَى : وَ هُمْ
فِيهَا خَالِدُونَ ، وَ تَقْرَأُ فِي الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ بَعْدَ الْحَمْدِ سُورَةَ الْقُدْرِ عَشَرَ مَرَّاتٍ ، وَ بَعْدَ
الشَّهَادَةِ وَ السَّلَامِ تَقُولُ : اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَ ابْعَثْ تَوَاهِمًا إِلَى
قُبْرِ فُلَانٍ ... وَ تُسَمِّي الْمَيِّتَ... إِلَخ.

Terjemahan:

Solat *al-Wahshah* atau solat *Laylat al-Dafn*: dan waktu mengerjakan solat ini pada malam pertama orang yang mati dikubur pada jam berapa sahaja yang kamu mahu mengerjakan. Solat ini sebanyak dua rakaat. Pada rakaat pertama selepas membaca al-Fatihah membaca ayat Kursi sehingga ayat “*هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ*” dan pada rakaat kedua selepas al-Fatihah membaca surah al-Qadr sebanyak 10 kali. Kemudian selepas salam

berdoalah: Ya Allah berselawatlah ke atas nabi Muhammad dan keluarga baginda Muhammad dan sampaikanlah pahala solat ini kepada kuburan fulan (dengan menyebut nama si mati) (al-Sistani,1997).

Dalam kitab *Mafatih al-Jinan* terkandung beberapa solat sunat antaranya solat sunat solat *Laylat al-Dafn*. Berikut ini sebahagian penjelasan berkennaan dengan solat tersebut.

وَ هِيَ رَكْعَتَانِ : فِي الْأُولَى الْحَمْدُ وَ آيَةُ الْكُرْسِيِّ وَ فِي الثَّالِثَةِ الْحَمْدُ وَ عَشْرَ مَرَاتٍ
إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقُدْرِ ، إِذَا سَلَّمْتَ فُلْ : اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ ،
وَ ابْعَثْ شَوَاهِدَهَا إِلَى قَبْرٍ (فُلَانِ). وَ لَيْسَهُ الْمَيِّتُ عَوْضًا عَنْ كَلِمَةٍ فُلَانِ .

Terjemahan:

Dan ianya (solat *Laylat al-Dafn*) pada rakaat pertama dia (orang yang solat tersebut) membaca surah al-Hamd (al-Fatihah) dan ayat Kursi, pada rakaat kedua dia membaca surah al-Hamd dan surah al-Qadr 10 kali. Maka, apabila kamu sudah selesai membaca salam, berdoalah: Ya Allah, berselawatlah ke atas Muhammad (Rasulullah saw) dan ke atas keluarga baginda. Hantarkanlah pahala solat ini ke kuburan si fulan. Kemudian gantikan kalimat fulan dengan namasi mati yang sebenar.

Dikuatkan oleh al-Sayyid Ibn Taus yang meriwayatkan sebuah hadith daripada nabi Muhammad saw, sesungguhnya baginda bersabda: Tidak datang kepada seorang yang mati waktu yang lebih menyusahkan daripada malam pertama dia meninggal, maka kasihanilah dia dengan memberinya (pahala) sedekah, apabila tidak mampu maka solatlah salah satu di antara kamu dua rakaat pada rakaat pertama membaca surah al-Fatihah sekali dan surah al-Ikhlas dua kali dan pada rakaat kedua membaca surah al-Fatihah sekali dan surah al-Takathur 10 kali. Kemudian dia mengucapkan salam dan berdoa: Ya Allah berilah selawat ke atas Nabi Muhammad dan keluarganya dan kirmkanlah pahala solat sunat tadi kekuburan si mati tersebut iaitu fulan Ibn fulan. Maka Allah pada waktu itu akan mengirimkan 1000 malaikat kekuburannya, pada setiap malaikat membawa pakaian dan perhiasan, Allah juga akan memperluas kesempitan kuburannya sehingga hari kiamat, dan orang mengerjakan solat sunat tersebut akan diberikan kebaikan sebanyak matahari terbit dan diangkat untuk sebanyak 40 derjat. Saya berkata: al-Kaf'ami juga meriwayatkan solat ini dengan cara yang sama seperti di atas, kemudian dia berkata: saya menjumpai di sesetengah kitab para sahabat kami bahwasanya selepas surah al-Fatihah dia membaca ayat Kursi sekali dan surah al-Tawhid (al-Azhar, 1992) dua kali (al-Qummi, 1997).

d. Analisis Perbezaan Riwayat tentang Solat Ihda'

Setelah mengenal pasti sumber solat *Ihda'* atau solat *hadiah* yang mana ia juga termasuk amalan ibadah dalam kelompok Syiah, pengkaji mendapati beberapa perbezaan, antaranya:

1. Dalam kalangan Syiah solat *Ihda'* disebut dengan solat *al-Wahshah* atau solat *Laylat al-Dafn*. Dinamakan solat *al-Wahshah* mungkin disebabkan solat ini dibuat kerana untuk meringankan atau menolong jenazah yang pada malam pertama penguburan akan mengalami kesusahan yang sangat menakutkan baginya. Ini kerana kalau dilihat

daripada makna *al-Wahshah* adalah ketakutan atau kesusahan (al-Razi, 1986). Manakala makna *Laylat* adalah malam dan *al-Dafn* adalah penguburan jenazah (Mahmud Yunus, 1973). Kemungkinan penamaan ini disebabkan solat ini dikerjakan pada malam pertama jenazah ditanam.

2. Dalam kitab *Tarjuman*, selepas surah al-Fatihah membaca ayat Kursi pada rakaat pertama dan membaca surah al-Takathur dan al-Ikhlas 11 kali pada rakaat kedua. Manakala dalam kitab ulama Syiah, pada rakaat pertama membaca ayat Kursi sehingga ayat “*Hum fiha khalidun*” (al-Baqarah: 255-257). Selanjutnya pada rakaat kedua membaca surah al-Qadr sebanyak 11 kali.

e. Pandangan Ulama

Golongan yang Menyokong

Ada beberapa ulama yang membolehkan solat ini antaranya al-Shaykh al-'Alim al-'Allamah 'Abd al-Rahman al-Safuri al-Shafi'i (al-Safuri, t.t), al-'Allamah Ahmad al-Mihi al-Shibayni (al-Shibayni, t.t), al-Shaykh Nawawi al-Bantani al-Indunisi (Nawawi al-Jawi, 2002), al-Sayyid Muhammad Ibn 'Abd Latif al-Jurdani (al-Jurdani, 1992). Ada pula daripada kalangan ulama Syiah iaitu al-Sayyid al-Sistani (al-Sistani, 1997) dan al-Shaykh 'Abbas al-Qummi (al-Qummi, 1997). Beberapa pandangan ini, dapat dilihat dalam penulisan-penulisan lain iaitu *Kitab Perukunan Sembahyang Besar* (Banjar, 1937), *Jenis-jenis Sembahyang Sunat* (Ya'kub, 1996), *170 Solat-solat Sunat* (Mukhlis, 2002), *Himpunan Solat-solat Sunat* (Mahmood, 1984) dan *Himpunan 75 Solat-solat Sunat* (Saiful Rahman, 1996).

Di bawah ini adalah antara dalil yang mereka gunapakai untuk membolehkan solat sunat *Ihda'*.

1. Hadith (al-Safuri, t.t):

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : لَا يَأْتِي عَلَى الْمُقْبَطَ أَشَدُ مِنَ الْيَلَةَ الْأُولَى
فَإِذْ حَمَوْا مَوْتَاهُ بِالصَّدَقَةِ قَمْنَ لَمْ يَجِدْ فَلَيْصَلِ رَكْعَتَيْنِ.....إِلَخ

2. Hikayat (al-Suyuti, t.t) dan (al-Jurdani, 1992):

عَنْ مَالِكِ بْنِ دِينَارٍ قَالَ دَخَلَتُ الْمَقْبَرَةَ لِيَلَةَ الْجُمُعَةِ فَإِذَا أَنَا بِنُورٍ مُّشْرِقٍ فِيهَا فَقْتَلَ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.....إِلَخ

Golongan yang Menolak

Tentang penolakan ulama terhadap solat *Ihda'* ini, pengkaji tidak banyak menjumpai perbahasan mereka mengenainya. Namun begitu, pengkaji masih menjumpai beberapa fatwa ulama mengenai tegahan pengamalan solat tersebut, antaranya:

1. Fatwa KH. Hasyim Asy'ari (Pengasas pertubuhan Nahdatul Ulama atau biasa dikenal dengan NU) menyatakan bahawa beliau melarang pelaksanaan solat *Ihda'* (*Hadiyah*):

“Tidak benar fatwa tentang mengajak dan melakukan solat *Rebo Wekas*an dan solat *Hadiyah* sepertimana tersebut dalam pertanyaan. Oleh kerana kedua-dua solat tersebut bukanlah ibadah yang disyariatkan dan tidak ada asasnya di dalam syariat. Buktinya, kedua solat ini tidak disebutkan dalam mana-mana kitab yang muktamad seperti *Taqrib*, *al-*

Minhaj al-Qawim, Fath al-Mu'in, al-Tahrir, al-Nihayah, al-Muhadhdhab dan Ihya' 'Ulum al-Din. Semua kitab itu tidak ada yang menyebutkan tentang kedua solat tersebut.

Sekiranya kedua solat ini memiliki asas dalam syariat, sudah semestinya para *ulama* membahaskannya berserta keutamaannya. Sangat tidak logik jika perkara ini merupakan sunnah, sementara ulama tidak menyebutkannya, padahal mereka adalah ikutan orang-orang mukmin yang lebih mengetahui tentang perkara agama.

Tidak dibenarkan memberi fatwa mahupun mengambil hukum daripada kitab *Mujarrabat* dan kitab *Nuzhat al-Majalis*. Imam al-Hamdi menyatakan dalam kitab *Hawashi al-Ashbah*: Tidak dibenarkan mengeluarkan fatwa berdasar kepada kitab yang tidak *muktabarah*. Sementara al-Imam 'Ali al-Qari juga menyebutkan dalam *Tadhkhirat al-Mawdu'* bahawa tidak dibenarkan merujuk kepada hadith-hadith dan permasalahan fiqhiyah serta tafsir al-Qur'an kecuali daripada kitab-kitab yang masyhur kerana dikhawatirkan akan berlaku pendustaan oleh golongan *zindik* dan para pemesong (penyeleweng). Perkara ini tentunya berbeza ketika kita mengambil maklumat daripada kitab yang boleh dipercayai. Begitu juga dinyatakan dalam kitab *Tanqih al-Fatwa al-Hamidiyyah* bahawa tidak dibenarkan mengeluarkan fatwa dengan berdasar hanya kepada kitab-kitab yang tidak masyhur.

Pada Kiai Hasyim Asyari, mengambil maklumat daripada kitab *al-Mujarrabat al-Dayrabiyyah* dan *Hashiyah al-Sittin* bagi menyokong kedudukan dua solat tersebut adalah tindakan bercanggah dengan kitab-kitab fiqh. Oleh itu, tidak dibenarkan berfatwa dengannya. Lagi pun hadith yang disebutkan dalam kitab *Hashiyah al-Sittin* adalah hadith yang berstatus *mawdu'*. Dalam kitab *al-Qastalani Ala al-Bukhari* dijelaskan bahawa hadith direka-reka adalah hadith *mawdu'*. Hukum meriwayatkan dan mengamalkannya adalah haram secara mutlak (Abdurrahman, 2021) dan (Azam Najib, 2018).

2. *Ahkam al-Fuqaha' fi Muqarrarat Mu'tamar Nahdat al-'Ulama'* yang menukil kenyataan ulama daripada kitab *Tuhfat al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj* (al-'Ubbadi, t.th) mengenai hukum solat *Birr al-Walidayn* (Nahdlatul Ulama, 2007). Dijelaskan bahawa secara umumnya semua solat yang dianggap baik oleh kaum sufi itu dihukumi tidak sah sebab solat-solat tersebut tidak memiliki dasar sama sekali daripada hadith. Inilah pernyataan tersebut:

وَلَا تَصِحُّ هَذِهِ الصَّلَوَاتُ بِتَأْكِيلِ الْيَتَائِرِ الَّتِي اسْتَحْسَنَهَا الصُّوفِيَّةُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَرِدَ لَهَا أَحْلَلٌ فِي
السُّنْنَةِ تَعْمَلُ إِنْ تَوَى مُطْلَقُ الصَّلَاةِ ثُمَّ دَعَا بَعْدَهَا بِمَا يَتَضَمَّنُهُ أَوْ اسْتِغْاثَةً أَوْ اسْتِخَارَةً مُطْلَقاً
لَمْ يَكُنْ بِذَلِكَ بِأَشْ.

Terjemahan:

Tidak sah solat dengan niat-niat yang dianggap baik oleh kalangan sufi tanpa adanya dasar hadith sama sekali. Namun, jika bermiat solat Mutlak kemudian berdoa sesudahnya dengan doa yang berisikan *isti'adhat* (permohonan perlindungan) atau istikharah (meminta petunjuk Allah SWT untuk dipilihkan yang baik) secara mutlak, maka hal tersebut dibolehkan.

3. Begitu juga pandangan al-Shaykh Ramadan al-Buti yang melarang solat ini sebab bukan solat yang *mashru'ah* (Ramadan Al-Bouti, 2010). Pandangan ini juga diperkuat oleh fatwa yang dikeluarkan oleh laman sesawang Islam iaitu <http://ar.Islamway.net/> yang dimasukkan ke dalam jenis solat *bid'ah* الشَّبَكَةُ الْإِسْلَامِيَّةُ (2014).

f. Munaqashah

Dalam perbincangan *munaqashah* (almaany.com, t.th) ini, pengkaji melakukan analisis terhadap dalil-dalil yang digunakan oleh golongan yang menyokong pengamalan solat *Ihda'* seperti berikut ini:

1. Hadith yang digunakan untuk melaksanakan solat *Ihda'* bertaraf *kadhb* (dusta) atau *mawdu'*. Setakat ini pengkaji belum menjumpai di mana-mana kitab hadith (yang mentakhrij hadith) hadith tentang solat *Ihda'* kecuali pada laman sesawang <http://www.dorar.net/> (dorar.net, t.th) bahagian ^{أَخَادِيثُ مُتَشَّرِّهٌ لَا تَصْحُّ}. Termasuk juga kesimpulan fatwa Mufti Wilayah dalam meneliti riwayat yang dijadikan dasar kepada solat ini adalah hadith yang tidak wujud asalnya dan sebahagian ulama menilainya palsu (Ayub, 2020).
2. Mengikut pandangan ulama yang melarang solat-solat seperti solat *al-Raghaib*, solat bulan Rejab, solat *Usbu'*, maka solat *Ihda'* ini masih mempunyai hubungkait dengan istinbat hukum ulama terhadap solat-solat tersebut dikeranakan hadith *mawdu'* yang dijadikan sebagai dalil pengalaman solat *Ihda'*. Perkara ini dijelaskan dalam kitab *Kanz al-Najah wa al-Surur*:

تَنْبِيَهٌ : قَالَ الْعَلَمَةُ الشَّيْخُ رَبِّ التَّدِينِ تَلْمِيذُ ابْنِ حَبْرَ الْكَعْكَى فِي كِتَابِهِ [إِرْشَادُ الْعِبَادِ] كَغَيْرِهِ
 مِنْ عُلَمَاءِ الْمَذْهَبِ : وَ مِنَ الْبَدْعِ الْمَذْمُوَّةِ الَّتِي يَأْتِمُ فَاعْلَمُهَا وَ يَجْبُ عَلَى وُلَّةِ الْأَمْرِ مَنْعُ
 فَاعْلَمُهَا صَلَاةُ الرَّغَائِبِ ؛ اثْنَا عَشَرَةَ رَكْعَةً بَيْنَ الْعَشَاءَيْنِ لَيْلَةً أَوْ جُمُعَةً مِنْ رَجَبِ ، وَ صَلَاةُ
 لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ (مَا تَهُدُّ رَكْعَةً) ، وَ صَلَاةُ آخِرِ جُمُعَةِ مِنْ رَمَضَانَ (سَبْعَ عَشَرَةَ رَكْعَةً) ،
 بَيْنَتَهُ فَضَاءُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ الَّتِي لَمْ يَقْضِهَا ، وَ صَلَاةُ يَوْمِ عَاشُورَاءَ رَكْعَتَيْنِ أَوْ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ
 أَوْ أَكْثَرَ ، وَ صَلَاةُ الْأَسْبَعِ . أَمَّا أَخَادِيْهَا فَمُؤْصُوْعَةٌ باطِلَةٌ ؛ وَ لَا تَغُرُّ بِمَنْ ذَكَرَهَا . اهـ . (وَ
 مِنْ ذَكَرِهَا الْغَزَالِيُّ فِي الْإِحْيَاءِ) .
 قُلْتُ : وَ مِثْلُهُ صَلَاةُ صَفَرٍ ، فَمِنْ أَرَادَ الصَّلَاةَ فِي وِقْتٍ مِنْ هَذِهِ الْأَوْقَاتِ فَلِيُنْتَهِ الْتَّفَلُّ الْمُطْلَقُ
 فَرَادَى مِنْ عَيْرٍ عَدَدٍ مُعَيْنٍ ، وَ هُوَ مَا لَا يَتَقَيَّدُ بِوْقْتٍ وَ لَا سَبَبٍ ، وَ لَا حُضْرَ لَهُ ، وَ بِاللَّهِ
 التَّوْفِيقُ .

Terjemahan:

Perhatian: al-'Allamah al-Shaykh Zayn al-Din murid kepada Ibn al-Hajar al-Makki berkata dalam kitabnya [*Irshad al-Ibad*] begitu juga ulama-ulama selain beliau daripada mazhab (al-Shafi'i): dan termasuk daripada *bid'ah* yang tercela yang akan berdosa pelakunya dan wajib bagi pemimpin rakyat (*amir al-mu'minin*) untuk menegahnya adalah solat *Raghaib* iaitu solat sebanyak 12 rakaat yang dilakukan antara Maghrib dan Isyak pada malam Jumaat pertama bulan Rejab, solat malam nisfu Sya'ban sebanyak 100 rakaat, solat pada akhir Jumaat bulan Ramadan sebanyak 17 rakaat dengan niat menggantikan solat fardu yang belum diqada', solat '*Asyura'* sama ada dua rakaat atau 4 rakaat atau pun lebih daripada itu dan solat *Usbu'* (seminggu) (al-Jawzi, 1997; al-Jarahi, 1351 H.; al-Qari, 1994; al-Qari, 1987; al-Athari, 1994; al-Shawkani, 1995; al-Fattani, 1343 H.; al-Qawiqji, t.th). Kerana hadith-hadithnya semuanya *mawdu'* dan batil (al-Malibari al-Shafi'i, t.th; al-'Aziz al-Malibari, t.th). Maka jangan tertipu dengan orang (ulama)

yang menyebutkan solat-solat tersebut di dalam kitabnya. Dan antara ulama yang menyebutkan perkara ini adalah al-Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya*'nya. [Radd (penolakan) kepada al-Imam al-Ghazali] (al-Bakri, 1995).

Bagi pandangan saya: termasuk di dalam golongan solat-solat tersebut di atas adalah solat sunat pada bulan Safar (biasanya dikerjakan pada hari Rabu terakhir bulan Safar yang masyhur di Jawa dengan solat *Rebo Wekasan*). Maka sesiapa sahaja yang mahu melaksanakan solat sunat pada sesetengah waktu pada bulan ini, maka solatlah dengan niat solat sunat mutlak secara persendirian tanpa berjemaah tanpa berhubungkait dengan waktu dan asbab tertentu dengan tanpa membatasi jumlah rakaat solat tersebut dilakukan. Semoga Allah selalu memberikan taufikNya (al-Makki al-Shafi'i, 2009).

3. Hikayat merupakan sebuah kisah yang tidak dapat dijadikan dalil sebab ianya hanyalah cerita yang tidak terjamin kesahihannya.
4. Dalam perbahasan usul fiqh, prinsip ibadah dalam ajaran Islam dijelaskan sepertimana berikut:

الأَصْلُ فِي الْعِبَادَةِ الْمُنْعَنِ

Terjemahan:

Asal daripada ibadah itu adalah *al-Man'* atau larangan (dengan makna lain wajib berpedoman kepada syarak dan tidak diada-adakan oleh diri sendiri) (al-Jizani, 1431 H.) (al-Saif, t.t).

Oleh itu, jika seseorang mahu mengerjakan suatu ibadah tertentu, wajib dipastikan terlebih dahulu ianya sudah sesuai dengan ketentuan syarak ataupun tidak. Jika bersesuaian dengan aturan syarak maka hukumnya sah dan diterima. Jika sebaliknya, maka batal dan ditolak.

Daripada huriahan ini, dapat disimpulkan bahawa pandangan golongan yang mencegah pengamalan solat *Ihda'* lebih kuat dalinya dan layak dijadikan hujah. Manakala dalil golongan yang menyokong tidak dapat dijadikan hujah sebab menggunakan hadith palsu. Selain itu, solat ini merupakan amalan golongan Syiah yang sememangnya masyhur kesesatannya.

Kesimpulan

Setelah mengkaji dan memperbincangkan dalil-dalil antara kedua golongan, maka dapat diambil kesimpulan bahawa solat *Ihda'* tidak dapat dijadikan amalan ibadah sebab ianya berdalilkan pada hadith *mawdu'*. Bahkan ia merupakan salah satu amalan kaum Syiah. Oleh itu, sangat diseru dan digalakkan kepada setiap muslim ahli al-Sunnah supaya teliti dalam beribadah dan beramal sehingga tidak terjerumus kepada amalan yang keliru dan tidak diterima dalam pandangan syarak. Sebagai solusinya memberikan pahala kepada orang yang sudah meninggal dunia, diperbolehkan bagi seseorang untuk solat sunat mutlak atau pun yang lainnya yang muktabarah kemudian pahalanya dihadiahkan kepada orang yang telah wafat. Meskipun perkara ini masih termasuk perkara khilaf di antara para ulama (Ibn Taymiyah, 2004) (al-Hanbali, 1997; Sharaf al-Nawawi, t.t; al-'Izz al-Hanafi, 1418 H.).

Kitab *Tarjuman* karya KH. Abdul Hamid merupakan sebuah kitab warisan ulama Nusantara yang mengandungi banyak perkara tentang permasalahan agama. Selain perlu dijaga keasliannya tapi kitab ini masih perlu dikaji kembali. Di dalamnya banyak isu-isu fiqh yang perlu kepada analisis semula seperti isu solat Lailatul Qadar, solat Asyura' dan sebagainya.

Rujukan

- . (2007). *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . (2008). *Kamus Bahasa Indonesia*. Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- ‘Abd al-Hamid al-Sharwani wa al-Shaykh Ahmad Ibn Qasim al-‘Ubbadi. (t.th). *Hawashi tuhfat al-muhtaj bi sharh al-minhaj*. Matba’ah Mustafa Muhammad.
- ‘Abd al-Hamid Ibn Muhammad ‘Ali Ibn ‘Abd al-Qadir Quds al-Makki al-Shafi‘i. (2009). *Kanz al-najah wa al-surur fi al-ad‘iyyat al-lati tashrah al-sudur*. Dar al-Sanabil/Dar al-Hawi.
- ‘Ali Ibn ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Abi al-‘Izz al-Hanafi. (1418 H.). *Sharh al-tahawiyyah fi al-‘aqidat al-salafiyyah* ed. Ahmad Muhammad Shakir. Wizarat al-Shuun al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da‘wah wa al-Irshad.
- ‘Umar Rida Kahhalah. (t.t). *Mu‘jam al-Muallifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-‘Arabiyyah*, Maktabat al-Muthanna wa Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- “Ahadith Muntashirah la Tasihh” (t.t). accessed Februari 3, 2022, <http://www.dorar.net/spreadH/492>.
- “Munaqashah” (t.th). accessed Jun 25, 2022, <https://www.almaany.com/id/dict/ar-id/مناقشة/>
- Abd. al-Rasyid Banjar. (1937). *Kitab Perukunan Sembahyang Besar* (Diambil Daripada Setengah Karangan Shaykh Muhammad Arsyad Banjar). Singapura Jawi Press - No. 242 Lorong Engku Aman Keling).
- Abd. Rahman Mukhlis. (2002). *170 Solat-solat Sunat*. Jasmin Enterprise (penerbit)/Percetakan Zafar Sdn. Berhad.
- Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid. (1980). *Tarjuman*. Dar al-Saqqaf.
- Abdurrahman. “Fatwa Kiai Hasyim Tentang Sholat Rebo Wekasan” (2021), accessed May 27, 2022, <https://www.tebuireng.co/fatwa-kiai-hasyim-tentang-sholat-rebo-wekasan/>.
- Azam Najib “Hukum Tradisi Rebo Wekasan” (2018), Accessed May 27, 2022, <https://www.tambakberas.com/artikel/hukum-tradisi-rebo-wekasan/>
- Abu al-Faraj ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Ja’far Ibn al-Jawzi. (1997). *Kitab al-Mawdu ‘at min al-Ahadith al-Marfu ‘at* ed. Nur al-Din Ibn Shukri Ibn ‘Ali Buya Jilar. Maktabat Adwau al-Salaf.
- Abu al-Mahasin Muhammad Ibn al-Khalil al-Qawiqji. (t.t). *al-Lu’lu’ al-marsu ‘fi ma la asla lahu aw bi aslihi mawdu’*. al-Matba’ah al- Baruniyyah.
- Abu al-Mu‘ti Muhammad Ibn ‘Umar Nawawi al-Jawi. (2002). *Nihayah al-zayn fi irshad al-mubtadi ‘in sharh ‘ala qurrat al-‘ayn bi muhimmat al-Din*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Bakar Ya’kub. (1996). *Jenis-jenis sembahyang sunat*. Asian Printing Works.
- Abu Bakr ‘Uthman Ibn Muhammad Shatta al-Dimyati al-Bakri. (1995). *Hashiyat I‘anat al-Talibin* ed. Muhammad Salim Hashim. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Abu Ishaq al-Huwayni al-Athari. (1994). *Junnat al-murtab bi naqd al-mughni ‘an al-hifz wa al-kitab*. Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Abu Khallad Nasir Ibn Sa‘id Ibn Saif al-Saif. (-). *al- shuruhat al-dhahabiyyah ‘ala manzumat al-qawa‘id al-fiqhiyyah*. Dar Ibn Khuzaymah.
- Abu Muhammad ‘Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudamah al-Maqdisi al-Jamma’ili al-Dimashqi al-Salihi al-Hanbali. (1997). *al-mughni* ed. ‘Abd Allah Ibn ‘Abd al-Muhsin wa ‘Abd al-Fattah Muhammad al-Hilw. Dar ‘Alam al-Kutub.
- Abu Muhammad Nur Saiful Rahman. (1996). *Himpunan 75 solat-solat sunat*. Asian Printing Works.
- Al-‘Allamah al-Sayyid Muhammad Ibn ‘Abd Latif al-Jurdani. (1992). *Misbah al-zalam wa bahjat al-anam fi sharh nayl al-maram min ahadith khayr al-anam*. Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- Al-‘Allamah Ahmad al-Mihi al-Shibayni. (-). *Hashiyat al-‘allamah al-mihi al-shibayni’ ‘ala sharh al-sittin mas’alatan li al-ramli*. al-Haramain.
- Al-Imam Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi. (-). *al-Majmu‘* ed. Muhammad Najib al-Muti‘i. Maktabah al-Irshad.

- Aljazeera. “‘Ali al-Sistani....al-Marja’ al-Dini al-Shi‘i” (2014). accessed Jun 22, 2022, <https://www.aljazeera.net/news/reportsandinterviews/2014/7/28/علي-الستاني-المراجع-الشيعي>
- Al-Sayyid al-Sistani. (1997). *al-Fatawa al-Muyassarah*. Matba‘at al-Faqi al-Mulawwanah.
- Al-Shabakah al-Islamiyyah. “Salat al-Hadiyyah Bid‘ah” (2014). accessed Jun 11, 2022, <http://ar.islamway.net/fatwa/62727/%D8%B5%D9%84%D8%A7%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D8%AF%D9%8A%D8%A9-%D8%A8%D8%AF%D8%B9%D8%A9>.
- Al-Shaykh ‘Abbas al-Qummi. (1997). *Mafatih al-Jinan*. Dar Maktabat al-Rasul al-Akram.
- Al-Shaykh al-‘Alim al-‘Allamah ‘Abd al-Rahman al-Safuri al-Shafi‘i. (t.t). *nuzhat al-majalis wa muntakhab al-nafais*.
- Al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn ’Abd al-Qadir al-Razi. (1986). *Mukhtar al-sihah*. Maktabah Lubnan.
- Al-Shaykh Isma‘il Ibn Muhammad al-‘Ajluni al-Jarahi. (1351 H.). *Kashf al-khafa’ wa muzil al-ilbas ‘amma ishtahara min al-ahadith ‘ala alsinat al-nas*. Maktabat al-Qudsi.
- Al-Shaykh Zayn al-Din al-Malibari al-Shafi‘i. (-). *Fath al-mu‘in bi sharh qurrat al-‘ayn bi muhimmat al-din*. Markaz Taw‘iyat al-Fiqh al-Islami.
- Al-Shaykh Zayn al-Din Ibn ‘Abd al-‘Aziz al-Malibari. (-). *Irshad al-‘ibad ila sabil al-rashad*. al-Hidayah.
- Erie Hariyanto. (2007). Carok VS hukum pidana Indonesia (Proses transformasi budaya madura kedalam sistem hukum Indonesia). *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture*.
- HAMKA. (2002). *Sejarah umat Islam*. kerjaya Printing Industries Pte Ltd..
- Ibn Taymiyah. (2004). *Majmu‘ fatawa ibn taymiyah*. Mujamma‘ al-Malik Fahd li Tiba‘at al-Mushaf al-Sharif.
- Ibnu Fikri. Aksara Pegon: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX (2014). IAIN Semarang. accessed May 18, 2022, http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf
- Imam Muhammad Saeed Ramadan Al-Bouti. “Salat al-Hadiyyah” (2010). accessed Jun 11, 2022, http://www.naseemalsham.com/ar/Pages.php?page=readFatwa&pg_id=2069#.
- Imamuddin. (2016). *Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid KH Abdul Hamid*: Kajian Teks. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (t.t). *Sharh al-sudur bi sharh hal al-mawta wa al-qubur*. Dar al-Madan.
- Johari Alias. (1996). *Wirid dan doa selepas solat*. Darul Nu’man.
- Kamaruddin Mahmood. (1984). *Himpunan solat-solat sunat*. Pustaka Ilmu Raya.
- KH. Muhammad Syamsul Arifin (Mudir pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar semenjak tahun 1980-2021), dalam temubual dengan pengkaji, 11 November 2011.
- KH. Tahir Zain bin KH. Abdul Hamid bin KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi (yang mana KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi ini adalah menantu kepada KH. Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid bin kiai Ithbat) di pondok pesantren Manba‘ul Ulum Bata-Bata Pamekasan Madura Jawa Timur Indonesia, dalam temubual dengan pengkaji, tarikh 23 November 2011.
- Kiai Muhri (seorang tokoh masyarakat dan termasuk alumni Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.
- Lajnat min al-‘Ulama’ bi Ishraf Majma‘ al-Buhuth al-Islamiyah bi al-Azhar. (1992). *al-Tafsir al-Wasit li al-Quran al-Karim*. Matba‘at al-Mushaf al-Sharif.
- Mahmud Yunus. (1973). *Kamus Arab-Indonesia*. Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsiran Al-Qur'an.
- Mokh. Syaiful Bakhri. (2006). *Syaichona cholil bangkalan ulama dari legendaris madura*. Penerbit Cipta Pustaka Utama.
- Muhammad Ali Hisyam. (2003). *Banyuanyar: Sebuah stasiun di pelosok waktu*. Majalah Dinamika.

- Muhammad Ibn ‘Ali al-Shawkani. (1995). *al-Fawaid al-majmu ‘ah fi al-ahadith al-mawdu ‘ah ed. ‘Abd al-Rahman Ibn Yahya al-Mu’allimi al-Yamani*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad Ibn Husayn al-Jizani. (1431 H.). *Dirasat wa tahqiq: al-asl fi al-‘ibadat al-man ‘u. Dar Ibn al-Jawzi*.
- Muhammad Mushfiq Ahmad Ayoup @ Ayub. “Irsyad Al-Hadith Siri Ke-462: Hadith Solat Sunat Hadiah” (2020), accessed Jun 30, 2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/4092-irsyad-al-hadith-siri-ke-462-hadith-solat-sunat-hadiah>.
- Muhammad Tahir Ibn ‘Ali al-Hindi al-Fattani. (1343 H.). *Tadhkirat al-mawdu ‘at. Idarat al-Tiba‘ah al-Muniriyyah*.
- Nahdlatul Ulama. (2007). *Ahkam al-Fuqaha’ fi Muqarrarat Mu’tamar Nahdat al-‘Ulama’ “Keputusan Muktamar Nahdhatul Ulama ke-23 di Surabaya Pada Tanggal 20-25 Desember 1971 M.”*. Lajnah Ta’lif Wan Nasyr (LTN) NU Jawa Timur dan Khalista.
- Nur al-Din ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Sultan al-Mashhur bi al-Mulla ‘Ali al-Qari. (1994). *al-Masnu’ fi Ma’rifat al-Hadith al-Mawdu’* ed. ‘Abd al-Fattah Abu Ghaddah. Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Nur al-Din Ibn ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Sultan al-Mashhur bi al-Mulla ‘Ali al-Qari. (1987). *al-Asrar al-Marfu’ah fi al-Akhbar al-Mawdu’ah al-Ma’ruf bi al-Mawdu’at al-Kubra* ed. Muhammad Ibn Lutfi al-Sabbagh. al-Maktab al-Islami.
- Ust. Muzammil Imron, MA. (alumni dan termasuk Ustaz yang aktif mengajar di Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 17 November 2011.
- Wiyonggo seto. “Pesantren Banyuanyar Sesepuh Para Kyai” (2016). accessed Jun 31, 2022. <http://wiyyonggoputih.blogspot.com/2016/08/pesantren-banyuanyar-sesepuh-para-kyai.html>
- Zainuddin Syarif. (2018). Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman). *Nuansa (Jurnal Ilmu Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam- Institut Agama Islam Negeri Madura)*.
- Zainudin Syarif. (2007). *Dinamisasi manajemen pesantren dari tradisional hingga modern*, Sunan Kalijaga Press.

Karakter Al-Suyūtiy Melalui Maqamatnya

Mohamad Faisal bin Kamis, Ph.D

mfaisalkamis39@yahoo.com

Jabatan Bahasa Arab, IPG Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Imam al-Suyūtiy sering ditonjolkan sebagai seorang tokoh dalam bidang pengajian Islam. Hal ini dipersejuki ramai sarjana Arab seperti al-Ghubariy, al-Shak'ah, al-Darubiy dan lain-lain. Sebagai seorang tokoh dalam bidang pengajian Islam, beliau mempunyai pelbagai karakter yang boleh dijadikan contoh dan tauladan. Justeru kajian ini dilakukan untuk melihat karakter Imam al-Suyūtiy yang terpapar melalui karya beliau yang berkait dengan prosa Arab klasik iaitu *Maqamat*. *Maqāmāt Imam al-Suyūtiy* merupakan sebuah karya sastera yang sarat dengan pelbagai mesej dan disiplin ilmu. Justeru, teks *maqāmāt* perlu dikaji secara rinci untuk melihat karakter yang dimiliki oleh pengarangnya iaitu Imam al-Suyūtiy. Walaupun Imam al-Suyūtiy sering dikenali sebagai ulama hebat dalam pengajian Islam namun, beliau juga memiliki kemahiran dalam bidang sastera dan prosa Arab. Justeru, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti karakter, personaliti atau watak yang dimiliki oleh Imam al-Suyūtiy berdasarkan seni sasteranya. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan. Data dianalisis secara tematik bagi menjawab persoalan kajian. Proses analisis data turut melibatkan pendekatan teori Nazm oleh al-Jurjaniy bagi memudahkan proses analisis setiap *uslūb* atau gaya bahasa yang digunakan oleh Imam al-Suyūtiy. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat 7 karakter dimiliki Imam al-Suyūtiy yang merangkumi aspek keilmuan, sosial dan kritikan. Kesimpulannya, karya MIS bukan sahaja sebuah karya seni prosa Arab malahan karya ini juga telah menonjolkan karakter Imam al-Suyūtiy yang dipaparkan menerusi teks sastera. Justeru para pengkaji sastera Arab perlu mengambil perhatian yang serius terhadap seni *maqamat* ini memandangkan isi kandungannya mempunyai nilai ilmiah sama ada berkait dengan permasalahan masyarakat di zaman Imam al-Suyūtiy atau diri Imam al-Suyūtiy itu sendiri.

Kata kunci: Karakter, *Maqāmāt*, al-Suyūtiy

Abstract

*Imam al-Suyūtiy is a celebrated figure in Islamic studies acknowledged by many Arab scholars such as al-Ghubariy, al-Shak'ah, al-Darubiy and others. As a distinguished figure in Islamic studies, he was a role model with a variety of exemplary characters. This study was conducted to see Imam al-Suyūtiy's character illustrated through his works which are related to classical Arabic prose known as *Maqamat*. *Maqāmāt Imam al-Suyūtiy* is a literary work loaded with various messages and scientific disciplines. Hence, there is a need for the *maqāmāt* text to be studied in detail in order to discern the author's character. This study is a qualitative study in the form of content analysis. Data were analysed thematically to answer the research questions which also involved the theoretical approach of Nazm by al-Jurjaniy to facilitate the analysis process of each *uslūb* or language style used by Imam al-Suyūtiy. The findings show that there are seven characteristics inherent in Imam al-Suyūtiy which include the scientific, social and critical aspects. In conclusion, the work of MIS is not only a work of Arabic prose art, but this work has also highlighted the character of Imam al-Suyūtiy as displayed through literary texts. Therefore, Arabic literary researchers need to take serious attention to the art of this *maqamat* considering that its content has scientific value whether it is related to the problems of society during Imam al-Suyūtiy's era or in Imam al-Suyūtiy himself.*

Keywords: Character, *Maqamat*, al-Suyūtiy

Seni *maqāmāt* ialah satu warisan prosa Arab yang telah muncul sejak kurun ke-3 Hijrah lagi. Dari sudut etimologi kalimah *maqāmāt* berasal dari perkataan *qāma* (قَامَ) yang bermaksud berdiri atau bangun dan *maqām* pula merupakan kata nama tempat (اسم المكان) bagi *qāma* yang membawa maksud tempat berdiri (ibn Manzūr, 1994). *Maqāmāt* juga adalah kata lafaz jamak bagi kalimah *maqām* (مقام) (ibn Manzūr, 2003). Dari sudut istilah, *maqāmāt* merupakan salah satu genre penulisan prosa Arab yang mempunyai ciri estetika seni dan asas dan format yang tersendiri. Pengarangannya bertujuan untuk melontarkan apa sahaja idea yang dikehendaki dalam isu-isu tertentu, di samping menzahirkan kehebatan dan keistimewaan pengarang dalam mengungkapkan kata-kata. Setiap kata-kata dan idea yang disampaikan biasanya menggambarkan kecenderungan dan hala tuju diri pengarang tersebut yang mengandungi pelbagai elemen *badī'* dan ciri-ciri keindahan dan keelokan bahasa apabila diungkapkan (al-Darūbiy, 1989).

Menurut al-Darūbiy (1989) lagi, seni *maqāmāt* ini adalah cerminan atau refleksi kehidupan masyarakat pada zaman pengarang tersebut berada. Seni ini dianggap salah satu bentuk prosa Arab yang mengandungi pelbagai elemen sastera selain syair atau puisi, peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan lain-lain lagi (Dayf, 2000). Menurut Dayf (1973) juga, ciri-ciri dan bentuk yang terdapat pada *maqāmāt* menghampiri cerpen pendek yang mempunyai rima yang sama atau kisah khayalan yang penuh dengan nilai sastera dan *balāghah*. Kisah dalam *maqāmāt* biasanya diceritakan oleh seorang perawi yang datang daripada imaginasi penulis itu sendiri. Perawi tersebut akan sentiasa berulang-ulang dalam meriwayatkan pelbagai kisah yang terkandung dalam *maqāmāt*. Naratif yang dibina oleh pengarang menggambarkan seolah-olah sang perawi tersebut mengalami sendiri seluruh peristiwa yang berlaku, sedangkan peristiwa tersebut hanyalah khayalan atau imaginasi penulis sahaja (al-Darūbiy, 1989). Di samping itu, seni *maqāmāt* juga mempunyai seorang adiwira yang memiliki watak yang nakal, pintar, miskin, menghiburkan, gaya yang menarik serta menyenangkan (Hasan, 1974). Kesimpulannya, *maqāmāt* adalah sebahagian dari warisan sastera prosa Arab yang menarik untuk dijadikan sebagai bahan kajian dan penyelidikan.

Kajian persuratan yang lepas menunjukkan bahawa kebanyakannya cendekiawan Arab gemar menggambarkan karakter dan ketokohan mereka melalui penulisan secara langsung dengan menggunakan gaya bahasa yang jelas dan mudah difahami, namun kewujudan *Maqāmāt al-Suyūtiy* (MIS) memberi gambaran yang berbeza terhadap perkara ini. Menyorot pandangan sarjana kontemporari seperti al-Darūbiy (1989) dan Dayf (1973) terhadap seni *maqāmāt* beliau, kajian mendapatkan bahawa Imam al-Suyūtiy bukan sahaja ingin menyampaikan mesej, idea, kritikan atau sebagainya melalui seni penulisan *maqāmāt* malahan lebih dari itu. Ciri-ciri karakter beliau boleh didapati seandainya kajian secara rinci dilakukan terhadap setiap baris ayat yang terdapat dalam *maqāmātnya*.

Kamariah Kamaruddin (2009) berpandangan bahawa sesebuah karya sastera mempunyai peranan yang sangat besar dalam mendidik masyarakat. Namun begitu, kebanyakannya sasterawan Arab lebih gemar memilih seni syair sebagai landasan untuk menyampaikan sesuatu mesej atau idea berbanding prosa (Shanūqah, 2008). Maka kajian terhadap seni *maqāmāt* wajar dilakukan lebih-lebih lagi apabila melibatkan tokoh yang besar dalam masyarakat seperti Imam al-Suyūtiy.

Meskipun kajian terhadap seni *maqāmāt* yang lain telah banyak dilakukan, namun kajian lepas menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan fokus yang melibatkan *Maqāmāt Imam al-Suyūtiy*. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa karya *Maqāmāt Imam al-Suyūtiy* walaupun muncul di akhir kurun ke-9 Hijrah tetapi setanding dengan karya *maqāmāt-maqāmāt* yang telah muncul lebih awal dalam persada seni sastera Arab seperti *Maqāmāt al-Hamadhāniy*, *Maqāmāt al-Harīriy*, *Maqāmāt al-Zamakhshariy* dan lain-lain lagi (al-Darūbiy, 1989). Hasil kajian

terdahulu (kajian siapa), selain itu kajian ini jelas menggambarkan bahawa fokus kajian berkaitan dengan *maqāmāt al-Suyūṭiy* banyak tertumpu kepada aspek isi kandungan dan naratif cerita seperti apakah tema cerita yang disampaikan, perlambangan dan personafikasi, ciri-ciri *maqāmāt* dan lain-lain lagi. Namun setakat ini, pengkaji masih kurang kajian yang memfokuskan terhadap karakter dan ketokohan Imam al-Suyūṭiy dilakukan secara mendalam. Al-Darūbiy (1989) menyatakan bahawa *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* merupakan khazanah sastera bangsa Arab yang mempunyai nilai dan keistemewaan yang tersendiri dan wajar dikaji dengan mendalam dari pelbagai sudut akademik.

Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy muncul sejajar dengan perkembangan prosa dan sastera Arab klasik yang telah bermula sejak sekian lama. Imam al-Suyūṭiy dilahirkan pada tahun 849 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 911 Hijrah. Walaupun zaman ini dianggap oleh ramai pengkritik sastera Arab sebagai zaman kejatuhan, namun *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* adalah sebuah karya yang sarat dengan nilai ilmiah serta dihiasi dengan keindahan elemen sastera dan gaya bahasa Arab seperti yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji seperti Dayf (1973), al-al-Bustāniy (1979), Darūbiy (1989) dan al-Ghubāriy (2013). *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* ini mungkin merupakan antara contoh utama dari pelbagai hasil penulisan sastera yang terdapat pada zaman tersebut. Menurut Dayf (1973) selain karya ini, terdapat karya lain seperti “*Masālikī al-Abṣār*” dikarang oleh al-Umariy, “*Šubḥ al-‘Ašā’atī Dawāwīn al-‘Inshā*” dikarang oleh al-Qalqashandiy dan “*Nihāyat al-Arab Fi Funūn al-Adab*” dikarang oleh al-Nuwayriy.

Justeru, pengkaji berpandangan bahawa kajian yang dilakukan terhadap teks *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* ini, dengan menggunakan teori nazm adalah sesuatu yang wajar dilakukan kerana bagi memperluas. Di samping itu, pemilihan teori ini juga mampu menjelaskan secara deskriptif dan eksplisit bagaimanakah karakter Imam al-Suyūṭiy berdasarkan seni *maqāmāt*nya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif berbentuk analisis kandungan terhadap karya *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy*. Pemilihan reka bentuk analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian adalah bertepatan dan bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Ini kerana, antara objektif yang ingin dicapai dalam artikel ini ialah untuk memah yang terdapat dalam seni *maqāmāt* yang dihasilkan oleh Imam al-Suyūṭiy. Rangka kerja teori pula berlandaskan pendekatan nazm yang dikemukakan oleh al-Jurjaniy (471 H).

Pengkaji telah memilih teks *Maqāmāt Jalāl al-Dīn al-Suyūṭiy* sebagai kes kajian. Antologi *maqāmāt* yang dipilih telah dikumpul, diperiksa dan disemak dengan teliti (*tahqīq*) oleh Samīr Maḥmūd al-Darūbiy seorang sarjana bahasa Arab dewasa ini. Beliau telah mengumpulkan sejumlah 30 buah *maqāmāt* Imam al-Suyūṭiy berdasarkan manuskrip (*makhṭūṭāt*) yang terdapat di beberapa perpustakaan terkenal seperti Perpustakaan Universiti Leiden di Belanda, Perpustakaan Di Raja Maghribi di Rabat, Perpustakaan Nasional di Paris, dan pelbagai lagi. Sebanyak 30 buah *maqāmāt* yang telah disemak dengan teliti (*tahqīq*) ini kemudiannya telah dibukukan dan diterbitkan oleh Muassasah al-Risālah di Beirüt, Lubnan pada tahun 1989. Antologi *maqāmāt* yang telah dibukukan ini merupakan cetakan pertama dan mengandungi dua jilid.

Kajian ini memfokuskan perbahasan aspek *uslūb* atau gaya bahasa yang digunakan oleh Imam al-Suyūṭiy dalam menceritakan setiap perkara dan peristiwa yang berlaku pada zamannya. Setiap cerita yang terkandung dalam *maqāmāt* beliau sebenarnya mempunyai falsafah, mesej dan pemikiran yang menakjubkan sehingga pengkaji berminat untuk mencungkil karakter dan watak beliau yang dizahirkan melalui gaya bahasa yang tersirat seperti penggunaan unsur *balāghah* dan sebagainya. Data kajian diambil secara terus dari teks *maqāmāt* seterusnya

dianalisis secara cermat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Setiap data yang menggambarkan karakter atau personaliti Imam al-Suyūtiy dianalisis dan dikategorikan mengikut tema-tema yang sewajarnya.

Dapatkan Kajian

Berdasarkan data yang dianalisis, pengkaji telah mendapati beberapa karakter Imam al-Suyūtiy yang digambarkan melalui seni *maqāmāt*nya. Karakter-karakter tersebut ialah:

Karakter Seorang Ahli Hadis

Imam al-Suyutiy merupakan salah seorang ulama Islam yang telah mencapai tahap seorang mujtahid (al-Shak'ah, 1981) Penguasaannya dalam bidang Ulum al-Hadis telah digambarkan melalui seni *maqāmāt*nya dengan berkata:

"وَإِنَّمَا إِذْ ذَكَرَ أَمْلَى الْحَدِيثِ عَلَى طَرِيقِهِ مِنْ سُلُكٍ مِّنْ الْحَفَاظِ وَالْأَئْتَةِ وَأَوْرَدَ فِي كُلِّ
مُجْلِسٍ مَا يَسِّرَهُ اللَّهُ مِنَ الْفَوَادِ الْجَمَةُ، مَرْبِي الْحَدِيثِ الْوَارِدِ فِي السَّبْعَةِ الَّذِينَ يَظْلِمُهُم
اللَّهُ بِظُلْمِهِ وَيَشْمَلُهُمْ بِوَابِ فَضْلِهِ وَطَلَاهُ وَمَا نَظَمَهُ الْإِمَامُ أَبُو شَامَةَ.... وَمَا زَادَ حَافِظُ
الْعَصْرِ أَبُو الْفَضْلِ ابْنَ حَمْرَانَ مِنْ سَبْقِهِ آخَرَ صَحِيحَةِ الْإِسْنَادِ، وَسَبْعِينَ فِي أَسَانِيدِهَا
ضَعْفَ لِلنَّقَادِ..."

Terjemahan :

Dan saya apabila menyampaikan sebuah hadis berdasarkan cara para penghafal dan ulama hadis dan saya akan sebutkan hadis tersebut pada setiap majlis dengan apa yang dipermudahkan Allah bagi membuka hati para hadirin. Berkaitan hadis tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah dan diliputi dengan rahmat kurniaNya seperti apa yang dikarang oleh Imam Abū Shāmah.... dan apa yang ditambah oleh Ḥafiz Zaman Ini iaitu Abū al-Faḍl ibn Hajar serta orang lain yang telah mendahului beliau menyatakan bahawa isnādnya sahih dan 70 orang dalam sanad-sanadnya adalah lemah bagi pandangan pengkritik hadis...

Dari teks di atas, jelas menunjukkan kepada kita tahap penguasaan Imam al-Suyūtiy dalam bidang Ulum al-Hadis. Imam al-Suyūtiy cuba menyatakan bahawa kesahihan *isnād* hadis berkaitan tujuh golongan yang mendapat lindungan Allah S.W.T di hari akhirat kelak. Beliau juga menyatakan bahawa Imam Ibn Ḥajar al-‘Asqalāniy telah memberi komentar terhadap hadis tersebut. Selain itu, beliau juga sering menggunakan hadis Nabi sebagai dalil dalam *maqāmāt*nya. Sebagai contoh di dalam maqamat "قَعْدَةُ الْمُعَارِضِ فِي نَصْرَةِ ابْنِ الْفَارِضِ" beliau menyatakan:

"وَرَدَتْ بِذَكْرِهِمُ الْأَخْبَارُ وَرُوِيَتْ فِي مَآثَارِهِمُ الْأَثَارُ عَنِ الْأَخْبَارِ وَجَاءَتِ الْأَحَادِيثُ
بِأَنْهِمُ الْسَّابِقُونَ وَالْأَخِيَّارُ دُونَكُ ما رَوَاهُ الْحَدِيثُ الصَّادِقُونَ: ((كُلُّ قَرْنٍ مِّنْ أَمْتَي
سَابِقُونَ))."

Terjemahan :

Aku sebutkan dengan menyatakan khabar-khabar dan aku telah meriwayatkan dalam *athar-athar* mereka dan telah ada hadis-hadis yang menyebutkan bahawa sesungguhnya mereka itu adalah **golongan terawal dan terpilih**. Maka berpeganglah dengan apa yang diriwayatkan dalam hadis bahawa maksud **golongan terawal** itu adalah **golongan yang benar** seperti sabdanya: “Bagi setiap kurun dari umatku akan ada golongan terawal (golongan yang benar).

Dalam teks di atas pula, Imam al-Suyūṭī menjadikan hadis Nabi sebagai pelengkap kepada kisah *maqāmāt*nya. Beliau cuba untuk mempertahankan Ibn al-Fārid yang teruk diserang dan dikritik oleh ulama-ulama yang tidak sealiran dengan fahamannya. Justeru, Imam al-Suyūṭī memberi peringatan kepada orang yang menyerang Ibn al-Fārid khususnya para alim ulama dengan menggunakan hadis di atas untuk menjelaskan bahawa setiap zaman ada insan yang soleh, ikhlas dan dekat dengan Allah S.W.T. Tidak mustahil insan tersebut adalah Ibn al-Fārid kerana beliau terkenal dengan seorang yang kuat beribadah dan melakukan amalan kebaikan dan kebajikan.

Ibn al-Fārid seorang ahli sufi yang banyak melakukan aktiviti ibadah bersama para pengikutnya. Justeru, Imam al-Suyūṭī merasakan tidak wajar bagi mana-mana pihak tampil mengkritik secara keras terhadap Ibn al-Fārid tanpa berlandaskan hujah dan dalil yang kukuh. Sehubungan dengan itu, Imam al-Suyūṭī meletakkan hadis Nabi tersebut untuk memberi peringatan kepada semua golongan supaya berhati-hati dalam mengkritik apakah lagi menghentam sorang ahli sufi yang soleh agar kita tidak tergelincir dari landasan agama Islam yang sebenar.

Karakter Seorang Ahli Tafsir

Selain kehebatan beliau dalam bidang hadis, Imam al-Suyūṭī juga sangat handal dalam bidang tafsir al-Quran al-Karim. Dalam "الستمائة الذهبية في الحج" misalnya, beliau telah memulakan dengan sepotong ayat al-Quran kemudian mentafsirkan seperti:

قال الله تعالى في كتابه العزيز وكفى به حكما عدلا مرضيا:
﴿وَإِنْ مِنْكُمْ إِلَّا وَارْدَهَا كَانَ عَلَى رِبِّكَ حَتَّىٰ مَقْضِيَاهُ﴾ سورة مریم الآية 71.

Imam al-Suyūṭī telah mengambil pandangan Imam Mujahid (w: 103H) dalam mentafsirkan ayat di atas dengan menyatakan:

Al-Humā (kepanasan) di dunia ialah sebahagian musibah yang akan menimpa orang mukmin di akhirat kelak. Nabi SAW menyebutkan: “Kepanasan yang besar ialah dari neraka Jahannam, jika itu yang menimpa orang mukmin, maka nasibnya di dalam api neraka”. Maka maha suci tuhan yang lembut terhadap hamba-hambanya, memberi hidayah kepada hambanya yang beriman ke arah kebenaran, mendekatkan kepadanya untuk memperoleh kebahagian, memperlokannya dengan penyakit dunia dari nyalaan api neraka Jahannam, mempercepatkan untuk hambanya keringanan dari kepanasan bagi melindunginya dari pembalasan yang lagi berat.

Dalam *maqāmāt* “*al-Lāzurdiyyah Fī Mawti al-Aulād*” Imam al-Suyūṭī telah

memulakan penceritaannya dengan ayat al-Quran berikut:

﴿ وَلَنَبُوْتُم بِشَيْءٍ مِّنَ الْحَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَهْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالْمَرَاتِ ﴾ وَسَيِّرِ الصَّابِرِينَ
 (155) الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ (156) أَوْلَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّنْ
 رَّبِّيهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُهَدِّدُونَ ﴾ (157) سورة البقرة.

Seterusnya Imam al-Suyūṭiy telah menafsirkan ayat di atas dengan berkata:

Sebahagian ulama telah menafsirkan buah-buahan dalam ayat ini dengan maksud anak-anak kerana anak-anak boleh diibaratkan sebagai buah hati kepada ibu dan ayah. Lalu musibah yang menimpa anak-anak merupakan seberat-berat musibah dan kematian anak-anak menyebabkan hati dan perasaan ibu bapa menjadi sedih dan gundah gulana dan ini tidak boleh dinafikan lagi.

Melalui ayat al-Quran di atas, Imam al-Suyūṭiy cuba untuk menasihati umat manusia supaya bersabar di atas sebarang ujian dan musibah yang menimpa terutamanya ujian kehilangan anak-anak. Beliau menjadikan ayat al-Quran sebagai hujah untuk menerangkan betapa perlunya untuk kita sentiasa bersabar di atas dugaan tersebut. Beliau sebenarnya turut memberi motivasi dengan memasukkan kelebihan dan pahala kepada mana-mana insan yang kehilangan anak yang tersayang. Beliau menjelaskan tentang hadis Nabi yang menyatakan bahawa kelebihan ibu bapa yang bersabar dan redha di atas kematian anak-anak mereka.

Karakter Seorang Ahli Fikah

Dalam *maqāmah* “al-Bahriyyah” dan “*al-Dawrān al-Falakiy ‘Alā Ibn al-Karkiy*”, Imam al-Suyūṭiy telah menonjolkan dirinya seolah-olah beliau adalah seorang ahli fikah. Sebenarnya ini sesuatu yang tidak menghairankan kerana beliau memang seorang ulama yang menguasai pelbagai cabang ilmu. Namun menggunakan elemen sastera untuk menzhahirkan dirinya sebagai seorang yang pakar dalam hukum-hakam fikah, itu adalah sesuatu yang sangat menakjubkan. Imam al-Suyūṭiy menyebutkan:

كم ورد على من سؤال فتركتم الجواب عنه غضبا، فهل جئت فيه بنبيا؟ ماذا صنعت في السؤال
 المهم الذي دار البلد ولم يجيب عنه أحد؟ وهو الفرق بين قوله تعالى: ﴿وَأَمْهَاتُكُمُ الْلَّاتِي أَرْضَعْنَكُم﴾
 وبين ما لو قيل: ﴿وَاللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ أَمْهَاتُكُم﴾ حيث رتب على الأول خمس رضعات واردة ولو
 قيل الثاني لاكتفى برضعة واحدة.

Terjemahan :

Berapa banyak soalan yang ditimbulkan kepadaku namun aku tidak menjawabnya kerana marah, lalu adakah kamu membawa berita tentangnya? Apa yang kamu lakukan dengan soalan penting yang sedang berlegar dalam kalangan masyarakat dan tidak ada seorang pun yang menjawabnya? Perkara itu adalah perbezaan antara firman Allah yang bermaksud: “Dan ibu-ibu mereka yang menyusukan mereka” dengan ayat lain yang bermaksud: “Dan orang-orang yang disusui oleh ibu-ibu mereka”. Perbezaannya ialah ayat pertama memberi maksud mesti menyusu dengan lima kali susuan manakala ayat kedua pula cukup hanya dengan sekali susuan.

Dalam teks di atas, Imam al-Suyūṭī cuba membahaskan persoalan fikah yang berkaitan dengan kadar susuan yang menyebabkan seseorang bayi itu menjadi anak susuan. Melalui seni *maqāmāt*nya, beliau memulakan perbahasan dengan menyatakan bahawa terdapat pertanyaan dalam kalangan ahli masyarakat di zamannya berkaitan isu tersebut. Lalu beliau menjawab dengan mengemukakan dalil dari ayat al-Quran al-Karīm, surah al-Nisā', ayat 23. Merujuk kepada ayat tersebut, Imam al-Suyūṭī menyatakan bahawa kadar susuan yang menyebabkan seseorang bayi itu menjadi anak susuan ialah lima kali kenyang. Namun seandainya ayat tersebut diubah strukturnya seperti: ﴿وَاللَّاتِي أَرْضَعْنَاهُنَّا مُهَاجِرَاتٍ﴾ maka, beliau berpandangan cukup dengan sekali kenyang.

Selain itu, beliau juga turut membahaskan tentang hukum pernikahan *fāsid*. Beliau menceritakan sebuah kisah tentang seorang lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan selama 8 tahun dan kemudian dikurniakan dengan beberapa orang anak lelaki dan perempuan. Selepas itu, lelaki tersebut telah menceraikan isterinya dengan talak tiga dengan sekali lafadz. Maka Imam al-Suyūṭī berpandangan perkahwinan seorang lelaki yang jahat dan fasik seperti tidak solat sepanjang hayatnya dengan mana-mana perempuan dianggap sebagai pernikahan *fāsid*. Beliau mengungkapkan permasalahan tersebut dengan berkata:

" وَمِنْ ذَلِكَ أَنْ رَجُلًا مِنْ أَصْحَابِهِ تَزَوَّجُ امْرَأَةً وَأَوْلَادُهَا الْبَنِينُ وَالْبَنِاتُ، وَأَفَاقَ مَعَهَا ثَمَانِيْ سِنِّينَ كَامِلَاتٍ، ثُمَّ طَلَقَهَا بِالثَّلَاثِ الْبَتَاتِ، فَأَرْشَدَهُ هَذَا الْضَّلَالُ إِلَى أَنْ يَدْعُ فَسَادَ النِّكَاحِ، لَكُونَ وَالَّذِي زَوَّجَهُ لِيُسَّرَّ مِنْ أَهْلِ الصَّلَاةِ وَالصَّالِحِينَ ."

Terjemahan :

Dan oleh yang demikian, apabila seorang lelaki dari kalangan sahabat-sahabatnya menikahi seorang wanita dan melahirkan untuk lelaki tersebut anak lelaki dan perempuan dan mereka tinggal bersama selama lapan tahun. Setelah itu, lelaki tersebut menceraikan isterinya dengan talak tiga sekali gus maka dia telah membawa kesesatan ini kepada apa yang dipanggil dengan **kerosakan pernikahan**; iaitu ayah kepada anak-anak tersebut yang merupakan suami kepada wanita yang telah diceraiakan bukanlah dari kalangan mereka yang mendirikan solat dan melakukan kebaikan.

Jelas di sini menunjukkan kepada kita bahawa Imam al-Suyūṭī bukanlah calang-calang ulama. Beliau telah memberi pandangan yang sangat jelas dan tuntas tentang sebuah perkahwinan yang rosak dalam masyarakat Islam pada zamannya. Beliau dengan tegas mengatakan seorang lelaki yang fasik tidak seharusnya menikahi mana-mana perempuan. Ini kerana pernikahan yang seperti itu akan memudaratkan perempuan tersebut meskipun pernikahan yang dilakukan adalah sah di sisi agama Islam. Pernikahan lelaki fasik yang tidak pernah solat sepanjang hayatnya dengan seorang perempuan sepatutnya tidak dipandang remeh oleh masyarakat Islam.

Karakter Seorang Ahli *Balāghah*

Imam al-Suyūṭī telah dianggap sebagai mujtahid mutlak dalam bidang bahasa Arab. Ini telah ditunjukkan dalam karya seni *maqāmāt*nya. Meskipun antologi *maqāmāt* beliau bukanlah sebuah penulisan yang mengkhususkan kepada ilmu bahasa, tetapi apabila kajian ini dilakukan dengan terperinci, telah didapati beliau berjaya menyampaikan ilmu bahasa dengan begitu baik melalui ayat-ayat yang dipenuhi dengan elemen *balāghah* seperti *bādī'* dan *ma'ānī*. Antara kata-katanya yang menzahirkan karakter beliau sebagai ahli *balāghah* ialah:

" قلت: أبجور غصب اليميت؟ قال: نعم ورب البيت. (اليميت هو الخمر) قلت: أبجور قرض لحم اليتيم؟ قال: نعم للفرض المستقيم. (المراد بالفرض: الأسلاف، واللحم: الملوك) قلت: أتصح الصلاة في الكنيسة؟ قال: نعم إذا قدر قسسيه. (الكنيسة: كالهودج على الدابة وتصح الصلاة فيها إذا كانت الدابة واقفة)"

Terjemahan :

Aku bertanya: Apakah boleh membenci al-Kumayt? Dia menjawab: Ya, demi pemilik rumah. Aku bertanya: Apakah boleh meminjam daging anak yatim? Dia menjawab: Ya untuk kefardhuan yang baik. Aku bertanya: Apakah sah sembahyang di gereja? Dia menjawab: Ya, jika dibenarkan oleh rahibnya.

Berdasarkan petikan dari perbualan di atas, jelas menunjukkan kepada kita bahawa Imam al-Suyūtiy telah menggunakan lisan perawi nya untuk menceritakan tentang hukum fikah berkaitan dengan beberapa perkara tertentu. Seolah-olah perawi tersebut yang bernama Hāshim bin al-Qāsim telah mengatakan bahawa hukum minum arak tidak harus. Tetapi beliau telah menggunakan *uslūb tawriyah* dalam menyampaikan hukum berkenaan. Sebenarnya, kalimah *al-Kumayt* dalam dialog di atas mempunyai dua makna. Pertama; sejenis kuda yang berwarna di antara hitam dan merah dan kedua; sejenis arak. Justeru, apabila Hāshim bin al-Qāsim ditanya, boleh tak *al-Kumayt* itu dibenci? Maka jawapan yang diberikan oleh beliau ialah boleh. Kerana minum arak memang diharamkan dalam Islam dan kita semua sememangnya dituntut untuk membenci minuman yang memabukkan seperti arak dan sebagainya.

Jika diperhatikan dalam teks yang telah dinyatakan, Imam al-Suyūtiy memang tidak bermaksud dengan kuda kerana kuda adalah binatang yang harus dipelihara oleh umat Islam tetapi yang beliau maksudkan ialah arak. Gaya bahasa seperti ini di dalam bahasa Arab dinamakan dengan *tawriyah*. *Tawriyah* ialah sesuatu lafadz yang disampaikan dalam bentuk *mufrad* dan mempunyai dua makna. Pertama; makna dekat dan jelas yang tidak dimaksudkan oleh si penutur dan kedua; makna jauh dan samar tetapi makna itulah yang dikehendaki sebenarnya oleh penutur tersebut. Maka Imam al-Suyūtiy telah menjadikan petikan di atas untuk menzhahirkan karakter beliau yang sangat hebat dalam ilmu *balāghah*. Begitu juga dengan teks berikut apabila beliau cuba untuk membahaskan tentang ilmu *balāghah* dengan menggunakan watak *ma'naviy* (ahli dalam ilmu *ma'ānī*), *bayāniy* (ahli dalam ilmu *bayān*) dan *bādī'iy* (ahli dalam ilmu *bādī'*). Watak-watak ini diibaratkan sebagai makhluk yang mampu berkata-kata dan cuba untuk menjelaskan topik-topik yang terdapat di dalam ketiga-tiga cabang ilmu *balāghah* tersebut dengan mengungkapkan ayat seperti:

وقال المعنوي: هل ترى للأرض من حقل؟ ويقول المؤمن: أبنت الربيع البقل، وقند من خيام الملف الأطناط، ويوفى الكيل من الزرع بالمساواة والإطناط. وقال البياني: ترى هل تظفر الحسوز بالأحرار، ويكون للماء إلى حقيقة المزارع مجاز؟ وقال البديعي: هذه براءة الاستهلال، تؤذن بالإقلال، وتشعر بوضع الأغلال على مخازن الغلال.

Terjemahan :

Dan bertanya ahli Ma'āniy: Adakah kamu melihat bumi mempunyai petak tanaman? Maka seorang mukmin pun menjawab: Musim bunga telah menumbuhkan sayur-sayuran dan tali ikatan pula dipanjangkan dari khemah penginapan, dan timbangan dipenuhi dengan hasil tanaman serta diukur secara

saksama dan ditambah untuk lebihan. Lalu bertanya ahli Bayāniy: Adakah kamu melihat jambatan memperoleh harta yang disimpan dan air pula mempunyai hakikat sebenar manakala seorang petani merupakan suatu kiasan? Seterusnya ahli Badī'iy pula berkata: Ini adalah Barā'atu al-Istihlāl, dibolehkan dengan sedikit dan kamu akan merasainya dengan meletakkan air di dalam tempat simpanan hasil buah-buahan.

Tajuk *Itnāb* dan *musāwāt* yang cuba dibincangkan oleh Imam al-Suyūtiy memang antara tajuk yang terdapat dalam ilmu *ma'ānī*. Begitu juga dengan tajuk *haqīqah* dan *majāz* merupakan salah satu tajuk dalam ilmu *bayān* dan *barā'atu al-istihlāl* pula ada sebahagian tajuk yang dibincangkan dalam ilmu *badī'*.

Karakter Seorang Ahli Nahu

Selain bidang *balāghah*, Imam al-Suyūtiy juga seorang tokoh dalam bidang nahu. Kitab beliau seperti *al-Muzhir Fī 'Ulūm al-Lughah Wa Anwā'u'hā* menggambarkan kehebatan dan ketokohan beliau dalam bidang ini. Penguasaan beliau dalam ilmu nahu yang sangat meluas dan hebat itu telah ditonjolkan dalam teks *maqāmātnya*. Beliau menceritakan kononnya perawi yang bernama Hāshim bin al-Qāsim telah pergi ke Asyūt. Selepas solat Jumaat Hāshim telah bertemu dengan seorang lelaki yang dikenali dengan Abū Bashār. Lelaki ini dikatakan seorang yang alim, mahir dalam ilmu nahu dan fasih berkata-kata. Lalu Hāshim mengajak beliau untuk berdebat tentang ilmu nahu seperti yang terdapat dalam teks berikut:

كلمة إذا كثر عرضها قل معناها، وإذا ذهب بعضها حل مغزاها؟ وأي كامل يعمل فيه معموله
ولا يقطع مأموله؟ وأي اسم مشترك بين أ فعل التفضيل والصفة المشبهة، ونبي إذا ثبتت لم تزل
أعماله الموجحة، وما حرف قلبه اسم كريم، واسم تصغير اختص بالتكريم؟ وأي كلمة هي اسم وفعل
وحرف، لم يبنه عليه أحد من علماء النحو والصرف، وأي فعل ليس له فاعل ومعمول لا ينسب
لعامل؟

Terjemahan :

Satu perkataan apabila banyak pendedahannya maka kurang lah maknanya dan apabila sebahagian kalimahnya telah tiada maka hilanglah maksudnya yang tersembunyi. Maka kamil yang manakah yang berfungsi dan *ma'mūlnya* dan tidak terputus dengan apa yang diharapkan? Dan manakah ism mushtarak antara *af'al al-taṣdīq* dan *ṣifat mushabbahah*, dan *nafiy* jika disabitkan maka tidak berfungsi sebagai *nafiy*? Apakah huruf yang diterbalikkan bagi *ism karīm* dan *ism taṣghīr* dikhusruskan hanya dengan *takrīm*? Manakah perkataan yang terdiri daripada ism, *fi'l* dan huruf yang tidak dibina oleh seorang pun ulama ilmu nahu dan *ṣarf*, dan manakah *fi'l* yang tidak ada baginya *fā'il* dan *ma'mūlnya* tidak dinisbahkan kepada 'āmil?

Sebenarnya, Abū Bashār yang tedapat dalam teks di atas ialah watak hero yang diwujudkan oleh al-Suyūtiy bagi menjelaskan sesuatu perkara. Secara tidak langsung kita akan mendapati bahawa Imam al-Suyūtiy cuba untuk menunjukkan kemampuan beliau dalam ilmu nahu melalui watak hero yang bernama Abū Bashār. Kalau kita perhatikan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Abū Bashār di atas, langsung tidak dijawab oleh Hāshim bin al-Qāsim. Malah diceritakan bahawa Hāshim telah berlalu pergi selepas memohon maaf daripada Abū Bashār kerana tidak menjawab soalan-soalan nahu tersebut. Seterusnya semua yang menyaksikan perdebatan tersebut sangat mengagumi kehebatan Abū Bashār dalam menguasai ilmu nahu.

Begitu juga dalam teks yang terdapat dalam *maqāmah “al-Bahriyyah”*. Imam al-Suyūṭīy mengungkapkan sebagai mana berikut:

وأصبح النحوي يلتقط الحب كأنه ابن عصفور، ويقول : السعر ممدود والمآل معمور، وأنا وكتبي
للبيع جار ومحروم، قد كسر ناب الإنفافة، ورفع باب الإضافة، ولقد لقينا أمرا إمرا وضرب زيدا
عمرا..

Terjemahan :

Dan seorang ahli nahu telah mengambil bijian seumpama anak burung lalu dia berkata: Warna yang cantik dan keadaannya yang terhad. Lalu aku bersama kitab-kitab ku untuk dijual itu adalah *jār* dan *majrūr*. Sesungguhnya telah diberis bawah *nāb al-Ināqah* dan diberis depan *bāb al-Idāfah*. Sesungguhnya kita akan mendapatkan kalimah Amran dan Imran; huruf hamzah diberis atas dan diberis bawah. Seterusnya kita akan mendapatkan ayat seperti Zayd telah memukul ‘Imran atau ‘Imran telah memukul Zayd.

Dalam teks di atas, Imam al-Suyūṭīy cuba untuk menyampaikan ilmu nahu kepada para pembaca dengan menyatakan bahawa konsep *ism mamdūd* serta *jār* dan *majrūr*. Kedua-dua konsep yang cuba dijelaskan memang antara topik penting yang terdapat dalam ilmu nahu. Beliau menyebutkan bahawa hukum baris bawah dan baris depan yang terdapat pada huruf terakhir setiap kalimah yang dinamakan dengan *kasr* dan *raf’u*. Perubahan baris pada huruf terakhir inilah yang menjadi perbahasan dalam ilmu nahu yang cuba disampaikan oleh Imam al-Suyūṭīy.

Karakter Seorang Penyair

Jika ditinjau antologi *maqāmāt* al-Suyūṭīy secara rinci, kita akan dapati bahawa kebanyakan kisah yang disampaikan oleh beliau tidak lekang dari bait-bait syair yang indah dan menarik. Seperti kebanyakan sifat semula jadi bangsa Arab yang sangat mencintai seni syair dan qasidah, begitu jugalah Imam al-Suyūṭīy yang turut menjadikan gubahannya puisi yang cantik dan puitis itu bagi melengkapkan kisah-kisah yang terdapat dalam *maqāmāt*nya. Perkara ini mungkin disebabkan penguasaan beliau yang sangat mapan terhadap ilmu al-‘Arūḍ dan al-Musīqā al-Syi’riyyah. Maka tidak mustahillah beliau memasukkan bait-bait syair tersebut bagi memantapkan lagi cerita yang disampaikan serta menjadi penerang kepada isi kandungan dan mesej yang terkandung dalam *maqāmāt*nya. Dalam *maqāmah “al-Jīziyyah”* sebagai contoh, al-Suyūṭīy telah menggunakan watak hero dan perawi cerita untuk mempersempahkan bait-bait syair seperti mana yang berikut:

ما قد حوى من حسن تأدبه لم يتغير قط عن طبيه فطيب يزداد من يسبه أحبه الرحمن فأدرى به	يا الذي قد راق كل الوري ما طيب إن أنت صحته وإن تكن لبدئه فاتحا وعكسه أطيب من كل ذا
---	---

Maka telah berkata Abū Bashar: Selepas aku berfikir, aku menghafaz apa yang kau sebutkan lalu aku dendangkan beberapa rangkap syair:

وَكُلَّ مَا يُوجَدْ أَجْنِيْ بِهِ	يَا ذَا الَّذِي أَلْغَرَ فِي طَيْبِ
وَهِيَّا لِكَ النَّاسُ بِتَشْوِيهِ	هَذَا الَّذِي يُجْرِي بِلَا أَرْجُلٍ
وَيَرْتَحِي الْأَبْعَدُ مِنْ سَيِّهِ	يَخَافُهُ الْأَقْرَبُ مِنْ شَرِّهِ
وَيَرْعَوْنُ لِلصَّرْخِ فِي غَيْبِهِ	لَا يَرْعُوْيِ لِلصَّرْخِ لَوْ جَاهَهُ

Begitulah seterusnya ungkapan demi ungkapan syair yang dilontarkan oleh Hāshim bn al-Qāsim dan Abū Bashar. Sebenarnya kaedah memasukkan bait syair dalam cerita maqāmāt adalah satu cara yang telah dilakukan oleh ahli maqāmāt sebelum Imam al-Suyūti lag. Jika kita perhatikan maqāmāt al-Hamadhāniy dan al-Harīriy sebagai contoh, perawi dan hero sering bersaing dalam mengungkapkan bait-bait syair bagi menarik perhatian para pembaca. Jadi dalam kisah di atas, perawi iaitu Hāshim bin al-Qāsim telah pergi ke sebuah perkampungan yang cantik berdekatan dengan sungai Nil berhadapan dengan bandar Fustāt yang dinamakan dengan al-Jīzah. Di sitolah kononnya Hāshim bertemu dengan seorang lelaki yang hebat dan memiliki ilmu pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang bahasa Arab lalu beliau mengujinya.

Hakikatnya Imam al-Suyūti cuba untuk menzahirkan karakter diri beliau yang hebat dan mahir dalam ilmu al-‘Arūd dan al-Qāfiyah setanding dengan penyair-penyair Arab yang lain. Sebab itulah selain menyelitkan rangkap syair dalam *maqāmātnya*, beliau juga sempat menyebutkan beberapa istilah ilmu al-‘Arūd seperti: *al-Madīd*, *al-Wāfir*, *al-Hāfir*, *al-Tawīl*, *al-Zawīl* dan *al-Mutadārak*. Di sini, jelas menunjukkan kepada kita bahawa Imam al-Suyūti sememangnya seorang yang mahir dalam syair Arab kerana ilmu al-‘Arūd merupakan alat yang penting bagi sesiapa yang ingin menggubah bait-bait puisi Arab yang indah dan menarik. Tanpa ilmu al-‘Arūd adalah sukar untuk seseorang itu menjawai syair Arab klasik.

Karakter Seorang Pengkritik

Imam al-Suyūti hidup di zaman kerajaan Mamālik Jarākisah dan beliau menyaksikan banyak pertukaran pemimpin yang berlaku serta watak mereka selama berada di tahta pemerintahan. Selain itu, Imam al-Suyūti juga melihat pelbagai ragam ahli masyarakat di zamannya termasuklah mereka yang bergelar ulama dan ahli sufi. Peristiwa bandar Kaherah dilanda wabak taun yang mengorbankan banyak jiwa juga disaksikan sendiri oleh beliau. Maka tidak hairanlah apabila beliau mengkritik sikap pemerintah dan ahli masyarakat melalui seni *maqāmātnya* dengan menggunakan gaya bahasa sastera kerana beliau merasakan perlunya kritikan itu disampaikan meskipun secara tersirat.

Sejarah hidup beliau juga menyaksikan bahawa Imam al-Suyūti mempunyai beberapa orang musuh dalam kalangan ulama antaranya Imam al-Sakhāwiyy (w: 902H) dan Imam Ibn al-Karkiy (w: 922H). Perseteruan ilmiah di antara tokoh-tokoh ini mendorong Imam al-Suyūti mengarang sebuah *maqāmāt* untuk mengkritik cara penulisan Imam al-Sakhāwiyy dan Imam Ibn al-Karkiy dalam beberapa karyanya. Maka melalui *maqāmāt* yang beliau hasilkan, kita dapat melihat karakter Imam al-Suyūti sebagai seorang pengkritik yang hebat dalam banyak perkara samada politik, akademik, sosial dan sebagainya. Sebagai contoh, Imam al-Suyūti telah mencatatkan dalam *maqāmah* “*al-Kāwiyy ‘Alā Tārīkh al-Sakhāwiyy*” seperti:

ما ترون في رجل ألف تاريخا جمع فيه أكبر أعيانا، ونصبه لأكل لحوما خوانا؟ ملأه بذكر المساوى وثلب الأعراض، وفوق فيه سهاما على قدر أغراضه والأعراض هي الأعراض: جعل لحم المسلمين من حمله طعامه وأدامه، واستغرق فيها أكلها أو قات فطره وصيامه ولم يفرق فيه بين جليل وحقير

Terjemahan :

Apa pandangan kamu semua tentang seorang lelaki yang mengarang berkaitan sejarah dan telah menghimpunkan di dalamnya tokoh-tokoh hebat namun bertindak memakan daging mereka secara khianat? Dia telah memenuhi tulisannya dengan menyebut keburukan-keburukan dan menghina maruah-maruah mereka. Lalu atas semua perkara itu ialah anak panah-anak panah yang bertujuan menghentam dan mencaci kehormatan orang lain. Dia telah menjadikan daging kaum Muslimin sebahagian dari makanan dan hidangannya. Dia bersungguh benar mengambil makanan dan hidangan tersebut pada waktu berbuka atau berpuasa sehingga dia tidak pernah membezakan antara benda yang baik dan benda yang buruk.

Begitu juga tulisan beliau dalam mengkritik Imam Ibn al-Karkiy yang merupakan salah seorang penyokong Imam al-Sakhawiy. Imam al-Suyūti menyebutkan dalam mukadimah *maqāmah “Tarzū al-‘Imāmah Fī al-Tafriqah Bayna al-Maqāmah Wa al-Qumāmah”* seperti:

ويا أيها الناس أصيغوا إلى أنبيكم بتاويله، وأحدثكم بجملة الأمر وتفصيله، اعتدى على عاد وبدائى
بالإساءة وعاد أكثر من السفة، وملا بشتمني فاه والشفه، ومد لسانه إلى هو قصير، ونظر إلى
عين النقص فانقلب إليه البصر خاسئا وهو حسير.... فأهمله سنين، وعلمت أني متى ملت عليه
ميلة صار له صراغ وين.

Terjemahan :

Wahai sekalian manusia, ambil lah kamu sesuatu berita dengan pentafsirannya sekali dan aku akan menceritakan kepada kamu sejumlah perintah secara terperinci. Telah melampau seorang musuh itu bila dia mula memburukkan aku dengan lebih teruk dari seorang yang bodoh. Dia telah memenuhi mulut dan bibirnya dengan mengeji ku. Dia telah memanjangkan lidahnya kepada yang pendek dan melihat seseorang dengan pandangan merendah-rendahkan lalu pandangannya itu akan berbalik kepadanya dengan hampa sedang dia berkeadaan lemah lesu seterusnya dia diabaikan selama bertahun tahun. Aku tahu bahawa sesungguhnya aku apabila condong membalaik kepadanya akan terjadilah kesakitan dan keperitan dalam hidupnya.

Berdasarkan teks di atas, Imam al-Suyūti telah mengkritik karya penulisan Imam Ibn al-Karkiy dengan kritikan yang agak keras dan pedas. Beliau menganggap karya Imam Ibn Karkiy seperti sampah yang tidak bernilai selain menyatakan bahawa karyanya sangat baik dan bermutu tinggi. Beliau mengatakan bahawa tulisan Ibn al-Karkiy tidak ada faedah dan manfaat kerana terdapat kelemahan dalam penggunaan kalimah dan ayat serta kesalahan yang fatal dalam menyampaikan sesuatu maksud. Imam al-Suyūti menyebutkan lagi:

فَكَتَبَ شِيئًا دُعَاهُ مَقَامَةً وَهُوَ قَمَاءَةٌ، فِيهِ كَنَاسَةٌ وَزَبَالَةٌ، وَسَفَالَةٌ وَفَسَالَةٌ، كَأْنَا صَيْغٌ مِنْ حَثِّ الْبَقَرِ،
وَحْلِي بِقَلَائِدِ الْبَعْرِ، وَطَلِي بِمَا فِي الْبَيْضِ الْفَاسِدِ مِنْ مَذْرٍ، لَا أَلْفَاظٌ وَلَا مَعَانٍ، وَلَا فَائِدَةٌ يَسْتَفِيدُهَا
الْمَعَانِي، وَلَا طَرْبٌ يَرْغُبُ إِلَيْهِ الْمَعَانِي، سَاقِطَةُ التَّرْتِيبِ، رِكْكَةُ الْلَّفْظِ وَالْتَّرْكِيبِ، كَثِيرَةُ الْلَّحنِ وَقَلِيلَةُ
الْتَّبْذِيبِ، كَلِهِ إِسَاءَاتٌ وَسَفَهٌ.

Terjemahan :

Maka dia menulis sesuatu yang di panggilnya sebagai *maqāmāt* sedangkan ianya adalah sampah. Isi kandungannya terdapat kotoran dan sisa yang tidak diperlukan. Seolah-olah seperti baki makanan yang disediakan untuk lembu, perhiasan seperti rantai-rantai unta dan kekuningan yang terdapat pada telur yang rosak. *Maqāmatnya* tidak mempunyai lafaz dan juga makna, tidak mempunyai faedah yang boleh diambil dari makna-maknanya, dan tidak ada sesuatu yang menarik minat padanya mereka yang suka berhibur, susunannya teruk, lafaz dan ayatnya sangat buruk, banyak kesalahan bahasa, kurang penelitian, semuanya buruk dan kebodohan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil analisis ke atas teks *Maqāmāt Imam al-Suyūtiy*, kajian mendapati bahawa terdapat tujuh karakter utama yang berkaitan dengan pengarang. Karakter-karakter tersebut merangkumi beberapa bidang tertentu seperti bidang pengajian Islam, bidang bahasa dan sastera Arab serta bidang kritikan. Menyorot tinjauan persuratan berkaitan Imam al-Suyūtiy, didapati bahawa beliau telah mengarang hampir 600 kitab dalam pelbagai disiplin ilmu (al-Shak'ah, 1994). Maka tidak hairanlah apabila Imam al-Suyūtiy telah menggunakan penulisan seni *maqāmāt* ini sebagai medan untuk menzahirkan siapakah diri beliau yang sebenar (Sulaiman, 1989). Karakter sebagai seorang ahli hadis misalnya, memang sesuatu yang tidak asing bagi beliau. Karangan beliau dalam disiplin ilmu hadis telah menjadi rujukan umat Islam sehingga ke hari ini. Buku-buku beliau seperti *al-Jāmi' al-Kabīr*, *Tadrīb al-Rāwiy*, *al-layl al-Maṣnū'ah* dan berbagai-bagai lagi telah meletakkan beliau di kedudukan yang tinggi sehingga beliau digelar dengan *al-Hāfiẓ* (seorang yang pakar dan menghafal hadis Nabi SAW dengan jumlah yang banyak). Begitu juga karakter beliau sebagai ahli tafsir al-Quran. Imam al-Suyūtiy jelas telah menggunakan kepakaran beliau dalam bidang tafsir ini dalam banyak cerita *maqāmātnya*. Meskipun *maqāmāt* merupakan sebuah karya sastera, namun penggunaan ayat al-Quran dan penafsirannya menjadikan pembaca mampu melihat secara lebih luas bagaimanakah Imam al-Suyūtiy dari sudut watak dan karakternya.

Karakter sebagai seorang ahli tafsir sangat dekat dengan beliau apabila kita melihat kepada karya-karya beliau dalam bidang tafsir. Al-Ghubariy (2013) menyebutkan bahawa Imam al-Suyūtiy telah mengarang hampir 18 buah kitab berkaitan tafsir al-Quran. *Tafsir al-Jalālayn* adalah salah satu penulisan beliau yang sering dijadikan rujukan sehingga ke hari ini (al-Shak'ah, 1994). Selain itu, karakter sebagai ahli fikah memang sinonim dengan Imam al-Suyūtiy. Menurut al-Darūbiy (1989) Imam al-Suyūtiy turut digelar *Imam al-Faqīh* berdasarkan pengetahuan luasnya dalam bidang hukum hakam Islam. Beliau bukan sahaja seorang yang mahir dalam bidang fikah, malahan turut mahir dalam bidang usul fikah. Oleh sebab itulah pandangan atau fatwa beliau sewaktu hayatnya menjadi panduan dan ikutan kebanyakan ahli masyarkat di zaman kerajaan Mamālik.

Manakala karakter beliau dalam bidang bahasa dan sastera Arab juga terserlah dari rangkap-rangkap ayat yang terdapat dalam *maqāmātnya*. Malahan cara beliau menggunakan

pelbagai *uslūb balāghah* untuk menceritakan sesebuah kisah kepada khalayak masyarakat Mesir pada ketika itu telah menunjukkan karakter beliau sebagai seorang ahli dalam bidang bahasa dan sastera Arab. Menurut Sulayman (1989), Imam al-Suyūṭī mengarang pelbagai kitab berkaitan nahu dan sorf Arab. Data juga menunjukkan setiap ayat yang terkandung dalam teks *maqāmāt al-Suyūṭī* terhindar dari kesalahan gramatikal dan leksikal. Ini menunjukkan kepada kita bahawa beliau sangat berhati-hati dalam memilih setiap kosa kata dan susunan ayat agar setiap mesej dan idea yang ingin disampaikan difahami dengan baik oleh khalayak pembaca. Penggunaan rangkap-rangkap syair di pertengahan cerita juga telah menjadikan kisah yang terkandung dalam seni *maqāmāt* beliau kaya dengan elemen sastera yang bersifat puitis. Beliau meletakkan setiap syair bersesuaian dengan isi kandungan cerita yang ingin disampaikan. Oleh itu, rangkap-rangkap syair yang dikarang oleh beliau membuktikan bahawa beliau juga mempunyai jiwa dan rasa sebagai seorang penyair meskipun beliau banyak mengarang karya-karya ilmiah. Medan seni *maqāmāt* digunakan oleh beliau untuk menonjolkan sisi karakter beliau sebagai seorang penyair.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa Imam al-Suyūṭī turut memiliki watak atau karakter sebagai seorang pengkritik pada zamannya. Kritikan beliau terhadap golongan ahli sufi umpamanya, sangat bertepatan dengan diri beliau yang memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam tentang al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Malah beliau juga turut mengkritik pemerintah dengan menggunakan perlambangan seperti bunga, wangian, buah-buahan, permata dan sebagainya. Kritikan beliau dengan menggunakan gaya bahasa tersirat mampu difahami oleh pembaca apabila dianalisis setiap bait ayat dari sudut linguistik dan konteks. Ini kerana setiap perlambangan yang digunakan oleh Imam al-Suyūṭī biasanya mempunyai maksud tertentu yang ditujukan kepada pihak tertentu (al-Darūbiy, 1989). Al-Shak'ah (1994) menyebutkan bahawa Imam al-Suyūṭī hidup sewaktu pemerintahan kerajaan *Mamālik Jarākisah* selama hampir 62 tahun. Justeru, karakter sebagai seorang pengkritik jelas terpamer dari seni *maqāmātnya* apabila beliau cuba mengkritik tindakan sekelintir ahli masyarakat dan beberapa pemimpin di zamannya dengan menggunakan gaya bahasa yang menarik yang terdapat dalam seni *maqāmātnya*.

Kesimpulan

Kajian terhadap *maqāmāt* Imam al-Suyūṭī mendapati beliau seorang tokoh yang menguasai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Ketokohan beliau bukan sahaja dalam bidang pengajian Islam malahan juga dalam bidang bahasa Arab dan sastera. Meskipun ramai tokoh cendekiawan Arab banyak menulis biografi mereka menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami untuk menceritakan latar belakang kehidupan dan karakter mereka, namun Imam al-Suyūṭī telah menjadikan karya sastera sebagai landasan untuk menonjolkan beberapa watak dan karakter beliau yang tidak ditemukan dalam karya-karya beliau yang lain. Metodologi yang digunakan oleh beliau mempunyai perbezaan dengan metodologi ulama-ulama sebelumnya. Beliau banyak menggunakan gaya bahasa tersirat dan naratif cerita yang yang seolah-olah satu khayalan tanpa menyandarkan kepada seorang perawi dan hero. Penggunaan dialog atau *ḥiwār* dalam *maqāmātnya* merupakan satu cara untuk beliau menonjolkan karakternya dalam berbagai-bagi watak. Namun begitu, Imam al-Suyūṭī masih terikat dengan cara dan metodologi ulama *maqāmāt* sebelumnya terutama dari sudut penggunaan *Muḥassīnāt Badī'iyyah Lafzīyyah* yang berlebihan dalam semua cerita yang terdapat dalam seni *maqāmātnya*. Kesimpulannya, kajian terhadap teks sastera sebenarnya mampu memberi implikasi dan natijah yang positif terhadap khalayak terutama dalam mendidik ke arah pemikiran yang kreatif dan kritis. Justeru, berdasarkan analisis deskriptif kritis yang telah dijalankan, bolehlah disimpulkan bahawa Imam al-Suyūṭī telah menjadikan teks sastera yang mengandungi pelbagai elemen gaya bahasa atau *uslūb* seperti *saja'*, *iqtibās*, *jinās*, *tawriyah* dan lain-lain lagi untuk menzahirkan siapakah dirinya yang sebenar. Antara karakter beliau yang dapat dikesan ialah karakter seorang ahli hadis, ahli tafsir, ahli fikah, ahli *balāghah*, ahli nahu, penyair Arab dan pengkritik sosial, politik dan agama pada zamannya.

Rujukan

- Al-Bustāniy, Buṭrus. (1979). *'Udabā' al-'arab fī al-aṣur al-'abbasiyyah*. Dār al-Jīl.
- Al-Darūbiy, Samīr Maḥmūd (1989). *Sharh maqāmāt al-Suyūtiy*. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Ghubāriy, 'Iwāḍ. (2013). *Maqāmāt al-Suyūtiy: Dirāsaḥ Fi Fan al-Maqāmah al-Miṣriyyah*. Dār al-Kutub Wa al-Wathāiq al-Qawmiyyah.
- Al-Shak'ah, Muṣṭafā. (1981). *Jalāl al-dīn al-suyūtiy*. Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bāb al-Halabiyy.
- Darwīsh, Ahmad. (2008). *Dirāsaḥ al-Uslūb bayna al-mu'āṣirah wa al-turāth*. Dār Gharīb Li al-Ṭabā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī'.
Dayf, Shawqī. (2000). *Al-Fann wa madhāhibu-hu fī al-nathr al-'arabiyy*. Dār al- Ma'ārif.
- Dayf, Shawqī. (1973). *Al-maqāmah*. Dār al-Ma'ārif.
- Hasan, Muḥammad Rushdī. (1974). *Athar al-maqāmah fī nash'ati al-qīṣṣah al-miṣriyyah al-hadīhiyyah*. Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-Āmah Li al-Kitāb.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram. (2003). *lisān al-'arab*. Dār al-Fikr.
- Leech, Geoffrey Neil & Short, Michael H. (1991). *Style in fiction*. Longman

Pengintegrasian Ilmu Akidah Merentasi Kurikulum (AMK) Oleh Guru-Guru Sains

Siti Zaleha binti Mat Kilau
 19pe01005@student.kuis.edu.my
 Zetty Nurzuliana binti Rashed, Ph.D
 zetty@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Pengintegrasian ilmu Akidah Merentasi Kurikulum (AMK) merupakan satu pendekatan untuk menerapkan elemen akidah kepada semua subjek akademik yang diajar di rangkaian sekolah agama swasta IKRAM Musleh di Malaysia. Namun, kertas konsep ini hanya membincangkan pengintegrasian ilmu AMK oleh guru-guru sains sahaja. Pendekatan ini diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (pdp) dalam proses untuk melahirkan insan-insan *rabbani* yang bercirikan kepada membudayakan al-Quran dan as-Sunnah sebagai hidayah dan petunjuk dalam kehidupan seharian. Akidah adalah elemen asas dalam Islam yang diperlukan untuk melahirkan akhlak Islam yang mantap. Metodologi perbincangan yang digunakan adalah rujukan-rujukan kepada artikel dan kertas saintifik yang berkait dengan integrasi ilmu yang merentasi kurikulum, ilmu al-Quran, as-Sunnah, Sains dan Pendidikan Islam. Pengintegrasian akidah dan ilmu sains ini penting dalam menerapkan akidah yang mantap kepada pelajar-pelajar. Pendekatan ini diharap dapat membina generasi pelajar yang berkualiti dan mempunyai jatidiri untuk memimpin masyarakat yang taat kepada perintah Allah SWT ke arah kejayaan dan ketamadunan pada masa ini dan di masa hadapan.

Katakunci: Integrasi ilmu, akidah, kurikulum, Ikram Musleh, sains.

Abstract

*Integration knowledge of Cross-Curricular Islamic beliefs (akidah) is an approach towards instilling akidah elements in all academic subjects which are taught at IKRAM Musleh network of religious private schools in Malaysia. However, this concept paper discusses only the integration of Cross-Curricular Islamic beliefs (akidah) by science teachers only. This approach is applied to teaching and learning in the process of moulding students towards having the character of *rabbani*, the character towards the customisation of al-Quran and as-Sunnah as hidayah and guidance in daily life. Akidah is the basic element needed in Islam towards producing a strong Islamic character. The methodology used for discussions here are references to articles and scientific papers which are related to the integration of knowledge across curriculum, al-Quran, as-Sunnah, science and Islamic knowledge. Integration of science knowledge is important in instilling a strong akidah to the students. This is hoped to build a generation of high-quality students who have a strong identity to lead the society which is characterised by obedience to Allah SWT towards success and civilisation, both in the present and in the future.*

Keywords: *Integration of knowledge, Islamic Beliefs (akidah), Ikram Musleh, Science.*

Pendidikan adalah sebahagian daripada proses yang dapat membangunkan sesebuah negara menerusi kelahiran modal insan yang berilmu dan berketerampilan. Modal insan yang dihasilkan diharap dapat memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk sama ada penyelidikan dan pembangunan serta penghasilan menerusi inovasi dan kreativiti. Penghayatan AMK dalam

pendidikan berperanan membentuk modal insan yang seimbang dan menyeluruh daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pendekatan AMK diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi setiap subjek di rangkaian sekolah swasta agama IKRAM Musleh di Malaysia. Ia merupakan pendekatan pendidikan bersepakat ke arah melahirkan insan *rabbani*, yang merupakan ciri-ciri insan yang ingin dilahirkan oleh IKRAM Musleh. Ciri-ciri ini ialah mereka membudayakan rujukan al-Quran sebagai buku mukjizat dan as-Sunnah sebagai petunjuk sepanjang jalan, sumber hidayah, petunjuk kepada *al-muttaqin*, sebagai bekal yang perlu disediakan untuk kehidupan dunia dan akhirat serta kepentingannya sebagai piawai yang diwartakan oleh Allah SWT untuk mengukur darjat seseorang manusia di sisi Allah SWT (Modul IKRAM Musleh 2011).

Terdapat 38 buah sekolah rendah dan 18 buah sekolah menengah IKRAM Musleh di seluruh Malaysia. Subjek yang dipelajari di sekolah rendah terdiri daripada dua aliran iaitu Akademik yang melibatkan subjek : Bahasa Arab, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris , Sains , Matematik, Sejarah, Reka Bentuk Teknologi, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan Pendidikan Visual manakala aliran Syariahnya pula menawarkan subjek: Al-Quran, Jawi , Fiqah, Akhlak, Akidah dan Sirah (Musleh).

AMK adalah pendekatan pendidikan yang diaplikasi di sekolah-sekolah IKRAM Musleh yang membawa maksud yang selari dengan pendekatan *naqli* dan *aqli* di USIM, pendekatan seimbang dan harmonis di UIAM, pendekatan sains tauhidik di UKM yang kesemuanya membawa kepada maksud yang sama iaitu bersepakat. Penggunaan istilah bersepakat bukanlah satu perkara asing dalam dunia pendidikan. Pelbagai istilah telah digunakan untuk menggambarkan maksud yang bersamaan dengan istilah bersepakat. Shaharir Mohammad Zain misalnya, menggunakan istilah “Pendidikan Terkamir”, Mohammad Natsir pula menggunakan istilah “Pendidikan Integral” dan Sidek Baba menggunakan istilah “Pendidikan Integratif” (Zuraidah Othman & Aizan Ali, 2014)

Ilmu *naqli* adalah merujuk kepada al-Quran manakala ilmu *aqli* pula adalah ilmu yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu, antaranya ialah ilmu sains gunaan, sains kemasyarakatan dan sains tauhid (Zetty Nurzuliana Rashed dan Ab Halim Tamuri, 2015). Modal insan yang dihasilkan daripada sistem bersepakat ini mampu mewujudkan sebuah masyarakat yang bertamadun dan kekal utuh. Kajian juga mendapati di antara kepentingan integrasi ilmu adalah sebagai pra-syarat kepada pembangunan diri, masyarakat dan negara; dapat memahami perkembangan dan pembangunan sains dan teknologi Islam; dapat melahirkan peribadi holistik atau modal insan yang berkualiti; dapat menggalakkan manusia berfikir terhadap ciptaan Allah SWT serta mempunyai impak yang signifikan dalam membentuk perwatakan dan sahsiah pelajar (Zetty Nurzuliana & Ab. Halim Tamuri, 2015).

Arus globalisasi telah meningkatkan fahaman sekularisme dalam sistem pendidikan masakini yang memberi impak di mana berlakunya dualisme dalam banyak aspek (Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, sekularisme adalah suatu fahaman yang memisahkan antara kehidupan duniawi dan kehidupan ukhrawi, mengakibatkan rosaknya akidah yang membawa kesan kepada hilangnya adab. Pendidikan bersepakat merupakan salah satu cara untuk memperbaiki semula akhlak yang telah rosak (Adam Badhrulhisham & Mohamad Firdaus Mohd Isa, 2017).

Pengintegrasian Ilmu

Bentuk pendidikan yang memiliki peluang besar untuk melakukan proses pembinaan dan pengembangan kemanusiaan adalah pendidikan yang berasaskan akidah dan akhlak mulia, iaitu pendidikan Islam yang menyatukan akidah, syariah dan akhlak dalam modul pembelajaran

(Endang Soetari, 2017). Keperluan kepada sistem pendidikan yang berdasarkan kepada AMK dan pengintegrasian ilmu *naqli* dan *aqli* diperlukan untuk melahirkan impak yang signifikan dalam membentuk sahsiah pelajar ke arah memahami al-Quran dan as-Sunnah dan seterusnya melahirkan generasi al-Quran. Secara umumnya, generasi al-Quran dapat difahami sebagai masyarakat yang mengamal dan mempraktik budaya berinteraksi atau mendekatkan diri dengan al-Quran melalui amalan-amalan berikut iaitu mempelajari, membaca, mengajar, mentadabbur, menghafaz, mengamal dan mendaulatkan al-Quran (Norhafizah Musa 2019).

Beberapa orang ilmuwan dalam Multaqi Ilmuwan Usuluddin 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi melihat keperluan untuk mengintegrasikan bidang usuluddin yang meliputi gabungan ilmu mantik, akidah dan falsafah Islam dengan bidang moden seperti sains kerana ia banyak menyentuh tentang hal kekuasaan Allah SWT. Dengan itu pelajar bidang sains umpamanya akan mempelajari proses penciptaan manusia yang sebenarnya dan dapat mengukuhkan akidah sekiranya dikaitkan hubungan dengan Allah SWT secara berterusan. Ini juga dapat membantu menyelesaikan masalah moral dan gejala sosial dalam realiti masyarakat hari ini (Latifah Ariffin, 2019).

Sistem pendidikan yang menggabungkan sains sosial, sains tabi'i dan sains ketuhanan perlu diperkenalkan bermula di peringkat rendah lagi (Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Ini bagi memastikan penerapan unsur akidah kepada anak-anak diperkenalkan bermula di peringkat awal umur semoga ia sebatи dan mampu menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka.

Penekanan kepada pemikiran dan penghayatan AMK dan ilmu integrasi *naqli* dan *aqli* adalah keperluan dari masa ke semasa untuk terus memperbaiki ke arah pemikiran masyarakat yang seimbang, dengan dimulai daripada dunia akademik dan penyelidikan supaya akhirnya, masyarakat umum boleh menerima dan menghayati konsep integrasi ilmu dan menolak dualisme ilmu dalam dunia seharian. Hakikatnya, ilmu itu hanya satu sumbernya iaitu daripada Allah SWT.

Konsep Akidah

Akidah merupakan perkara yang paling dasar dalam pembinaan modal insan yang cemerlang. Perkara ini telah terbukti apabila penurunan al-Quran yang bersifat *Rabbani* (ketuhanan) telah menekankan pendekatan dari aspek akidah sebagai dasar yang terpenting dalam pembinaan komuniti Islam pada peringkat permulaan (Mohd Fauzi Hamat, 2002).

Roh Islam perlu dihidupkan secara sempurna dan menyeluruh bukan sahaja pada masa tertentu atau pada subjek tertentu, akan tetapi pada setiap masa dari saat kelahiran seseorang sehingga ke akhir hayatnya dan dari saat membuka mata bermulanya hari sehingga menutupnya kembali mata di penghujung hari sebelum tidur kembali. Begitu juga roh Pendidikan Islam (PI) bukan hanya perlu dihidupkan hanya pada subjek PI sahaja, malahan di dalam semua subjek di sekolah serta dalam segala penghayatan kehidupan seseorang muslim itu, sesuai dengan ikrar manusia di dalam solatnya seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

(Surah *al-An'am* 6:162)

Menurut Mohd Fauzi (2002), akidah memainkan peranan besar dalam membentuk insan yang sempurna kepada sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang aman dan sejahtera.

Akidah turut mampu berperanan mencorakkan seluruh aktiviti manusia termasuk kegiatan pembangunan ummah yang bertujuan untuk membolehkan seluruh ahli masyarakat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Lantaran itu, peranan dan fungsi akidah semestinya diperhitungkan dalam seluruh perancangan hidup manusia khususnya yang menyentuh aspek perancangan dan pembangunan ummah.

Roh Pendidikan Islam perlu dihayati dan difahami secara bersepada ke dalam keseluruhan kurikulum subjek-subjek lain seperti Sains, Matematik, Sejarah, Bahasa Melayu dan sebagainya. Ia bermaksud keupayaan seseorang individu untuk meletakkan semua maklumat yang diperolehi dan ilmu yang dipelajari berlandaskan prinsip akidah. Keadaan ini membolehkan seseorang individu memahami sesuatu ilmu secara bersepada tanpa memisahkan antara ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu moden (Ahmad Munawar Ismail& Kamal Radiman, 2015).

Manusia merupakan khalifah Allah SWT di muka bumi. Islam memandang bahawa bumi seisinya merupakan amanah Allah SWT kepada manusia agar dipergunakan sebaik-baiknya bagi kesejahteraan bersama. Untuk mencapai itu Allah s.w.t memberikan petunjuk melalui para Rasul-Nya. Petunjuk tersebut meliputi segala sesuatu yang diperlukan oleh manusia baik dari segi akidah, akhlak maupun Syariah. Firman Allah SWT yang bermaksud:

..... maka sesiapa yang mengikut petunjukKu itu nescaya ia tidak akan sesat
dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara.

(Surah Tha Ha 20:123)

Justeru, berdasarkan petikan ayat al-Quran di atas, mereka yang mengikut petunjuk Allah SWT adalah mereka yang beriman kepada-Nya, merasai kewujudan-Nya dan sifat-sifat-Nya serta keagungan-Nya. Sesiapa yang melupakan Allah SWT nescaya ia berpaling dari-Nya dan tidak melaksanakan titah perintah-Nya. Sebagai umat Islam, seharusnya kita mengambil pengajaran dan hikmah daripada peristiwa dan musibah yang berlaku di sekeliling kita. Setiap yang berlaku dalam kehidupan bagi orang yang beriman, adalah penuh dan sarat dengan hikmah dan bukan sia-sia. Bahkan, yang lebih utama ialah Allah SWT memperlihatkan kepada manusia bahawa Dia yang mempunyai kuasa terbesar untuk menghidupkan sesuatu, mencipta, mematikan dan melenyapkan. Sebagai manusia dan hamba Allah, seorang Muslim perlu berusaha sedaya upaya melakukan amalan terbaik dan berusaha mendekatkan diri dengan-Nya. Manusia sebenarnya lemah dan tidak berupaya melainkan berusaha dan berterusan memohon doa kepada-Nya dalam apa jua permasalahan yang dihadapi walau sekecil mana urusan tersebut. Kesabaran dalam doa dan usaha inilah yang menjadi akidah, kunci tawakkal dan hubungan kebergantungan seorang hamba kepada Tuhan, *Al-Wakkil* (Marina Munira, 2020).

Hubungan Akidah dan Akhlak

Akidah dalam dalam istilah yang berlainan disebut juga sebagai iman. Iman merupakan istilah al-Quran. Dengan merujuk kepada al-Quran itu sendiri dan juga kepada apa yang dijelaskan oleh as-Sunnah Rasulullah s.a.w selaku penafsir Agung terhadap al-Islam, membicarakan iman kepada dua pengertian pokok iaitu iman dengan makna *tasdiq* atau membenarkan perkara ghaib dan iman dengan makna amalan atau perbuatan iaitu beriltizam dengan amal (Ramli Awang, 2012).

Justeru, akidah adalah iman. Iman yang mendalam menghasilkan amal soleh dan akhlak yang baik. Iman dan amal soleh adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Firman Allah SWT bermaksud :

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

(Surah *al-Hujurat* 49:15)

Akidah daripada perspektif Islam diibaratkan seperti tunjang bagi sepohon pokok. Kuat tunjangnya, maka menjadi kuat sepohon pokok itu. Begitu juga dengan seorang Muslim, apabila akidahnya mantap, maka kuat juga kekuatan diri sebagai seorang Muslim sehingga mampu menjadi seorang Mukmin yang bertakwa, beramal soleh dan berakhhlak mulia. Kekuatan akidah juga menjadikan umat Islam kental dan dinamik dalam membawa obor kegemilangan yang bersepadau sehingga menjadi suri teladan kepada seluruh umat manusia. Sebaliknya, kelemahan akidah ini menghilangkan seri keindahan Islam yang terjelma dalam diri umat dalam pelbagai bentuk seperti pengabdian ibadah, akhlak, adab dan sopan (Ahmad Munawar Ismail & Kamarul Azmi Jasmi, 2016).

Justeru, istilah 'akidah' boleh membawa erti 'kepercayaan', 'keyakinan' atau 'keimanan' yang mantap dan tidak mudah terurai oleh pengaruh mana pun sama ada dari dalam atau dari luar diri seseorang. Akidah juga menjelaskan konsep Rukun Iman iaitu beriman kepada Allah s.w.t, malaikat-malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari kiamat, qada' dan qadar (takdir baik atau buruk) daripada Allah SWT (Rosdam Hanabi Hj. Mohamed, 2014).

Akidah mempunyai hubungan yang erat dengan akhlak. Akidah merupakan landasan dan dasar untuk semua perbuatan. Akhlak adalah segenap perbuatan baik dari seorang mukalaf, baik hubungannya dengan Allah SWT, sesama manusia, maupun lingkungan hidupnya. Berbagai amal perbuatan tersebut akan memiliki nilai ibadah dan terkawal dari berbagai penyimpangan jika diimbangi dengan keyakinan akidah yang kuat. Oleh sebab itu, keduanya tidak dapat dipisahkan (Alnida Azty et al, 2018).

Firman Allah SWT yang bermaksud :

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredayai) di sisi Allah ialah Islam.

(Surah *ali-Imran* 3:19)

Dan juga firman Allah SWT yang bermaksud :

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

(Surah *al-Maidah* 5:3)

Islam merupakan *ad-deen* atau cara hidup Islam yang lengkap dan sempurna yang merangkumi seluruh kehidupan manusia. Bagi seorang Muslim, bimbingan Islam ini mencukupi semua keperluannya kerana Islam sudah mengatur kehidupan manusia dengan lengkap yang meliputi aspek akidah, ibadat, akhlak, ekonomi, politik, kemasyarakatan, kesihatan, kebudayaan, bahasa, seni, pengetahuan, hubungan antarabangsa, alam sekitar, falsafah, sains, undang-undang dan sebagainya (Mohd Mizan Mohd Aslam, 2020).

Namun demikian, masih ramai orang Islam yang tidak memahami makna Islam sebagai satu cara hidup menyeluruh. Masyarakat Islam menurut Sayyid Qutb ialah masyarakat yang menyeru kepada dunia yang lebih baik. Dunia yang lebih baik menurut Sayyid Qutb adalah dunia yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya.

Dunia dimana Islam menjadi pemimpin dan hukum Islam menjadi pedoman. Peraturan dibuat berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Kehidupan yang adil dipimpin oleh pemimpin yang beriman dan taat dengan ajaran Islam. Masyarakat Islam ini akan dibentuk dengan proses dakwah yang panjang. Dakwah yang dilakukan memerlukan waktu yang lama. Membangun asas-asas dakwah memerlukan banyak tenaga dan fikiran dari seluruh umat Islam. Sayyid Qutb mengemukakan juga masyarakat Islam ialah masyarakat yang di dalamnya dilaksanakan Islam: akidah, ibadah, undang-undang, moral dan cara hidup (Arif Mu'amar Hanafi 2018).

Umat Islam seharusnya mempercayai bahawa antara ciri utama yang terkandung dalam *tasawwur* (konsep) Islam dalam memberikan gambaran tepat mengenainya ialah sifat *syumul* iaitu komprehensif yang dimiliki oleh agama Islam. Salah faham sering berlaku apabila ramai manusia yang cuba memisahkan agama daripada agenda kehidupan sehari-hari dan menganggap bahawa Islam hanya agama beribadah dan tidak sesuai bagi tujuan lain. Fahaman sekularisme adalah agenda Barat untuk menghancurkan umat dan kekuatan Islam. Justeru, menjadi keperluan penting untuk umat Islam kembali kepada Islam yang syumul, berpegang teguh dengan tali Allah yang berpandukan al-Quran dan as-Sunnah, dengan menjadikan Islam '*deenul-hayah*' sepanjang zaman, bersatu berpadu sepenuh tenaga, berjuang segalanya untuk Islam (Mohd Yusri, 2019).

Remaja muslim adalah aset negara yang perlu dibangunkan identitinya sesuai dengan perkembangan dan keperluan negara bertamaddun. Kejayaan sesebuah negara di masa hadapan adalah terletak pada kualiti pendidikan dan daya tahan generasi remaja hari ini dalam memimpin masyarakat ke arah kejayaan di masa hadapan.

Prinsip Akidah dalam al-Quran

Firman Allah SWT yang bermaksud :

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah,. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Surah *al 'Alaq* 96: 1-5)

Kandungan ayat di atas membawa maksud bahawa manusia perlu membaca apa sahaja tanda-tanda yang ada dalam alam ini baik dengan meneliti, mencari, menelaah, mendalami dan mengkritis. Selain makna membaca, ayat tersebut mengandungi makna perintah menulis dengan pena yang dapat diertikan sebagai mendokumentasikan, mencatat, merakam dan sebagainya. Membaca dan menulis merupakan bahagian asas yang dilakukan dalam proses pendidikan yang selanjutnya dapat diertikan sebagai kemampuan untuk melakukan kegiatan keilmuan (Siti Sholichah, 2018b).

Pendekatan bersepada dengan mengintegrasikan beberapa nasihat secara bersepada dalam firman Allah SWT yang bermaksud :

Luqman menasihati anaknya dengan berkata : "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi."

(Surah Luqman 31:16)

Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

(Surah Luqman 31:17)

Konsep Akidah Merentasi Kurikulum (AMK)

Sains merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan yang memain peranan penting untuk mencipta teknologi bagi mencapai kemajuan sesebuah negara. Ianya juga menjadi salah satu teras bagi pembentukan tamadun manusia. Walau bagaimanapun, sains moden yang diperlakukan pada hari ini dan diajar sebagai satu subjek di sekolah-sekolah diperkenalkan oleh Tamadun Barat, dimana ianya bersifat sekular dan liberal serta menolak doktrin metafizik dan agama. Justeru itu, pada masa kini, penekanan pembangunan sains mengikut kehendak dan pandangan agama Islam serta konsep ketuhanan perlu ditekankan (Mohammad Hafiz et al, 2018).

Bermula tahun 2017, bidang kurikulum dalam sistem pendidikan negara telah ditambah baik. Aspek yang amat ketara ialah dengan pelaksanaan penambahan kurikulum yang sedia ada bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dikenali sebagai KSSR. Terdapat perubahan bagi KSSR (Semakan 2017) ini antaranya ialah dari aspek Elemen Merentasi Kurikulum (EMK). EMK ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) selain yang ditetapkan dalam Standard Kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang diharapkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. 10 elemen dalam EMK dalam KSSR (Semakan 2017) adalah 01. Bahasa 02. Kelestarian Alam Sekitar 03. Nilai Murni 04. Sains dan Teknologi 05. Patriotisme 06. Kreativiti dan Inovasi 07. Keusahawanan 08. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) 09. Kelestarian Global 10. Pendidikan Kewangan (sistemguruonline). Justeru, demi menyokong dan memberi kerjasama terhadap Pendidikan Islam yang berkonsepkan EMK dan berasaskan akidah dan rohani yang merupakan medium terbaik bagi menghasilkan masyarakat berminda kelas pertama dan memiliki akhlak mulia seperti yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), maka unsur nilai tambah yang ke-11 iaitu Akidah Merentasi Kurikulum (AMK) digunakan dan diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi setiap subjek, termasuk subjek Sains, di sekolah rangkaian IKRAM Musleh di Malaysia. (Modul IKRAM Musleh 2011).

Konsep integrasi atau kesepadan ini berkait dengan satu himpunan konsep hubungkait, cantuman, saling hubungan, gabung jalin, penyambungan, kesinambungan, penyelarasian, pertalian, perkaitan, interaksi, kerjasama, merentas disiplin, kesalingbergantungan dan

penyatuan. Konsep-konsep integrasi ini juga berkait rapat dengan pemahaman terhadap pendidikan di mana pendidikan mewujudkan interaksi bukan sahaja antara manusia, malahan juga interaksi dengan alam. Konsep bersepada ini memandu manusia di dalam perlakuan dan perbuatan sehari-hari. Ini berlaku apabila paksi kepada konsep sepada adalah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah (Zetty Nurzuliana & Siti Suhaila, 2019).

Umumnya, ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama, menyatakan keinginan untuk mendapatkan penekanan kepada sukanan pelajaran berkaitan keagamaan kepada anak mereka, dan hal ini menjadi aspek utama yang membuatkan mereka memilih sekolah agama berbanding dengan sekolah harian biasa. Mengimpikan anak yang cemerlang dalam ilmu agama adalah faktor utama ibubapa memilih dan menghantar hantar anak-anak mereka ke sekolah agama (Muhammad Faiz & Nor Azihan, 2017).

Pembinaan ilmu bersepada adalah pra-syarat atas kejayaan dan kebahagiaan sebenar di dunia dan akhirat, baik di peringkat peribadi maupun di peringkat bangsa dan negara. Faktor peranan dan kelebihan ilmu ini adalah hakikat dan hukum alam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sendiri yang meletakkan martabat manusia yang disujud oleh para malaikat di syurga dan yang menjadi khalifah-Nya di bumi. Sejarah jatuh bangun sesuatu bangsa juga berkaitan dengan budaya ilmu yang dihayatinya (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2019).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus giat memperkasakan integrasi ilmu menerusi inisiatif dengan mewujudkan beberapa konsortium universiti dalam negara yang mempraktikkan pendekatan integrasi ilmu dalam amalan kurikulumnya. Inisiatif ini melibatkan beberapa universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Pemerkasaan integrasi ilmu dalam institusi pendidikan tinggi ini berlaku dalam aspek pengajaran, penyelidikan, inovasi dan khidmat masyarakat, yang menjadi strategi dalam memacu pembangunan negara secara holistik. Ianya juga adalah langkah proaktif dalam menghadapi permasalahan masyarakat di era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) (Hassan Basri, 2019).

Integrasi ilmu perlu dimantapkan ke arah mencipta golongan sarjana, cendekiawan, pemikir dan pemimpin. Kombinasi antara ilmu fardu ain dan fardu kifayah, tradisional dan kontemporer, serta ilmu *naqli* dan *aqli*, boleh melahirkan insan terdidik yang bijak memanfaatkan ilmu dan teknologi ke arah menjayakan misi kehidupannya, selain memakmurkan masyarakat ke arah kejayaan dunia dan akhirat (Hasan Basri 2019).

AMK oleh Guru-Guru Sains

Berdasarkan metod dan teknik yang digunakan dari kajian ini diperolehi hasil bahawa perancangan yang disediakan dan di susun dan dinyatakan oleh guru sains untuk mengintegrasikan sains dengan ilmu akidah melalui penggunaan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH), penyusunan bahan PdP dan alat bantu mengajar (ABM) yang akan digunakan dalam PdP. Di dalam RPH antara perkara yang dicatat adalah : objektif pengajaran, bahan pengajaran, metodologi, ABM dan penilaian pengajaran. Berikut adalah contoh RPH yang diambil dari kajian lepas.

Jadual 1

Integrasi Sains dengan Akidah dalam Pembelajaran Sains

No	Tema Sains	Tema Islam	Al-Quran/Hadis	Kesimpulan
1	a. Beredarnya matahari,bulan, dan planet pada orbitnya	Islam: a. Penciptaan alam semesta dan kejadian alam semesta	a. al-Quran, Ar-Rum 30:41-42	Dari tema sains dan Islam yang telah di kemukakan dapat

b. Matahari adalah planet yang bercahaya sedangkan bulan adalah pantulan cahaya matahari c.Bumi bergerak mengelilingi matahari	b. Penciptaan alam semesta dan kejadian alam semesta c. Penciptaan alam semesta dan kejadian alam semesta	b. al-Quran, Yunus 10:5 c. al-Quran, An-Naml 27:88	di simpulkan bahawa adanya integrasi antara sains dan Islam. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya ayat-ayat dalam al-Quran yang menjelaskan tentang sains
--	---	---	---

Sumber: Zarima Zain dan Rian Vebrianto (2017)

Kesimpulan

AMK merupakan pendekatan dalam Pendidikan sains yang berdasarkan kepada prinsip akidah Islam dan tauhid kepada Allah SWT dan saling berkait dengan konsep-konsep lain. Usaha yang giat melalui pendedahan dan kesedaran oleh guru-guru sains perlu diusahakan supaya pelajar-pelajar mendapat ilmu bersepadu yang betul. Dalam Islam konsep integrasi ilmu sains dengan Islam boleh membuatkan mereka berfikir tentang kekuasaan Allah SWT. Selain itu, kajian menunjukkan apabila sains yang dijalankan dan dikaji bersandarkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah dan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah, ia mampu menghasilkan insan-insan yang bersemangat, terdorong untuk melakukan kebajikan dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT. Kurikulum bersepadu ini menyepakati berbagai jenis ilmu dari setiap subjek yang dipelajari, teori atau amali, dunia atau akhirat yang membawa kepada kebesaran Allah SWT. Pendidikan bersepadu bertujuan melahirkan insan *Rabbani* yang berilmu dan berakhlik seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Rujukan

- Al-Quran.Surah.My. Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu.
- Adam Badhrulhisham & Mohamad Firdaus Mohd Isa. (2017). Gagasan islamisasi ilmu Syed Muhammad Naquib Al- ‘Attas: Satu Tinjauan. *Jurnal ’Ulwan*, 189–203.
- Ahmad Munawar Ismail& Kamal Radiman. (2015). Aplikasi dan pelaksanaan integrasi ilmu dalam pendidikan islam: Application and integration of knowledge in Islamic education: experience of Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(2), 51–59.
- Ahmad Munawar Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Akidah dan akhlak dalam pendidikan Islam. Penerbit UTM Press.
- Alnida Azty, Fitriah, Lufita Sari Sitorus, Muhammad Sidik, Muhammad Arizki, Mohd. Najmi Adlani Siregar, Nur Aisyah Siregar, Rahayu Budianti, S. & I. S. (2018). Hubungan antara aqidah dan akhlak dalam Islam. *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences (JEHSS)*, 1(2), 122–126. <https://doi.org/10.34007/jehss.v1i2.23>
- Arif Mu'amar Hanafi. (2018). *Konsep Daklwanah Bil Hikmah Untuk Mewujudkan Masyarakat Islam Dalam Tafsir Fi Dzilalil Quran Sayyid Qutb*. Masters thesis, UIN Randen Intan Lampung
- Hassan Basri. (2019). Integrasi ilmu bangkit kegemilangan peradaban Islam.BHonline. Mac 5, 2019 @ 11:00am. bhnews@bh.com.my
- Latifah Ariffin. (2019). BH online. Ilmuwan Perlu Kuasai Falsafah , Integrasi Ilmu Moden dan Sains. Januari 28, 2019. @ 1:39pm
- Marina Munira Abdul Mutalib. (2020). *Sabar dalam musibah COVID-19*. Risalah USIM.
- Mohd Fauzi. (2002). Peranan Akidah dalam perancangan pembangunan ummah: satu analisis dalam konteks masyarakat kini. *Jurnal Usuluddin*, 16, 13–34.

- Mohd Mizan Mohd Aslam. (2020). Bukti kesyumulan Islam <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/06/584977/bukti-kesyumulan-islam> [4 Januari 2021].
- Mohd Yusri. (2019). Secularism: The propagated factors and steps to overcome from the Islamic perspective. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 202–216. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.280015>
- Muhammad dan Nor Azihan. (2017). Mahu anak cemerlang ilmu agama, faktor ibu bapa pilih hantar anak ke sekolah agama. GPSBestari. 18 Januari 2017
- Musleh. <https://musleh.edu.my/sekolah-ikram-musleh/>
- Norhafizah Musa (2019). Kena Cukup 7M Kalau Nak Berurusan Dengan Al-Quran. <https://www.youtube.com/watch?v=Y92.1966cRI>
- Ramli Awang. (2012). *Aqidah dalam kehidupan muslim : Analisis aspek-aspek penyelewengan*. UTM Press.
- Rosdam Hanabi Hj. Mohamed. (2014). Laman Web Rasmi JAKIM, Sabah
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya ilmu: Satu penjelasan*. Pustaka Nasional PTE Ltd: Malaysia.
- Zarima Zain & Rian Vebrianto. (2017). *Seminar Nasional Teknologi Informasi, Komunikasi dan Industri Fakultas Sains dan Teknologi, UIN Sultan Syarif Kasim Riau ISSN (Online) : Pekanbaru*.
- Zetty Nurzuliana & Siti Suhaila. (2019). Konsep integrasi ilmu menurut perspektif barat dan Islam. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 6 (1), 15–27.
- Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Amalan pengintegrasian ilmu sains dan al-quran dalam pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*.
- Zetty Nurzuliana Rashed & Ab Halim Tamuri. (2015). Kepentingan integrasi ilmu naqli & ilmu aqli dalam pengajaran pendidikan Islam. *E-Jurnal Pendidikan*, 2, 1–30.
- Zuraidah Othman, & Aizan Ali. (2014). Pendidikan integratif dalam Islam: Kesepaduan iman, ilmu dan amal. *Jurnal Al-Muqaddimah*, Bil 2 (2), 21–45.



eISSN 2976-2936



9772976 293007